

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Pengaplikasian Pendekatan Semantik Inkuisitif untuk Analisis Peribahasa dalam Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Mohd Ridzuan bin Md Nasir

Doktor Falsafah
2025

Pengaplikasian Pendekatan Semantik Inkuisitif untuk Analisis Peribahasa dalam Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Mohd Ridzuan bin Md Nasir

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

(Linguistik Terapan)

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2025

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



……

Tandatangan

Nama: Mohd Ridzuan bin Md Nasir

No. Matrik: 22010168

Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 24 September 2025

PENGHARGAAN

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Sesungguhnya segala pujian dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan para sahabat baginda. Penghargaan teristimewa dan tertinggi buat ibu bapaku, Che Robayah Hamid dan Md Nasir Awang kerana sentiasa mendoakan yang terbaik untuk anakmu ini serta kepada isteriku, Tengku Noraini binti Tengku Hassan yang sentiasa memberi sokongan dan mendoakan kesejahteraan suamimu ini. Buat anak-anakku, Nik Nur Madeeha, Nik Nur Afeeya dan Nik Muhammad Adeeb Abqary, jadilah insan yang cintakan ilmu agar berjaya di dunia serta akhirat dan semoga kalian sentiasa dalam jagaan Allah SWT.

Alhamdulillah, dengan rahmat dan kasih sayang Allah SWT, saya berjaya menyelesaikan dan menghantar penyelidikan ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Linguistik Terapan oleh Universiti Malaysia Sarawak setelah mengharungi pelbagai cabaran dan ujian. Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Fatimah Hj. Subet, selaku penyelia pengajian saya. Kesabaran dan keprihatinan beliau membimbing saya menjalankan penyelidikan ini, akan dikenang selamanya. Sesungguhnya segala jasa beliau hanya Allah SWT jua yang dapat membalasnya. Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang dan menanggung segala kos pengajian peringkat PhD ini.

Tidak dilupakan juga kepada sahabat seperjuangan, Dr. Muhammad Zaid bin Daud dan Amir Asyraff bin Jamin, yang sentiasa memberi dorongan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan penulisan tesis ini. Akhir kata, setinggi-tinggi juga ucapan penghargaan dan terima kasih buat semua warga Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi (UNIMAS), para penilai tesis, ahli keluarga, saudara-mara, sahabat handai dan semua pihak yang terlibat menjayakan penulisan penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan kerjasama, sumbangan idea, bantuan dan mendoakan kejayaan saya. Hanya Allah SWT sahajalah yang dapat membalas segala jasa anda semua.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pemahaman peribahasa pada dasarnya memerlukan kemahiran berfikir logik tinggi kerana sifat metaforanya. Makna leksikal peribahasa tidak menggambarkan makna sebenar, menjadikan pendekatan yang sesuai penting untuk mentafsir maksudnya secara mendalam dan menyeluruh. Kajian ini bertujuan mengkaji pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) untuk menganalisis makna peribahasa Melayu yang terkandung dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Pendekatan ini dicadangkan sebagai kaedah alternatif dalam pembelajaran peribahasa Melayu di peringkat menengah atas. Pendekatan semantik inkuisitif merangkumi tiga tahap analisis, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif yang bertujuan meneliti makna peribahasa dari aspek permukaan, literal, kontekstual, serta untuk mencungkil falsafah dan akal budi penutur jatinya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan sepenuhnya. Data kajian diperoleh daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Sebanyak 180 peribahasa dikenal pasti dan dikategorikan kepada empat tema utama, iaitu *Perpaduan, Pendidikan, Adat dan Warisan*, serta *Sumber Alam*. Dua peribahasa daripada setiap tema dianalisis secara mendalam bagi menonjolkan nilai budaya, falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dapat menganalisis makna peribahasa secara sistematik, berstruktur dan menyeluruh. Pendekatan ini membuktikan bahawa peribahasa Melayu bukan sahaja menjadi medium komunikasi dan penghias bahasa, tetapi turut menyampaikan nilai, pengajaran dan maklumat budaya dalam masyarakat Melayu. Analisis mendalam terhadap peribahasa juga menunjukkan pengintegrasian aspek multidisiplin seperti botani, ekologi, geografi dan sosiologi (*bagai aur dengan tebing*), zoologi, pendidikan dan agama Islam (*hendak belajar berenang*

dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai), serta antropologi budaya dan seni bina tradisional Melayu (*langkah bendul*). Kajian ini turut menegaskan kesesuaian pendekatan semantik inkuisitif untuk diintegrasikan dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu, termasuk pembelajaran kontekstual, pembelajaran inkuiri, kemahiran berfikir aras tinggi dan elemen merentas kurikulum. Implikasi kajian mencadangkan agar pendekatan ini dijadikan panduan kepada guru dalam merancang aktiviti pembelajaran peribahasa yang lebih komprehensif dan bermakna. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa pendekatan semantik inkuisitif bukan sahaja berfungsi sebagai alat untuk menganalisis makna peribahasa, tetapi juga sebagai medium pembelajaran yang mengintegrasikan aspek linguistik, nilai, budaya, falsafah, pemikiran, kebijaksanaan, serta penghargaan terhadap kepentingan peribahasa.

Kata kunci: Peribahasa, semantik inkuisitif, kurikulum standard sekolah menengah, bahasa Melayu, teori Relevans

The Application of the Inquisitive Semantics Approach for the Analysis of Proverbs in the Malay Language Standard Curriculum Textbooks for Form 4 and Form 5

ABSTRACT

Understanding proverbs essentially requires high-level logical thinking due to their metaphorical nature. The lexical meaning of proverbs does not reflect their actual meaning, making it crucial to employ an appropriate approach to interpret them in depth and comprehensively. This study aims to examine the application of the inquisitive semantics approach by Jalaluddin (2014) in analyzing the meanings of Malay proverbs contained in the KSSM Bahasa Melayu Form 4 and Form 5 textbooks. This approach is proposed as an alternative method for learning Malay proverbs at the upper secondary level. The inquisitive semantics framework consists of three levels of analysis, namely script semantics, resonance semantics, and inquisitive semantics, which collectively examine the meanings of proverbs at the surface, literal, and contextual levels, as well as uncover the underlying philosophy and wisdom of native speakers. This study employed a qualitative research design through content analysis. The data were drawn entirely from the KSSM Bahasa Melayu Form 4 and Form 5 textbooks. A total of 180 proverbs were identified and categorized into four main themes: Unity, Education, Customs and Heritage, and Natural Resources. Two proverbs from each theme were analyzed in depth to highlight the cultural values, philosophy, and wisdom of the Malay community. The findings indicate that the application of the inquisitive semantics approach enables a systematic, structured, and comprehensive analysis of proverbs. The study demonstrates that Malay proverbs not only serve as a medium of communication and linguistic embellishment but also convey values, teachings, and cultural knowledge within Malay society. In-depth analysis also reveals the integration of multidisciplinary aspects such as botany, ecology, geography,

and sociology (bagai aur dengan tebing), zoology, education, and Islamic studies (hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai), as well as cultural anthropology and traditional Malay architecture (langkah bendul). The study further emphasizes the suitability of the inquisitive semantics approach for integration with the teaching and learning strategies proposed in KSSM Bahasa Melayu, including contextual learning, inquiry-based learning, higher-order thinking skills, and cross-curricular elements. The implications suggest that this approach may serve as a guide for teachers in designing more comprehensive and meaningful learning activities related to proverbs. Overall, this study concludes that the inquisitive semantics approach functions not only as a tool for analyzing the meaning of proverbs but also as a pedagogical medium that integrates linguistic, cultural, philosophical, cognitive, and educational dimensions, while fostering appreciation of the significance of proverbs as cultural heritage.

Keywords: *Proverbs, inquisitive semantics, secondary school standard curriculum, Malay language, Relevance theory*

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

PERAKUAN i

PENGHARGAAN ii

ABSTRAK iv

ABSTRACT vi

ISI KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xv

SENARAI SINGKATAN xvii

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar belakang dan isu utama kajian 6

1.3 Penyataan masalah 10

1.3.1 Pengetahuan makna peribahasa yang terbatas 11

1.3.2 Kurang minat dan penghayatan 12

1.3.3 Dianggap tidak penting dan kurang relevan dengan gaya komunikasi moden 14

1.3.4 Kurang pendekatan analisis peribahasa yang berstruktur dan menyeluruh 16

1.3.5 Keperluan memperluas skop kajian semantik inkuisitif 18

1.4 Objektif kajian 20

1.5 Persoalan kajian 21

1.6 Penjajaran isu, permasalahan, objektif dan persoalan kajian 22

1.7 Istilah definisi operasional 25

1.7.1 Pendekatan semantik inkuisitif 25

1.7.2 Peribahasa Melayu 28

1.7.3 Buku Teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 31

1.8 Kepentingan kajian 33

1.8.1 Sebagai panduan dan struktur pengajaran peribahasa 33

1.8.2 Mencadangkan pendekatan pengajaran-pembelajaran kontemporari 34

1.8.3 Pendedahan yang komprehensif meliputi multidisiplin 34

1.8.4 Memanfaatkan kerangka analisis semantik inkuisitif 35

1.8.5 Memartabatkan kembali peribahasa sebagai warisan bahasa 36

1.9 Rumusan bab 36

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 38

2.1 Pendahuluan 38

2.2 Kajian tahap penguasaan makna peribahasa 39

2.3 Kajian kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa 45

2.4 Kajian makna peribahasa dan akal budi 51

2.5 Analisis kritis 60

2.6 Kajian alternatif 65

2.7 Rumusan bab 67

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 68

3.1 Pendahuluan 68

3.2 Reka bentuk kajian 70

3.3 Sumber data kajian 71

3.4 Kaedah pengumpulan dan pemprosesan data 73

3.5 Teknik pensampelan dan saiz sampel 77

3.6 Skop dan batasan kajian 79

3.7 Prosedur analisis data 80

3.7.1 Kerangka teoritikal kajian 81

3.8 Kesahan dan kebolehpercayaan 87

3.8.1 Kesahan data 87

3.8.2 Kebolehpercayaan data 88

3.9 Contoh analisis data 89

3.9.1 Peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* 90

3.9.2 Rumusan hubung kait analisis peribahasa dengan strategi pembelajaran KSSM 100

3.10 Rumusan bab 103

BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN 105

4.1 Pendahuluan 105

4.2 Dapatan objektif 1: Pemaparan dapatan keseluruhan data peribahasa 106

4.3 Dapatan objektif 2: Analisis makna peribahasa terpilih menggunakan pendekatan semantik inkuisitif 110

4.4 Analisis makna peribahasa bertemakan ‘Perpaduan’ 112

4.4.1 Peribahasa *bagai aur dengan tebing* 113

4.4.2 Peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* 123

4.5 Analisis makna peribahasa bertemakan ‘Pendidikan’ 136

4.5.1 Peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam* 137

4.5.2 Peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk* 144

4.6 Analisis makna peribahasa bertemakan ‘Adat dan Warisan’ 152

4.6.1 Peribahasa *langkah bendul* 153

4.6.2 Peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* 163

4.7 Analisis makna peribahasa bertemakan ‘Sumber Alam’ 176

4.7.1 Peribahasa *kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah* 178

4.7.2 Peribahasa *air yang tenang jangan disangka tiada buaya* 192

4.8 Dapatan objektif 3: Rumusan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran bahasa dalam KSSM 202

4.8.1 Hubung kait semantik inkuisitif dengan pembelajaran kontekstual 204

4.8.2 Hubung kait semantik inkuisitif dengan pembelajaran berasaskan inkuiri 208

4.8.3 Hubung kait semantik inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi 214

4.8.4 Hubung kait semantik inkuisitif dengan elemen merentas kurikulum 220

4.9 Rumusan bab 230

BAB 5 RUMUSAN DAN PENUTUP 232

5.1 Pendahuluan 232

5.2 Rumusan dapatan kajian 233

5.3 Penilaian objektif kajian 238

5.3.1 Objektif 1: Meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema tertentu 238

5.3.2 Objektif 2: Menganalisis makna peribahasa terpilih dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif 239

5.3.3 Objektif 3: Merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data 241

5.4 Sumbangan dan implikasi kajian 243

5.4.1 Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa 243

5.4.2 Kajian semantik inkuisitif yang merentas disiplin 244

5.4.3 Memperluas kajian semantik inkuisitif dengan variasi peribahasa dan domain 244

5.4.4 Menyerlahkan kehebatan akal budi Melayu melalui analisis peribahasa 245

5.4.5 Mengangkat martabat peribahasa sebagai warisan bangsa 245

5.4.6 Sumbangan kepada pihak yang berkepentingan 246

5.5 Cadangan kajian lanjutan 247

5.5.1 Kajian dengan sumber data berbeza 247

5.5.2 Kajian dengan tema atau domain berbeza 248

5.5.3 Kajian dengan teori atau pendekatan berbeza 248

5.6 Rumusan bab 249

RUJUKAN 251

LAMPIRAN 270

SENARAI JADUAL

		Mukasurat
Jadual 1.1	Jadual penjajaran isu, permasalahan, objektif dan persoalan kajian	22
Jadual 1.2	Kategori peribahasa Melayu	30
Jadual 3.1	Contoh data dan kod unik	74
Jadual 3.2	Contoh data yang dikelaskan di bawah tema ‘Perpaduan’	76
Jadual 3.3	Kumpulan data peribahasa di bawah tema ‘Pendidikan’	89
Jadual 4.1	Data peribahasa bertemakan ‘Perpaduan’	112
Jadual 4.2	Data peribahasa bertemakan ‘Pendidikan’	136
Jadual 4.3	Data peribahasa bertemakan ‘Adat dan Warisan’	152
Jadual 4.4	Data peribahasa bertemakan ‘Sumber Alam’	177
Jadual 4.5	Penerapan Model 5E dalam analisis semantik inkuitif peribahasa	213
Jadual 4.6	Integrasi pengaplikasian KBAT dalam analisis semantik inkuisitif	218
Jadual 4.7	Rumusan elemen EMK dalam analisis semantik inkuisitif peribahasa	224

SENARAI RAJAH

		Mukasurat
Rajah 1.1	Perkembangan kurikulum sekolah menengah di Malaysia	2
Rajah 1.2	Elemen Merentas Kurikulum (EMK)	9
Rajah 1.3	Lirik Bangau Oh Bangau	26
Rajah 3.1	Proses pelaksanaan kajian	69
Rajah 3.2	Buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 (kiri) dan Tingkatan 5 (kanan)	72
Rajah 3.3	Tema dan sampel kajian	79
Rajah 3.4	Kerangka teoritikal pendekatan semantik inkuisitif	82
Rajah 3.5	Kerangka konseptual kajian	86
Rajah 3.6	Imej itik *(Anas Platyrhynchos)*	96
Rajah 3.7	Imej tupai *(Sciuridae)*	98
Rajah 4.1	Graf bar pemerolehan data mengikut kategori	107
Rajah 4.2	Gambaran hubungan pekerja kolar putih dan kolar biru	117
Rajah 4.3	Gambaran pokok aur (buluh) yang tumbuh di tebing sungai	119
Rajah 4.4	Akar aur melindungi tebing daripada hakisan tanah	121
Rajah 4.5	Pokok serai (kiri) dan rizom serai (kanan)	130
Rajah 4.6	Imej daun sirih	131
Rajah 4.7	Tepak sirih (kiri) dan sirih junjung (kanan)	133
Rajah 4.8	Imej ‘jauhari’ sedang meneliti ‘manikam’	142
Rajah 4.9	Imej padi masak menunduk	150

Rajah 4.10	Imej melangkah bendul	157
Rajah 4.11	Imej bendul pintu	158
Rajah 4.12	Gambaran upacara adat melangkah bendul	161
Rajah 4.13	Masyarakat Minangkabau lama yang mengamalkan Adat Perpatih	168
Rajah 4.14	Gambaran keadaan kayu yang ‘lapuk’(kiri) dan ‘lekang’ (kanan)	173
Rajah 4.15	Burung tempua jantan (kiri) dan burung tempua betina (kanan)	183
Rajah 4.16	(a) Tempua jantan mengumpulkan serat tumbuhan, (b) Tempua jantan mengikat serat tumbuhan sebagai tapak sarang	187
Rajah 4.17	(c) Tempua jantan sedang menganyam sarang, (d) Sarang peringkat ‘cincin’	187
Rajah 4.18	(e) Sarang peringkat ‘helmet’, (f) Peringkat menyiapkan ruang telur	188
Rajah 4.19	(g) Peringkat sarang siap	188
Rajah 4.20	Sarang burung tempua di kawasan terlindung dan rendah	190
Rajah 4.21	Gambaran imej air yang tenang	198
Rajah 4.22	Gambaran imej buaya dalam air yang tenang	200
Rajah 5.1	Gambaran hasil dapatan keseluruhan kajian	237

SENARAI SINGKATAN


BI	Bidalan
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PBI	Pembelajaran Berasaskan Inkuiri
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PE	Pepatah
PK	Pembelajaran Kontekstual
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
PU	Perumpamaan
RRS	Rangka Rujuk Silang
SB	Simpulan Bahasa
TR	Teori Relevans

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula pada tahun 2017 secara berperingkat untuk murid tingkatan 1 bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang digunakan dari tahun 1989 lagi. Oleh hal yang demikian, pelaksanaan KSSM untuk murid tingkatan 4 bermula pada tahun 2020 manakala untuk murid tingkatan 5, pada tahun 2021. KSSM digubal bagi memenuhi keperluan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk memastikan kualiti kurikulum yang diguna pakai di sekolah menengah setaraf dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard antarabangsa telah dimanifestasi dalam KSSM menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi, termasuklah untuk subjek Bahasa Melayu (KPM, 2019b). Rajah 1.1 menunjukkan aliran perkembangan kurikulum sekolah menengah di Malaysia.



Rajah 1.1: Perkembangan kurikulum sekolah menengah di Malaysia

Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat menengah atas, kurikulum digubal secara khusus untuk melengkapkan murid dengan kemahiran berbahasa selain persediaan untuk mereka melangkah keluar dari alam persekolahan ke pengajian tinggi, bidang pekerjaan dan cabaran dalam dunia sebenar. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, kandungan kurikulum ini menerapkan kemahiran insaniah, kebolehgajian dan kebolehpasaran sebagai persediaan murid untuk menjadi seseorang yang mempunyai ciri-ciri berketerampilan, berkeyakinan tinggi, berdaya saing, mempunyai sifat kepimpinan dan berupaya menyelesaikan masalah. Antara matlamat kandungan kurikulum Bahasa Melayu adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan boleh berkomunikasi serta untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21 (Bahagian Pembangunan Kurikulum [BPK], 2018).

Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang digariskan dalam DSKP Bahasa Melayu memberi penekanan kepada keupayaan murid untuk mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam aktiviti pembelajaran bagi membolehkan murid

menguasai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Pedagogi yang digunakan perlulah menekankan kepada pembelajaran mendalam melalui pembelajaran berasaskan KBAT contohnya seperti pendekatan inkuiri, penyelesaian berasaskan masalah, pendekatan tematik, pembelajaran kontekstual dan sebagainya (BPK, 2018).

Memfokuskan kepada kemahiran berbahasa dalam KSSM Bahasa Melayu, penstrukturan dilakukan kepada lima modul utama iaitu modul kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa. Aspek seni bahasa memberi tumpuan kepada aspek kebahasaan dan kesusasteraan yang estetik, indah dan halus dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan seni bahasa oleh murid perlu merangkumi kemahiran memahami, mengapresiasi serta menguasai bahasa kiasan ataupun disebut sebagai peribahasa (BPK, 2018).

Peribahasa dilihat mempunyai kepentingannya tersendiri apabila turut dimasukkan dalam kurikulum Bahasa Melayu. Kewujudan topik peribahasa dalam kurikulum Bahasa Melayu pada dasarnya memanifestasikan penghargaan terhadap budaya dan identiti bangsa Melayu, membina kemahiran berbahasa, serta menyampaikan hasrat nilai dan akhlak yang terkandung dalam ungkapan peribahasa tersebut. Pembelajaran peribahasa juga dilihat berupaya membantu mengasah kemahiran berfikir secara kritis dan membina kemahiran komunikasi dengan lebih berkesan, selain memberikan nilai tambah kepada aspek pengajaran dengan memberi penekanan kepada penghayatan makna yang lebih mendalam jika menggunakan pendekatan yang sesuai. Pendekatan yang dipilih perlu menyokong pembelajaran merentas kurikulum, iaitu menghubungkan peribahasa dengan pelbagai disiplin ilmu lain agar pengetahuan murid dapat ditambah. Dengan mempelajari peribahasa, murid juga dapat menggunakan imaginasi dan kreativiti, yang seterusnya memberikan inspirasi dalam kesusasteraan dan karya seni, menjadikan peribahasa bukan

hanya sekadar ungkapan penyedap bahasa tetapi satu elemen penting dalam membentuk sahsiah dan jati diri bangsa Melayu.

Menurut Hamzah dan Hassan (2011b), peribahasa merupakan seni bahasa warisan bangsa Melayu yang sangat istimewa dan mempunyai fungsi penting dalam masyarakat Melayu itu sendiri yang berperanan sebagai hukum adat dan nasihat moral dalam mengawal kelakuan anggota masyarakatnya. Selain itu, Ahmadi (2004) berpendapat bahawa peribahasa ialah seni bahasa yang memiliki nilai estetik yang tinggi serta berupaya meningkatkan mutu sesebuah karya, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Malah, untuk mengenali kebijaksanaan orang Melayu menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024), cukup dengan mengkaji dan meneroka penciptaan sesebuah peribahasa yang sebenarnya dapat melambangkan pemikiran, budaya, falsafah dan akal budi mereka.

Sehubungan itu, murid perlu diajar mengenai ciri dan penggunaan peribahasa secara tepat dan bukan hanya memfokus kepada ungkapan dan makna kamus semata-mata. Murid juga tidak sepatutnya disuruh menghafal makna permukaannya sahaja tanpa memahami maksud peribahasa tersebut secara kontekstual dan abstrak. Murid perlu dibawa untuk meneroka ungkapan dan makna peribahasa tersebut secara mendalam supaya mereka dapat menghayati dan menghargai keindahan seni bahasa ini dan dapat diterjemahkan penguasaannya dalam karya kreatif sama ada melalui lisan mahupun tulisan dengan kepelbagaian teknik yang menarik dan akhirnya akan menjamin kelestarian peribahasa sebagai warisan bangsa Melayu (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2018).

Menurut Bakar (2018), bagi menjayakan matlamat KSSM Bahasa Melayu ini, guru perlu memastikan murid diajar kemahiran berbahasa menggunakan teknik, kaedah dan strategi yang sesuai, seterusnya menentukan tahap penguasaan murid dengan merujuk

standard prestasi yang ditetapkan. Dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dijalankan perlulah mengambil kira keupayaan guru untuk menterjemahkan KBAT bagi merangsang tahap pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid seperti keupayaan mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Antara strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam pembelajaran bahasa termasuklah Pembelajaran Kontekstual (PK), Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (PBI) dan juga penerapan Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Sehubungan itu, pengkaji melihat terdapatnya keperluan untuk memperkenalkan satu pendekatan untuk menganalisis makna peribahasa secara lebih menyeluruh. Pendekatan ini perlulah memberi tumpuan bukan sahaja kepada aspek hafalan untuk makna permukaan tetapi juga kepada kefahaman yang mendalam terhadap makna tersirat, falsafah dan akal budi di sebalik setiap ungkapan peribahasa.

Menyedari keperluan tersebut, pengkaji berpendapat bahawa pentingnya pemilihan pendekatan yang bersesuaian untuk menganalisis makna peribahasa dalam pelbagai konteks seperti yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu. Oleh itu, pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) dipilih dan diteliti dalam kajian ini. Pendekatan semantik inkuisitif menekankan konsep pemikiran kritis melalui penerokaan makna yang tersirat dalam sesuatu ungkapan atau ujaran. Konsep inkuiri dalam pendekatan ini mendorong seseorang untuk sentiasa bertanya dan mencari jawapan di sebalik makna permukaan, sehingga menemui falsafah dan akal budi yang tersembunyi di sebalik ungkapan tersebut. Dalam peribahasa misalnya, analisis makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif tidak hanya terhenti di peringkat makna kamus dan kognitif sahaja, sebaliknya menggalakkan eksplorasi makna secara berlapis-lapis sehingga ke akar umbi untuk mencungkil makna yang tersirat. Dalam konteks KSSM Bahasa Melayu,

pendekatan semantik inkuisitif ini dilihat selari dengan kehendak kurikulum yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi dan elemen merentas kurikulum dalam pembelajaran bahasa.

Kajian ini dijalankan bukan bertujuan untuk menilai kaedah pengajaran guru atau menilai tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan murid dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif secara langsung di dalam bilik darjah. Kajian ini pada dasarnya bermatlamat mengkaji pendekatan semantik inkuisitif bagi menganalisis makna peribahasa dalam konteks KSSM Bahasa Melayu untuk dijadikan kaedah alternatif pembelajaran peribahasa yang lebih berstruktur dan bermakna. Kajian terhadap pendekatan semantik inkuisitif dalam konteks analisis bahan pendidikan formal ini diharap dapat memberi perspektif baharu kepada proses mempelajari makna peribahasa, yang tidak hanya terhad kepada aspek literal tetapi juga melibatkan makna kontekstual dan makna abstrak yang lebih mendalam untuk menghayati dan menghargai kebijaksaan Melayu pada zaman dahulu.

1.2 Latar belakang dan isu utama kajian

Peribahasa diberikan kedudukan penting dalam KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai sebahagian daripada aspek seni bahasa dan sistem bahasa yang perlu dikuasai oleh murid. Elemen seni bahasa, termasuk peribahasa, bukan sahaja memperkaya kosa kata dan meningkatkan estetika bahasa, malah turut menzahirkan falsafah serta akal budi masyarakat Melayu. Namun, menurut Daipi (2018), Hussain (2016), serta Jalaluddin dan Kasdan (2010), aspek ini semakin kurang diberi perhatian kerana peribahasa dianggap tidak lagi relevan dalam kehidupan masa kini. Persepsi ini menyebabkan murid kurang berminat dan kurang menghayati peribahasa, sedangkan

penguasaan makna peribahasa amat penting untuk meningkatkan keterampilan berbahasa. Misalnya, penggunaan peribahasa yang tepat dapat menjadikan hasil penulisan karangan lebih bermutu dan mencerminkan ketinggian penguasaan bahasa (Hamzah & Hassan, 2011a; Hassan, 2016; Jalaluddin & Kasdan, 2010; Jalaluddin & Nopiah, 2011; Musanif et al., 2011).

Menurut Guo (2019), Rafatbakhsh dan Ahmadi (2019) serta Samburskiy (2020), isu utama dalam penguasaan peribahasa adalah berpunca daripada sifat metaforanya. Makna leksikal yang membentuk ungkapan peribahasa tidak membawa maksud sebenar, menjadikannya sukar difahami tanpa kemahiran berfikir aras tinggi dan rujukan yang betul. Kekaburan makna ini menyebabkan murid hanya mampu menghafal maksud permukaan atau makna kamus tanpa benar-benar memahami makna tersirat, nilai dan falsafah yang mendasarinya. Kelemahan ini bukan sahaja membataskan murid daripada menggunakan peribahasa dalam komunikasi dan penulisan, tetapi juga mengekang penguasaan bahasa kiasan yang menjadi teras seni bahasa Melayu (Jalaluddin & Kasdan, 2010; Musanif et al., 2011).


Dalam konteks pedagogi, guru turut berdepan cabaran kerana tiada panduan atau kaedah analisis yang tersusun untuk menerangkan makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh. Pengajaran peribahasa yang hanya berfokus pada hafalan makna literal tidak mampu membimbing murid menyingkap makna yang kompleks dan berlapis (Rafatbakhsh & Ahmadi, 2019; Samburskiy, 2020; Amrullah et al., 2022). Oleh itu, wujud keperluan kepada pendekatan pembelajaran yang lebih kontekstual, bersifat penerokaan dan selaras dengan kehendak KSSM yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi, komunikasi pelbagai hala, serta pembelajaran berasaskan inkuiri (BPK, 2018).

Dalam hal ini, pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) menawarkan kerangka analisis yang komprehensif untuk menyingkap makna peribahasa. Melalui tiga tahap analisis, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Pendekatan ini bukan sahaja dapat menjelaskan makna tersurat dan tersirat, malah mampu membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang falsafah dan akal budi yang terkandung dalam peribahasa. Selain menepati konsep pembelajaran inkuiri, semantik inkuisitif juga menyokong hasrat KSSM untuk mengembangkan potensi murid sebagai pemikir kritis, kreatif dan inovatif.

Mengikut pembacaan autentik yang dilakukan oleh pengkaji, semantik inkuisitif bukan sahaja dilihat berperanan untuk membawa para linguis mendalami peribahasa dan makna sehingga menemui falsafah dan akal budi masyarakat Melayu, tetapi juga dilihat dapat menonjolkan pengetahuan bersifat multidisiplin. Pendekatan yang digunakan dalam semantik inkuisitif tidak terhad dalam bidang linguistik sahaja malah turut merentasi sempadan ilmu bahasa, seperti sejarah, geografi, agama, sains dan banyak lagi (Jalaluddin, 2014; Daud, 2018a).

Penemuan multidisiplin dalam hasil analisis kajian semantik inkuisitif ini dilihat mempunyai persamaan dengan strategi pedagogi yang terkandung dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, iaitu usaha mengintegrasikan kepelbagaian ilmu dalam pembelajaran bahasa yang disebut sebagai Elemen Merentas Kurikulum (EMK). EMK merupakan unsur nilai tambah yang boleh diterapkan dalam proses pembelajaran bahasa selain yang telah ditetapkan dalam Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Elemen ini diterapkan bertujuan untuk mengembangkan lagi kognitif dan

pengetahuan murid. Rajah 1.2 dipaparkan kepelbagaian pengetahuan merentas kurikulum yang dicadangkan dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu.



Rajah 1.2: Elemen Merentas Kurikulum (EMK)

Sehubungan itu, walaupun peribahasa telah diberikan kedudukan dalam kurikulum sebagai medium pengayaan bahasa dan penanaman nilai, kaedah pengajaran yang sedia ada masih belum menekankan analisis yang mendalam dan berstruktur. Kekurangan ini menimbulkan jurang pedagogi yang menghalang murid daripada menyingkap makna tersirat serta menghayati akal budi yang terkandung dalam peribahasa. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti isu tersebut melalui penerapan pendekatan semantik inkuisitif sebagai asas analisis yang lebih menyeluruh, sistematik dan selaras dengan kehendak KSSM Bahasa Melayu.

1.3 Penyataan masalah

Menurut Creswell dan Creswell (2018), penyataan masalah merupakan antara komponen utama dalam setiap kajian yang berfungsi sebagai asas dalam mengarahkan fokus kajian dan menentukan kejelasan tujuan penyelidikan. Manakala menurut Ibrahim (2017), penyataan masalah yang baik memberikan pengkaji satu kerangka kerja yang membolehkan kajian dijalankan secara lebih sistematik dan berfokus. Oleh itu, penyataan masalah yang jelas bukan sahaja dapat membantu dalam mengenal pasti isu yang relevan tetapi juga memberikan justifikasi alasan kajian tersebut perlu dilaksanakan.

Lebar (2017) pula menyatakan, dalam konteks kajian kualitatif, penyataan masalah boleh diperoleh daripada pelbagai sumber termasuk pengalaman peribadi dan juga bahan-bahan literatur yang berkaitan dengan bidang kajian. Kajian kualitatif mempunyai pendekatan tersendiri yang berbeza daripada kajian sains natural atau kajian kuantitatif. Dalam kajian kualitatif, matlamat utama bukanlah untuk mencari elemen atau data baharu tetapi lebih kepada memperkukuh pemahaman dan kesedaran tentang isu yang dikaji.

Sehubungan itu, menurut Lebar (2017) lagi, rujukan kajian lepas untuk penyataan masalah tidak semestinya tertumpu kepada artikel-artikel terkini sahaja, kerana fokus kajian lebih kepada mendalami makna, membina pemahaman yang komprehensif, serta menimbulkan dialog tentang tema-tema tertentu yang relevan dengan isu kajian yang bakal dilaksanakan. Literatur terdahulu tetap mempunyai peranan penting dalam konteks kajian kualitatif, memandangkan dapatannya dapat membantu pengkaji memahami perspektif, teori dan pendekatan yang diperkenalkan untuk membantu meningkatkan pemahaman dan seterusnya menambah baik amalan sedia ada. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah

mengenal pasti dan mengelaskan permasalahan kajian ini berdasarkan beberapa perspektif yang dinyatakan seperti yang berikut.

1.3.1 Pengetahuan makna peribahasa yang terbatas

Kajian oleh Awang et al. (2022), Bakar et al. (2020), Hussin (2020) dan Hong et al. (2021) mendapati bahawa tahap pemahaman makna peribahasa dalam kalangan murid masih pada peringkat lemah dan sederhana sama ada dalam bentuk penulisan mahupun pembelajaran secara lisan. Menurut kajian oleh Musanif et al. (2011), Jalaluddin dan Kasdan (2010), Jalaluddin dan Nopiah (2011) serta Hassan (2016) pula, pemahaman maksud secara abstrak yang terkandung dalam peribahasa juga tidak dapat dikuasai oleh kebanyakan murid di sekolah dengan baik. Murid dilihat hanya mampu menyatakan beberapa peribahasa popular namun mereka tidak mampu untuk menghuraikan makna peribahasa tersebut secara mendalam.

Dapatan daripada kajian-kajian lepas ini telah menunjukkan bahawa murid lebih cenderung untuk memahami peribahasa pada tahap literal atau permukaan sahaja, iaitu hanya menumpukan makna kamus dan makna perkataan yang terkandung dalam ungkapan tersebut. Masalah ini sering berlaku apabila peribahasa diajar dalam bentuk hafalan, tanpa memberikan murid ruang untuk menggali makna yang lebih mendalam atau untuk mengaitkan peribahasa tersebut dengan nilai budaya dan pengetahuan multidisplin yang lebih luas (Jalaluddin & Kasdan, 2010; Musanif et al., 2011; Jalaluddin & Nopiah, 2011; Hassan, 2016).

Menurut Jalaluddin (2024), peribahasa bukan sekadar ungkapan biasa, tetapi mengandungi lapisan-lapisan makna yang memerlukan pendekatan yang lebih mendalam dalam memahami konteks dan nilai yang terkandung di dalamnya. Oleh itu, pemahaman

yang hanya terhad kepada makna literal menjadikan peribahasa kelihatan sebagai sesuatu yang kaku dan tidak relevan dengan konteks semasa. Abdol (2018) turut berpendapat bahawa kebanyakan murid lebih mudah menghafal peribahasa untuk tujuan peperiksaan tanpa benar-benar memahami makna mengikut konteks dan falsafah yang terkandung di dalamnya. Peribahasa yang difahami hanya pada tahap ini kehilangan potensi sebenar sebagai alat untuk memperkaya penghayatan budaya dan memupuk nilai-nilai positif dalam kalangan murid di sekolah.

Oleh hal yang demikian, kajian ini mencadangkan satu pendekatan analisis makna peribahasa yang lebih komprehensif seperti pendekatan semantik inkuisitif diperkenalkan. Pendekatan ini membolehkan peribahasa dianalisis secara berstruktur mengikut tahap kognitif, bukan sahaja dari sudut makna permukaan dan makna literal, tetapi juga merangkumi konteks, nilai budaya, serta falsafah dan akal budi yang mendasari ungkapan peribahasa tersebut. Justeru, penelitian terhadap peribahasa yang akan dikenal pasti dalam buku teks Bahasa Melayu KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 serta pengelasan mengikut kategori dan tema tertentu perlu dilakukan dan menjadi asas penting sebelum analisis mendalam dapat dijalankan. Langkah ini dapat memperlihatkan dengan lebih jelas kedudukan sebenar peribahasa dalam bahan pendidikan formal untuk pembelajaran bahasa. Dengan cara ini, pengkaji dapat menjalankan kajian dengan lebih terarah, sistematik dan berpandukan kerangka analisis yang jelas dalam menganalisis makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

1.3.2 Kurang minat dan penghayatan

Dalam kajian yang dilakukan Ilias et al. (2013), Sanmugam dan Labri (2021) serta Hanapiah dan Rusli (2023), antara sebab lunturnya minat murid untuk mendekati dan

menjiwai peribahasa adalah kerana kaedah pengajaran guru yang kurang menarik dan bahan bantu mengajar guru yang tidak dapat merangsang minat murid untuk terus fokus kepada proses pembelajaran. Menurut Jalaluddin dan Kasdan (2010) pula, sebagai seorang pendidik, guru perlu membuka ruang kepada ilmu baharu kerana pendidikan bersifat anjal yang perlu mengikuti arus perubahan semasa. Adakala sifat ketidakterbukaan ketika menerima sesuatu yang baharu akan menyekat kekreatifan dalam kalangan pengguna bahasa itu sendiri dan akan menyebabkan pembelajaran bahasa semakin kurang diminati.

Jalaluddin dan Nopiah (2011) serta Hussin (2020) juga mendapati, kelemahan penguasaan peribahasa dalam kalangan murid di sekolah ada kaitannya dengan faktor kurang berminat untuk membaca bahan dalam bahasa Melayu. Keadaan ini menyebabkan murid kurang terdedah dan tidak tahu menggunakan peribahasa dalam konteks yang sesuai dan betul. Melihat permasalahan dari perspektif menguasai peribahasa, kajian ini berpendapat kebanyakan murid amat lemah ketika mengemukakan ungkapan peribahasa dan makna, sama ada secara lisan mahu pun dalam aspek penulisan. Selain itu, antara sebab lain peribahasa kurang mendapat perhatian dan tidak diminati oleh kebanyakan murid adalah kerana maksud tersirat peribahasa yang sukar untuk ditafsir. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat peribahasa yang menggunakan perlambangan dan metafora memerlukan kemahiran berfikir yang tinggi untuk mentafsir maksudnya telah membuatkan kebanyakan murid tidak berminat untuk mempelajarinya (Guo, 2019; Hassan, 2016; Jalaluddin & Kasdan, 2010; Muhi, 2024; Rafatbakhsh & Ahmadi, 2019; Samburskiy, 2020).

Menurut Bakar (2018) pula, kaedah pengajaran bahasa Melayu perlulah disesuaikan dengan trend dan keperluan semasa, sama ada dari segi pemilihan bahan,

strategi, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dan keupayaan berfikiran kritis dan kreatif untuk mendorong minat murid kekal fokus di dalam kelas. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Wahab et al. (2015), kaedah pengajaran peribahasa Melayu menggunakan cara tradisional seperti kaedah *chalk and talk* di dalam bilik darjah yang diamalkan oleh sesetengah guru selama ini dilihat tidak mampu menarik segolongan murid untuk meminati topik ini dan akhirnya akan menyebabkan peribahasa kurang diminati.

Oleh itu, berdasarkan penyataan masalah ini, pendekatan semantik inkuisitif yang memberi fokus kepada pemahaman makna peribahasa secara berperingkat dalam pelbagai konteks ini perlu diberi perhatian untuk memupuk minat dan penghayatan murid terhadap peribahasa. Pendekatan ini bukan sahaja membuka ruang kepada penginterpretasian makna yang lebih mendalam, tetapi juga mampu disesuaikan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih kontekstual serta sejajar dengan keperluan pendidikan semasa, sekali gus menjadikan pembelajaran peribahasa lebih bermakna.

1.3.3 Dianggap tidak penting dan kurang relevan dengan gaya komunikasi moden

Tumpuan kepada kepentingan peribahasa sebagai salah satu elemen pembelajaran kemahiran berbahasa perlu diberi keutamaan kerana peribahasa merupakan aspek seni bahasa yang wajib diajar kepada murid kerana terkandung dalam KSSM Bahasa Melayu. Menurut Ahmadi (2004), dengan menggunakan peribahasa dalam sesebuah karya sama ada lisan mahupun tulisan, penggunaannya dapat meningkatkan nilai estetika dan meletakkannya pada satu kedudukan yang tinggi. Walau bagaimanapun, Hussain (2016) menyatakan bahawa masyarakat pada zaman kini jarang menggunakan peribahasa lazim yang selalu digunakan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala kerana aspek peribahasa kurang dititikberatkan penggunaannya dalam komunikasi harian. Masyarakat

pada masa kini lebih suka bercakap lepas atau berterus terang berbanding menggunakan bahasa berkias. Hal ini menyebabkan aspek pembelajaran peribahasa sememangnya kurang diberi perhatian oleh masyarakat kerana dianggap tidak penting dan tidak lagi relevan pada zaman sekarang (Daipi, 2018).

Menurut Jalaluddin dan Kasdan (2010), kebanyakan murid di sekolah tidak lagi menggunakan peribahasa sama ada dalam konteks pembelajaran mahupun perbualan seharian mereka. Mereka gagal dalam usaha untuk menghubungkaitkan situasi dan kejadian yang berlaku di sekeliling mereka kerana kurangnya ilmu pengetahuan tentang makna tersurat dan tersirat peribahasa tersebut. Mereka lebih selesa menggunakan bahasa slanga yang lebih popular seperti "*tau tak pa*", daripada menggunakan peribahasa "*kura-kura dalam perahu, pura-pura tak tahu*" atau "*sendiri mau tau lah*" daripada menggunakan peribahasa "*sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula*".

Manakala menurut Samburskiy (2020) pula, perubahan dalam gaya komunikasi moden yang lebih mengutamakan bahasa harian yang bersifat langsung, berterus-terang dan mudah difahami menyebabkan peribahasa dilihat sebagai sesuatu yang kurang relevan dan tidak lagi penting pada zaman kini. Hal ini dapat dikaitkan dengan dapatan kajian oleh Jalaluddin dan Kasdan (2010) apabila ramai murid gagal untuk mengaitkan dan mengaplikasikan peribahasa dalam kehidupan mereka, termasuk dalam pembelajaran di bilik darjah. Oleh hal yang demikian, Wan Ismail (2016) berpendapat bahawa untuk memastikan peribahasa kekal relevan dalam zaman komunikasi moden, peribahasa perlu dipelajari, difahami dan dihayati dengan mendalam maksudnya, serta digunakan secara meluas, terutamanya oleh golongan muda.

Oleh itu, kajian seumpama ini penting untuk menonjolkan kepentingan peribahasa dalam KSSM Bahasa Melayu. Penelitian terhadap peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dilihat dapat menterjemahkan kedudukannya dalam bahan pendidikan formal. Oleh sebab itu, kajian ini diharapkan dapat menawarkan penyelesaian terhadap isu kurangnya perhatian terhadap peribahasa, sekali gus mengukuhkan peranannya sebagai elemen penting yang menyumbang kepada pembelajaran bahasa yang lebih bermakna.

1.3.4 Kurang pendekatan analisis peribahasa yang berstruktur dan menyeluruh

Dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu (2018), peribahasa diajar dalam konteks kemahiran bahasa dalam aspek seni bahasa. Oleh yang demikian, guru bertanggungjawab untuk memastikan semua murid diajar dan diberi pemahaman dalam setiap aspek ilmu pengetahuan bahasa di sekolah termasuklah pembelajaran peribahasa. Kemampuan murid dalam menguasai peribahasa dan memahami dengan jelas maksud tersurat dan tersirat dapat memberikan nilai tambah dan kelebihan dalam usaha menonjolkan kemahiran berbahasa mereka.

Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh kebanyakan murid adalah mereka tidak mampu untuk mencapai tahap kemahiran berbahasa dengan baik, sebagai contoh, menggunakan peribahasa dalam konteks yang betul (Jalaluddin & Kasdan, 2010; Jalaluddin & Nopiah, 2011). Banyak faktor yang menjadikan wujudnya permasalahan ini. Menurut Johan (2012) Rafatbakhsh dan Ahmadi (2019) serta Samburskiy (2020), faktor ini berlaku atas beberapa sebab. Antaranya kerana pendekatan pengajaran bahasa yang digunakan oleh guru tidak menyeluruh, analisis makna peribahasa tidak melibatkan analisis berstruktur, pembelajaran peribahasa yang tidak melibatkan ujaran sebenar dalam

konteks harian dan tiada panduan yang jelas untuk memahami dan menggunakan peribahasa dalam konteks yang betul. Pendekatan yang kurang bersesuaian akan menghalang tumpuan murid untuk terus fokus kepada topik pembelajaran dan mengakibatkan murid tidak dapat menerima input yang disampaikan oleh guru sepenuhnya. Guru perlu memikirkan pendekatan yang bersesuaian untuk mencetuskan rasa ingin tahu dalam kalangan murid, mengubah persepsi negatif yang lama dan seterusnya mencipta tatalaku positif ke atas perlakuan murid di dalam bilik darjah melalui pendekatan pengajaran yang lebih terancang, sistematik dan berstruktur.

Kebanyakan pendekatan yang digunakan untuk pembelajaran peribahasa dilihat lebih menekankan aspek hafalan tanpa memberi penekanan yang cukup pada penghayatan makna secara kontekstual (Jalaluddin & Kasdan, 2010; Jalaluddin & Nopiah, 2011; Hassan, 2016). Peribahasa adalah alat komunikasi yang sangat bergantung pada konteks ilmu, pengalaman dan akal budi. Oleh itu, untuk memahami peribahasa dengan sepenuhnya, murid perlu diajar untuk melihatnya dalam konteks yang lebih luas, termasuk hubungan antara peribahasa dengan pengalaman hidup masyarakat Melayu terdahulu.

Selain itu, kebanyakan pengajaran dalam bilik darjah lebih berfokus pada makna permukaan peribahasa tanpa menghubungkannya dengan nilai budaya, etika dan kebijaksanaan yang terkandung di dalamnya (Bakar et al., 2020; Hussin, 2020; Jaafar et al., 2022; Jailani et al., 2020; Samathayakul & Thamaduangsri, 2022; Sapriline et al., 2023). Menurut Amrullah et al. (2022), pendekatan seperti ini menyebabkan murid tidak dapat melihat betapa pentingnya peribahasa dalam menyampaikan nasihat moral, panduan hidup dan falsafah masyarakat. Peribahasa yang dilihat hanya sebagai kumpulan kata-kata yang perlu dihafal menjadikannya sukar untuk diaplikasikan dalam konteks kehidupan sebenar.

Sedangkan, peribahasa adalah gambaran cara hidup dan pemikiran masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala yang sangat berharga untuk difahami oleh generasi muda.

Oleh itu, kajian seperti ini dilihat dapat memperkenalkan pendekatan yang lebih sesuai untuk pembelajaran peribahasa, yang dapat menghubungkan makna peribahasa dengan kognitif dan pengalaman sebenar. Dengan menggunakan pendekatan yang bersifat lebih menyeluruh untuk menganalisis makna peribahasa, murid bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan berbahasa tetapi juga dapat memahami dan menghargai nilai budaya serta falsafah yang mendasari ungkapan tersebut. Pendekatan sebegini memberi ruang kepada proses pentafsiran makna peribahasa yang lebih mendalam, melangkaui makna literal, sekali gus menonjolkan potensi peribahasa sebagai wahana pemikiran dan akal budi dalam konteks pendidikan.

1.3.5 Keperluan memperluas skop kajian semantik inkuisitif

Pada dasarnya, semantik inkuisitif mula dikenali dalam bidang linguistik dan pragmatik yang digunakan oleh sarjana-sarjana bahasa untuk mengkaji makna bahasa kiasan seperti peribahasa dan pantun (Jalaluddin, 2014). Walau bagaimanapun, melalui pemerhatian pengkaji, kajian-kajian lepas kebanyakannya hanya memfokuskan kepada skop-skop tertentu sahaja seperti menganalisis makna peribahasa bersumberkan haiwan (Amran & Nopiah, 2020; Daud & Subet, 2019a, 2019b, 2022; Daud et al., 2021; Murthy & Subet, 2019, 2020; Nopiah et al., 2023), tumbuhan-tumbuhan (Kasdan & Nopiah, 2021; Kinanti & Rachman, 2019; Murthy et al., 2019b, 2019c; Sabarudin & Rosly, 2021), anggota badan (Jonteng et al., 2021), makanan (Murthy et al., 2019a) dan beberapa skop yang lain dalam konteks kajian fonomena bahasa sahaja yang akan dibincangkan lagi secara terperinci dalam Bab 2 – Sorotan Literatur.

Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat batasan skop kajian semantik inkuisitif perlu diperluaskan lagi dengan memanfaatkannya dalam bidang pendidikan untuk pendekatan pembelajaran peribahasa pada peringkat sekolah menengah dengan menggunakan kepelbagaian tema peribahasa agar kajian semantik inkuisitif tidak terbatas dalam ruang lingkup kajian bidang bahasa sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut pandangan pengkaji, analisis terhadap peribahasa dengan tema atau domain yang berbeza akan menghasilkan nilai dan pengajaran yang berbeza serta memberi peluang kepada pengkaji untuk meneroka, membina dan mengembangkan ilmu baharu dalam kajian semantik inkuisitif.

Melalui hasil analisis makna peribahasa dalam KSSM Bahasa Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, pengkaji melihat bahawa dapatan kajian ini dapat dijadikan rujukan dan panduan oleh guru sebagai satu alternatif pendekatan pembelajaran yang lebih sesuai untuk menganalisis makna peribahasa dengan lebih mendalam dan menyeluruh bersama murid-murid. Bersesuaian dengan fungsi semantik inkuisitif itu sendiri, iaitu meneroka makna bahasa kiasan seperti peribahasa sehingga ke akar umbi dan seterusnya menemui falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan sesuatu ungkapan tersebut. Selain digunakan untuk memahami makna peribahasa dengan lebih mendalam, semantik inkuistif juga berjaya menonjolkan kepelbagaian ilmu pengetahuan merentas bidang bahasa itu sendiri yang dilihat amat penting sebagai usaha untuk menerapkan pengetahuan bersifat multidisiplin (Jalaluddin, 2014, 2015, 2018, 2024; Mansor & Jalaluddin, 2016; Nopiah et al., 2017; Kasdan et al., 2016; Daud, 2018a, 2018b).

Bertepatan dengan usaha untuk mengangkat kembali martabat peribahasa, pengkaji berpendapat bahawa strategi pembelajaran peribahasa yang digunakan oleh guru di sekolah

perlulah bersifat kontekstual dan inkuiri agar murid dapat memahami makna peribahasa yang pada ketika dahulu dianggap sebagai simbol kebijaksanaan masyarakat Melayu (Jalaluddin, 2018, 2024). Masyarakat masa kini perlu menyedari bahawa peribahasa ialah warisan ketamadunan bangsa yang wajar dipelihara nilai estetikanya. Menurut Musanif et al. (2011), kemampuan masyarakat untuk menguasai peribahasa dan maknanya dengan baik akan mampu melahirkan generasi yang mempunyai jati diri Melayu yang utuh bersandarkan kualiti pemikiran yang tinggi, berfalsafah dan menonjolkan aspek kesopanan berbahasa.

Oleh itu, pengkaji berpandangan pendekatan semantik inkuisitif harus diketengahkan dan diperkenalkan sebagai satu pendekatan pembelajaran peribahasa, namun pendekatan ini perlulah disesuaikan dengan strategi-strategi pembelajaran bahasa yang dicadangkan dalam kurikulum. Dengan menganalisis peribahasa yang merangkumi kepelbagaian tema, skop kajian semantik inkuisitif bukan sahaja dapat diperluas daripada bidang linguistik kepada bidang pendidikan, malah membolehkan hasil analisis dihubungkan dengan strategi PdP yang bersesuaian. Pendekatan ini memberi ruang untuk peribahasa difahami secara lebih menyeluruh serta kekal relevan sebagai wahana keterampilan berbahasa, menyerlahkan akal budi dan mengukuhkan jati diri bangsa Melayu.

1.4 Objektif kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengkaji pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa dengan cara mengaplikasikannya ke atas peribahasa-peribahasa yang terkandung dalam kurikulum Bahasa Melayu berpandukan

strategi-strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Secara khususnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

i. Meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema tertentu.
ii. Menganalisis makna peribahasa terpilih dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.
iii. Merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data.

1.5 Persoalan kajian

Persoalan kajian merupakan elemen penting dalam melakukan sesuatu penyelidikan untuk membimbing penyelidik mengenal pasti fokus utama kajian serta memastikan hala tuju yang jelas dalam proses pengumpulan dan analisis data (Lebar, 2017; Ramli et al., 2024). Dalam kajian ini, persoalan dirumuskan secara umum untuk menjawab isu-isu yang timbul daripada penyataan masalah, mendalami aspek-aspek yang berkaitan dengan objektif kajian, serta membantu pengkaji mengekalkan fokus dan menetapkan batasan kajian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

i. Apakah kategori peribahasa yang digunakan untuk tujuan pembelajaran bahasa dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dan bagaimana peribahasa tersebut dapat dikategorikan mengikut tema yang relevan dengan pembelajaran bahasa?
ii. Bagaimanakah makna peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dapat dianalisis melalui pendekatan semantik

inkuisitif untuk menyingkap makna tersirat, falsafah dan akal budi masyarakat Melayu?

iii. Bagaimanakah pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam menganalisis makna peribahasa dalam buku teks dapat dikaitkan dengan strategi-strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu?

1.6 Penjajaran isu, permasalahan, objektif dan persoalan kajian

Bagi memastikan kajian ini dijalankan secara sistematik, hubungan yang jelas antara isu utama kajian, penyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian perlu ditunjukkan. Penjajaran ini penting kerana setiap objektif dan persoalan kajian lahir daripada isu dan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti. Justeru, Jadual 1.1 disediakan untuk memperlihatkan gambaran isu-isu yang dikemukakan dan penyataan masalah membentuk asas kepada objektif serta persoalan kajian yang dibina untuk kajian ini.

Jadual 1.1: Jadual penjajaran isu, permasalahan, objektif dan persoalan kajian

Isu Utama Kajian	Penyataan Masalah	Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Penjelasan
1. Sifat metafora peribahasa – makna leksikal perkataan tidak menggambarkan maksud sebenar, menyebabkan murid cenderung hanya menghafal	1.3.1 Pengetahuan makna peribahasa murid terbatas. 1.3.2 Kurang minat dan penghayatan. 1.3.3 Peribahasa dianggap tidak penting.	i. Meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema tertentu.	i. Apakah kategori peribahasa yang digunakan untuk tujuan pembelajaran bahasa dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4	Mengenal pasti data sebenar peribahasa dalam buku teks adalah asas untuk menganalisis makna tersirat secara lebih mendalam dan mengatasi

makna literal.			dan Tingkatan 5 dan bagaimana peribahasa tersebut dapat dikategorikan mengikut tema yang relevan dengan pembelajaran bahasa?	masalah pemahaman literal.
2. Keperluan KBAT untuk mentafsir makna berlapis – memahami makna tersirat, falsafah dan akal budi memerlukan tahap pemikiran abstrak/logik tinggi.	1.3.1 Pengetahuan makna peribahasa terbatas. 1.3.4 Kekurangan panduan/pendekatan bagi analisis makna peribahasa secara mendalam. 1.3.5 Keperluas skop kajian semantik inkuisitif dalam pendidikan.	ii. Menganalisis makna peribahasa terpilih dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.	ii. Bagaimanakah makna peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dapat dianalisis melalui pendekatan semantik inkuisitif untuk menyingkap makna tersirat, falsafah dan akal budi masyarakat Melayu?	Semantik inkuisitif menyediakan kerangka analisis berlapis (skrip, resonans, inkuisitif) yang selari dengan keperluan KBAT untuk menyingkap makna sebenar di sebalik metafora peribahasa.
3. Jurang pedagogi – guru tiada panduan atau kaedah tersusun untuk mengajar peribahasa	1.3.4 Kekurangan panduan/pendekatan bagi analisis makna peribahasa secara mendalam. 1.3.5 Keperluas skop kajian	iii. Merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif	iii. Bagaimanakah pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam	Kajian menjawab jurang pedagogi dengan menawarkan pendekatan

secara mendalam dan menyeluruh.	semantik inkuisitif dalam pendidikan.	dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data.	menganalisis makna peribahasa dalam buku teks dapat dikaitkan dengan strategi-strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu?	analisis komprehensif yang selaras dengan strategi pembelajaran KSSM (inkuiri, kontekstual, KBAT, EMK).

Dengan meneliti Jadual 1.1, dapat diperhatikan dengan jelas bahawa setiap isu yang dibangkitkan dalam penyataan masalah mempunyai kaitan langsung dengan objektif dan persoalan kajian. Sebagai contoh, masalah berkaitan pemahaman makna peribahasa yang terbatas membawa kepada keperluan meneliti peribahasa dalam buku teks berdasarkan kategori dan tema tertentu dan seterusnya menganalisis maknanya secara lebih mendalam menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Begitu juga dengan permasalahan kekurangan panduan/pendekatan bagi analisis makna peribahasa secara mendalam yang menuntut strategi pembelajaran lebih kontekstual, inkuiri, merangsang KBAT dan menyeluruh lalu menghasilkan objektif dan persoalan berkaitan pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Hal yang sama dapat dilihat pada permasalahan lain yang akhirnya mengukuhkan rasional kajian ini serta menetapkan hala tuju penyelidikan dengan lebih komprehensif.

1.7 Istilah definisi operasional

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan maksud istilah-istilah utama yang digunakan dalam tajuk kajian ini, iaitu *Pengaplikasian Pendekatan Semantik Inkuisitif untuk Analisis Peribahasa dalam Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*. Istilah-istilah yang digunakan akan diberikan maksud secara umum dan seterusnya diterangkan juga secara khusus merujuk kepada konteks kajian yang hendak dilakukan oleh pengkaji. Istilah-istilah yang terlibat ialah:

i. Pendekatan semantik inkuisitif
ii. Peribahasa (Melayu)
iii. Buku Teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

1.7.1 Pendekatan semantik inkuisitif

Pendekatan semantik inkuisitif mula diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin melalui bukunya yang bertajuk *Semantik dan Akal Budi Melayu* dalam Syarahan Perdana Jawatan Profesor, Universiti Kebangsaan Malaysia di Bilik Senat, UKM pada 4 April 2014. Semantik inkuisitif pada dasarnya diperkenalkan sebagai satu pendekatan dalam bidang kajian semantik untuk mencungkil makna sesuatu ungkapan atau ujaran yang mempunyai ketersiratan makna di sebaliknya sehingga menemui maksud sebenar yang ingin disampaikan dan seterusnya mencapai kepada falsafah dan akal budi. Semantik inkuisitif digunakan secara meluas oleh ahli linguis dalam pengkajian makna peribahasa.

"Inkuisitif" menurut Jalaluddin (2014) dijelaskan sebagai semangat ingin tahu serta dorongan untuk terus meneroka mencari jawapan kepada "apakah?" yang dimaksudkan

oleh sesuatu ungkapan itu. Setelah semantik skrip dan semantik resonans digunakan sebagai pendasaran dalam bidang pengkajian ilmu makna, Jalaluddin (2014), beranggapan bahawa perlu ada satu lagi tahap bagi melengkapkan analisis makna dalam kalangan ahli bahasa, iaitu yang melangkaui pandangan mata kasar. Tahap tertinggi penganalisisan makna dengan lebih mendalam ini memerlukan tafsiran mata hati yang terselindung di sebalik maksud tersurat dan tersirat.

Dalam konteks memahami makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh, konsep semantik inkuisitif didasari oleh prinsip semangat ingin tahu seperti yang terdapat dalam lirik lagu rakyat *Bangau Oh Bangau* hasil nukilan Hamzah Fansuri. Lirik tersebut dipaparkan seperti dalam Rajah 1.3.

Bangau Oh Bangau!
Hamzah Fansuri

Bangau oh bangau kenapa engkau kurus?
Macam mana aku tak kurus, ikan tak mahu timbul, ikan tak mahu timbul
Ikan oh ikan kenapa kau tak mahu timbul?
Macam mana aku nak timbul, rumput panjang sangat, rumput panjang sangat
Rumput oh rumput kenapa engkau panjang?
Macam mana aku tak panjang, kerbau tak makan aku, kerbau tak makan aku
Kerbau oh kerbau kenapa tak makan rumput?
Macam mana aku nak makan, perut aku sakit, perut aku sakit
Perut oh perut kenapa engkau sakit?
Macam mana aku tak sakit, makan nasi mentah, makan nasi mentah
Nasi oh nasi kenapa engkau mentah?
Macam mana aku tak mentah, kayu api basah, kayu habis basah
Kayu oh kayu kenapa engkau basah?
Macam mana aku tak basah, hujan timpa aku, hujan timpa aku
Hujan oh hujan kenapa timpa kayu?
Macam mana aku tak timpa, katak panggil aku, katak panggil aku
Katak oh katak kenapa kau panggil hujan?
Macam mana aku tak panggil, ular nak makan aku, ular nak makan aku
Ular oh ular kenapa nak makan katak?

Rajah 1.3: Lirik *Bangau Oh Bangau*
(Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Jalaluddin, 2014)

Menurut Jalaluddin (2014), melalui lirik lagu *Bangau Oh Bangau*, ada dua tafsiran yang boleh dilakukan, iaitu tafsiran negatif dan positif. Jika melihat dari sudut tafsiran negatif, lirik ini menunjukkan sikap saling menyalahi orang lain atas kesalahan yang dilakukan oleh watak-watak yang terlibat dan sikap tidak mahu bertanggungjawab. Walaupun begitu, menurut Jalaluddin (2014) lagi, lirik lagu ini masih lagi boleh diambil kesan positif yang mempunyai teladannya jika diperhatikan dengan penuh penelitian. Dalam konteks penyelidikan, lirik *Bangau Oh Bangau* mempunyai hubung kait dengan konsep metodologi yang dapat digunakan untuk membangkitkan persoalan demi persoalan bagi mendapatkan jawapan sebenar yang dikehendaki. Pertanyaan *"kenapa?, kenapa? dan kenapa?"* boleh digunakan untuk mencungkil makna peribahasa yang dikaji sehingga menemui akar umbi sekali gus menyerlahkan akal budi penutur jati.

Semantik inkuisitif bukan sahaja melibatkan skrip, data, teori dan kognisi sebagai panduan untuk menganalisis makna, malah turut mengaitkan bahasa, budaya, falsafah dan akal budi penuturnya untuk mencerminkan pemikiran Melayu. Jika dikatakan semantik skrip ialah pembuka jalan kepada semantik resonans, maka semantik inkuisitif hanya dapat dicapai apabila para pengkaji mempunyai keazaman untuk mengeksplorasi, memahami serta mencari jawapan terhadap persoalan yang tersirat. Proses ini dilakukan melalui naluri kemelayuan yang mencerminkan pemikiran dan akal budi penutur. Selain digunakan untuk memahami makna peribahasa secara lebih mendalam dan menyeluruh, semantik inkuistif juga berjaya menonjolkan kepelbagaian ilmu pengetahuan merentas bidang bahasa itu sendiri (Jalaluddin, 2014; Mansor & Jalaluddin, 2016; Kasdan et al., 2016; Daud, 2018a, 2018b).

Dalam konteks kajian ini, semantik inkuisitif ditakrifkan sebagai satu pendekatan analisis makna yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) untuk menyingkap maksud tersirat di sebalik sesuatu ujaran sehingga mencapai falsafah dan akal budi penutur. Pendekatan ini berasaskan semangat ingin tahu yang mendorong pencarian jawapan secara berterusan melalui persoalan-persoalan asas seperti "*mengapa?"* dan "*apakah?"* bagi menemukan akar makna yang sebenar. Semantik inkuisitif tidak hanya bersandar pada skrip, data, teori dan kognisi, malah turut mengaitkan aspek bahasa, budaya, falsafah serta nilai kemelayuan yang mencerminkan pemikiran masyarakat. Justeru, pendekatan ini menjadi tahap tertinggi analisis makna yang melangkaui pemahaman literal dengan menggunakan tafsiran 'mata hati' untuk menyingkap akal budi yang mendasari sesuatu peribahasa.

1.7.2 Peribahasa Melayu

Ahmad (2002) mentakrifkan peribahasa Melayu sebagai, *"Segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya"* (hlm.152).

Omar (2015, hlm. 16) pula mengatakan tentang peribahasa dalam buku Eksiklopedia Bahasa Melayu:

> *"Dalam peribahasa tergambar alam fizikal dan budaya Melayu serta juga minda mereka. Timbulnya satu-satu peribahasa itu adalah hasil daripada beberapa faktor; cara orang Melayu melihat alam di sekelilingnya, pengalaman yang diperolehnya daripada kehidupan sehari-hari dan juga pengalaman yang begitu banyak terkumpul yang diturun-temurunkan daripada nenek moyangnya, peraturan dalam hidupnya*

yang berpandukan ajaran agama dan amalan budayanya. Semua ini tersimpul dalam bahasa yang ringkas dan padat."

Peribahasa ialah milik bersama orang Melayu sejak zaman dahulu kala dan digunakan sebagai komunikasi berbentuk kiasan dalam masyarakat Melayu. Menurut Hussain (2016), tiada siapa pun yang tahu garis masa kewujudan peribahasa dalam sesuatu bangsa. Ada yang berpendapat peribahasa dicipta sama waktu dengan kewujudan bahasa dan peradaban sesuatu bangsa. Walaupun peribahasa tidak diketahui dengan jelas waktu kewujudannya, namun peribahasa dikatakan berasal daripada tiga sumber utama, iaitu daripada kata-kata rakyat biasa berdasarkan pengalaman hidup, kata-kata orang arif yang bijaksana dan daripada kitab-kitab suci orang Islam (Hussain, 2016). Menurut Jalaluddin (2014), peribahasa dalam kalimatnya mempunyai barisan yang teratur, ringkas dan padat, dengan erti yang tepat serta kias ibarat yang tajam. Peribahasa dikatakan mempunyai peranannya tersendiri dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini bertepatan dengan pendapat daripada Hamzah dan Hassan (2011a) bahawa peribahasa berfungsi sebagai hukum adat dan nasihat moral dalam mengawal dan tindak tanduk anggota masyarakatnya.

Dalam konteks kajian ini, peribahasa Melayu ditakrifkan sebagai ungkapan tradisional berbentuk kiasan yang digunakan masyarakat Melayu untuk menyampaikan makna secara tidak langsung, sama ada berupa nasihat, pengajaran, hukum adat atau cerminan akal budi. Menurut dokumen rasmi KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, peribahasa diletakkan di bawah kategori bahasa kiasan yang meliputi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan termasuklah kata-kata hikmat. Walau bagaimanapun, bagi tujuan kajian ini fokus diberikan kepada empat kategori utama sahaja, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan, sejajar

dengan pengelasan kategori utama peribahasa oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta sarjana-sarjana lepas seperti Hassan dan Mohd (1993), Rahman (2022) dan Muhi (2024). Oleh itu, semua data yang dianalisis adalah berasaskan peribahasa dalam kategori utama tersebut sahaja. Jadual 1.2 memaparkan pengkelasan peribahasa mengikut jenis, definisi, ciri-ciri, contoh dan maknanya secara ringkas dengan merujuk sumber-sumber yang telah dinyatakan.

Jadual 1.2: Kategori peribahasa Melayu

Bil.	**Jenis Peribahasa**	**Definisi**	**Ciri-ciri**	**Makna**
1.	Simpulan Bahasa (SB)	Gabungan dua perkataan ringkas yang membawa makna tersirat dan berbeza dari makna literal.	- Mempunyai dua makna atau sinonim makna. - Contoh SB: 'Buah tangan', 'Anak buah', 'Muka tebal'.	SB dengan dua makna: - Buah tangan - Makna: Hasil usaha atau hadiah. - Anak buah - Makna: Anak saudara atau pekerja bawahan. SB sinonim makna: - Muka tebal, muka papan, muka tembok. - Makna: Tidak tahu malu.
2.	Perumpamaan (PU)	Perbandingan antara sesuatu dengan sesuatu yang lain, sering menggunakan kata kiasan.	- PU menggunakan kata perbandingan: *seperti, bagai, umpama, bak,ibarat, macam.* - ‘Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua ', - PU yang tidak menyebut perbandingan. - 'Diam seribu bahasa'.	- PU: Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua. – Makna: Menggambarkan ciri-ciri muafakat, sehidup dan semati. - PU: Diam seribu bahasa: - Makna: Diam sama sekali, ibarat kehilangan kata-kata.
3.	Pepatah (PE)	Susunan kata ringkas dan mudah diingat yang	- Ringkas dan mudah diingati. - Menyampaikan	- PE: Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk.

		memberikan nasihat atau pengajaran. Berkaitan amalan kehidupan dalam masyarakat.	nasihat atau panduan moral. - Contoh PE: ‘Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk'.	- Makna: Pentingnya mengamalkan sikap merendah diri.
4.	Bidalan (BI)	Bahasa kiasan dengan maksud yang jelas, memberikan nasihat atau pengajaran secara langsung. Banyak persamaan dengan pepatah.	- Memberi nasihat secara jelas dan nyata menggunakan bahasa kiasan yang mudah. - Contoh BI: ‘Jangan sudah terperosok, baru hendak membaiki lantai’.	- BI: Jangan sudah terperosok, baru hendak membaiki lantai. -Makna: Beringat-ingat sebelum terkena kecelakaan.

1.7.3 Buku Teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5

Buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 merupakan bahan rujukan rasmi yang dibangunkan berasaskan DSKP oleh BPK (2018), KPM. Buku teks ini dirangka untuk menyokong pelaksanaan kurikulum yang diperkenalkan bagi menggantikan KBSM sejak tahun 2017, dengan matlamat memperkukuh keterampilan bahasa murid melalui pendekatan yang lebih holistik, berasaskan standard, serta menekankan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif selaras dengan aspirasi PPPM 2013–2025 (BPK, 2018). Sebagai instrumen kurikulum, buku teks memainkan peranan penting dalam membimbing guru dan murid mencapai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang telah digariskan.

Buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 ini bukan sahaja menumpukan kepada penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, tetapi juga merangkumi penguasaan aspek seni bahasa dan tatabahasa. Dalam konteks seni bahasa, peribahasa diberikan perhatian sebagai salah satu elemen penting kerana keupayaannya memperkaya kosa kata, meningkatkan keindahan bahasa serta

menyampaikan falsafah dan nilai murni yang mencerminkan akal budi masyarakat Melayu. Justeru, kandungan peribahasa dalam buku teks ini bukan sekadar berfungsi sebagai alat untuk pengayaan bahasa, tetapi turut menjadi wahana pemupukan nilai, pengajaran dan budaya yang perlu difahami dan dihayati oleh murid.

Walau bagaimanapun, sifat metafora peribahasa yang makna leksikalnya tidak menggambarkan maksud sebenar menjadikan pembelajarannya mencabar bagi murid. Kefahaman yang hanya berlegar pada makna literal menyebabkan murid cenderung menghafal tanpa menyingkap makna berlapis yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Kekangan ini menimbulkan cabaran kepada guru dan murid kerana pendekatan sedia ada dalam buku teks masih belum menekankan analisis makna secara mendalam dan menyeluruh. Hal ini menimbulkan jurang pedagogi yang perlu ditangani melalui pendekatan alternatif yang lebih sistematik.

Sehubungan itu, kajian ini menjadikan buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai sumber data utama untuk menganalisis makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Pendekatan ini menekankan analisis berlapis yang bermula daripada makna permukaan (semantik skrip), makna kognitif (semantik resonans), sehingga makna falsafah dan akal budi (semantik inkuisitif), iaitu makna yang paling dalam. Kaedah ini bukan sahaja selari dengan cadangan pembelajaran yang dicadangkan dalam kurikulum seperti pembelajaran kontekstual, pembelajaran berasaskan inkuiri, tetapi juga menyokong penguasaan kemahiran berfikir aras tinggi serta penerapan kepelbagaian ilmu pengetahuan merentas pembelajaran bahasa.

Berdasarkan konteks kajian ini, buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 ditakrifkan secara operasional oleh pengkaji sebagai sumber rujukan rasmi

yang memuatkan peribahasa dalam komponen seni bahasa untuk tujuan pembelajaran bahasa. Peribahasa yang terkandung dalam buku teks tersebut dijadikan data utama untuk dianalisis melalui pendekatan semantik inkuisitif bagi menyingkap makna tersurat, makna tersirat, serta falsafah dan akal budi yang terkandung dalam setiap ungkapan peribahasa tersebut.

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini dilihat mampu untuk menyampaikan maklumat baharu tentang pengaplikasian semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) dalam strategi pembelajaran peribahasa yang bersesuaian dengan kehendak kurikulum standard terkini kepada pihak yang berkepentingan. Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah seperti yang berikut.

1.8.1 Sebagai panduan dan struktur pengajaran peribahasa

Kajian ini dilihat dapat membantu guru Bahasa Melayu mempelbagaikan strategi, teknik dan kaedah pengajaran peribahasa. Hal ini kerana, di peringkat sekolah masih banyak peribahasa Melayu yang belum diteroka dan diberi tafsiran makna secara tepat kerana kekurangan sumber kajian yang menumpukan kepada kaedah pembelajaran peribahasa. Kebanyakan kajian peribahasa yang dijumpai lebih tertumpu kepada bidang linguistik sahaja. Selari dengan kehendak KSSM Bahasa Melayu yang menyarankan agar pengajaran dan pembelajaran guru lebih memberi penekanan dan fokus kepada pendekatan pembelajaran yang dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid seperti pendekatan pembelajaran inkuiri supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Kerangka kajian analisis makna peribahasa menggunakan semantik inkuistif oleh Jalaluddin (2014) dilihat menepati ciri-ciri strategi pembelajaran yang diperlukan. Selain itu, pengkaji juga berharap agar guru Bahasa Melayu dapat memanfaatkan hasil

kajian ini untuk digunakan sebagai panduan untuk pengajaran peribahasa supaya proses pembelajaran di dalam bilik darjah menjadi lebih bermakna dan berkualiti.

1.8.2 Mencadangkan pendekatan pengajaran-pembelajaran kontemporari

Melalui kajian ini juga, satu pendekatan pengajaran-pembelajaran yang kontemporari dan terkini dapat diperkenalkan kepada para guru mata pelajaran Bahasa Melayu sesuai dengan perkembangan dan kehendak terkini kurikulum di peringkat menengah atas. Pendekatan yang digunakan ini mencakupi pengajaran-pembelajaran topik yang bernilai estetika, misalnya topik berkaitan peribahasa dan sajak. Subet (2019) dalam kajiannya pernah mencadangkan aplikasi Teori Relevans yang telah diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) untuk diimplementasikan dalam proses PdP Kesusasteraan Melayu selaras dengan kehendak KPM yang menyarankan para guru menggunakan kaedah dan struktur dalam pembelajaran abad ke-21 bagi meningkatkan aspirasi murid seperti yang termaktub dalam Pelan PPPM 2013-2025. Oleh yang sedemikian, dalam kajian ini, pengkaji berpendapat pendekatan semantik inkuisitif yang akan digabungjalinkan dengan TR ini dapat membantu guru untuk menggalakkan perkembangan kognitif dan membentuk keperibadian murid itu sendiri. Pendekatan pembelajaran peribahasa di peringkat menengah atas akan menjadi lebih bermakna dari sudut pelaksanaan, terutamanya dari segi pemilihan pendekatan/kaedah atau teknik pengajaran yang khusus dan benar-benar menepati kehendak kurikulum semasa.

1.8.3 Pendedahan yang komprehensif meliputi multidisiplin

Proses pembelajaran peribahasa menggunakan semantik inkuisitif pada dasarnya tidak terbatas dalam bidang pengkajian ilmu makna sahaja, malah bersifat multidisiplin. Kajian ini juga menyediakan perbincangan secara komprehensif meliputi kepelbagaian

ilmu pengetahuan seperti kajian dalam bidang bahasa, pendidikan, pedagogi, bidang semantik, bidang pragmatik dan menyentuh kepelbagaian disiplin ilmu lain yang berkaitan dengan latar budaya dan ilmu yang membentuk sesebuah ungkapan peribahasa tersebut. Dalam proses menganalisis makna peribahasa menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif sehingga ke akar umbi, pengkaji akan menemui kepelbagaian disiplin ilmu yang merentasi bidang linguistik, seperti sejarah, geografi, agama, sains dan banyak lagi (Jalaluddin, 2014, 2018, 2024; Mansor & Jalaluddin, 2016; Nopiah et al., 2017; Kasdan et al., 2016; Daud, 2018a, 2018b).

1.8.4 Memanfaatkan kerangka analisis semantik inkuisitif

Pendekatan semantik inkuisitif mempunyai kerangka analisis yang boleh dijadikan sebagai salah satu alternatif pembelajaran peribahasa yang dilihat mempunyai ciri-ciri persamaan dengan beberapa strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu, iaitu Pembelajaran Kontekstual dan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri. Menurut Bakar (2018), bagi menjayakan pelaksanaan KSSM, strategi pembelajaran yang digunakan oleh guru perlu memberi fokus kepada KBAT. Sehubungan itu, dalam aspek pembelajaran peribahasa, kaedah pembelajaran berbentuk kontekstual dan inkuiri (penerokaan) yang bagaimanakah dapat dijadikan rujukan oleh guru agar proses pembelajaran boleh berlaku secara menyeluruh dan dapat merangsang KBAT murid? Oleh hal yang demikian, kajian ini memanfaatkan kerangka analisis semantik inkuisitif untuk strategi pembelajaran peribahasa dengan menyediakan panduan kepada guru bagi memastikan standard pembelajaran aspek seni bahasa ini diajar menggunakan kaedah, teknik dan strategi yang bersesuaian dengan kehendak KSSM Bahasa Melayu.

1.8.5 Memartabatkan kembali peribahasa sebagai warisan bahasa

Melalui kajian ini, pengkaji berharap dapat membantu pihak kerajaan untuk melestarikan seni bahasa ini agar terus terpelihara kepada generasi kini dan akan datang. Hal ini demikian kerana, peribahasa Melayu perlu dijaga dan diwariskan kepada generasi akan datang bagi memastikan peribahasa terus hidup dalam masyarakat. Menurut Jalaluddin (2014), masyarakat kini tidak lagi menggunakan peribahasa dalam percakapan seharian mereka dan yang lebih menyedihkan lagi, masyarakat tidak memahami maksud-maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh peribahasa tersebut. Walaupun kerajaaan telah melakukan pelbagai usaha untuk melestarikan peribahasa sebagai warisan bangsa, kajian ini berpendapat bahawa untuk memastikan peribahasa terus hidup dalam kalangan masyarakat, usaha ini haruslah bermula di peringkat akar tunjang lagi, iaitu bermula di sekolah.

1.9 Rumusan bab

Kajian ini berfokus pada isu kesukaran memahami peribahasa Melayu kerana sifat metaforanya yang tidak menggambarkan makna sebenar, sekali gus menuntut kemahiran berfikir aras tinggi untuk menyingkap maksud berlapis yang terkandung di dalamnya. Kekaburan makna ini menimbulkan beberapa permasalahan, antaranya pengetahuan makna peribahasa murid yang terbatas, kurangnya minat dan penghayatan, serta persepsi bahawa peribahasa tidak lagi penting dalam pembelajaran bahasa. Selain itu, jurang pedagogi wujud apabila guru tidak mempunyai panduan yang tersusun untuk menganalisis peribahasa secara mendalam, menyebabkan pembelajaran masih tertumpu pada hafalan makna literal. Selaras dengan permasalahan ini, objektif kajian dirangka untuk meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mengikut kategori dan tema tertentu, menganalisis maknanya melalui

pendekatan semantik inkuisitif, serta merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan ini dengan strategi pembelajaran KSSM. Kajian ini signifikan kerana memperkukuh dimensi analisis makna peribahasa dan menawarkan alternatif pembelajaran yang lebih sistematik, bermakna dan berasaskan pemikiran kritis. Berdasarkan konteks kajian ini, buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 ditakrifkan secara operasional sebagai sumber rujukan rasmi yang memuatkan peribahasa dalam komponen seni bahasa dan peribahasa tersebut dijadikan data utama untuk dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif bagi menyingkap makna tersurat, makna tersirat, serta falsafah dan akal budi masyarakat Melayu.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Sorotan literatur merupakan salah satu komponen penting dalam proses penyelidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana fungsinya yang dapat membantu pengkaji memahami kajian terdahulu, mengenal pasti jurang dalam literatur dan memposisikan kajian mereka dalam konteks yang relevan (Creswell & Crewell, 2018). Pengkaji perlu membuat tinjauan ke atas kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tema penyelidikan untuk menganalisis dan membandingkan dapatan kajian (Ibrahim, 2017). Menurut Chua (2021) pula, sorotan literatur adalah aktiviti membuat rujukan secara kritikal dan sistematik ke atas dokumen-dokumen yang mengandungi maklumat, idea, data dan kaedah memperoleh maklumat, yang berkaitan dengan tajuk kajian yang akan dilaksanakan. Seterusnya, Lebar (2017) menyatakan, antara fungsi sorotan literatur dilakukan adalah untuk melihat kepada kelompangan kajian lepas bagi menyediakan asas sumbangan kepada pengetahuan yang baharu.

Oleh hal yang demikian, dalam bahagian ini pengkaji akan menganalisis secara kritis dan sintesis kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara yang mempunyai kaitan dengan tema kajian ini, iaitu peribahasa Melayu dan semantik inkuisitif. Dengan analisis secara bertema yang dijalankan untuk sorotan kajian, terdapat beberapa jenis kajian peribahasa yang berkaitan dengan kajian ini telah dikenal pasti. Menerusi sorotan literatur, pengkaji membahagikan jenis kajian lepas kepada tiga perspektif utama, iaitu (i) kajian tentang tahap penguasaan peribahasa dan makna, (ii) kajian berkaitan dengan kaedah

pengajaran dan pembelajaran peribahasa dan (iii) kajian makna peribahasa dan akal budi yang menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif sebagai pendasaran kajian. Setelah melakukan sorotan kajian bagi setiap perspektif, pengkaji akan menghuraikan dapatan dalam bahagian analisis kritis untuk menjelaskan kelompangan kajian lepas serta menjelaskan sumbangan kajian alternatif ini dalam menutup kelompangan tersebut.

2.2 Kajian tahap penguasaan makna peribahasa

Selain dapat menguasai tatabahasa dengan baik, ketinggian kemahiran berbahasa dapat diperhatikan dalam konteks kebolehan murid mengaplikasikan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran sama ada secara lisan mahupun penulisan. Contohnya hasil penulisan karangan tentunya akan menjadi lebih indah dan bermutu sekiranya dalam susunan kata-kata dimuatkan dengan peribahasa dalam konteks yang tepat dan sesuai. Walau bagaimanapun, melalui penelitian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dengan tahap penguasaan peribahasa dan makna, kebanyakan dapatan kajian menunjukkan bahawa masih ramai murid berada pada tahap lemah dan sederhana.

Merujuk kepada kajian berkaitan tahap penguasaan peribahasa dan makna dalam kalangan murid yang dilakukan oleh sarjana-sarjana dari dalam negara, kajian oleh Hussin (2020) dijalankan untuk meneliti tahap penguasaan penggunaan peribahasa dalam kalangan murid tingkatan 3, khususnya dari segi keupayaan mereka memahami dan mengaplikasikan peribahasa dalam penulisan serta pertuturan. Kajian ini dilaksanakan menggunakan kaedah pemerhatian serta ujian pra dan pos dengan melibatkan seramai 34 orang murid dan seorang guru Bahasa Melayu. Dapatan awal kajian menunjukkan murid masih berada pada tahap penguasaan yang rendah terhadap peribahasa dan maknanya. Sebelum intervensi, kebanyakan murid hanya mampu menyenaraikan kurang daripada

sepuluh peribahasa secara spontan, gagal memberikan maksud yang tepat dan tidak dapat mengenal pasti peribahasa dalam konteks ayat atau petikan. Penggunaan peribahasa dalam penulisan karangan juga didapati sangat terhad. Faktor penyumbang termasuk tanggapan murid bahawa soalan peribahasa sukar, kurang pendedahan kepada penggunaan peribahasa dalam komunikasi dan jarang merujuk kamus peribahasa. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan kelompangan dari sudut tahap penguasaan awal murid terhadap peribahasa, terutamanya dalam aspek memahami makna dan menggunakannya secara kontekstual. Hal ini menunjukkan masih terdapat ruang untuk kajian lanjut yang meneliti pendekatan lain bagi mendalami aspek makna peribahasa secara lebih menyeluruh.

Seterusnya, kajian oleh Hong et al. (2021) dijalankan untuk menganalisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid tingkatan 1 berdasarkan Teori Relevans (TR). Kajian ini memilih tiga peribahasa Melayu yang popular sebagai bahan kajian, iaitu *bagai menatang minyak yang penuh, harapkan pagar, pagar makan padi* dan *bagai melepaskan batuk di tangga*. Dari segi metodologi, seramai 30 orang murid diberikan tiga soalan peribahasa yang memerlukan mereka menulis makna serta membina ayat dengan menggunakan peribahasa tersebut. Analisis dijalankan dengan berpandukan tiga gagasan utama TR, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman murid terhadap makna peribahasa adalah umumnya tinggi. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian murid yang masih gagal memberikan makna yang betul. Hal ini menunjukkan bahawa pemahaman mereka masih terbatas kepada makna secara kognitif, iaitu dengan mengaitkan peribahasa hanya pada pengalaman dan persekitaran fizikal semata-mata. Pengkaji merumuskan bahawa pendekatan ini hanya menekankan pemahaman makna secara literal dan kognitif berdasarkan data, teori dan pengalaman murid, tanpa menyingkap aspek makna abstrak atau falsafah yang mendasari

peribahasa. Keadaan ini menunjukkan masih wujud ruang kajian lanjutan yang meneliti makna peribahasa secara lebih mendalam, termasuk dimensi abstrak yang tidak disentuh dalam kajian tersebut.

Selain itu, kajian oleh Awang et al. (2022) dilakukan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar di institusi pengajian tinggi terhadap peribahasa yang berunsurkan nilai Islam. Kajian ini melibatkan 210 orang pelajar Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu yang mengikuti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban II (CTU554). Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang telah disemak oleh pakar dengan kebolehpercayaan tinggi ($\alpha = 0.787$). Instrumen soal selidik dibina berasaskan konsep pengetahuan, persepsi dan sikap yang menjadi kerangka teori asas kajian, manakala analisis data dijalankan secara deskriptif menggunakan perisian SPSS. Soalan soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu (i) memberi maksud peribahasa bermotif agama, (ii) tahap pengetahuan terhadap peribahasa, (iii) persepsi terhadap peribahasa dan (iv) sikap dalam menggunakan peribahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar hanya mengenali peribahasa yang lazim didengari dan digunakan dalam masyarakat Melayu. Majoriti pelajar jarang menggunakan peribahasa dalam komunikasi seharian kerana tidak memahami dengan jelas maksud peribahasa walaupun pernah mendengarnya. Hasil kajian juga mendapati sebahagian besar pelajar telah melupakan peribahasa yang pernah dipelajari di peringkat sekolah kerana tidak mempraktikkan penggunaannya. Walaupun tahap pengetahuan dan persepsi pelajar terhadap peribahasa nilai Islam berada pada tahap yang tinggi, dapatan berkaitan sikap penggunaan peribahasa menunjukkan tahap yang sederhana dan rendah. Pengkaji menegaskan bahawa penggunaan peribahasa dalam komunikasi seharian menuntut kepada pemahaman makna tersirat yang jelas mengikut

kesesuaian konteks pertuturan dan pemprosesan kognitif, namun ciri ini gagal dikuasai sepenuhnya oleh pelajar. Kebanyakan pelajar hanya menghafal maksud daripada kamus peribahasa untuk tujuan peperiksaan tanpa benar-benar memahami makna peribahasa secara mendalam. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan kelompangan dari segi penguasaan makna tersirat dan kontekstual peribahasa, khususnya dalam aspek penggunaan dalam komunikasi seharian yang dilihat sering dianggap tidak penting oleh generasi muda kini. Walaupun pelajar menunjukkan pengetahuan dan persepsi yang baik, kelemahan dalam sikap penggunaan membuktikan bahawa pemahaman mereka masih bersifat lemah dan tidak berakar pada penghayatan makna yang menyeluruh.

Kajian oleh Bakar et al. (2020) pula bertujuan mengenal pasti masalah yang dihadapi murid tahap lima sekolah rendah dalam memahami pembentukan serta makna peribahasa. Kajian ini memfokuskan kepada miskonsepsi murid terhadap leksikal yang membentuk sesuatu peribahasa. Dari segi metodologi, kajian dijalankan berdasarkan reka bentuk kajian tindakan dengan merujuk model Kemmis dan McTaggart (1988), yang merangkumi tinjauan awal, pelaksanaan tindakan, pengumpulan data dan refleksi. Instrumen kajian melibatkan ujian pra dan pos serta pemerhatian terhadap murid yang dipilih daripada dua buah sekolah di Kelantan dan Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan murid menghadapi beberapa masalah utama dalam memahami makna peribahasa. Antara masalah tersebut ialah murid tidak memahami maksud leksikal tertentu yang membentuk peribahasa, gagal mengaitkan makna leksikal dan imej peribahasa dengan maksud sebenar serta hanya mengenali bentuk peribahasa tanpa benar-benar memahami maknanya. Kajian turut menjelaskan bahawa masalah ini berpunca daripada peralihan tulisan jawi kepada rumi yang telah mengubah ejaan leksikal sehingga menimbulkan kekeliruan, contohnya perbezaan antara ‘*batok’* dan ‘*batuk’* serta antara

‘*pegar’* dan ‘*pagar’*. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan kelompangan dari aspek kefahaman makna peribahasa, khususnya berkaitan dengan kemampuan mereka menghubungkan bentuk leksikal dengan maksud sebenar. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun murid terdedah kepada peribahasa, tetapi tahap penguasaan maknanya masih lemah dan bersifat permukaan, sekali gus menuntut penelitian yang lebih mendalam terhadap aspek makna dalam peribahasa.

Selain itu, kajian berkaitan tahap penguasan peribahasa dan makna dalam kalangan pelajar turut dilakukan oleh pengkaji dari luar negara dalam pelbagai konteks. Kajian oleh Guo (2019) dijalankan untuk meneliti tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar kolej di China yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Tujuan utama kajian ini adalah mengenal pasti cabaran yang dihadapi pelajar dalam memahami makna simpulan bahasa yang bersifat metafora dan metonimi, di samping menilai keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan. Dari segi metodologi, kajian ini berbentuk kuasi-eksperimen dengan melibatkan 70 orang pelajar yang dibahagikan kepada kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kajian berasaskan kerangka linguistik kognitif, khususnya teori metafora konseptual dan metonimi oleh Lakoff dan Johnson (1980), dengan perbandingan antara kaedah pengajaran tradisional berasaskan hafalan dengan kaedah pengajaran berasaskan metafora dan metonimi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap awal penguasaan simpulan bahasa pelajar adalah sederhana, dengan kebanyakan pelajar mengalami kesukaran memahami maksud simpulan bahasa yang bersifat figuratif. Pendekatan tradisional yang bergantung pada hafalan semata-mata didapati kurang berkesan kerana pelajar gagal memahami hubungan antara simpulan bahasa dengan komponen maknanya. Sebaliknya, pendekatan berasaskan linguistik kognitif membantu pelajar membina hubungan konseptual antara simpulan

bahasa dan makna tersiratnya. Walau bagaimanapun, hasil kajian turut menunjukkan terdapat perbezaan dari segi tahap keberkesanan, iaitu simpulan bahasa berbentuk metafora struktur lebih mudah difahami berbanding simpulan bahasa metafora ontologi dan orientasi. Rumusannya, kajian ini memperlihatkan kelompangan dari segi pemahaman makna simpulan bahasa yang mendalam, khususnya apabila pemahaman pelajar masih terbatas pada tahap literal dan kognitif asas. Pendekatan linguistik kognitif didapati membawa manfaat dalam meningkatkan penguasaan, namun masih belum mencukupi untuk menyingkap makna sebenar simpulan bahasa yang bersifat kompleks dan berlapis. Hal ini membuka ruang kepada keperluan kajian yang meneliti dimensi lain dalam memahami makna figuratif secara menyeluruh.

Seterusnya, kajian oleh Samburskiy (2020) dijalankan untuk mengenal pasti tahap pemahaman peribahasa berunsurkan metafora dalam kalangan pelajar universiti yang mengikuti program ESL *(English as a Second Language)* di Amerika Syarikat dan EFL *(English as a Foreign Language*) di Rusia. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai tahap penguasaan pelajar terhadap peribahasa serta keupayaan mereka memahami makna figuratif yang terkandung dalam bahasa kiasan. Dari segi metodologi, kajian ini melibatkan pelajar universiti di kedua-dua negara dengan menggunakan teknik *dual coding*, iaitu pengajaran berasaskan gabungan teks dan imej visual, bagi menguji keberkesanan pendekatan tersebut dalam membantu pemahaman makna peribahasa. Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar adalah rendah. Pelajar lebih cenderung untuk mentafsir peribahasa secara literal, mencerminkan kekurangan pemahaman terhadap makna kiasan yang mendasari ungkapan tersebut. Data kajian turut mendedahkan banyak kesilapan dalam interpretasi, sama ada dengan memberikan makna literal ataupun makna yang tidak relevan, khususnya bagi peribahasa yang mempunyai

makna yang lebih kompleks. Kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan kelompangan dalam pemahaman pelajar terhadap peribahasa, terutamanya dari sudut kemampuan menyingkap makna figuratif yang abstrak. Walaupun kaedah *dual coding* digunakan untuk meningkatkan tahap kefahaman, hasil kajian menunjukkan bahawa penguasaan makna peribahasa dalam kalangan pelajar masih terbatas, sekali gus membuka ruang kepada keperluan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam meneliti makna peribahasa.

2.3 Kajian kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa

Kajian berkaitan peribahasa dalam pelbagai bidang semakin mendapat perhatian sama ada di dalam mahupun di luar negara termasuklah usaha para guru dan pengajar dalam mempelbagaikan kaedah PdP peribahasa dalam bidang pendidikan di pelbagai peringkat. Kesan kepada perkembangan teknologi maklumat serta penambahbaikan dalam pedagogi telah mempengaruhi kepelbagaian kaedah PdP pada masa kini. Kaedah PdP yang dipilih perlulah mengambil kira keperluan semasa dalam pendidikan dan juga mengikuti trend terkini dari segi pemilihan bahan bantu mengajar, penyesuaian strategi pembelajaran, memanfaatkan sumber berasaskan teknologi dan multimedia serta menekankan kepada usaha meningkatkan keupayaan berfikir kritis dan kreatif dalam kalangan murid (Saidin et al., 2023).

Dalam konteks kajian yang dilakukan dalam negara, Bakar et al. (2020) telah menjalankan kajian yang mengaplikasikan teknologi *Augmented Reality* (AR) bagi mengatasi masalah miskonsepsi pembentukan peribahasa dalam kalangan murid. Kajian ini memperkenalkan satu intervensi dalam pembelajaran peribahasa yang diberi nama sebagai "i-kit Peribahasa Unggul" untuk membantu murid-murid meningkatkan pemahaman peribahasa dan maksud. Kaedah pembelajaran peribahasa yang diperkenalkan ini

menggabungkan elemen maujud dan alam maya yang memerlukan perantara seperti telefon pintar atau komputer tablet untuk menggunakannya dengan mengimbas kod QR yang disediakan oleh guru. Paparan maya akan keluar pada skrin peranti dan murid-murid boleh memulakan proses pembelajaran dengan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan melalui *Google Form*. Aplikasi ini akan memberi penerangan kepada murid-murid berkaitan dengan leksikal-leksikal tertentu yang membentuk ungkapan peribahasa tersebut. Murid-murid yang ingin mendapatkan lebih informasi berkaitan maksud leksikal boleh menekan pautan yang akan membawa ke laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP (PRPM-DBP). Hasil yang diperoleh melalui dapatan kajian ini menunjukkan murid-murid sudah mula menggunakan peribahasa dengan leksikal yang betul dalam penulisan karangan Bahasa Melayu dan ayat-ayat yang dibina juga lebih gramatis. Kajian ini juga mendapati bahawa kelakuan murid-murid mengalami perubahan positif apabila mereka lebih memberi tumpuan kepada proses pembelajaran dan tingkah laku distruktif dapat dikurangkan.

Selain menggunakan teknologi seperti AR, terdapat juga kajian yang menggunakan aplikasi multimedia berasaskan kinestetik dalam Teori Kecerdasan Pelbagai oleh Gardner (1983) untuk pembelajaran peribahasa. Aplikasi yang direka bentuk melalui kajian oleh Jailani et al. (2020) ini pada asasnya diadaptasi daripada jalan cerita novel komsas yang memberi fokus kepada tema peribahasa menjadi bahan penceritaan digital. Pelbagai elemen media digunakan melalui aplikasi ini seperti animasi, muzik, video, permainan dan juga peranti pengesan *kinect* yang kebiasaannya digunakan dalam industri permainan video digital untuk mengawal pergerakan anggota badan. Kaedah pembelajaran peribahasa melalui penceritaan digital ini menggabungkan teknologi dan elemen didik hibur yang dikatakan berupaya untuk menarik minat murid-murid untuk belajar peribahasa

dalam suasana yang lebih menyeronokkan. Kajian oleh Jailani et al. (2020) ini telah mengenal pasti beberapa kaedah pembelajaran dengan gabungan elemen teknologi melalui sorotan kajian bagi membangunkan aplikasi ini untuk pembelajaran peribahasa dalam usaha membantu meningkatkan kefahaman murid.

Seterusnya, kajian oleh Jaafar et al. (2022) juga mengaplikasikan teknologi dalam kaedah pembelajaran peribahasa dengan mencipta perisian komputer berbentuk permainan digital untuk meneroka peribahasa. Aplikasi permainan yang diberi nama *Meneroka Peribahasa* ini dibangunkan dengan tujuan untuk mengatasi masalah penguasaan peribahasa dalam kalangan murid di peringkat sekolah rendah sekali gus ingin menarik minat mereka untuk mempelajari peribahasa. *Kaedah Kitaran Pembangunan Permainan* (GDLC) digunakan dalam proses membangunkan aplikasi ini. Permainan yang menggunakan paparan antara muka yang dioperasikan berdasarkan sistem android ini memerlukan peranti seperti telefon pintar atau komputer tablet untuk dimuat turun melalui aplikasi *Google Play Store*. Kandungan aplikasi permainan *Meneroka Peribahasa* ini dilengkapi dengan pelbagai aktiviti pembelajaran peribahasa di dalamnya seperti *Koleksi Peribahasa, Maksud Peribahasa, Permainan* dan juga *Kuiz* yang digabungkan dalam bentuk grafik, visual, bunyi dan animasi. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh melalui borang soal selidik, 88.2% responden bersetuju permainan *Meneroka Peribahasa* ini dapat digunakan untuk menarik minat murid-murid mempelajari peribahasa dengan lebih tekun dan bersemangat. Selain itu, 82.4% responden bersetuju bahawa permainan ini juga dapat membantu murid-murid menguasai peribahasa dengan lebih baik. Secara keseluruhannya, kajian ini berpendapat bahawa aplikasi *Meneroka Peribahasa* yang dibangunkan ini dapat digunakan untuk membantu murid-murid menguasai peribahasa yang dipelajari di sekolah selain menjadikan proses pembelajaran peribahasa biasa

sebelum ini kepada kaedah pembelajaran peribahasa yang lebih menarik dan menyeronokkan.

Walaupun kaedah pembelajaran peribahasa pada masa kini banyak mengaplikasikan teknologi digital sebagai medium penyampaian sepertimana kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh Bakar et al. (2020), Jaafar et al. (2022) dan Jailani et al. (2020), terdapat juga kaedah pembelajaran peribahasa yang mengaplikasikan strategi pembelajaran berasaskan projek. Kajian oleh Hussin (2020) dilaksanakan dengan tujuan menambah pengetahuan murid tentang peribahasa, menyemai minat serta rasa cinta terhadap penggunaannya dan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam soalan peribahasa serta penulisan karangan. Pembelajaran Berasaskan Projek yang digunakan dalam kajian ini adalah salah satu strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu dan pelaksanaannya juga selaras dengan kehendak Standard Kandungan DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 3, iaitu *"Memahami dan menggunakan bandingan semacam, peribahasa, kata-kata hikmat, kiasan madah pujangga dan bahasa berirama dalam komunikasi dan penulisan"*. Melalui projek ini, murid diminta menghasilkan *Kamus Mini 3D Peribahasa* dengan menggunakan bahan terpakai dan dibimbing oleh guru sepanjang proses pembelajaran. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, ujian bertulis dan soal selidik untuk menilai keberkesanan pelaksanaan. Intervensi dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan projek dengan berteraskan prinsip Pembelajaran Berasaskan Projek yang menekankan pembelajaran kolaboratif, penerokaan kendiri dan penghasilan produk kreatif sebagai hasil akhir. Dapatan kajian menunjukkan perubahan positif terhadap sikap dan penguasaan peribahasa murid. Murid dapat menyenaraikan lebih banyak peribahasa, memberi maksud dengan lebih tepat, mengenal pasti peribahasa melalui ayat situasi dan mengaplikasikannya dalam penulisan

karangan. Selain itu, minat terhadap pembelajaran peribahasa turut meningkat. *Kamus Mini 3D Peribahasa* yang dihasilkan dianggap kreatif, menarik, mudah dibawa dan dapat dijadikan bahan rujukan oleh murid. Kesimpulannya, walaupun kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan projek melalui penghasilan *Kamus Mini 3D Peribahasa* berkesan meningkatkan penguasaan peribahasa murid, pendekatan ini hanya menekankan penguasaan pada tahap permukaan. Murid mungkin lebih banyak mengetahui dan menggunakan peribahasa, tetapi pemahaman mendalam tentang makna abstrak, nilai budaya dan falsafah peribahasa masih terbatas dan belum diterokai sepenuhnya.

Seterusnya dalam konteks kajian luar negara, kajian oleh Sapriline et al. (2023) dari Indonesia dijalankan untuk menghasilkan sebuah modul pembelajaran bahasa yang mengintegrasikan peribahasa tradisional Dayak Ngaju di sekolah rendah. Tujuan utama kajian ini adalah memanfaatkan peribahasa sebagai alat pengajaran yang bukan sahaja memperkayakan kemahiran berbahasa murid, tetapi juga mengukuhkan kefahaman terhadap nilai budaya masyarakat setempat. Dari segi metodologi, pengkaji mengumpulkan 25 peribahasa tradisional Dayak Ngaju yang dikenal pasti sesuai untuk dijadikan bahan pembelajaran. Modul yang dihasilkan disusun dengan menekankan aspek kesesuaian isi kandungan, bahasa dan bentuk penyampaian yang sesuai untuk murid tahap rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan peribahasa dalam pembelajaran bahasa mampu menyampaikan mesej moral, etika dan nilai kehidupan dengan lebih berkesan. Peribahasa yang dipilih, seperti *kilau kelep buli lewu* yang bermaksud *seperti kura-kura kembali ke kampung halaman* dan *jatun puji bua manjatu kejau bara upu* yang bermaksud *buah tidak jatuh jauh dari pohonnya* berfungsi sebagai medium yang berkesan untuk merangsang daya pemikiran kritis murid melalui aktiviti interpretasi dan analisis makna. Kajian ini juga membuktikan bahawa pengintegrasian peribahasa tradisional ke dalam

modul pembelajaran bahasa bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan jati diri dan nilai murni dalam kalangan murid.

Manakala kajian oleh Samathayakul dan Thamaduangsri (2022) dari Thailand pula dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan media pembelajaran yang dapat meningkatkan penguasaan penggunaan peribahasa dalam komunikasi pelajar yang cacat penglihatan. Kajian ini membangunkan media pembelajaran berbentuk buku audio menggunakan sistem DAISY (*Digital Accessible Information System*), yang direka khusus untuk memenuhi keperluan pelajar buta dalam mempelajari peribahasa Thai sebagai sebahagian daripada kemahiran komunikasi mereka. Sistem DAISY adalah sebuah format dan teknologi yang direka khusus untuk menghasilkan bahan bacaan digital yang mesra pengguna, terutamanya bagi individu dengan kecacatan penglihatan atau masalah pembelajaran. Sistem ini digunakan untuk mencipta buku audio dan teks digital yang boleh diakses dengan lebih mudah oleh golongan kurang upaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa media pembelajaran ini berjaya meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami dan menggunakan peribahasa dalam komunikasi. Berdasarkan data yang diperoleh daripada keputusan ujian-pra dan ujian-pasca, pelajar menunjukkan peningkatan signifikan dalam prestasi mereka. Tambahan pula, tahap kepuasan pelajar terhadap media pembelajaran juga tinggi, terutamanya dari aspek penyampaian kandungan, kualiti audio dan pengajaran peribahasa. Hasil dapatan daripada kajian ini telah menunjukkan kesesuaian pendekatan ini dengan keperluan pembelajaran pelajar yang cacat penglihatan. Kajian ini turut menggariskan peranan teknologi bantu seperti sistem DAISY dalam menyokong pengajaran bahasa, khususnya dalam konteks pelajar kurang upaya. Dengan

bantuan teknologi ini, pelajar bukan sahaja dapat memahami peribahasa secara mendalam, tetapi juga dapat mengaitkannya dengan konteks komunikasi yang sesuai.

2.4 Kajian makna peribahasa dan akal budi

Pengkajian tentang makna bahasa kiasan terutamanya peribahasa juga semakin mendapat tempat dalam kalangan ahli bahasa di dalam dan luar negara. Kajian lepas tentang peribahasa dilakukan dalam pelbagai bentuk seperti kajian pengumpulan peribahasa, kajian peribahasa dan kognitif dan juga kajian makna peribahasa menurut pelbagai teori, pendekatan dan perspektif. Walau bagaimanapun, menurut Jalaluddin (2014), mengkaji makna peribahasa tidak boleh hanya menggunakan pandangan ‘mata kasar’ sahaja. Perlu ada satu lagi tahap tertinggi yang melangkaui pandangan ‘mata kasar’ bagi melengkapkan analisis dalam pengkajian makna oleh ahli bahasa. Analisis pada tahap ini memerlukan tafsiran ‘mata hati’ yang terselindung di sebalik maksud tersurat dan tersirat.

Penyelidikan makna secara menyeluruh ini perlu menggunakan pendekatan analisis yang bersifat inkuiri ataupun inkuisitif. Pengkajian makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif telah digunakan secara meluas dalam bidang linguistik oleh pengkaji bahasa untuk menganalisis makna peribahasa dalam pelbagai sudut pandangan sehingga ke akar umbi dan seterusnya mencapai kepada falsafah dan akal budi Melayu. Kerangka kajian semantik inkuisitif melibatkan tiga peringkat analisis, iaitu menganalisis makna peribahasa bermula dengan semantik skrip, iaitu melibatkan maksud permukaan yang diperoleh daripada kamus. Seterusnya diikuti dengan semantik resonans untuk membuktikan penggunaan peribahasa dan makna berdasarkan konteks sebenar yang dibantu Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986), iaitu sebahagian daripada

Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986). Akhir sekali, mengaplikasikan semantik inkuisitif untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu di sebalik pembentukan sesebuah peribahasa. Sorotan kajian ini akan memberi fokus kepada kajian lepas dari dalam dan luar negara yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa dalam pelbagai aspek sebagai pendasaran kajian.

Melalui sorotan literatur bersistematik yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian terdahulu yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam kajian mereka, pengkaji menemukan banyak kajian sejak pendekatan semantik inkuisitif mula diperkenalkan oleh Jalaluddin pada tahun 2014 sehingga kini. Walau bagaimanapun, sebagai batasan untuk bahagian sorotan literatur dalam kajian ini, pengkaji menetapkan beberapa kriteria dalam proses penyaringan kajian-kajian lepas. Pertama, pengkaji memilih kajian lepas yang dilakukan dalam tempoh lima tahun ke belakang dan kedua, kajian tersebut melibatkan data peribahasa sahaja. Justifikasinya adalah untuk mendapatkan kajian terkini yang berkaitan dengan kajian ini, iaitu analisis semantik inkuisitif peribahasa dalam KSSM Bahasa Melayu.

Seterusnya, pada peringkat pengumpulan artikel, pengkaji mengelaskan kajian-kajian lepas yang menepati kriteria pemilihan kepada domain kajian masing-masing supaya pengkaji dapat melakukan sorotan literatur secara lebih berfokus, iaitu kajian yang menganalisisi makna peribahasa bertemakan haiwan (Daud & Subet, 2019a, 2019b; Murthy & Subet, 2019; Daud & Subet, 2022; Daud et al., 2021; Muthy & Subet, 2020; Amran & Nopiah, 2020; Nopiah et al., 2023; Fajarina et al., 2024), tumbuhan (Murthy et al., 2019b; Murthy et al., 2019c; Sabarudin & Rosly, 2021; Kasdan & Nopiah, 2021; Kinanti & Rachman, 2019), seni bina (Zaini & Jalaluddin, 2019), makanan (Murthy et al., 2019a), kepimpinan (Saimon & Md. Rashid, 2022), anggota dan organ badan manusia

(Jonteng et al., 2021; Suhaila et al., 2024) dan kajian yang berunsurkan eufemisme dalam peribahasa Melayu (Nopiah & Anuar, 2023).

Walau bagaimanapun, untuk sorotan literatur menurut perspektif kajian makna peribahasa dan akal budi ini, pengkaji tidak akan mengulas semua kajian yang dinyatakan tetapi hanya mengambil beberapa kajian lepas sahaja sebagai contoh untuk dibincangkan dalam kajian ini (Merriam, 2001; Lebar, 2017). Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji hanya ingin menyorot kaedah kajian-kajian lepas menganalisis makna peribahasa dengan domain yang berbeza berdasarkan skrip, data, teori, kognitif dan akal budi yang terdapat dalam kerangka kajian semantik inkuisitif untuk kajian mereka. Selain itu, pengkaji juga meneliti dapatan daripada kajian-kajian lepas untuk mendapatkan gambaran sejauh mana kerangka kajian semantik inkuisitif ini dikatakan berupaya untuk merangsang kemahiran berfikir aras tinggi melalui sifat ingin tahu, menonjolkan pembelajaran multidisiplin dan juga membawa pemikiran ke arah memahami makna sebenar peribahasa melalui penerokaan terhadap falsafah dan akal budi Melayu seperti menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024) untuk dikaitkan dengan strategi-strategi pembelajaran bahasa yang terdapat dalam KSSM Bahasa Melayu. Dengan melakukan sorotan terhadap kajian-kajian makna peribahasa dengan domain yang berbeza seperti ini, pengkaji akan dapat mengenal pasti kelompangan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas dan menjelaskan bagaimana kajian yang dilakukan ini dapat memenuhi lompang tersebut.

Menyorot kajian oleh Daud dan Subet (2019a) bertajuk *Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu* dijalankan untuk meneliti makna peribahasa yang melibatkan imej haiwan, khususnya angsa dan itik. Tujuan kajian ini adalah menghuraikan makna tersirat yang terkandung dalam peribahasa tersebut dengan meneliti hubungannya dengan struktur sosial masyarakat

Melayu. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif sebagai pendasaran analisis, iaitu kaedah yang menekankan analisis makna secara berlapis untuk menonjolkan falsafah dan akal budi yang mendasari ungkapan peribahasa tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peribahasa *sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik* menggambarkan wujudnya amalan pengagihan tidak adil dalam lapisan masyarakat, apabila golongan bawahan hanya menerima lebihan daripada golongan atasan. Analisis ini juga menegaskan bahawa pemilihan imej haiwan dalam peribahasa Melayu bukan bersifat kebetulan, tetapi berakar daripada pemerhatian masyarakat terhadap ciri dan sifat haiwan dalam kehidupan seharian, yang kemudiannya dijadikan lambang dalam menyampaikan pengalaman sosial dan budaya.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh Daud dan Subet (2019b, 2022) dan Daud et al. (2021) juga dilihat menggunakan data peribahasa berunsurkan haiwan berkategorikan *aves* dalam kajian mereka seperti ‘ayam’ dan ‘burung gagak’. Mengambil contoh kajian yang dilakukan oleh Daud et al. (2021), kajian ini telah menggunakan data peribahasa bersumberkan ‘burung gagak’ sebagai subjek untuk dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian yang bertajuk *Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif* dilakukan bertujuan untuk meneroka sebab mengapa masyarakat Melayu dahulu kala memilih imej perlambangan burung gagak dalam peribahasa Melayu menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Antara peribahasa yang disenaraikan mengandungi imej perlambangan ‘gagak’ dalam kajian ini ialah *bagai gagak menggonggong telur, burung gagak itu jika dimandikan dengan air mawar sekalipun tidak akan menjadi putih bulunya, gagak pulang ke benua* dan *hitam gagak tiada siapa yang mencelupnya*. Data-data kajian ini dikupas maknanya dengan teliti dan terperinci menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif, iaitu menganalisis data dengan semantik

skrip, diikuti semantik resonans yang dibantu pendekatan RRS. Hasil daripada analisis kajian ini mendapati imej burung gagak dalam peribahasa Melayu sering menggambarkan sifat-sifat yang negatif seperti rupa yang buruk, jahat, licik, perangai yang tidak elok dan busuk. Menurut kajian ini lagi, walaupun terdapat kajian lain berkaitan burung gagak yang menunjukkan sisi positif dari sudut intelektual dan emosi, namun dari perspektif zoologi burung gagak adalah sejenis haiwan pemakan bangkai yang kotor dan berbau busuk. Oleh hal yang demikian, pembentukan peribahasa menggunakan imej perlambangan burung gagak oleh masyarakat Melayu zaman dahulu pada lazimnya menggambarkan sikap-sikap yang negatif seperti bersikap khianat, tikam belakang, mementingkan diri sendiri dan sentiasa mengambil peluang untuk menjatuhkan orang lain. Melalui kajian ini, kebijaksanaan pemikiran orang Melayu pada zaman dahulu kala dapat dilihat dari sudut pengamatan kompleks terhadap objek dan imej sumber alam yang dikaitkan dengan tingkah laku dan ragam masyarakat di sekeliling mereka.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Murthy dan Subet (2020) dan Fajarina et al. (2024) dari Indonesia masing-masing menganalisis makna peribahasa berimej ‘gajah’ dalam masyarakat Tamil dan Melayu. Walaupun kedua-dua kajian menggunakan kerangka semantik inkuisitif sebagai pendasaran kajian, namun terdapat perbezaan dari segi sumber data dan perspektif budaya dalam pembentukan ungkapan peribahasa tersebut. Kajian oleh Fajarina et al. (2024) menumpukan pada peribahasa Melayu yang berimej gajah sebagai simbol kekuasaan, sindiran dan perkara sia-sia. Manakala kajian oleh Murthy dan Subet (2020) pula melihat kepada peribahasa Tamil berimej gajah yang membawa pengaruh agama, adat, budaya dan falsafah masyarakat India. Melalui sorotan yang dilakukan terhadap kedua-dua kajian ini, peribahasa Melayu dan Tamil yang berimej gajah menunjukkan persamaan dari segi gambaran gajah sebagai simbol yang melambangkan

aspek keagungan dan nasihat moral. Sebagai contoh, peribahasa Melayu *gajah rompong belalai* merujuk kepada seseorang yang kehilangan kekuasaan dan kemampuan, manakala peribahasa Tamil *yanai varum pinne, mani osai varum munney* memberi amaran bahawa setiap kecelakan yang bakal menimpa kebiasaanya akan didahului oleh tanda-tanda tertentu. Kedua-duanya membawa mesej yang mendalam dan bersifat reflektif, menunjukkan kehalusan akal budi dalam masyarakat Melayu dan Tamil. Selain itu, kedua-dua kajian juga menyimpulkan bahawa imej gajah tidak hanya digunakan sebagai metafora literal tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan falsafah dan nilai-nilai positif yang dipegang oleh masyarakat masing-masing. Hal ini bertepatan dengan penemuan dalam kajian-kajian ini bahawa gajah dianggap sebagai simbol yang mencerminkan kebijaksanaan dan kekuatan, dengan konteks budaya yang unik dalam setiap masyarakat (Fajarina et al., 2024; Murthy & Subet, 2020).

Namun, terdapat perbezaan ketara dalam perspektif budaya yang mempengaruhi penggunaan imej gajah dalam kedua-dua masyarakat ini. Menurut Fajarina et al. (2024), bagi masyarakat Melayu, imej gajah yang digunakan dalam peribahasa sering kali digunakan untuk mencerminkan aspek sosial seperti kekuasaan dan kritikan terhadap perilaku tertentu. Sebaliknya, masyarakat Tamil melihat gajah dari sudut keagamaan dan kepercayaan, apabila gajah sering dikaitkan dengan Dewa Ganesha dan dianggap sebagai simbol ketuhanan serta kekuatan (Murthy & Subet, 2020). Tambahan lagi, kajian oleh Fajarina et al. (2024) lebih memfokuskan kepada domain kekuasaan, sindiran dan kesia-siaan dalam konteks peribahasa Melayu, manakala kajian Murthy dan Subet (2020) turut menyentuh aspek geografi, sejarah dan kepercayaan yang lebih meluas dalam peribahasa Tamil. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini berjaya menunjukkan bahawa penggunaan imej gajah dalam peribahasa Melayu dan Tamil telah mencerminkan budaya,

falsafah dan akal budi yang mendalam dalam kedua-dua masyarakat dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Walaupun terdapat perbezaan dari segi sumber dan perspektif budaya, namun kedua-dua kajian ini mendapati bahawa peribahasa tidak hanya sekadar ungkapan literal tetapi juga sebuah medium untuk menyampaikan nilai moral dan falsafah kehidupan yang tinggi.

Selain kajian yang menggunakan data peribahasa berunsur haiwan seperti yang telah dibincangkan, terdapat juga beberapa pengkaji lepas yang memilih peribahasa bertemakan tumbuh-tumbuhan untuk dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif, antaranya kajian yang telah dilakukan oleh Sabarudin dan Rosly (2021) yang menggunakan data peribahasa bersumberkan 'bunga' sebagai subjek kajian mereka. Kajian bertajuk *Unsur bunga dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif* dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti makna perlambangan dan metafora berimejkan 'bunga' yang terdapat dalam peribahasa Melayu dan perkaitannya dengan perkara, sifat, perbuatan dan juga fenomena yang terjadi dalam ragam kehidupan masyarakat. Setelah melalui proses pengumpulan, pencerakinan dan pengkelasan data, kajian ini telah mengenal pasti lima peribahasa yang berunsurkan 'bunga' sebagai data kajian. Dalam kajian ini, pengkaji mengambil tiga peribahasa yang menggunakan unsur bunga secara khusus untuk dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif, iaitu 'bunga dedap', 'bunga mawar' dan 'bunga senduduk'. Hasil daripada analisis data menunjukkan peribahasa yang menggunakan imej bunga tertentu secara khusus ini pada dasarnya menggambarkan sifat tumbuhan tersebut seperti warna, bau, tempat bunga itu tumbuh dan rupa bentuk bunga tersebut. Antara dapatan yang diperoleh daripada analisis makna peribahasa 'bunga dedap' membawa maksud *'wanita yang cantik tetapi tidak beradab'*. Bunga dedap walaupun mempunyai warna yang cantik dan indah pada pandangan mata tetapi bunga ini sebenarnya

tidak berbau harum dan mempunyai racun pada bahagian tertentu serta berbahaya kepada makhluk lain. Sifat-sifat yang terdapat pada bunga dedap ini dikiaskan kepada ciri-ciri pada susuk tubuh seorang wanita yang cantik dan rupawan tetapi tidak berbudi bahasa. Sifat memudaratkan yang ada pada bunga dedap telah membuatkan makhluk lain takut untuk mendekatinya. Begitu juga apabila seorang wanita yang cantik tetapi tidak mempunyai akhlak yang baik akan membuatkan masyarakat cuba menjauhinya. Analisis makna peribahasa berunsurkan 'bunga' melalui semantik inkuisitif bukan hanya berjaya menonjolkan kebijaksanaan pemikiran namun turut membuktikan bahawa orang Melayu pada zaman dahulu kala mempunyai ilmu yang tinggi dalam kajian sains tumbuhan ataupun ilmu botani. Hal ini dapat diperhatikan apabila masyarakat Melayu dahulu kala dapat menghubungkaitkan sifat biologi tumbuhan bunga dengan ragam kehidupan manusia yang berlaku di sekeliling mereka.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Kasdan dan Nopiah (2021) dan Kinanti dan Rachman (2019) juga mengambil peribahasa berunsurkan tumbuhan, iaitu 'padi' dalam kajian mereka. Walaupun kedua-dua kajian ini menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif sebagai pendasaran kajian, namun data peribahasa berunsurkan 'padi' yang digunakan adalah daripada sumber dan perspektif yang berbeza, iaitu padi dalam peribahasa Melayu (Kasdan & Nopiah, 2021) dan juga padi bagi masyarakat Indonesia (Kinanti & Rachman, 2019). Walau bagaimanapun, melalui sorotan yang dilakukan oleh pengkaji, peribahasa yang menggunakan imej padi dalam masyarakat Melayu dan Indonesia mempunyai banyak persamaan dari segi pembentukan kata dan makna. Sebagai contoh, peribahasa Melayu, *bawa resmi padi, semakin berisi, semakin tunduk* dan peribahasa Indonesia, *ingat akan ilmu padi, kian berisi kian menunduk* turut membawa maksud yang sama, iaitu *semakin tinggi ilmu atau kedudukan seseorang, hendaklah dia*

sentiasa merendah diri dan tidak sombong. Bagi masyarakat Melayu, padi seringkali dikonsepsikan dengan ciri-ciri orang yang merendah diri dan mempunyai sikap yang baik. Manakala imej padi bagi masyarakat Indonesia pula disimbolkan kepada kebaikan, kemakmuran dan kekayaan. Kesimpulan hasil daripada kedua-dua kajian ini yang menganalisis makna peribahasa berunsurkan 'padi' menggunakan pendekatan semantik inkusitif mendapati bahawa sifat yang ada pada padi dalam masyarakat Melayu dan Indonesia adalah membawa tanggapan yang baik dan sikap positif. Kajian ini berjaya membuktikan melalui semantik inkuisitif, peribahasa berunsurkan 'padi' yang dicipta oleh masyarakat Melayu dan Indonesia pada zaman dahulu bukanlah ungkapan kata yang direka kosong tetapi mempunyai makna tersirat yang mengandungi ilmu, nasihat dan falsafah untuk dijadikan teladan kepada generasi akan datang.

Data peribahasa yang dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif tidak hanya terbatas pada peribahasa yang berunsurkan haiwan dan tumbuhan sahaja bahkan lebih meluas lagi. Mengambil contoh kajian oleh Zaini dan Jalaluddin (2019), kajian ini dijalankan untuk meneliti makna simbol struktur seni bina tradisional Melayu dalam peribahasa, khususnya imej *'tangga'*. Tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan makna tersirat yang terkandung dalam peribahasa Melayu berasaskan imej *tangga* serta menghubungkaitkannya dengan nilai sosial, budaya dan falsafah kehidupan masyarakat Melayu. Dari segi metodologi, analisis dilakukan berasaskan pendekatan semantik inkuisitif yang berfungsi menyingkap makna berlapis serta falsafah di sebalik ungkapan peribahasa, dengan menggabungkan perspektif linguistik, antropologi, sosiologi dan seni bina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *'tangga'* berfungsi sebagai simbol perubahan sosial dan kedudukan individu dalam masyarakat. Sebagai contoh, peribahasa *naik tangga dari bawah* menggambarkan darjat sosial melalui konsep naik dan turun tangga, yang

melambangkan usaha individu meningkatkan taraf kehidupan ke arah yang lebih baik. Selain itu, imej '*tangga'* turut membawa mesej tentang sikap realistik, usaha gigih dan penghormatan terhadap struktur sosial. Analisis ini memperlihatkan bahawa elemen seni bina tradisional Melayu bukan sekadar berfungsi secara praktikal, tetapi mencerminkan nilai estetika, falsafah serta akal budi masyarakat Melayu.

2.5 Analisis kritis

Dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu, peribahasa diajar kepada murid di bawah pembelajaran aspek seni bahasa dan tatabahasa. Aspek seni bahasa seperti peribahasa seharusnya dianggap sama penting dengan aspek-aspek lain dalam pembelajaran bahasa kerana mempunyai nilai estetiknya yang tersendiri dalam menonjolkan kemahiran berbahasa. Pembelajaran peribahasa dilihat berupaya untuk berkembang dan relevan dengan proses pembelajaran bahasa secara keseluruhan jika murid dapat menguasai makna peribahasa dengan baik. Proses pembelajaran dalam memahami makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh bertujuan meningkatkan keupayaan berbahasa dalam kalangan murid. Kemahiran berbahasa murid dapat diperhatikan dalam konteks kebolehan menggunakan peribahasa dalam aktiviti pembelajaran sama ada secara lisan mahupun tulisan, contohnya hasil penulisan karangan tentunya akan menjadi lebih berestetika dan bermutu sekiranya dimuatkan dengan peribahasa yang tepat dan sesuai sekali gus melambangkan ketinggian kemahiran berbahasa murid tersebut.

Walau bagaimanapun, berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian lepas berkaitan tahap penguasaan peribahasa dan makna, pengukurannya dalam kalangan murid masih lagi berada pada tahap lemah dan sederhana. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan murid masih lagi lemah dalam penggunaan peribahasa sama ada secara lisan mahupun penulisan (Awang et al., 2022;

Bakar et al., 2020; Hussin, 2020; Hong et al., 2021). Manakala menurut Guo (2019) dan Samburskiy (2020), pelajar di universiti lemah dalam menguasai peribahasa kerana kebanyakannya menghadapi kesukaran untuk mentafsir maksud peribahasa yang bersifat metafora dan memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi untuk memahami maksudnya. Sifat peribahasa yang kompleks dan memerlukan tafsiran yang melangkaui makna literal menjadi faktor kepada masalah ini. Kelemahan menguasai makna peribahasa mengikut konteks yang betul dalam penyampaian bahasa boleh menimbulkan pelbagai masalah komunikasi sama ada melalui lisan mahupun penulisan. Rafatbaksh dan Ahmadi (2019) serta Samburskiy (2020) dalam kajiannya turut berpendapat, antara faktor pelajar sering melakukan kesilapan dalam menginterpretasi makna peribahasa adalah kerana pelajar tidak didedahkan dengan pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dan pengajar kekurangan pendekatan atau bahan dalam menganalisis makna peribahasa secara berstruktur.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan sorotan terhadap kajian lepas dari perspektif tahap penguasaan peribahasa dan kesannya kepada proses pembelajaran bahasa, kajian ini mencadangkan perlunya pendekatan pembelajaran peribahasa yang bersifat kontekstual, iaitu pendekatan yang menganalisis maksud peribahasa secara menyeluruh dengan menggunakan skrip, data, teori, kognitif dan akal budi serta memaksimumkan penggunaan sumber yang ada. Pendekatan ini dianggap penting bagi memastikan makna peribahasa dapat difahami secara mendalam dan menyeluruh. Selain itu, kajian ini turut menekankan keperluan untuk memperkenalkan satu tahap analisis yang lebih abstrak, melangkaui kaedah linguistik kognitif, seperti semantik inkuisitif, bagi membantu memahami metafora dalam peribahasa dengan lebih baik. Strategi pembelajaran yang sesuai juga perlu dikenal pasti untuk mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik penggunaan imej atau leksikal tertentu dalam pembentukan peribahasa. Sehubungan itu, terdapat keperluan bagi pengajar

untuk merangka pendekatan pembelajaran peribahasa yang lebih berstruktur dan berstrategik agar makna peribahasa yang bersifat metafora dan figuratif dapat dianalisis dengan lebih efektif.

Analisis kritis diteruskan kepada perspektif kajian kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa. Setelah meneliti kajian-kajian lepas, pengkaji berpendapat pendekatan yang dipilih oleh guru perlulah disesuaikan dengan trend dan keperluan semasa sama ada dari segi pemilihan kaedah, bahan dan strategi pembelajaran. Merujuk dokumen KSSM Bahasa Melayu, strategi dan aktiviti pembelajaran yang dirancang dan dilaksanakan perlu mengambil kira keupayaan guru untuk menterjemahkan KBAT bagi merangsang tahap pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid seperti keupayaan mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Dari perspektif kajian kaedah pengajaran dan pembelajaran peribahasa, pengkaji menemui beberapa kajian lepas yang memperkenalkan pelbagai teknik dan pendekatan pembelajaran dalam kajian mereka. Majoriti kajian memberi tumpuan kepada penggunaan aplikasi dan teknologi maklumat seperti kajian yang dilakukan oleh Bakar et al. (2020), Jailani et al. (2020), Jaafar et al. (2022) dan Samathayakul dan Thamaduangsri (2022). Hasil daripada dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kaedah pengajaran peribahasa yang mengaplikasikan teknologi digital sememangnya dapat menjadikan proses pembelajaran lebih menyeronokkan serta mengurangkan tingkah laku distruktif selain dapat membantu pelajar untuk lebih mudah memahami kandungan pembelajaran. Pembelajaran berteraskan teknologi digital pada dasarnya sejajar dengan inisiatif KPM melalui pengenalan Dasar Pendidikan Digital pada tahun 2023. Dasar ini bertujuan melahirkan generasi fasih digital yang berdaya saing dengan memperkukuh pengetahuan, kemahiran dan nilai digital dalam kalangan murid, pendidik, serta pemimpin pendidikan.

Walau bagaimanpun, pengkaji berpendapat kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan teknologi digital dalam bilik darjah dilihat mempunyai kekurangan dalam beberapa aspek. Hal ini kerana menurut Mansor (2024), Ismail dan Kunjuraman (2024) serta Lim et al. (2024), fasiliti berasaskan kelengkapan teknologi digital di sekolah-sekolah dalam negara ini belum lagi lengkap atas beberapa faktor seperti kedudukan sekolah yang berada di pinggir dan luar bandar dan masih ramai guru yang belum mendapat pendedahan sepenuhnya terhadap penggunaan teknologi digital dalam pengajaran. Pada dasarnya, penggunaan teknologi digital dalam pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan perantara seperti komputer dan telefon pintar dilihat masih terbatas dalam keadaan tertentu. Tidak semua murid mampu untuk memiliki peralatan elektronik yang diperlukan dan kekangan dari segi peraturan sesetengah sekolah yang melarang murid membawa peralatan telefon pintar dan komputer tablet ke sekolah atas alasan tertentu (Mohamed et al., 2012; Al Hadyd, 2019). Keadaan ini menimbulkan cabaran dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi digital, terutamanya dalam memastikan semua murid mendapat akses yang sama kepada kemudahan dan peralatan yang diperlukan. Oleh hal yang demikian, kajian ini mencadangkan agar kaedah pengajaran peribahasa yang digunakan haruslah bersifat praktikal dan fleksibel dengan persekitaran pembelajaran di sekolah.

Selain itu, terdapat juga kajian yang memperkenalkan pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan pembinaan modul seperti kajian yang dilakukan oleh Hussin (2020) dan Sapriline et al. (2023). Menurut kajian oleh Hussin (2020), terdapat perubahan positif yang berlaku terhadap sikap dan penguasaan peribahasa dalam kalangan murid-murid dengan penghasilan *Kamus Mini 3D Peribahasa*. Manakala kajian oleh Sapriline et al. (2023) pula memperkenalkan modul peribahasa untuk pembelajaran peribahasa. Modul ini

mengumpulkan 25 peribahasa Dayak Ngaju tradisional untuk dijadikan bahan pembelajaran peribahasa secara efektif dalam pembelajaran bahasa untuk menyampaikan mesej moral, etika dan nilai-nilai kehidupan. Namun begitu, menurut pemerhatian pengkaji, kajian oleh Hussin (2020) dan Sapriline et al. (2023) ini dilihat lebih memfokuskan pembelajaran peribahasa secara permukaan sahaja, iaitu murid hanya didedahkan dengan maksud yang diperoleh daripada kamus dan tidak dianalisis secara kognitif dan mendalam. Menurut pendapat pengkaji, selain memahami makna peribahasa yang diperoleh daripada kamus, guru juga perlu membimbing murid untuk meneroka makna peribahasa dengan lebih mendalam bagi menghubungkaitkan makna tersurat dan tersirat dalam konteks yang sebenar untuk menyerlahkan kognitif, falsafah dan akal budi yang tersembunyi di sebalik ungkapan peribahasa tersebut.

Seterusnya, analisis kritis dilakukan ke atas kajian-kajian lepas yang mengkaji makna peribahasa dan akal budi Melayu menggunakan semantik inkuisitif sebagai pendasaran kajian. Kajian-kajian ini dilakukan adalah untuk memberi sumbangan ilmu yang baharu dalam bidang linguistik khususnya semantik dan pragmatik. Kerangka kajian semantik inkuisitif dijadikan sebagai salah satu cabang metodologi dalam menganalisis bahasa kiasan yang mengandungi makna implisit seperti peribahasa Melayu (Jalaluddin, 2014). Melalui sorotan kajian yang dilakukan terhadap kajian makna peribahasa dan akal budi yang menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif, pengkaji mendapati kebanyakan kajian yang dilakukan lebih memfokuskan kepada data-data peribahasa yang bersumberkan haiwan sebagai subjek kajian mereka seperti kajian oleh Amran dan Nopiah (2020), Daud dan Subet (2019, 2022), Daud et al. (2021), Murthy dan Subet (2019, 2020), Nopiah et al. (2023) dan Fajarina et al. (2024).

Selain itu, terdapat juga kajian lepas yang menggunakan peribahasa berunsurkan tumbuh-tumbuhan sebagai subjek kajian mereka, seperti kajian yang dilakukan oleh Kasdan dan Nopiah (2021), Kinanti dan Rachman (2019), Murthy et al. (2019b, 2019c) serta Sabarudin dan Rosly (2021). Selain daripada peribahasa berunsurkan haiwan dan tumbuhan, terdapat juga kajian yang menggunakan subjek lain sebagai data kajian mereka seperti seni bina Melayu (Zaini & Jalaluddin, 2019), makanan (Murthy et al., 2019a), organ dan anggota badan (Jonteng et al., 2021; Suhaila et al., 2024), konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu (Saimon & Md. Rashid, 2022) dan unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu (Nopiah & Anuar, 2023).

Melalui sorotan yang telah dilakukan ini, pengkaji dapat melihat kelompangan dalam kajian semantik inkuisitif apabila kebanyakan pengkaji lepas lebih memfokuskan kepada imej haiwan dan tumbuhan serta satu tema tertentu sahaja dalam kajian mereka. Selain itu, kajian-kajian ini juga pada asasnya didasari oleh bidang linguistik yang bertujuan untuk mengkaji fenomena dan lakuan bahasa sahaja. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk menutupi kelompangan kajian semantik inkuisitif dengan meluaskan lagi sumber data peribahasa berdasarkan domain/tema yang berbeza dengan kajian terdahulu dan analisis dilakukan dengan melangkaui batas kajian bahasa. Hal ini kerana, analisis terhadap peribahasa dengan domain/tema yang berbeza akan menghasilkan nilai dan pengajaran yang berbeza serta memberi peluang kepada pengkaji untuk meneroka ilmu baharu.

2.6 Kajian alternatif

Setelah meneliti sorotan kajian dan juga analisis kritis yang dilakukan pengkaji, maka bertitik tolak daripada inilah pengkaji berpendapat satu kajian alternatif yang juga mengunakan peribahasa sebagai data kajian perlu dilakukan, untuk menambah baik

kelompangan yang dikesan dalam kajian-kajian berkenaan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mempelbagaikan lagi variasi kajian peribahasa Melayu dan semantik inkuisitif dengan menganalisis peribahasa bersumberkan tema selain daripada yang telah digunakan dalam kajian lepas. Peribahasa yang dipilih sebagai data kajian akan dianalisis berdasarkan tema tertentu yang memanfaatkan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu, iaitu menggunakan Pendekatan Tematik. Tema-tema yang digunakan dalam kajian ini diambil daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Justifikasi pengkaji menggunakan peribahasa Melayu yang diguna pakai dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 selain kerana data-data yang terkini, peribahasa-peribahasa ini juga dilihat lebih relevans dalam konteks pembelajaran bahasa di peringkat menengah atas.

Maka, bertepatanlah dengan matlamat kajian alternatif ini dilakukan, iaitu untuk mengkaji pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa Melayu untuk peringkat sekolah menengah berdasarkan tiga objektif kajian yang telah ditetapkan untuk dicapai dalam kajian ini. Seperti yang dikemukakan dalam Bab 1, tiga objektif utama kajian ini adalah untuk, (i) Meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema tertentu, (ii) Menganalisis makna peribahasa terpilih dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan (iii) Merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data. Oleh hal yang demikian, kajian alternatif yang akan dijalankan ini dilihat akan dapat memenuhi lompang serta menambah baik kajian-kajian terdahulu seperti yang telah dijelaskan.

2.7 Rumusan bab

Setelah meneliti kajian-kajian lepas yang berkaitan, pengkaji mendapati bahawa pendekatan kajian semantik inkuisitif pada dasarnya berupaya merangsang kemahiran berfikir aras tinggi kerana kerangka analisisnya yang bersifat berstruktur dan dinamik, bercirikan penerokaan, menonjolkan kepelbagaian ilmu merentas disiplin selain berupaya berjaya mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik pembentukan ungkapan peribahasa oleh masyarakat Melayu dahulu kala. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan untuk menganalisis makna peribahasa dalam bidang linguistik dapat dimanfaatkan sebagai pendekatan untuk menganalisis makna peribahasa di peringkat sekolah menengah terutamanya untuk menengah atas untuk dijadikan sebagai salah satu alternatif kepada pembelajaran peribahasa.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pendahuluan

Dalam menjalankan sesuatu penyelidikan, metodologi adalah antara elemen penting kerana pemilihan kaedah kajian yang tepat dapat membantu pengkaji menjawab persoalan kajian, mencapai objektif kajian dan menyelesaikan permasalahan kajian. Tatacara sesuatu penyelidikan dijalankan akan dihuraikan dalam bahagian metodologi kajian seperti jenis penyelidikan, penentuan kaedah dan reka bentuk penyelidikan, kaedah pensampelan, instrumen kajian yang digunakan, proses pengumpulan dan kaedah analisis data (Darusalam & Hussin, 2018; Ibrahim, 2017; Lebar, 2017; Liamputtong, 2014).

Menurut Ibrahim (2017), terdapat dua jenis penyelidikan ilmiah, iaitu kajian asas (*basic research*) dan kajian gunaan (*applied research*). Kajian asas dilakukan dengan tujuan untuk membangunkan teori baharu atau menambah baik teori sedia ada. Manakala kajian gunaan dilakukan dengan tujuan untuk mengimplementasikan sesuatu bidang ilmu dengan menggunakan teori, model atau pendekatan sedia ada sebagai pendasaran kajian untuk diaplikasikan dalam amalan tertentu.

Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk mengkaji dan mengimplementasikan kerangka kajian semantik inkuisitif, iaitu pendekatan yang digunakan dalam bidang linguistik dan pragmatik untuk menganalisis makna peribahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai kaedah alternatif pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah dengan merujuk beberapa strategi pembelajaran bahasa yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu. Oleh hal yang

demikian, kajian ini dapat dikategorikan sebagai kajian gunaan (*applied research),* bersesuaian dengan tajuk kajian, iaitu *Pengaplikasian Pendekatan Semantik Inkuisitif untuk Analisis Peribahasa dalam Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tatacara kajian dijalankan bermula dengan pemilihan reka bentuk dan kaedah kajian, penentuan sumber data, kaedah pengumpulan dan pemprosesan data, teknik pensampelan dan saiz sampel, sehinggalah kepada prosedur analisis data dilakukan. Proses ini digambarkan dalam bentuk carta alir seperti Rajah 3.1 bersama huraiannya mengikut bahagian masing-masing.



Rajah 3.1: Proses pelaksanaan kajian

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang berasaskan reka bentuk analisis kandungan. Menurut Darusalam dan Hussin (2018), penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan dilakukan dengan pengkaji menganalisis sesuatu kandungan dalam bentuk teks yang diperoleh daripada sumber rasmi dan tidak rasmi menggunakan pendekatan tertentu. Kajian analisis kandungan ini dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu analisis konseptual dan analisis relasional. Analisis konseptual digunakan untuk menganalisis makna secara eksplisit dan implisit sesebuah teks ucapan. Manakala, analisis relasional atau juga dikenali sebagai analisis semantik digunakan untuk mengkaji hubungan antara konsep-konsep yang bermakna (Darusalam & Hussin, 2018).

Oleh hal yang demikian, dengan berdasarkan jenis analisis kandungan yang telah dijelaskan, kajian ini mengaplikasikan pendekatan analisis relasional (semantik) untuk melihat penyesuaian hubungan antara konsep pendekatan semantik inkuisitif dengan beberapa strategi pembelajaran bahasa bagi menjadikan proses pembelajaran peribahasa lebih bermakna. Reka bentuk ini dipilih berdasarkan kesesuaiannya dan matlamat utama kajian ini, iaitu untuk menganalisis makna peribahasa Melayu secara mendalam berdasarkan tema tertentu melalui pendekatan semantik inkuisitif untuk dijadikan sebagai panduan pembelajaran peribahasa peringkat sekolah menengah. Dengan memberi tumpuan kepada analisis data kualitatif seperti teks peribahasa yang terkandung dalam buku teks, kaedah ini membolehkan pengkaji menganalisis makna tersurat dan tersirat yang terkandung dalam ungkapan peribahasa secara lebih sistematik dan berstruktur.

Seterusnya, kajian ini turut menggunakan kaedah kajian kepustakaan dalam menjalankan penyelidikan. Menurut Chua (2021), Darusalam dan Hussin (2018), serta Mahamod (2024), kaedah kepustakaan atau '*library research'* adalah pendekatan dalam

penyelidikan yang melibatkan rujukan terhadap sumber-sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, dokumen rasmi, laporan penyelidikan seperti tesis dan sebagainya yang relevan dengan bidang kajian untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan sepanjang penyelidikan dijalankan. Penggunaan kaedah kepustakaan dalam kajian ini membolehkan pengkaji mengumpulkan maklumat untuk membina asas teori yang kukuh, memahami konteks kajian dengan jelas dan menganalisis kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tema kajian dalam proses mengenal pasti kelompangan. Selain itu, kaedah kepustakaan juga dapat menyokong pemilihan metodologi dalam kajian ini dan menyediakan maklumat melalui sumber yang berwibawa daripada kajian-kajian sedia ada, sekali gus memperkukuh analisis dan dapatan untuk kajian ini (Chua, 2021; Darusalam & Hussin, 2018; Mahamod, 2024).

3.3 Sumber data kajian

Bersesuaian dengan kaedah kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan, kajian ini melibatkan rujukan terhadap sumber utama yang diperoleh daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang diterbitkan oleh DBP untuk KPM serta rujukan terhadap dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5. Justifikasi pemilihan buku teks ini sebagai sumber data utama disokong oleh kedudukannya sebagai komponen rasmi dalam kurikulum kebangsaan, selain mengandungi koleksi peribahasa yang relevan untuk pembelajaran bahasa di peringkat menengah atas (KPM, 2018b).

Selain itu, buku teks ini turut menyediakan bahan pembelajaran dalam pelbagai bentuk aktiviti yang memerlukan penyelesaian menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi, khususnya dalam menganalisis maksud peribahasa berdasarkan konteks ayat dan situasi tertentu yang dilihat bersesuaian untuk aras kognitif murid tingkatan 4 dan tingkatan

5. Di samping itu, tahap kognitif murid tingkatan 4 dan tingkatan 5 yang secara umumnya berada dalam tahap pemikiran logik tinggi atau pemikiran reflektif dan asbtrak berdasarkan teori perkembangan kognitif oleh Piaget (dalam Husin & Aziz, 2004) menjadikan sumber data ini sesuai dengan matlamat kajian, iaitu untuk memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa yang lebih terarah dan berstruktur. Data peribahasa yang dikumpulkan dalam kajian ini akan diklasifikasikan mengikut tema tertentu berdasarkan komponen Pendekatan Tematik dalam KSSM Bahasa Melayu.



Rajah 3.2: Buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 (kiri) dan Tingkatan 5 (kanan) (Sumber: Koleksi peribadi)

Selain sumber utama yang dinyatakan di atas, sumber sokongan daripada data korpus turut digunakan untuk melengkapkan analisis data seperti petikan contoh ayat yang diperoleh daripada Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (PRPM-DBP) di laman sesawang *https://prpm.dbp.gov.my/*. Data daripada PRPM-DBP dirujuk berdasarkan sumber asal seperti petikan daripada majalah, akhbar, karya sastera atau buku terbitan DBP.

Menurut Wan Ismail (2019), data korpus ialah himpunan bahasa lisan dan tulisan dalam bentuk bercetak atau digital yang digunakan untuk analisis linguistik. Definisi ini sejajar dengan *Kamus Linguistik* (1997) yang merujuk korpus sebagai data mentah linguistik yang digunakan untuk membuat penjelasan saintifik tentang bahasa. Pandangan ini turut selari dengan McEnery dan Wilson (2001) yang menegaskan bahawa korpus merupakan koleksi teks bertulis atau pertuturan yang mengandungi maklumat linguistik atau kesusasteraan.

Selain teks, kajian ini turut menggunakan imej digital yang dijana melalui aplikasi *AI (ChatGPT)* berdasarkan arahan *(prompt)* yang dibina oleh pengkaji sendiri. Tujuannya adalah untuk memberikan gambaran visual yang lebih jelas terhadap simbol atau objek yang dikaitkan dengan peribahasa. Penggunaan imej ini telah mendapat kebenaran rasmi daripada pihak *ChatGPT* melalui e-mel (rujuk lampiran) dan semua imej dilabelkan dengan sumber: *"Imej dijana oleh pengkaji menggunakan AI (ChatGPT) dan digunakan dengan kebenaran rasmi"*. Selain itu, imej-imej berkaitan yang diambil daripada *Google Images* dan koleksi peribadi pengkaji sendiri turut digunakan dan dinyatakan sumbernya bagi memastikan ketelusan dan kesahan sumber data.

3.4 Kaedah pengumpulan dan pemprosesan data

Bahagian ini menjelaskan cara pengkaji mengumpul dan memproses data. Data kajian diambil daripada senarai peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 untuk dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif. Semakan dan penelitian dilakukan oleh pengkaji terhadap buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 untuk mengenal pasti, menyaring dan mengumpulkan data peribahasa. Proses penyaringan data dilakukan dengan mengenal pasti peribahasa berdasarkan jenis-jenis dan ciri-cirinya seperti yang telah dijelaskan dalam Bab

1, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan (Hassan & Mohd, 1993; Rahman, 2022; Muhi, 2024).

Setelah data berjaya dikumpulkan mengikut kategorinya masing-masing, pada peringkat seterusnya, pengkaji mencipta kod unik atau pengekodan bagi setiap data untuk memudahkan setiap peribahasa dikenal pasti dengan identitinya tersendiri. Proses pengekodan data ini mengambil kira jenis kategori peribahasa, turutan bilangan dalam jenisnya dan juga sumber data diperoleh. Pengekodan data ini penting untuk memberikan setiap data kod identifikasi masing-masing selain dapat membantu pengkaji menganalisis data dengan lebih mudah dan berfokus (Darusalam & Hussin, 2018). Contoh bagi hasil pengekodan data ditunjukkan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Contoh data dan kod unik

Bil.	Data Peribahasa	Jenis	Kod Data
1.	Mulut manis	Simpulan Bahasa	SB021-4
2.	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	Perumpamaan	PU007-4
3.	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Pepatah	PE003-5
4.	Jangan sudah terperosok, baru hendak membaiki lantai	Bidalan	BI008-5

Petunjuk bacaan kod data:

Contoh 1: '*Mulut manis'*

- (SB) = Simpulan Bahasa, (021) = Turutan bilangan dalam jenisnya, (4) = Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4.

Contoh 2: *'Serumpun bak serai, sesusun bak sirih'*

- (PU) = Perumpamaan, (007) = Turutan bilangan dalam jenisnya, (4) = Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

Contoh 3: '*Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk'*

- (PE) = Pepatah, (003) = Turutan bilangan dalam jenisnya, (5) = Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Contoh 4: *'Jangan sudah terperosok, baru hendak membaiki lantai'*

- (BI) = Bidalan, (008) = Turutan bilangan dalam jenisnya, (5) = Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5.

Dengan merujuk Jadual 3.1, setiap peribahasa telah diberikan kod identifikasi masing-masing berdasarkan jenis peribahasa, bilangan nombor mengikut turutan dalam jenisnya dan juga sumber data diperoleh. Setelah proses pembinaan kod selesai, pengkaji mengenal pasti pula tema yang bersesuaian untuk mengelompokkan semula senarai peribahasa yang terlibat mengikut tema masing-masing berdasarkan asosiasi makna. Justifikasi pengkaji mengkategorikan peribahasa di bawah tema-tema ini kerana proses ini dapat membantu pengkaji melakukan analisis data dengan lebih berfokus dan terkawal.

Penentuan tema untuk senarai peribahasa ini dilakukan dengan mengadaptasi 18 tema daripada dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di bawah cadangan pembelajaran menggunakan Pendekatan Tematik. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji melihat terdapatnya hubung kait antara tema-tema di bawah Pendekatan Tematik dengan kandungan pembelajaran dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Sebagai contoh, tajuk Tema 5 dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 ialah *Pendidikan untuk Semua* yang dilihat mempunyai persamaan dengan tema *Pendidikan* di bawah cadangan pembelajaran menggunakan Pendekatan Tematik. Oleh itu, tema-tema ini dipilih berdasarkan kepentingannya sebagai kandungan pembelajaran untuk subjek Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Seterusnya, setelah meneliti senarai tema, pengkaji melakukan pengubahsuaian antara takrifan leksikal tema tersebut dengan mengadaptasi tema dengan makna peribahasa yang terlibat. Walau bagaimanapun, sebagai batasan untuk kajian ini, pengkaji hanya memilih empat tema sahaja yang dilihat bersesuaian dengan makna peribahasa yang terdapat dalam kumpulan data. Sebagai contoh, proses saringan data yang dilakukan untuk

memilih peribahasa yang berada di bawah tema *Perpaduan*, pengkaji mengenal pasti peribahasa yang maknanya mempunyai hubung kait dengan nilai bersatu padu, hubungan persaudaraan/persahabatan yang rapat, bantu-membantu, tolong-menolong, bersama-sama, atau bermuafakat. Jadual 3.2 memaparkan contoh peribahasa yang telah dikelaskan di bawah tema *Perpaduan*.

Jadual 3.2: Contoh data yang dikelaskan di bawah tema 'Perpaduan'

Kod Data	**Data Peribahasa**	**Makna Kamus**	**Asosiasi Makna**
PU001-4	Bagai aur dengan tebing	Orang yang suka bertolong-tolongan	Tolong-menolong
PU007-4	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	Seia sekata; Sehina semalu	Sepakat / Muafakat
PE014-4 PE013-5	Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	Sama-sama ikut bertanggungjawab	Bersama-sama
BI002-4	Adat pulau limburan pasang	Adat hidup bermasyarakat perlu saling bantu membantu	Bantu-membantu
PU004-5	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua	Orang yang semuafakat itu sama hidup sama mati dan tidak berubah setianya	Sepakat / Muafakat
PE005-5	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	Kata sepakat tercapai dengan mesyuarat	Sepakat / Muafakat
PE004-5	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ke laut sama direnangi	Sepakat, seia sekata	Sepakat / Muafakat

3.5 Teknik pensampelan dan saiz sampel

Kajian ini menggunakan teknik pensampelan bertujuan *(purposive sampling)* untuk menentukan sampel data yang akan dianalisis. Teknik pensampelan ini dipilih kerana membolehkan pengkaji menumpukan kepada data yang benar-benar relevan dengan objektif kajian, iaitu peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang diterbitkan oleh DBP untuk KPM. Pensampelan bertujuan menekankan pemilihan sampel berdasarkan ciri tertentu yang memenuhi keperluan penyelidikan, sekali gus membolehkan pengkaji meneliti peribahasa secara lebih mendalam dan sistematik selaras dengan kerangka semantik inkuisitif (Patton, 1990; Airasian & Gay, 2003).

Apabila semua peribahasa berjaya dikumpulkan dan dikelaskan mengikut kategori, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan, pengkaji akan mengelompokkan semula senarai peribahasa tersebut mengikut tema yang diadaptasi daripada Pendekatan Tematik dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu. Tema-tema yang ditentukan untuk tujuan pengelasan data ialah *Perpaduan, Pendidikan, Adat dan Warisan*, serta *Sumber Alam*. Pemilihan tema-tema ini dibuat kerana kesemuanya mempunyai cakupan maksud yang luas dan bersifat umum, sekali gus membolehkan peribahasa yang terdapat dalam kelompok data dikategorikan secara lebih teratur dan sistematik. Selain itu, tema-tema ini juga dilihat lebih dekat dengan konteks pembelajaran dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 serta selari dengan pengalaman murid, menjadikan analisis lebih autentik dan relevan dengan situasi pembelajaran sebenar. Dengan kata lain, keempat-empat tema ini dipilih kerana sifatnya yang fleksibel untuk disesuaikan dengan kelompok data peribahasa, serta dapat memberi gambaran menyeluruh

tentang nilai, budaya dan falsafah masyarakat Melayu yang terkandung dalam buku teks. Justifikasi ini memastikan analisis yang dijalankan bukan sahaja mematuhi kerangka metodologi, tetapi juga mempunyai kaitan rapat dengan matlamat kurikulum dan keperluan pedagogi.

Seterusnya, bagi tujuan analisis data dan perbincangan, hanya dua peribahasa daripada setiap tema dipilih, menjadikan jumlah keseluruhan lapan peribahasa sebagai sampel kajian. Pemilihan ini dilakukan untuk memastikan analisis dapat dijalankan secara kritis dan terperinci, selaras dengan kerangka semantik inkuisitif yang diaplikasikan. Saiz sampel yang kecil ini adalah bertepatan dengan ciri penyelidikan kualitatif. Menurut Patton (1990) dan Airasian dan Gay (2003), kajian kualitatif tidak menetapkan bilangan khusus bagi sampel kerana keutamaan diberikan kepada kedalaman analisis. Pandangan ini disokong oleh Liamputtong (2014), Talib (2016), Lebar (2017), Ibrahim (2017), serta Darusalam dan Hussin (2018) yang menjelaskan bahawa saiz sampel kecil, antara satu hingga tujuh data, sudah memadai dalam kajian kualitatif bergantung pada objektif kajian. Oleh itu, pemilihan lapan data peribahasa dianggap mencukupi untuk menjawab persoalan dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Rajah 3.3 memaparkan empat tema dan setiap sampel data yang terlibat untuk dianalisis dalam kajian ini.



Rajah 3.3: Tema dan sampel kajian

3.6 Skop dan batasan kajian

Kajian ini menumpukan kepada dua sumber data utama, iaitu buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 (KPM, 2019a) dan Tingkatan 5 (KPM, 2021) serta dokumen KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang disediakan oleh BPK (2018). Data kajian berbentuk data sekunder, iaitu peribahasa yang terkandung dalam kedua-dua buku teks tersebut sahaja. Penetapan skop ini bertujuan mengehadkan serta mengawal keluasan kajian bagi menguji kebercukupan kerangka teori semantik inkuisitif dalam menganalisis, menghuraikan dan menjelaskan makna peribahasa mengikut strategi pembelajaran yang digariskan dalam dokumen KSSM Bahasa Melayu.

Menurut dokumen rasmi KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5, peribahasa digolongkan di bawah pembelajaran aspek seni bahasa yang merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat (BPK, 2018). Walau bagaimanapun, seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 2 sebelum ini berkaitan kategori utama peribahasa, tumpuan diberikan hanya kepada empat kategori utama, iaitu simpulan

bahasa, perumpamaan, pepatah dan bidalan. Pemilihan ini sejajar dengan pengelasan peribahasa oleh DBP serta pandangan sarjana seperti Hassan dan Mohd (1993), Rahman (2022) dan Muhi (2024).

Oleh hal yang demikian, fokus kajian ini diberikan kepada empat tema utama dan lapan peribahasa terpilih sahaja yang akan dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Namun begitu, untuk kajian ini, beberapa batasan turut diakui. Pertama, kajian ini hanya meneliti peribahasa dalam buku teks rasmi tanpa melibatkan sumber lain seperti antologi komponen sastera atau novel. Kedua, pemilihan tema ditetapkan kepada empat sahaja bagi memastikan analisis lebih tersusun, konsisten dengan pengalaman murid dan menepati kandungan kurikulum. Ketiga, jumlah sampel dihadkan kepada lapan peribahasa bagi membolehkan analisis dilakukan secara mendalam dan berfokus, sejajar dengan sifat penyelidikan kualitatif. Walaupun terdapat batasan, pemilihan data dijalankan secara sistematik dan berasaskan kriteria yang jelas, justeru ketepatan serta kesahihan dapatan tetap terjamin.


3.7 Prosedur analisis data

Seterusnya, pada bahagian ini pengkaji akan menghuraikan secara lebih terperinci tatacara analisis data yang dilakukan untuk kajian ini. Oleh sebab kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan reka bentuk analisis kandungan, analisis data akan dijelaskan secara deskriptif bagi membolehkan pengkaji memahami fenomena kajian secara menyeluruh (Darusalam & Hussin, 2018). Setiap peribahasa yang telah dipilih sebagai sampel kajian berdasarkan domain khusus akan dianalisis dengan menggunakan kerangka teoritikal pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) yang akan dijelaskan dalam subtopik seterusnya.

3.7.1 Kerangka teoritikal kajian

Kerangka teoritikal kajian ini berpaksikan kepada pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014). Pendekatan ini merupakan perluasan daripada bidang semantik dan pragmatik moden yang mengintegrasikan beberapa teori linguistik, khususnya Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) serta Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995). Pemilihan kerangka teoritikal ini adalah bertepatan dengan sifat data kajian, iaitu peribahasa Melayu yang mengandungi makna kiasan, abstrak dan bersifat metafora, yang menuntut analisis mendalam melangkaui tahap literal.

Kerangka teoritikal ini menstrukturkan analisis makna peribahasa melalui tiga tahap utama, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Setiap tahap mempunyai peranan yang tersendiri tetapi saling melengkapi antara satu sama lain bagi memberikan gambaran menyeluruh terhadap makna peribahasa dengan lebih mendalam. Kerangka teoritikal pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) dipaparkan seperti dalam Rajah 3.4.



Rajah 3.4: Kerangka teoritikal pendekatan semantik inkuisitif
(Sumber: Diambil dan diubah suai daripada buku *Semantik dan Akal Budi Melayu*, 2014)

Merujuk Rajah 3.4, ketiga-tiga tahap telah membentuk kerangka teoritikal yang kukuh dalam menjawab objektif dan persoalan kajian. Bermula dengan analisis pada tahap satu, peringkat ini dinamakan sebagai semantik skrip yang hanya meneliti makna harfiah sahaja. Semantik skrip ialah makna setara yang menunjukkan makna tersurat dan tidak dihuraikan dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, makna peribahasa pada peringkat permukaan ini dilihat tidak berupaya untuk menunjukkan perkaitan di antara bahasa, kognitif dan akal budi Melayu (Jalaluddin, 2014). Oleh itu, analisis diteruskan ke peringkat seterusnya, iaitu peringkat semantik resonans.

Proses analisis data pada peringkat semantik resonans pula dilakukan dengan menerapkan RRS oleh Kempson (1986). RRS adalah suatu pendekatan dalam bidang pragmatik di bawah TR yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang

kemudiannya dikemas kini pada tahun 1995 seperti konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Konteks menurut Jalaluddin (1990, 1992, 2018, 2024) ialah andaian-andaian tidak terbatas yang dijelmakan dalam mental dan pemikiran pendengar berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui dalam menginterpretasikan sesuatu ujaran. Seterusnya, kesan konteks atau kesan kognitif pula melibatkan interaksi yang berlaku apabila pendengar cuba menginterpretasi ujaran yang disampaikan oleh penutur. Apabila sesuatu ujaran disampaikan, pendengar akan menghubungkaitkan di dalam pemikirannya beberapa andaian awal. Tetapi walau bagaimanapun, jika ujaran yang diperkatakan oleh penutur tidak difahami atau disalah erti oleh pendengar kerana tidak selari dengan konteks penyampaian, maka akan berlakulah masalah dalam komunikasi dan akan timbul banyak persoalan. Hal ini dapat dikaitkan pula dengan usaha memproses maklumat ataupun disebut sebagai kos memproses. Menurut Jalaluddin (1990, 1992, 2018, 2024) lagi, kos memproses adalah berkaitan dengan tahap kesukaran pendengar memahami apa yang diperkatakan oleh penutur. Jika pendengar dapat memahami ujaran yang disampaikan oleh penutur dengan mudah, maka kos memproses adalah rendah. Tetapi, jika pendengar mengalami masalah untuk memahami apa yang diperkatakan oleh penutur dengan menimbulkan pelbagai soalan, maka kos memproses dikatakan tinggi. Sesuatu ujaran itu akan dianggap kurang relevan jika melibatkan kos memproses yang tinggi.

RRS pada dasarnya digunakan bertujuan untuk menganalisis sesuatu ujaran yang tidak memiliki anteseden. Anteseden ialah sesuatu maklumat tambahan yang diperlukan untuk mentafsir maksud sebenar ujaran yang disampaikan, tetapi tidak terdapat dalam kandungan eksplisit ataupun gambaran visual ayat. Oleh hal yang demikian, dalam perkara ini premis tambahan diperlukan. Premis tambahan boleh didapati daripada ayat-ayat yang terdapat dalam konteks ujaran tersebut bagi membantu pembaca atau pendengar


menginterpretasikan maksud sebenar yang ingin disampaikan (Daud, 2019; Jalaluddin & Shah, 2009). Menurut Mansor dan Jalaluddin (2015), dengan bantuan RRS akan membantu pembaca atau pendengar untuk menghubungkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam menginterpretasikan ujaran tersebut sesuai dengan konteks ayat dan maksud yang ingin disampaikan oleh penutur. Walau bagaimanpun, menurut Jalaluddin (2014), proses analisis makna di peringkat semantik resonans ini dikatakan mempunyai banyak kekurangannya dan masih tidak mampu untuk mencungkil falsafah dan akal budi penutur jatinya. Oleh hal demikian, terdapat satu lagi peringkat analisis makna diperlukan yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu, iaitu analisis makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Pada peringkat seterusnya, analisis makna peribahasa dilakukan melalui penggunaan pendekatan semantik inkuisitif. Pada tahap ketiga ini, analisis dilakukan dengan lebih mendalam untuk mencungkil falsafah dan akal budi Melayu dengan mempersoalkan penggunaan imej atau subjek tertentu yang terdapat dalam ungkapan peribahasa tersebut. Berdasarkan sumber yang diperoleh melalui data, teori dan kognitif, pengkaji perlu menimbulkan persoalan demi persoalan sehingga alasan sebenar sebab pemilihan leksikal tersebut digunakan dalam ungkapan sesebuah peribahasa itu ditemui. Hal ini dilakukan dengan tujuan supaya makna peribahasa tersebut dapat difahami dengan lebih mendalam sehingga ke akar umbi bagi membongkar rahsia kebijaksanaan pemikiran Melayu dahulu kala (Jalaluddin, 2014).

Rumusannya, semantik skrip membantu mengenal pasti makna permukaan dan makna literal, semantik resonans menerangkan hubungan makna dengan konteks ujaran dan kognitif penutur, manakala semantik inkuisitif menonjolkan falsafah dan akal budi

masyarakat Melayu terdahulu. Dengan itu, kerangka teoritikal ini bukan sahaja memandu pengkaji menganalisis makna peribahasa dengan lebih berstruktur dan mendalam, malah turut membuktikan kesesuaian pendekatan semantik inkuisitif dalam meneliti makna peribahasa yang terkandung dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Pendekatan semantik inkuisitif dipilih dalam kajian ini sebagai cadangan kepada kaedah alternatif pembelajaran peribahasa. Berdasarkan sorotan kajian, pendekatan ini didapati berupaya merangsang kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis dan menilai. Selain itu, pendekatan ini bersifat pembelajaran inkuiri, merentas pelbagai disiplin ilmu serta mengarahkan pemikiran ke arah memahami konteks sebenar dalam menyingkap makna peribahasa (Daud & Subet, 2019; Murthy & Subet, 2020; Nasir & Subet, 2018). Seterusnya, berdasarkan kerangka teoritikal yang akan diaplikasikan dalam kajian ini, pengkaji juga membina kerangka konseptual untuk menunjukkan proses kajian ini dijalankan dan jangkaan untuk hasil kajian yang akan dibincangkan dalam ‘Bab 4: Analisis dan Perbincangan’ dikemukakan seperti Rajah 3.5.



Rajah 3.5: Kerangka konseptual kajian

3.8 Kesahan dan kebolehpercayaan

Aspek kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif merupakan elemen penting dalam memastikan ketepatan dan ketelitian hasil kajian serta tidak menimbulkan bias dalam dapatan analisis (Darusalam & Hussin, 2018; Ramli et al., 2024). Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan data diperkukuh melalui beberapa pendekatan yang sistematik.

3.8.1 Kesahan data

Kesahan kajian ini terjamin melalui pemilihan sumber data yang sah dan berautoriti. Data kajian diperoleh daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang diterbitkan oleh DBP untuk KPM. Oleh kerana buku teks ini digunakan secara rasmi di sekolah menengah seluruh Malaysia, kesahan kandungan adalah jelas dan tidak dapat dipertikaikan.

Selain itu, kesahan konstruk diperkukuh melalui penerapan kerangka semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014). Kerangka ini berasaskan teori linguistik dan pragmatik yang mantap, termasuk TR oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) serta pendekatan RRS oleh Kempson (1986). Hal ini memastikan setiap tahap analisis seperti semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif dapat dilaksanakan berdasarkan kerangka teoritikal yang sahih.

Seterusnya, pengkaji turut menyemak peribahasa yang dikenal pasti dengan sumber berwibawa yang lain seperti *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* oleh Hussain (2016) yang diterbitkan oleh DBP dan Pangkalan Data Korpus DBP di laman sesawang https://prpm.dbp.gov.my/. Langkah ini bukan sahaja memastikan ketepatan

bentuk dan maksud peribahasa, malah menjamin data yang dipilih benar-benar mewakili penggunaan bahasa yang diterima secara formal dalam tradisi ilmu bahasa Melayu.

3.8.2 Kebolehpercayaan data

Kebolehpercayaan data dalam kajian ini dijamin melalui konsistensi sumber dan prosedur analisis. Buku teks yang digunakan sebagai sumber data ialah dokumen standard yang diguna pakai di seluruh negara, sekali gus menjamin kredibiliti data dalam kajian ini. Dari segi proses, kajian ini menggunakan prosedur yang sistematik, iaitu (i) mengenal pasti peribahasa dalam buku teks, (ii) mengesahkan maksud melalui kamus dan sumber berwibawa dan (iii) menganalisis makna berdasarkan tiga tahap kerangka semantik inkuisitif. Pendekatan ini memastikan setiap langkah analisis dilaksanakan secara konsisten dan teliti. Kebolehpercayaan turut diperkukuh melalui triangulasi sumber, iaitu perbandingan makna dan tafsiran peribahasa daripada pelbagai sumber rujukan seperti buku teks, kamus peribahasa berwibawa, Pangkalan Data Korpus DBP, serta kajian-kajian lepas. Menurut Cohen et al. (2017) dan Miles et al. (2014), triangulasi sumber ini berfungsi untuk mengurangkan bias dan memperkukuh ketelitian interpretasi yang dihasilkan.

Lebih penting lagi, semakan pakar telah dilaksanakan bagi memastikan kebolehpercayaan analisis. Dalam hal ini, hasil analisis pengkaji telah disemak dan diperhalusi melalui perbincangan tidak formal bersama pelopor pendekatan semantik inkuisitif sendiri, iaitu Profesor Dr. Nor Hashimah Jalaluddin, yang berautoriti dalam bidang semantik dan pragmatik bahasa Melayu. Walaupun tidak didokumentasikan secara rasmi, semakan tersebut tetap memenuhi ciri semakan pakar (*expert validation*) dalam kajian kualitatif (Cohen et al., 2017). Penglibatan tokoh ilmuwan ini bukan sahaja memperkukuh kredibiliti analisis, malah turut memberikan jaminan bahawa penerapan

kerangka teoritikal dilakukan dengan tepat serta menepati landasan asal yang digariskan oleh pelopornya (Ramli et. al., 2024).

Secara keseluruhannya, pemilihan data daripada sumber rasmi, penerapan kerangka analisis yang mantap, prosedur analisis yang sistematik, triangulasi sumber rujukan, serta pengesahan oleh pakar bidang telah memastikan bahawa kajian ini mencapai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Hal ini memberikan keyakinan bahawa dapatan kajian ini sah, tepat serta boleh dijadikan rujukan yang berwibawa dalam kajian linguistik dan pendidikan bahasa Melayu.

3.9 Contoh analisis data

Seterusnya, untuk bahagian contoh analisis data, tema *Pendidikan* dipilih untuk menunjukkan cara analisis data dilakukan. Pengkaji telah mengenal pasti tujuh peribahasa daripada kelompok data yang maknanya dilihat mempunyai perkaitan dengan maksud pendidikan itu sendiri seperti mendidik, didikan, ilmu, pengetahuan, belajar dan pengalaman (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Jadual 3.3 memaparkan senarai data peribahasa yang telah dikelaskan di bawah tema *Pendidikan* dan peribahasa yang terpilih untuk dijadikan contoh analisis data yang ditandakan dengan latar berwarna kelabu.

Jadual 3.3: Kumpulan data peribahasa di bawah tema ‘Pendidikan’

Kod Data	Peribahasa	Makna	Asosiasi Makna
PE002-4	Belum tahu di masin garam, belum tahu di pedas lada	Belum cukup pengalaman	Pengalaman
PE005-4	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	Jika kita hendak belajar sesuatu, kita perlulah belajar daripada orang yang pakar dalam hal tersebut	Belajar daripada ahlinya
PE011-4	Lubuk akal tepian ilmu	Orang yang sangat luas ilmu pengetahuan	Ilmu pengetahuan

BI004-4	Bagaimana acuan begitulah kuihnya	Seseorang anak akan mengikut perangai atau didikan ibu dan bapanya	Didikan
BI015-4 BI009-5	Hanya jauhari mengenal manikam	Orang yang bijaksana sahaja mengetahui keelokan ilmu	Ilmu
BI013-5	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Mendidik anak biarlah sejak mereka masih kecil	Mendidik
PE003-5	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Makin banyak ilmu atau makin tinggi kedudukan, makin merendah diri	Ilmu dan kedudukan

3.9.1 Peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis pada peringkat ini memaparkan makna permukaan peribahasa, iaitu makna kamus bagi maksud peribahasa itu sendiri yang diperoleh dengan merujuk kamus-kamus peribahasa berwibawa seperti *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua* (Hussain, 2016) dan *Kamus Peribahasa* (Rahman, 2022). Selain itu, makna literal bagi setiap leksikal dalam ungkapan peribahasa tersebut juga dikemukakan dengan merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* secara dalam talian di pautan *https://prpm.dbp.gov.my*.

Peribahasa:

Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai

Makna Kamus:

Jika kita hendak belajar sesuatu, kita perlulah belajar daripada orang yang pakar dalam hal tersebut

Bil.	Leksikal	Makna Literal
i.	*Hendak*	Ingin mempunyai, mendapat atau memperoleh sesuatu; bermaksud akan; mahu akan. *(https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=hendak)*
ii.	*belajar*	Berusaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan (sesuatu kepandaian dan lain-lain), menuntut ilmu pengetahuan. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=belajar)*
iii.	*berenang*	Bergerak dengan tangan dan kaki dan lain-lain di air. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=berenang)*
iv.	*dapatkan*	Sama dengan mendapatkan; berusaha utk mendapat atau utk memperoleh sesuatu. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=mendapatkan)*
v.	*itik*	Sejenis binatang yg lebih kecil drpd angsa, bebek, unggas air, *Anas Platyrhynchos.* *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=itik)*
vi.	*hendak*	Lihat (i)
vii.	*belajar*	Lihat (ii)
viii.	*memanjat*	Naik ke atas (pokok, tiang dan lain-lain); mendaki (bukit, gunung dan sebagainya), menanjak. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=memanjat)*
ix.	*dapatkan*	Lihat (iv)
x.	*tupai*	Sejenis binatang (mamalia) kecil yang mengerip (mengunggis), *Sciuridae.* *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tupai)*

Makna-makna literal bagi peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* merujuk kepada makna leksikal setiap komponen seperti yang dihuraikan dalam kamus. Makna ini bersifat harfiah, iaitu menerangkan maksud asas setiap perkataan tanpa mengambil kira dimensi simbolik, konteks budaya, atau nilai kognitif yang lebih mendalam. Sebagai contoh, *'hendak'* bermaksud mempunyai keinginan untuk mendapatkan sesuatu, *'belajar'* merujuk kepada usaha untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan *'berenang'* bermaksud bergerak di dalam air menggunakan tangan dan kaki. Seterusnya, *'dapatkan'* bermaksud berusaha untuk memperoleh sesuatu, *'itik'* merujuk kepada sejenis unggas air *(Anas platyrhynchos)*, manakala *'memanjat'* bermaksud naik ke atas objek seperti pokok atau tiang dan *'tupai'* pula merujuk kepada sejenis mamalia kecil yang mahir memanjat *(Sciuridae)*.

Makna leksikal ini hanya berada pada tahap permukaan dan belum mampu menjelaskan makna kognitif peribahasa tersebut. Oleh itu, analisis perlu diteruskan ke tahap kedua, iaitu analisis semantik resonans (Jalaluddin, 2014). Matlamat utama semantik resonans adalah untuk menganalisis makna peribahasa dalam konteks penggunaannya dalam ujaran atau ayat, dengan mengambil kira data, teori dan dimensi kognitif bagi membongkar hubungan simbolik yang lebih kompleks dan bermakna.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis makna peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* bagi peringkat semantik resonans ditunjukkan dalam contoh ujaran (a) yang dipetik daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4. Merujuk kepada contoh ujaran yang diberikan, pengkaji telah melakukan proses merujuk silang antara ayat-ayat yang terdapat dalam ujaran tersebut dengan peribahasa menggunakan RRS (Kempson, 1986). Proses analisis ini dilakukan dengan meletakkan garisan putus (----)

yang menunjukkan terdapatnya perkaitan makna silang antara peribahasa dan juga konteks ayat yang disampaikan. Simbol segitiga yang puncaknya menghala ke bawah (▼) adalah menunjukkan ayat-ayat yang dilihat mempunyai bukti linguistik yang merujuk kepada konsep berkaitan dengan peribahasa tersebut diperoleh. Bagi simbol segitiga yang puncaknya menghala ke atas (△) pula adalah merujuk subjek kajian untuk dianalisis, iaitu peribahasa Melayu yang terdapat dalam ujaran tersebut. Kaedah rujuk silang seperti ini akan digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis setiap data di peringkat semantik resonans.

(a) Peribahasa Melayu ada mengatakan, ***hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai***. Sehubungan dengan itu, Kelab Renang dan Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya telah mengadakan Kursus Asas Berenang di bawah bimbingan Profesor Madya Dr. Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden, Pensyarah, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang merupakan bekas perenang negara.

(Sumber: Buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4)

Struktur ayat (a) menunjukkan kemunculan peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* dalam ayat pertama. Ujaran ini tidak menyatakan maksud tersirat peribahasa yang digunakan. Jika diperhatikan dengan teliti, ayat kedua dalam ujaran tersebut menerangkan makna peribahasa ini secara implisit, tetapi perlu dibantu oleh beberapa maklumat tambahan yang terdapat dalam ujaran

tersebut. Dalam konteks ayat ini, *"Kursus Asas Berenang"* dianjurkan untuk membolehkan ahli Kelab Renang dan Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Jaya belajar berenang dengan bimbingan pakar. Dengan menggunakan RRS, frasa *"Kursus Asas Berenang"* dapat dirujuksilangkan dengan ungkapan peribahasa, iaitu *"hendak belajar berenang"*. Seterusnya, ayat *"...bimbingan Profesor Madya Dr. Tengku Fadilah binti Tengku Kamalden...yang merupakan bekas perenang negara"* ialah ungkapan yang mempunyai sifat anteseden dan dapat dirujuksilangkan dengan ungkapan *"dapatkan itik"*.

Ungkapan daripada ayat kedua ini berperanan sebagai maklumat tambahan yang dapat membentuk konteks dan kesan kognitif berdasarkan latar belakang dan andaian awal pendengar. Dalam ujaran ayat kedua, individu yang dinyatakan ialah seseorang yang pernah menjadi atlet sukan renang pada peringkat antarabangsa yang mewakili negara. Sebagai bekas perenang negara, pasti banyak kejayaan yang pernah diraih oleh individu tersebut dan sudah tentu gelaran tersebut meletakkan dirinya sebagai seseorang yang mempunyai banyak pengalaman dan memiliki kepakaran yang tinggi dalam bidang renang. Dalam konteks ujaran yang diberikan, peribahasa ini pada asasnya tidak sukar untuk diinterpretasikan kerana terdapat maklumat tambahan untuk memahami konteks penggunaan peribahasa ini berdasarkan makna skripnya dalam ayat kedua. Dengan pengaplikasian RRS dan rujukan yang bersesuaian, pendengar dengan mudahnya dapat mengaitkan makna tersirat peribahasa yang digunakan dalam ujaran ini, iaitu "*jika hendak belajar sesuatu, belajar daripada orang yang pakar dalam bidang tersebut."*

Walau bagaimanapun, maksud peribahasa ini tidak boleh dibataskan pada kemahiran atau ilmu yang dinyatakan sahaja, iaitu berenang dan memanjat. Hal ini dikatakan demikian kerana leksikal berenang dan memanjat yang digunakan dalam peribahasa ini bersifat kiasan dan membawa maksud selain maknanya yang tersurat, iaitu

berkonotasi dengan apa-apa sahaja ilmu atau kemahiran yang ingin dipelajari. Imej ‘itik’ dan ‘tupai’ pula digunakan sebagai lambang bagi orang yang pakar dalam bidangnya yang merujuk kemahiran yang dimiliki.

Untuk memahami makna peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* dalam ujaran yang disampaikan, usaha memproses yang tinggi tidak diperlukan. Hal ini dikatakan demikian kerana proses penginterpretasian makna peribahasa dengan menggunakan RRS telah mewujudkan kesan kognitif yang baik oleh pendengar atau pembaca berdasarkan andaian awal yang timbul melalui perkaitan yang dibuat antara ayat pertama dengan ayat kedua. Oleh itu, jelaslah bahawa pengaplikasian RRS pada peringkat semantik resonans dapat membantu pembaca untuk memahami makna tersirat peribahasa berkenaan dengan mengambil kira penggunaan data, teori dan kognitif.

Walaupun pengaplikasian RRS dan TR dalam analisis tahap semantik resonans membantu memahami makna tersirat peribahasa melalui data, teori dan kognitif, Jalaluddin (2014, 2018, 2024) berpendapat bahawa pendekatan ini masih belum mampu mengupas secara mendalam falsafah dan akal budi penutur jati. Justeru, analisis pada tahap tiga, iaitu semantik inkuisitif diperlukan untuk menghubungkan elemen bahasa, budaya dan kognitif, sekali gus menyingkap makna peribahasa yang mencerminkan falsafah dan akal budi Melayu dalam peribahasa ini.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* yang bermaksud *jika hendak belajar sesuatu, belajar daripada orang yang pakar dalam bidang tersebut* ini telah dikelompokkan di bawah domain *Pendidikan* dalam

kajian ini kerana maknanya yang mempunyai unsur-unsur nasihat yang berfokus kepada proses mendapatkan ilmu, kemahiran dan pembelajaran. Melihat daripada sudut pandangan semantik inkuisitif, timbul persoalan kenapakah masyarakat pada zaman dahulu kala mengambil imej haiwan seperti ‘itik’ dan ‘tupai’ sebagai subjek dalam peribahasa ini berbanding haiwan lain?

Itik ialah nama panggilan biasa yang digunakan untuk beberapa spesies unggas air dalam keluarga *Anatidae*. Nama saintifik bagi itik ialah *Anas Platyrhynchos*. Itik merupakan sejenis burung akuatik yang saiznya cenderung lebih kecil daripada beberapa jenis keluarga mereka yang lain, seperti angsa. Itik boleh ditemui di kawasan air tawar dan air masin kerana sifat semula jadinya yang sangat sukakan air. Haiwan yang berada dalam kelas *aves* ini memilili paruh yang berbentuk pipih dan lebar yang digunakan untuk mencari cacing di dalam lumpur (Akmal & Sutedja,2022; Ramlan 2021a).



Rajah 3.6: Imej itik *(Anas Platyrhynchos)*
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Bersesuaian dengan gelaran yang diberikan kepadanya, iaitu burung air, itik merupakan perenang dan penyelam yang hebat dan tangkas. Itik boleh berenang dan menyelam dengan sangat baik untuk mencari makanan di dalam air seperti ikan kecil,

serangga dan juga tumbuhan akuatik. Selain itu, itik juga memiliki diet pemakanan yang bervariasi seperti menjadikan amfibia kecil, cacing dan moluska kecil sebagai makanannya. Itik lebih suka menghabiskan masanya di air berbanding di darat. Saiznya yang kecil, bentuk badan yang tegap dan bulunya yang terisolasi sepenuhnya serta terhubung rapat membuatkan bulu halus pada permukaan kulitnya tidak basah mempengaruhi ketangkasan dan pengemudiannya ketika berenang sama ada pada permukaan atau di dalam air. Itik juga mempunyai kaki berbentuk lebar berselaput yang membantu menjadikannya perenang dan penyelam yang baik dan mampu bergerak dengan tangkas untuk merentasi air. Itik boleh dilihat dalam pelbagai warna pada bulu pelepahnya seperti coklat, kuning, kelabu, hijau, hitam dan putih bergantung kepada jenis-jenisnya (Akmal & Sutedja,2022; Ramlan 2021a).

Seterusnya, pengkaji akan mempersoalkan kenapakah tupai dipadankan dengan itik dalam peribahasa ini? Jika diperhatikan huraian di atas, itik boleh dikatakan sebagai juara di air kerana mempunyai kelebihan berenang dan menyelam dengan hebat dan tangkas. Berbeza dengan tupai atau nama saintifiknya *Sciuridae,* kehebatannya dapat dilihat pada ketangkasannya memanjat pokok dan melompat di udara. Tupai boleh dikategorikan sebagai hidupan liar, walaupun ada juga tupai yang dijadikan haiwan peliharaan oleh manusia. Habitat bagi tupai liar atau khususnya tupai pokok adalah di dalam hutan kerana tupai menjadikan pokok-pokok matang untuk membina sarang sebagai tempat tinggal.

Tupai merupakan sejenis mamalia kecil dengan badan memanjang dan mempunyai bulu halus yang berwarna coklat, hitam, putih atau merah. Haiwan kecil ini mempunyai mata besar yang terletak di bawah telinga dan di sisi kepala yang memberi kelebihan untuk melihat dengan lebih luas. Kelebihan ini digunakan untuk mengesan mangsa dan pemangsa

dengan lebih mudah. Tupai mempunyai empat kaki di mana kaki hadapan berfungsi sebagai tangan untuk memegang makanan (Ramlan, 2021b).



Rajah 3.7: Imej tupai *(Sciuridae)*
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Seterusnya, tupai juga mempunyai kebolehan untuk memanjat dan melompat kerana memiliki kaki dan cakar yang kuat untuk berpaut dan menggenggam. Dengan saiz badannya yang kecil, tupai boleh memanjat dengan tangkas dan melompat dengan sangat baik pada dahan-dahan pokok. Tupai dewasa biasanya boleh melompat sehingga 3 meter dalam satu lompatan. Untuk menyokong tubuhnya ketika melakukan lompatan, lapisan pada kedua-dua belah tangannya akan mengembang apabila melompat yang membuatkannya kelihatan seperti sedang terbang (Ramlan, 2021b; Richard et al., 2012).

Merujuk huraian yang diberikan berkaitan fakta-fakta tentang ‘itik’ dan ‘tupai’, maka jelaslah bahawa kedua-dua imej haiwan yang digunakan dalam peribahasa ini memberi rujukan yang tepat untuk menjelaskan makna peribahasa ini. Berdasarkan penelitian makna peribahasa ini, ‘jika hendak belajar tentang sesuatu, belajarlah dengan orang yang pakar dalam bidangnya’ menjelaskan keadaan bahawa dalam urusan menuntut ilmu, setiap orang dinasihatkankan untuk memilih guru yang tepat dan mahir dalam bidang

yang ingin dipelajari. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam al-Quran pun terdapat dalil yang menjelaskan tentang urusan tuntutan untuk menuntut ilmu dengan ahlinya seperti yang tercatat dalam surah al-Nahl ayat 43 yang bermaksud.

> *"Dan Kami tidak mengutus sebelum engkau (Muhammad), melainkan orang laki-laki yang Kami beri wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui".*

Maksud daripada ayat al-Quran ini jelas menyatakan bahawa jika seseorang ingin belajar, maka dia hendaklah belajar daripada orang yang mempunyai pengetahuan atau yang mempunyai kepakaran dalam bidangnya. Sesungguhnya urusan menuntut ilmu daripada golongan yang pakar dalam bidangya adalah sesuatu yang sangat dituntut dalam Islam. Pemilihan guru yang bersesuaian dengan bidang kemahiran yang ingin dipelajari amat penting untuk mengelakkan berlakunya salah faham berkaitan sesuatu ilmu.

Walaupun begitu, terdapat satu lagi persoalan yang perlu dibangkitkan, iaitu kenapakah masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggabungkan dua imej haiwan seperti 'itik' dan 'tupai' dalam satu ungkapan peribahasa ini? Kenapa tidak itik sahaja atau tupai sahaja? Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang ilmu sains politik belum tentu mempunyai ilmu dan pengetahuan dalam bidang tafsir al-Quran. Begitu juga jika seseorang itu mempunyai kepakaran dalam bidang undang-undang tidak semestinya mempunyai pengetahuan dalam bidang hadis dan begitulah sebaliknya (Leman, 2017).

Seseorang individu itu boleh menjadi pakar dalam bidang yang dipelajarinya tetapi dalam masa yang sama tidak mempunyai pengetahuan langsung dalam bidang yang lain. Oleh sebab itulah, peribahasa ini meletakkan dua imej haiwan dalam ungkapan peribahasa

ini kerana untuk menunjukkan perbezaan kepakaran yang dimiliki oleh ‘itik’ dan ‘tupai’. Secara tidak langsung gabungan dua imej dalam peribahasa ini telah menjelaskan maknanya jika seseorang yang ingin belajar sesuatu, maka perlu mendapatkannya daripada orang yang pakar dalam bidangnya.

Oleh itu, berdasarkan huraian dan tafsiran akal budi Melayu dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, jelaslah bahawa peribahasa *hendak belajar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* telah membuktikan kebijaksanaan pemikiran orang Melayu dahulukala. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai pengamatan yang teliti terhadap hal-hal kehidupan yang berlaku di sekeliling mereka. Walaupun hanya menerapkan dua unsur fauna dalam peribahasa ini sebagai simbol, namun dengan menggunakan semantik inkuisitif telah berjaya menjelaskan makna peribahasa ini sehingga ke akar umbi dan mencungkil kepelbagaian ilmu pengetahuan. Tidak terhad dalam lingkungan kajian bahasa sahaja, melalui analisis menggunakan semantik inkuisitif kajian ini juga telah menonjolkan ilmu berkaitan zoologi tentang ‘itik’ dan ‘tupai’ dan juga hal-hal yang berkaitan menuntut ilmu menurut pandangan agama Islam. Rumusannya, maklumat perihal ini dapat dikesan dan disimpulkan apabila tahap 2 dan tahap 3 analisis dilakukan terhadap data 3 ini. Analisis tahap 1, menjadi lebih bermakna dan dapat dikukuhkan lagi dengan analisis tahap 2 dan 3 dalam pendekatan semantik inkuisitif yang digabungjalinkan dengan RRS dan TR.

3.9.2 Rumusan hubung kait analisis peribahasa dengan strategi pembelajaran KSSM

Peribahasa Melayu merupakan wahana bahasa yang sarat dengan simbolisme, perlambangan dan falsafah hidup masyarakatnya. Oleh kerana sifatnya yang metafora dan abstrak, pemahaman terhadap peribahasa memerlukan kaedah analisis yang berstruktur dan

mendalam. Dalam konteks kajian ini, makna peribahasa h*endak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* telah dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif yang merangkumi tiga tahap, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Melalui analisis bertahap ini, pemahaman peribahasa bukan sahaja dapat dijelaskan dari sudut makna literal, tetapi turut diperluas kepada makna kontekstual serta falsafah yang mendasarinya. Hasil analisis inilah yang seterusnya dirumuskan hubung kaitnya dengan strategi dan kemahiran pembelajaran yang digariskan dalam KSSM Bahasa Melayu, khususnya pembelajaran kontekstual (PK), pembelajaran berasaskan inkuiri (PBI), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), serta Elemen Merentas Kurikulum (EMK).

Pertama, dari sudut pembelajaran kontekstual (PK), prinsip asasnya ialah membantu murid memahami dan menghubungkan pengetahuan dengan situasi kehidupan sebenar (BPK, 2001, 2018; Kadir, 2013). Dalam analisis semantik resonans, makna peribahasa ditafsir berdasarkan konteks penggunaannya, iaitu makna tersirat dirumus dengan bantuan maklumat tambahan dalam ujaran. Sebagai contoh, peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* diperkukuh dengan konteks kursus renang yang dikendalikan bekas perenang negara. Hubungan ini menjelaskan kepada murid bahawa maksud peribahasa tersebut bukan sekadar makna literal, tetapi dapat difahami secara lebih mendalam melalui pengalaman sebenar, iaitu belajar sesuatu kemahiran daripada pakar dalam bidangnya. Oleh itu, pengaplikasian semantik resonans dalam analisis peribahasa ini memperlihatkan kesepadanan dengan PK kerana kedua-duanya menekankan kepentingan konteks autentik untuk menjadikan pembelajaran lebih relevan dan bermakna (Ayob & Mohamad, 2012; Berns & Ericson, 2001).

Kedua, pembelajaran berasaskan inkuiri (PBI) menekankan proses penyoalan dan penyiasatan kritis (BPK, 2016, 2018). Dalam analisis semantik inkuisitif, persoalan seperti "Mengapa itik dan tupai dipilih sebagai perlambangan?" mendorong murid menyiasat fakta zoologi kedua-dua haiwan tersebut dan merumuskan maksud simbolik yang melambangkan kepakaran domain. Proses ini selari dengan model 5E (Bybee et al., 2006) yang menggalakkan murid melalui fasa penglibatan, penerokaan, penerangan, penghuraian dan penilaian. Melalui inkuiri, murid bukan sahaja memahami maksud literal, tetapi juga falsafah peribahasa yang menekankan kepentingan memilih guru yang ahli dalam bidang tertentu.

Ketiga, dari dimensi KBAT, peribahasa ini merangsang pelbagai aras pemikiran seperti yang digariskan dalam Taksonomi Bloom semakan Anderson dan Krathwohl (2000). Pada tahap semantik skrip, murid mengingat dan memahami makna kamus dan literal. Pada tahap resonans, murid mengaplikasi dan menganalisis makna melalui konteks penggunaannya. Pada tahap inkuisitif pula, murid menilai kewajaran pemilihan imej haiwan sebagai simbol, serta mencipta pengetahuan baharu dengan mengaitkan falsafah peribahasa kepada tuntutan agama Islam melalui firman Allah dalam surah al-Nahl ayat 43 yang menyeru manusia bertanya kepada ahlinya jika tidak mengetahui. Proses ini membuktikan peranan semantik inkuisitif sebagai wahana untuk mengasah pemikiran kritis, analitis dan kreatif (Bujang & Subet, 2021; Jalaluddin, 2024).

Akhir sekali, analisis ini turut menonjolkan EMK, khususnya dalam penerapan nilai murni, agama dan ilmu merentas disiplin. Penerangan tentang sifat biologi itik (*Anas platyrhynchos*) dan tupai (*Sciuridae*) membuka ruang kepada pembelajaran zoologi, manakala sandaran dalil al-Quran menegaskan nilai agama dan adab menuntut ilmu dalam Islam. Nilai murni seperti kerajinan dan rasionaliti turut ditonjolkan dalam hasil analisis

data, selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (BPK, 2018; Awang & Shaid, 2024).

Secara keseluruhannya, analisis peribahasa ini memperlihatkan hubungan yang jelas antara pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran dalam KSSM Bahasa Melayu. Pendekatan ini bukan sahaja menstruktur pemahaman makna peribahasa secara lebih tersusun dan mendalam, tetapi juga menghubungkaitkannya dengan pembelajaran kontekstual, inkuiri, KBAT dan EMK. Justeru, berdasarkan perbincangan ini, objektif ketiga kajian ini dapat dicapai, iaitu merumuskan hubung kait pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran KSSM, sekaligus menjawab persoalan kajian tentang analisis makna peribahasa yang dapat disepadukan dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan.

3.10 Rumusan bab

Dalam bab ini pengkaji telah menjelaskan secara terperinci berkaitan dengan struktur metodologi kajian atapun tatacara kajian ini dijalankan. Penjelasan yang diberikan merangkumi reka bentuk kajian yang digunakan, kaedah pengumpulan dan pemprosesan data, pensampelan, skop dan batasan kajian, serta contoh analisis data dengan menggunakan contoh peribahasa, *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai*. Data ini telah dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif yang melibatkan tiga tahap analisis. Tahap satu adalah analisis semantik skrip yang menganalisis makna permukaan peribahasa tersebut. Tahap kedua pula adalah analisis semantik resonans, iaitu proses menganalisis makna peribahasa yang digunakan dalam ujaran dengan mengaplikasikan pendekatan RRS, iaitu subkonsep di bawah TR. Akhir sekali tahap ketiga, iaitu analisis semantik inkuisitif yang melibatkan tafsiran falsafah dan akal budi Melayu. Seterusnya, rumusan hubung kait antara pendekatan

semantik inkuisitif dengan strategi dan kemahiran pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu juga telah dibincangkan dalam contoh analisis data untuk peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai*. Walau bagaimanapun, untuk analisis data sebenar dalam Bab 4, rumusan hubung kait untuk setiap strategi dan kemahiran pembelajaran dibincangkan dan dipersembahkan secara berasingan dengan analisis makna peribahasa untuk memfokus kepada setiap strategi dan kemahiran secara lebih terperinci.

BAB 4

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini memberi tumpuan kepada proses analisis data peribahasa yang dikumpulkan daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Penganalisisan data dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif bagi menjelaskan makna tersirat yang terkandung dalam peribahasa untuk mencungkil falsafah dan akal budi masyarakat Melayu serta menghubungkaitkannya dengan strategi dan kemahiran pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu. Perbincangan dimulakan dengan pemaparan hasil dapatan melalui pemerhatian secara keseluruhan dengan meneliti jumlah dan kepadatan data peribahasa yang terkandung dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

Seterusnya, analisis dan huraian secara mendalam dilakukan terhadap lapan sampel peribahasa yang dipilih daripada empat tema yang telah ditentukan. Analisis kajian mengaplikasikan konsep RRS dalam TR dan pendekatan semantik inkuisitif untuk menjelaskan falsafah dan akal budi serta nilai-nilai budaya yang terkandung dalam peribahasa. Perbincangan turut menekankan hubungan signifikan hasil analisis ini dengan strategi, komponen dan kemahiran pembelajaran yang digariskan dalam KSSM Bahasa Melayu. Penekanan khusus diberikan terhadap penggunaan peribahasa sebagai bahan pembelajaran yang bersifat berstruktur dan bermakna, sejajar dengan keperluan pembelajaran yang diterapkan dalam kurikulum. Oleh itu, penganalisisan dalam bab ini bertujuan menunjukkan keupayaan pendekatan semantik inkuisitif dalam

menginterpretasikan makna implisit peribahasa yang terkandung dalam bahan pembelajaran formal.

4.2 Dapatan objektif 1: Pemaparan dapatan keseluruhan data peribahasa


Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 3, proses pengumpulan dan pemprosesan data dilaksanakan bagi mencapai objektif 1, iaitu meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema tertentu. Pada masa yang sama, proses ini turut menjawab persoalan kajian 1, iaitu "Apakah kategori peribahasa yang digunakan untuk tujuan pembelajaran bahasa dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dan bagaimana peribahasa tersebut dapat dikategorikan mengikut tema yang relevan dengan pembelajaran bahasa?"

Dalam usaha pengumpulan peribahasa sebagai inventori data, pengkaji menyemak secara teliti setiap helaian muka surat kedua-dua buku teks tersebut. Proses semakan dilakukan secara berulang kali untuk memastikan tiada peribahasa yang tertinggal. Setiap peribahasa yang dikenal pasti dicatatkan dengan lengkap, termasuk nombor muka surat buku teks tempat peribahasa itu ditemukan.

Setelah proses pengumpulan data selesai, langkah seterusnya ialah pengelasan peribahasa mengikut kategori yang ditetapkan, iaitu simpulan bahasa, bidalan, pepatah dan perumpamaan. Berdasarkan penelitian dan semakan yang dilakukan, pengkaji berjaya mengumpulkan sejumlah 180 peribahasa, dengan pecahan mengikut kategori berikut: simpulan bahasa (43%), bidalan (27%), pepatah (21%) dan perumpamaan (9%). Daripada jumlah tersebut, 91 peribahasa diperoleh daripada buku teks Tingkatan 4, manakala 89 peribahasa lagi daripada buku teks Tingkatan 5. Rajah 4.1 memaparkan bilangan, jumlah

dan peratusan data yang terkumpul dalam bentuk paparan graf bar mengikut kategori peribahasa yang dianalisis dalam kajian ini.

Rajah 4.1: Graf bar pemerolehan data mengikut kategori peribahasa



Setelah data berjaya dikumpulkan dan dikategorikan mengikut jenis masing-masing, pengkaji seterusnya mengelaskan peribahasa tersebut kepada empat tema utama yang telah ditentukan, iaitu *Perpaduan*, *Pendidikan*, *Adat dan Warisan*, serta *Sumber Alam*. Pengelasan ini dilakukan dengan merujuk kepada hubungan makna peribahasa dengan kesesuaian maksud tema-tema tersebut.

Bagi tema *Perpaduan* sebagai contoh, pengkaji telah mengenal pasti tujuh peribahasa untuk kelompokkan di bawah tema ini, iaitu *bagai aur dengan tebing* (PU001-4) yang membawa maksud orang yang suka bertolong-tolongan, s*erumpun bak serai, sesusun bak sirih* (PU007-4) yang bermaksud seia sekata dan sehina semalu, *adat pulau limburan pasang* (BI002-4) yang menegaskan adat hidup ialah bantu-membantu, *sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk* (PE013-5) yang menggambarkan sama-sama

memikul tanggungjawab, *bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ke laut sama direnangi* (PE004-5) yang menekankan kepentingan sepakat, *bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat* (PE005-5) yang mengisyaratkan kata sepakat dicapai melalui mesyuarat, serta *ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua* (PU004-5) yang menandakan kesetiaan tanpa berbelah bahagi. Peribahasa-peribahasa ini dikategorikan di bawah tema *Perpaduan* kerana asosiasi maknanya berhubung kait dengan maksud perpaduan itu sendiri, iaitu bersatu padu, bekerjasama, bergotong-royong, tolong menolong dan bermuafakat (Mamat@Mustaffa et al., 2020). Hal ini memperlihatkan bahawa perpaduan bukan sekadar nilai sosial, tetapi juga asas kekuatan dan kesejahteraan hidup bermasyarakat menurut pandangan orang Melayu pada zaman dahulu.

Bagi senarai penuh data peribahasa yang melibatkan tema lain, iaitu *Pendidikan*, *Adat dan Warisan* serta *Sumber Alam*, pengkaji akan memaparkannya dalam bentuk jadual pada bahagian analisis data peribahasa mengikut tema masing-masing. Dengan cara ini, pengkaji dapat menunjukkan dengan jelas setiap peribahasa yang dibawa setiap tema dalam mencerminkan kepelbagaian falsafah dan nilai melalui peribahasa Melayu yang terkandung dalam buku teks. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Jalaluddin (2024), analisis terhadap peribahasa dengan domain/tema yang berbeza akan menghasilkan nilai dan pengajaran yang berbeza serta memberi peluang kepada pengkaji untuk meneroka ilmu baharu.

Rumusan daripada analisis yang dilakukan untuk memenuhi objektif pertama kajian ini menunjukkan bahawa sejumlah 180 peribahasa yang terkandung dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 membuktikan bahawa peribahasa Melayu masih lagi relevan dipelajari bersama dengan pembelajaran bahasa apabila bilangan peribahasa yang dimasukkan dalam buku teks masih lagi tinggi. Perbandingan

dilakukan dengan bilangan peribahasa yang dimuatkan dalam buku teks KBSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebelum ini (1986–2017), iaitu hanya berjumlah 79 sahaja (Abdol, 2018; Nasir, 2019). Peningkatan bilangan peribahasa yang dimuatkan dalam buku teks KSSM ini telah membuktikan usaha berterusan pihak berwajib dalam memastikan khazanah warisan bahasa Melayu ini terus kekal terpelihara dan untuk terus dihayati serta dihargai dalam konteks pembelajaran formal.

Selain daripada jumlahnya yang tinggi, kepelbagaian jenis dan tema peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 ini turut memperlihatkan sifat metafora setiap peribahasa yang menuntut pentafsiran melangkaui makna literal. Misalnya, peribahasa *bagai aur dengan tebing* tidak sekadar menggambarkan pokok aur yang tumbuh di tebing sungai, tetapi menzahirkan falsafah hidup bermasyarakat yang saling memerlukan dan bantu-membantu. Begitu juga dengan peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* yang secara literal merujuk kepada proses belajar daripada haiwan, tetapi makna sebenarnya menekankan keperluan menuntut ilmu daripada guru atau pakar. Kedua-dua contoh ini membuktikan bahawa peribahasa yang dimuatkan dalam buku teks menuntut murid menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi untuk menyingkap maksud tersiratnya, selaras dengan penekanan KSSM terhadap pemikiran kritis dan kontekstual.

Seterusnya, di bawah tema *Adat dan Warisan,* peribahasa yang terkandung memperlihatkan dengan jelas nilai budaya yang diwariskan oleh masyarakat Melayu. Sebagai contoh, peribahasa *langkah bendul* tidak dapat difahami hanya melalui maksud literalnya, kerana perkataan ‘langkah’ merujuk kepada pergerakan fizikal, manakala ‘bendul’ merujuk kepada bahagian kayu di muka pintu rumah tradisional Melayu. Makna sebenar peribahasa ini ialah “*Seorang adik berkahwin mendahului kakaknya”.* Peribahasa

ini bukan sahaja menekankan aspek adat dan susunan penghormatan dalam keluarga, tetapi turut mencerminkan falsafah masyarakat Melayu yang mementingkan tertib, maruah dan keharmonian dalam institusi kekeluargaan. Proses pemahaman ini menuntut KBAT kerana murid perlu menghubungkaitkan antara imej bendul rumah dengan struktur sosial serta norma budaya yang diwarisi. Contoh-contoh ini memperlihatkan sifat metafora yang kompleks pada peribahasa yang menuntut kemahiran berfikir logik tinggi dalam menghubungkaitkan leksikal yang membentuk ungkapan peribahasa tersebut dengan maknanya yang sebenar.

Rumusannya, keberadaan peribahasa dalam buku teks bukan sahaja menterjemahkan komitmen terhadap pemeliharaan nilai budaya dan warisan seni bahasa masyarakat Melayu, tetapi juga menekankan kepentingan mempelajari peribahasa kepada generasi muda. Dalam era perkembangan bahasa moden yang begitu pesat ini, peribahasa menjadi medium penting untuk menyemai nilai murni, memperkukuhkan identiti bangsa dan membentuk kesedaran terhadap pemeliharaan budaya. Oleh itu, dapatan ini memperlihatkan selain menjawab objektif 1 dan persoalan kajian 1, data peribahasa yang telah dikumpulkan ini juga menuntut kepada analisis yang lebih mendalam menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Analisis seterusnya akan menjelaskan makna tersirat, falsafah dan akal budi yang mendasari ungkapan peribahasa, sekali gus melengkapkan objektif 2 dan menjawab persoalan kajian 2 kajian ini.

4.3 Dapatan objektif 2: Analisis makna peribahasa terpilih menggunakan pendekatan semantik inkuisitif

Seterusnya, setelah data dikelompokkan mengikut tema masing-masing, dua peribahasa terpilih daripada setiap tema dianalisis menggunakan kerangka kajian semantik inkuisitif, menjadikan jumlah keseluruhan sampel peribahasa yang dibincangkan dalam

kajian ini sebanyak lapan data sahaja. Selaras dengan kaedah kajian ini yang sepenuhnya bersifat kualitatif, saiz sampel yang kecil antara satu hingga tujuh adalah memadai untuk dianalisis, bergantung pada kriteria pensampelan yang ditetapkan serta objektif kajian yang hendak dicapai (Darusalam & Hussin, 2018; Ibrahim, 2017; Lebar, 2017; Liamputtong, 2014). Proses analisis makna peribahasa melalui pendekatan semantik inkuisitif dihuraikan secara deskriptif, sejajar dengan kaedah kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan sebagaimana yang ditetapkan dalam Bab 3 kajian ini.

Peribahasa yang terpilih untuk dianalisis akan melalui tiga tahap analisis seperti yang terkandung dalam kerangka kajian semantik inkuisitif. Tahap pertama melibatkan analisis semantik skrip, iaitu analisis makna permukaan peribahasa. Seterusnya, tahap kedua ialah analisis semantik resonans, yang menggabungkan data, teori dan aspek kognitif melalui pengaplikasian RRS, iaitu subkonsep di bawah TR. Penggunaan RRS ini melibatkan rujukan kepada data korpus sebagai sokongan, yang diperoleh daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, Pangkalan Data Korpus DBP melalui PRPM-DBP serta sumber berita dalam talian. Akhir sekali, tahap ketiga merupakan analisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, yang menekankan nilai falsafah dan akal budi dalam usaha mencungkil makna sebenar peribahasa hingga ke akar umbinya.

Analisis ini bertujuan mencapai objektif 2, iaitu menganalisis makna peribahasa terpilih dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Perbincangan ini juga akan menjawab persoalan kajian 2, iaitu menjelaskan bagaimanakah makna peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dapat dianalisis melalui pendekatan semantik inkuisitif untuk menyingkap makna tersirat, falsafah dan akal budi masyarakat Melayu?

4.4 Analisis makna peribahasa bertemakan ‘Perpaduan’

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap peribahasa yang terdapat dalam kumpulan data, pengkaji telah mengenal pasti tujuh peribahasa yang mempunyai asosiasi makna dengan tema *Perpaduan*. Menurut Mamat@Mustaffa et al. (2020), ‘perpaduan’ dalam konteks keharmonian negara adalah masyarakatnya mengamalkan beberapa nilai murni antaranya, bersatu padu, bekerjasama, bergotong-royong, tolong menolong dan bermuafakat. Oleh itu, bagi mengkategorikan peribahasa di bawah tema *Perpaduan,* pengkaji merujuk makna peribahasa yang mempunyai perkaitan dengan nilai-nilai perpaduan. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini dalam Bab 3, hanya dua peribahasa daripada setiap tema akan dianalisis sebagai contoh perbincangan. Jadual 4.1 menyenaraikan peribahasa yang telah dikelaskan di bawah tema ini dan dua peribahasa terpilih untuk dianalisis yang telah ditanda dengan warna kelabu.

Jadual 4.1: Data peribahasa bertemakan ‘Perpaduan’

Kod Data	Peribahasa	Makna	Asosiasi Makna
PU001-4	Bagai aur dengan tebing	Orang yang suka bertolong-tolongan	Tolong-menolong
PU007-4	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	Seia sekata; Sehina semalu	Sepakat, muafakat
BI002-4	Adat pulau limburan pasang	Adat hidup ialah bantu-membantu, yang kaya membantu yang miskin dan yang berilmu membantu yang bodoh, yang berkuasa melindungi yang lemah.	Bantu-membantu
PE014-4 PE013-5	Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	Sama-sama ikut bertanggungjawab	Bersama-sama
PE004-5	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ke laut sama direnangi	Sepakat, seia sekata	Sepakat, muafakat

PE005-5	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	Kata sepakat tercapai dengan mesyuarat	Sepakat, muafakat
PU004-5	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua	Orang yang semuafakat itu sama hidup sama mati dan tidak berubah setianya	Sepakat, muafakat

4.4.1 Peribahasa *bagai aur dengan tebing*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis pada peringkat ini menjelaskan makna permukaan peribahasa, iaitu makna perkamusan (juga dikenali sebagai makna literal atau makna harfiah) bagi maksud peribahasa itu sendiri dan juga makna literal bagi setiap leksikal dalam ungkapan peribahasa tersebut. Analisis semantik skrip adalah seperti yang berikut:

Peribahasa:

Bagai aur dengan tebing

Makna Kamus:

Orang yang suka bertolong-tolongan

Bil.	**Leksikal**	**Makna Literal**
i.	*Bagai*	Kata banding, seperti, persamaan *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bagai)*
ii.	*aur*	Buluh, bambu *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=aur)*

iii. *dengan* Kata sendi nama; kata hubung; membawa maksud (ber)serta, bersama *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=dengan)*

iv. *tebing* Pinggir sungai dan lain-lain yang tinggi lagi curam, lereng (gunung, bukit dan lain-lain) *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tebing)*

Makna-makna literal yang disenaraikan di atas merujuk kepada makna leksikal setiap komponen peribahasa *bagai aur dengan tebing* seperti yang dipetik daripada *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016). Makna ini bersifat harfiah, iaitu makna asas perkataan tanpa mempertimbangkan konteks budaya, hubungan simbolik, atau implikasi makna yang lebih mendalam. Sebagai contoh, ‘bagai’ merujuk kepada kata banding yang membawa maksud persamaan, ‘aur’ merujuk kepada sejenis buluh, ‘dengan’ berfungsi sebagai kata hubung yang membawa maksud bersama atau serta, manakala ‘tebing’ bermaksud pinggir sungai atau lereng yang curam.

Makna leksikal ini masih berada di peringkat permukaan dan belum mampu menggambarkan makna sebenar peribahasa tersebut. Hubungan simbolik antara ‘aur’ dan ‘tebing’, serta konsep saling bergantungan dan kerjasama dalam kehidupan manusia, tidak dapat dijelaskan hanya berdasarkan makna harfiah perkataan. Justeru, untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam, analisis perlu diteruskan ke tahap kedua, iaitu analisis semantik resonans seperti yang dicadangkan oleh Jalaluddin (2014) dalam pendekatan semantik inkuisitif. Analisis ini akan meneliti interaksi antara elemen-elemen leksikal tersebut dalam konteks kognitif, seterusnya menghasilkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang makna peribahasa ini.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis pada tahap kedua menggunakan pendekatan semantik resonans. Tujuannya adalah untuk memahami makna peribahasa melalui konteks ayat, iaitu dari aspek penggunaan peribahasa dengan betul. Melalui cara ini dapat membantu pembaca atau pendengar mentafsir maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Semantik resonans digunakan untuk menghuraikan makna melalui perspektif data, teori dan juga kognitif. Petikan ayat yang diperoleh daripada data korpus dianalisis mengikut acuan rangka RRS, iaitu subkonsep dalam TR bagi menghubungkaitkan makna peribahasa ini dengan kognitif penutur. Analisis pada peringkat semantik resonans yang mengambil sumber daripada Pangkalan Data Korpus DBP adalah seperti yang berikut;

> (i) Boleh dikatakan pekerja kolar biru lebih menggunakan tenaga fizikal berbanding dengan pekerja kolar putih yang banyak menggunakan kuasa otak dan pengetahuan. Walaupun nampak berbeza, perhubungan kedua-dua pekerjaan ini sebenarnya ***bagai aur dengan tebing***. Kedua-duanya sama ada di sektor awam mahupun swasta sama-sama berperanan penting dalam pembangunan organisasi dan ekonomi negara.
>
> (Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Peribahasa *bagai aur dengan tebing* dalam konteks ayat (i) digunakan untuk menggambarkan kepentingan hubungan antara pekerja kolar biru dengan pekerja kolar putih. Peribahasa ini membawa maksud bahawa kedua-dua golongan pekerja saling bergantungan dan memerlukan antara satu sama lain untuk memastikan kelangsungan dan kejayaan organisasi. Dalam ayat ini, peribahasa tersebut menyampaikan mesej bahawa walaupun terdapat perbezaan dari segi fungsi dan peranan, kedua-dua jenis bidang

pekerjaan ini adalah elemen pelengkap dalam pembangunan organisasi dan ekonomi negara.

Penggunaan frasa *"Walaupun nampak berbeza,..."* sebelum ungkapan peribahasa *bagai aur dengan tebing* berfungsi sebagai premis awal yang menonjolkan perbezaan fungsi antara pekerja kolar biru, iaitu pekerjaan yang menggunakan tenaga fizikal dengan pekerja kolar putih, iaitu pekerjaaan yang banyak menyumbang ke arah membangunkan idea dan konsep melalui pemikiran. Frasa ini pada dasarnya telah membantu pembaca atau pendengar memahami asas perbezaan yang wujud sebelum kemunculan peribahasa untuk menggambarkan hubungan antara kedua-dua golongan ini yang saling memerlukan.

Berdasarkan RRS, frasa seperti *"...sama-sama berperanan penting dalam pembangunan organisasi dan ekonomi negara."* memberikan konteks yang cukup jelas untuk menyampaikan maksud sebenar peribahasa ini, iaitu dua pihak yang saling memerlukan dan bertolong-tolongan untuk mencapai matlamat bersama. Pembaca atau pendengar yang mempunyai pengalaman dengan peribahasa ini akan memahami bahawa hubungan antara kedua-dua golongan pekerja ini bukan sekadar kerjasama biasa, tetapi hubungan yang tidak dapat dipisahkan, seperti aur atau pokok buluh yang memerlukan tebing untuk sokongan dan tebing yang memerlukan aur untuk terus bertahan.

Penggunaan imej alam ‘aur’ dan ‘tebing’ dalam ungkapan peribahasa ini mencerminkan hubungan simbiotik yang saling melengkapi antara dua pihak. Dalam konteks ayat (i), pekerja kolar biru diibaratkan sebagai aur yang berdiri kukuh di samping tebing, iaitu pekerja kolar putih yang memberikan sokongan strategik dan intelektual. Sebaliknya, tebing (pekerja kolar putih) memerlukan aur (pekerja kolar biru) untuk memastikan pelaksanaan tugas-tugas fizikal yang kritikal kepada operasi organisasi. Gabungan elemen-elemen ini menyerlahkan satu jaringan kolaboratif yang berfungsi

dengan harmoni jika kedua-duanya saling bekerjasama dan memahami antara satu sama lain.



Rajah 4.2: Gambaran hubungan pekerja kolar putih dengan kolar biru
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Merujuk kepada konsep TR, pemahaman makna peribahasa bergantung kepada keseimbangan antara konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Usaha memproses makna peribahasa ini rendah kerana ayat (i) menyediakan pembuktian linguistik yang jelas, membolehkan pembaca atau pendengar membuat tafsiran dengan berkesan. Premis tambahan yang berfungsi sebagai petunjuk kognitif membantu pembaca atau pendengar mengaitkan makna peribahasa ini dengan situasi kerjasama antara dua golongan yang berbeza dengan lebih berkesan, sekali gus mengurangkan keperluan untuk analisis mendalam. Kesan kognitif yang tinggi dan hasil interaksi maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada telah memudahkan pemahaman makna peribahasa *bagai aur dengan tebing* dalam konteks ayat (i) untuk menggambarkan situasi kerjasama antara dua golongan berbeza secara lebih cepat, tepat dan relevan.

Penggunaan peribahasa *bagai aur dengan tebing* dalam ayat (i) menekankan kepentingan hubungan saling melengkapi antara pekerja kolar biru dengan kolar putih, walaupun peranan mereka berbeza. Dengan bantuan RRS, peribahasa ini diintegrasikan secara efektif dalam konteks ayat untuk menggambarkan pentingnya peranan setiap golongan pekerja dalam pembangunan organisasi dan ekonomi. Kajian ini mendapati, analisis peringkat resonans ini menunjukkan bahawa peribahasa bukan sahaja berfungsi sebagai penghias bahasa, tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan hubungan konsep yang mendalam dalam konteks yang kompleks. Tetapi, analisis peringkat ini belum lagi dapat menggambarkan alasan sepenuhnya di sebalik penggunaan imej alam 'aur' dan 'tebing' dalam peribahasa ini. Kenapa masyarakat Melayu menghubungkan dua imej alam ini sebagai satu ungkapan bahasa yang bermakna? Apakah falsafah atau akal budi masyarakat Melayu dalam pemulihan dua imej alam ini untuk mengungkapkan makna peribahasa ini sebagai tolong-menolong/bekerjasama antara satu sama lain? Makna ini dapat diterokai seterusnya dengan analisis tahap 3 seperti yang dicadangkan oleh Jalaluddin (2014) yang menyatakan bahawa proses analisis makna di peringkat semantik resonans ini dikatakan mempunyai banyak kekurangannya dan masih tidak mampu untuk mencungkil falsafah dan akal budi penutur jatinya. Oleh hal demikian, terdapat satu lagi peringkat analisis makna diperlukan yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu, iaitu analisis makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Persoalan utama yang perlu diterokai melalui pendekatan semantik inkuisitif terhadap peribahasa *bagai aur dengan tebing* adalah alasan di sebalik penggunaan imej alam 'aur' dan 'tebing' oleh masyarakat Melayu dalam ungkapan peribahasa ini. Apakah

makna tersirat yang cuba disampaikan melalui hubungan simbolik antara kedua-dua elemen alam tersebut dalam menggambarkan mesej perpaduan? Pada tahap ini, pendekatan semantik inkuisitif diterapkan untuk menghimpunkan pelbagai jawapan bagi merungkai persoalan yang wujud serta mengungkap falsafah dan akal budi Melayu yang tersirat di sebalik penciptaan peribahasa ini.



Rajah 4.3: Gambaran pokok aur (buluh) yang tumbuh di tebing sungai
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Dari sudut botani, ‘aur’ tergolong dalam kumpulan ‘vegetasi riparian’ atau lebih dikenali sebagai tumbuhan tebing sungai yang merujuk kepada sejenis buluh kecil atau bambu yang sering tumbuh di tebing sungai atau kawasan yang berdekatan dengan sumber air. Secara saintifiknya, aur diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada keluarga *Poaceae*, dengan ciri-ciri utama seperti batang berongga, daun panjang, serta kemampuan tumbuh secara berkelompok dalam keadaan tanah yang lembap dan berstruktur longgar. Manakala tebing pula merujuk kepada cerun atau bahagian tepi sungai yang berfungsi sebagai penghalang semula jadi terhadap hakisan air (Arora & Kumar, 2024; Azliza et al.,

2012; Hubble et al., 2010). Kedua-dua elemen ini saling berkait dari sudut ekologi, kerana aur memainkan peranan penting dalam menstabilkan struktur tebing, sementara tebing menyediakan habitat yang sesuai bagi aur untuk tumbuh subur.

Kajian ini mendapati bahawa hubungan simbiotik antara aur dengan tebing telah menarik perhatian masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala dan dijadikan sebagai lambang kepada nilai kerjasama dan kebergantungan dalam kehidupan bermasyarakat. Perkara ini amat menarik untuk melihat cara orang Melayu pada zaman dahulu memerhatikan unsur alam ini dan mengaitkannya dengan keperluan sosiologi masyarakat ketika itu. Dari segi ekologi, akar aur yang kompleks dan menjalar membantu menahan tanah daripada runtuh, terutamanya semasa musim hujan atau ketika arus sungai deras. Kajian oleh Hubble et al. (2010) menunjukkan bahawa tumbuhan tebing sungai, seperti aur, memainkan peranan penting dalam mengurangkan hakisan tebing sungai melalui mekanisme penahanan tanah oleh sistem akar yang menjalar jauh ke dalam tanah. Hubble et al. (2010) mendapati bahawa sistem akar pokok tebing sungai boleh mencapai kedalaman antara 5 meter sehingga 20 meter, yang berfungsi untuk menstabilkan tebing sungai daripada kegagalan struktur. Secara literal, aur dan tebing hidup dalam keadaan harmoni yang memanfaatkan kelebihan kedua-duanya dan mencerminkan prinsip asas dalam kehidupan manusia yang mengutamakan sikap bantu-membantu untuk mencapai keseimbangan sosial.

Proses pertumbuhan aur di tebing sungai juga memperlihatkan keunikan adaptasi tumbuhan ini terhadap persekitaran. Aur memerlukan tanah yang lembap dan kaya dengan nutrien, yang sering disediakan oleh tebing sungai melalui proses sedimentasi atau pemendapan daripada pasir, kelodak, tanah, atau bahan organik yang dibawa oleh air dan angin (Hubble et al., 2010; Arora & Kumar, 2024). Kajian oleh Azliza et al. (2012) juga

mendapati bahawa akar tumbuhan tebing sungai yang kukuh bukan sahaja melindungi tebing sungai daripada hakisan, tetapi juga menyumbang kepada pemulihan ekosistem sungai dengan menyediakan habitat untuk pelbagai spesies hidupan akuatik. Pada masa yang sama, tebing mendapat perlindungan daripada hakisan hasil daripada kehadiran aur yang menstabilkan tanah. Keadaan ini menunjukkan bahawa aur dan tebing saling melengkapi dalam konteks kelangsungan hidup dan perlindungan ekologi.



Rajah 4.4: Akar aur melindungi tebing daripada hakisan tanah
(Sumber: Koleksi peribadi)

Merujuk kembali kepada maksud tersirat peribahasa *bagai aur dengan tebing*, ungkapan peribahasa ini pada dasarnya mengandungi nilai moral yang tinggi, iaitu penekanan kepada konsep saling membantu dan menyokong dalam hubungan sosial. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu ingin menyampaikan mesej bahawa kehidupan yang harmoni dan seimbang hanya dapat dicapai melalui hubungan yang saling melengkapi antara satu sama lain melalui bahasa kiasan. Sebagai contoh, jika seseorang dalam komuniti menghadapi kesulitan, anggota lain perlu tampil membantu bagi memastikan kelangsungan komuniti tersebut (Mamat@Mustaffa et al., 2020). Hal ini bertepatan dengan kajian oleh Hubble et al. (2010), Azliza et al., (2012) dan Arora dan

Kumar (2024) yang menunjukkan bahawa pemulihan tumbuhan tebing sungai secara kolektif telah berjaya mengurangkan hakisan sungai dan meningkatkan kestabilan tanah tebing, telah memberikan satu analogi yang boleh dikaitkan dengan cara manusia perlu bekerjasama untuk menghadapi cabaran kehidupan.

Dari sudut falsafah alam Melayu, penggunaan imej alam ‘aur’ dan ‘tebing’ juga mencerminkan kehalusan pemikiran masyarakat Melayu dalam mengaitkan elemen semula jadi dengan kehidupan seharian. Ungkapan ini bukan sahaja berfungsi sebagai nasihat, tetapi juga sebagai peringatan tentang keindahan hidup yang berlandaskan saling kebergantungan. Pemilihan aur sebagai imej utama dalam peribahasa ini menunjukkan simbolisme kekuatan dan daya tahan, sementara tebing melambangkan kestabilan dan perlindungan.

Didapati bahawa analisis semantik inkuisitif terhadap peribahasa ini telah menunjukkan bahawa hubungan aur dan tebing dapat diterjemahkan ke dalam konteks kehidupan masyarakat moden, seperti hubungan simbiotik dalam organisasi atau komuniti. Dalam konteks ini, kajian ini mendapati bahawa ‘aur’ boleh diibaratkan sebagai pekerja atau ahli masyarakat yang menyumbang tenaga dan kemahiran, manakala untuk ‘tebing’, kajian ini simpulkan sebagai perlambangan untuk pemimpin atau struktur sokongan yang menyediakan asas bagi pembangunan individu dan kumpulan. Keharmonian dalam organisasi atau komuniti hanya dapat dicapai apabila kedua-dua pihak saling menyokong dan memahami keperluan masing-masing (Mamat@Mustaffa et al., 2020).

Oleh itu, dengan huraian dan penjelasan di atas, melalui pendekatan semantik inkuisitif, kajian ini mendapati bahawa analisis terhadap peribahasa *bagai aur dengan tebing* melalui pendekatan semantik inkuisitif telah memperlihatkan cara masyarakat Melayu dahulu kala mengintegrasikan pemerhatian terhadap alam semula jadi ke dalam

falsafah kehidupan mereka. Hubungan simbolik antara aur dengan tebing memberikan gambaran yang mendalam tentang pentingnya kerjasama dan saling bergantungan dalam memastikan keseimbangan dan keharmonian hidup dalam masyarakat. Dengan meneliti elemen-elemen biologi, ekologi dan sosial, analisis ini bukan sahaja telah menonjolkan pengetahuan merentas bidang linguistik itu sendiri, malah berjaya menonjolkan kehebatan pemikiran Melayu melalui pembentukan ungkapan peribahasa *bagai aur dengan tebing*.

Melalui hasil analisis data ini juga, kajian ini mendapati bahawa peribahasa ini bukan sahaja menggambarkan hubungan manusia dengan alam, tetapi turut menekankan kepentingan mengekalkan keseimbangan ekosistem melalui usaha penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar demi kelestarian sumber semula jadi. Secara keseluruhannya, maklumat berkaitan data 1 ini dapat dikenal pasti dan dirumuskan melalui pelaksanaan analisis pada tahap 2 dan tahap 3. Sementara itu, analisis tahap 1 menjadi lebih bermakna dan dapat diperkukuh dengan sokongan daripada analisis tahap 2 dan 3, selaras dengan pendekatan semantik inkuisitif yang diintegrasikan bersama RRS dan TR.

4.4.2 Peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis semantik skrip ditunjukkan seperti berikut:

Peribahasa:

Serumpun bak serai, sesusun bak sirih

Makna Kamus

Seia sekata; Sehina semalu

Bil.	**Leksikal**	**Makna Literal**
i.	*Serumpun*	Satu rumpun, satu perdu yang banyak pokoknya. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=serumpun)*
ii.	*bak*	Sebagai, seperti. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bak)*
iii.	*serai*	Tumbuh-tumbuhan yang seakan-akan lalang yang digunakan sebagai ramuan dalam masakan, *Cymbopogon citratus.* *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=serai)*
iv.	*sesusun*	Longgok yang teratur (berlapis-lapis, bertindih-tindih). *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=susun)*
v.	*bak*	Lihat (ii).
vi.	*sirih*	Sejenis tumbuhan (pokok renek yang memanjat dan daunnya dimakan dengan pinang, gambir, kapur dan lain-lain), *Piper betle*. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sirih)*

Makna-makna literal bagi peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* merujuk kepada makna leksikal setiap komponen seperti yang tercatat dalam kamus. Makna ini bersifat asas, menjelaskan definisi perkataan secara langsung tanpa mengambil kira konteks budaya atau nilai simbolik yang mendasari peribahasa tersebut. Sebagai contoh, *'serumpun'* bermaksud satu rumpun atau satu perdu yang terdiri daripada banyak pokok, *'bak'* membawa maksud seperti atau sebagai, *'serai' (Cymbopogon citratus)* merujuk kepada sejenis tumbuhan herba berbau wangi yang sering digunakan dalam masakan, *'sesusun'* bermaksud tersusun atau teratur dalam bentuk bertindih-tindih dan

'sirih' (Piper betle) merujuk kepada sejenis tumbuhan memanjat yang daunnya dimakan bersama pinang, gambir dan kapur.

Walau bagaimanapun, makna leksikal ini hanya menerangkan makna permukaan tanpa memberikan gambaran menyeluruh tentang maksud sebenar peribahasa. Hubungan antara konsep *'serumpun'* dengan *'sesusun'* yang dihubungkan dengan sifat *'serai'* dan *'sirih'* tidak dapat difahami sepenuhnya hanya melalui makna literal. Elemen-elemen ini memerlukan pentafsiran lebih mendalam untuk menjelaskan bagaimana sifat dan keadaan tumbuhan tersebut mencerminkan konsep kesepaduan, kerjasama dan keharmonian dalam hubungan sosial. Justeru, analisis perlu diteruskan ke tahap kedua, iaitu analisis semantik resonans sebagaimana yang dicadangkan oleh Jalaluddin (2014) dalam pendekatan semantik inkuisitif. Analisis ini memberi tumpuan kepada resonans makna yang wujud hasil interaksi antara unsur budaya, pengalaman kognitif dan simbolisme yang tersembunyi di sebalik makna literal, seterusnya membolehkan makna peribahasa difahami dalam konteks yang lebih komprehensif.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Huraian makna melalui proses kognitif untuk peribahasa Melayu *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* dapat dilihat melalui penggunaan data korpus yang diambil daripada Pangkalan Data Korpus DBP seperti contoh yang berikut.

(ii). Hal ini mempamerkan sikap warganegara Malaysia yang terbuka dan bertoleransi dalam menerima perbezaan budaya yang berlainan seperti kata peribahasa, ***serumpun bak serai, sesusun bak sirih***. Misalnya, tarian ngajat yang ditarikan oleh masyarakat Iban dan tarian sewang yang ditarikan oleh masyarakat orang Asli diterima dan dianggap sebagai budaya yang distingtif oleh masyarakat Malaysia. Warisan ini dapat mendukung persefahaman kaum di samping menarik perhatian pelancong asing untuk melancong di negara kita.

(Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Merujuk ayat (ii), pada dasarnya peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* tidak sukar untuk ditafsir maksudnya walaupun penutur tidak menyatakan maksud peribahasa secara eksplisit. Hal ini dikatakan demikian kerana, penutur telah memberikan bayangan atau gambaran yang jelas bahawa komunikasi yang ingin disampaikan adalah berkaitan dengan *Perpaduan*. Maksud sebenar peribahasa dalam konteks ayat tersebut dapat difahami dengan bantuan premis tambahan yang dibenarkan dalam analisis RRS untuk membantu pendengar atau pembaca menginterpretasikan mesej penutur dengan lebih berkesan. Berbantukan RRS ini, kajian ini mendapati wujudnya leksikal-leksikal yang menggambarkan nilai-nilai perpaduan itu sendiri, iaitu *"sikap terbuka-bertoleransi"* dan *"mendukung-persefahaman"* yang dapat dirujuk silang dengan makna peribahasa tersebut secara langsung.

Berdasarkan konteks ayat (ii), kajian ini berpendapat, peribahasa yang diguna pakai digambarkan oleh penutur sebagai elemen yang terdapat padanya nilai-nilai perpaduan kerana kewujudan perkataan-perkataan yang dilihat sinonim dengan maksud peribahasa

serumpun bak serai, sesusun bak sirih, iaitu *seia-sekata; sehina semalu* seperti ‘sikap terbuka’, ‘bertoleransi’, serta ‘mendukung persefahaman’. Ciri-ciri yang dinyatakan secara terbuka ini, kajian ini dapati pada dasarnya telah menjelaskan makna peribahasa tersebut dengan baik.

Oleh itu, kajian ini berpendapat bahawa, peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* dalam konteks ayat (ii) dipilih bertujuan untuk menekankan konsep kebersamaan dan keharmonian dalam kepelbagaian kaum di negara ini. Data korpus yang dipilih untuk dianalisis ini merupakan pembuktian linguistik yang menggambarkan keadaan rakyat Malaysia melalui peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih*. Walaupun terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya, namun masih mampu untuk hidup bersama secara harmoni dan saling menerima perbezaan budaya dalam kalangan mereka (Mamat@Mustafa et al., 2020).

Menurut penelitian pengkaji, peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* sering digunakan dalam konteks untuk menggambarkan keadaan masyarakat di Malaysia yang berbilang kaum dan budaya. Hal ini menunjukkan tingginya peranan peribahasa ini dalam menyampaikan nasihat moral untuk menjaga kelakuan ahli masyarakatnya (Hamzah & Hassan, 2011a). Perpaduan dan keharmonian dalam anggota masyarakat amat penting bagi menjamin kestabilan dan keamanan negara sehinggakan masyarakat Melayu pada zaman dahulu menurut kajian ini menterjemahkannya dalam bentuk peribahasa.

Melalui analisis yang dilakukan ini, secara literalnya, s*erumpun bak serai* merujuk kepada serai yang tumbuh bersama dalam satu rumpun yang menunjukkan betapa rapatnya hubungan dan kedudukan antara individu-individu yang berada dalam satu kelompok. Manakala *sesusun bak sirih* merujuk kepada keadaan daun sirih yang disusun rapi untuk membuat gubahan *“Sirih Junjung”* yang digunakan dalam perlakuan adat meminang dan

pertunangan masyarakat Melayu (Salleh, 2014; Yusoff, 2014). Kiasan makna bagi ungkapan peribahasa ini menjelaskan bahawa setiap ahli masyarakat perlu mempunyai semangat kebersamaan dan saling bersatu padu. Dalam ayat (ii), peribahasa ini digunakan untuk menekankan penerimaan dan pengiktirafan budaya yang berbeza seperti tarian ngajat dan sewang oleh pelbagai masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Hal ini telah menggambarkan kepelbagaian budaya bukan sahaja diterima tetapi juga dihargai dan dianggap sebagai aset penting negara oleh rakyat Malaysia.

Berdasarkan perbincangan dari sudut konteks, kesan kognitif dan usaha memproses dalam TR, penggunaan peribahasa *serumpun bak serai*, *sesusun bak sirih* dalam ayat ini telah mencerminkan pemahaman dan pengalaman kognitif rakyat Malaysia terhadap kepelbagaian budaya. Masyarakat negara ini sudah terbiasa dengan kepelbagaian budaya dan peribahasa ini menjadi relevan dalam konteks tersebut. Kesan kognitif daripada peribahasa ini dapat menguatkan mesej bahawa pentingnya perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum. Dengan menggunakan peribahasa ini, mesej yang ingin disampaikan oleh penutur menjadi lebih mudah untuk ditafsir.

Kewujudan beberapa premis tambahan dalam ayat (ii) pada dasarnya telah mengurangkan usaha memproses pembaca atau pendengar untuk memahami maksud peribahasa tersebut kerana premis tambahan bertindak sebagai konteks dan kesan kognitif yang berfungsi memberi gambaran kepada maksud sebenar peribahasa tersebut untuk lebih mudah difahami. Keadaan ini membolehkan mesej disampaikan dengan lebih cepat dan tepat tanpa memerlukan penjelasan tambahan yang lebih mendalam. Secara ringkasnya, TR telah menekankan pentingnya konteks dan kesan kognitif yang tinggi agar usaha memproses maklumat menjadi lebih rendah dan ujaran menjadi semakin relevan (Sperber & Wilson, 1986;1995).

Walau bagaimanpun, menurut Jalaluddin (2014), proses analisis makna di peringkat semantik resonans ini dikatakan mempunyai banyak kekurangannya dan masih tidak mampu untuk mencungkil falsafah dan akal budi penutur jatinya. Oleh hal demikian, terdapat satu lagi peringkat analisis makna diperlukan yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu, iaitu analisis makna menggunakan pendekatan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Kerangka kajian semantik inkuisitif menurut Jalaluddin (2014) menggabungkan data yang asli, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya masyarakat dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penutur jati. Daripada maksud tersirat peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* yang telah dibincangkan oleh pengkaji dalam analisis tahap 2 iaitu semantik resonans, timbul persoalan mengapakah imej tumbuhan seperti serai dan sirih dipilih dalam ungkapan peribahasa ini untuk memotivasikan unsur perpaduan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu? Mengapakah serai dan sirih digandingkan bersama dalam peribahasa ini? Pada peringkat ini, pendekatan semantik inkuisitif digunakan untuk mendapatkan segala jawapan bagi menjawab persoalan-persoalan yang timbul seterusnya menjelaskan falsafah dan akal budi Melayu di sebalik penciptaan peribahasa ini.

Persoalan pertama ialah kenapakah peribahasa ini menggunakan ungkapan *serumpun bak serai*? Serai atau nama saintifiknya *Cymbopogon citratus* yang berada dalam keluarga *Graminae* juga dikenali sebagai serai makan di Malaysia. Serai tergolong dalam jenis rumput yang tumbuh di kawasan beriklim tropika di kebanyakan negara seperti di negara-negara Asia, Amerika dan juga Afrika. Bau serai makan dikatakan seakan-akan bau limau (sitrus) tetapi tidak sekuat bau serai wangi daripada China. Mempunyai jangka

hayat yang panjang, serai tumbuh dalam keadaan rapat daripada perdu yang sama dan boleh mencapai antara 50 sehingga 100 batang serai dalam satu rumpun. Daun serai berbentuk lurus panjang, ringkas, berpelepah, tajam dan miang serta berwarna hijau seperti daun lalang keluar daripada batang serai atau dikenali juga sebagai rizom (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2024).



Rajah 4.5: Pokok serai (kiri) dan rizom serai (kanan)
(Sumber: Koleksi peribadi)

Rizom serai bersifat lurus, tegap dan kuat serta tahan lasak. Serai boleh tumbuh sehingga mencapai ketinggian 1 meter manakala daunnya boleh membesar sehingga 40 sentimeter panjang dan 1 sentimeter lebar. Tumbuhan herba ini mudah hidup dalam pelbagai jenis tanah asalkan mempunyai saliran air yang baik dan subur (Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, 2024). Selain digunakan untuk menambah rasa dan mewangikan masakan, serai juga digunakan secara tradisional untuk perubatan, industri makanan dan kosmetik. Minyak yang dihasilkan daripada ekstrak serai digunakan sebagai bahan pewangi untuk sabun, syampu, bahan pencuci, minyak angin, minyak urut dan sebagainya (Fadsy et al., 2019; Susilowati & Syukur, 2022).

Walaupun daun, batang dan akar serai mempunyai banyak manfaat dan kegunaannya dalam pelbagai industri, namun pengkaji akan memfokuskan huraian kepada

ciri-ciri pertumbuhan serai sahaja yang tumbuh dalam bentuk rumpun yang disimbolkan kepada unsur perpaduan dalam peribahasa ini berdasarkan makna kamusnya. Sebelum pengkaji menghuraikan dengan lebih mendalam perkaitan sifat serai yang tumbuh secara serumpun dan hubungannya dengan makna sebenar peribahasa ini, persoalan kedua yang perlu diteroka jawapannya ialah, kenapakah ungkapan peribahasa *serumpun bak serai* digandingkan dengan *sesusun bak sirih*?

Sirih atau nama saintifiknya *Piper Betle Linn* adalah tumbuhan yang hidup melata dan memanjat merupakan sejenis tumbuhan herba yang berasal daripada keluarga *piperaceae.* Sirih sangat terkenal dalam masyarakat di Asia Tenggara seperti Malaysia, Thailand, Indonesia dan Filipina kerana manfaatnya kepada kesihatan. Daun sirih berwarna hijau gelap serta hijau kekuningan berbentuk hati dengan purata pembesaran daunnya antara 7 hingga 20 sentimeter panjang dan berkelebaran antara 5 hingga 15 sentimeter (Yusoff, 2014; Kasdan, 2017).



Rajah 4.6: Imej daun sirih
(Sumber: *Koleksi peribadi*)

Daun sirih memiliki bau beraroma dan rasa pedas manis yang unik. Daun sirih mempunyai banyak kegunaan dan kelebihannya. Dalam sesetengah masyarakat termasuklah masyarakat Melayu lama, sirih sering kali dijadikan kudapan yang dimakan bersama dengan gambir, pinang, tembakau dan kapur. Gabungan rasa pedas, manis dan kelat yang unik menjadikan sirih mempunyai penggemarnya tersendiri. Selain dijadikan sebagai makanan ringan kerana dipercayai mempunyai banyak khasiatnya, daun sirih juga mempunyai kepentingannya dalam perubatan tradisional dan upacara adat tradisi dalam masyarakat Melayu (Yusoff, 2014; Kasdan, 2017).

Daun sirih mempunyai banyak kelebihannya dari sudut perubatan tradisional dan moden, namun kajian ini akan lebih memfokuskan kepada ungkapan *sesusun bak sirih* yang dilihat mempunyai kaitannya dengan kedudukan daun sirih yang disusun dalam formasi tertentu untuk tujuan tertentu. Apabila merujuk ungkapan peribahasa *sesusun bak sirih*, ungkapan ini secara eksplisit menggambarkan keadaan daun sirih itu tidak berada pada pokoknya kerana daun sirih tidak tumbuh secara tersusun rapi.

Daun sirih yang disusun rapi dalam formasi tertentu kebiasaannya dapat dilihat pada *"Tepak Sirih"* dan juga *"Sirih Junjung"* yang merupakan elemen penting dalam adat dan budaya masyarakat Melayu, terutamanya dalam upacara merisik, pertunangan, perkahwinan dan pelbagai majlis adat isitiadat yang lain (Perpustakaan Negara Malaysia, 2001; Salleh, 2014; Kasdan, 2017). Menurut Yusoff (2014) pula, daun sirih yang disusun rapi pada gubahan sirih junjung melambangkan simbol kepada perpaduan, penyatuan dan keharmonian antara dua jiwa (lelaki dan perempuan) khususnya dalam upacara perkahwinan. Berdasarkan kenyataan ini, jelaslah bahawa ungkapan *sesusun bak sirih* dalam peribahasa ini adalah untuk mengkomunikasikan unsur-unsur perpaduan,

keharmonian dan penyatuan yang digambarkan melalui daun sirih yang disusun rapi pada gubahan sirih junjung yang disusun bertingkat dan tinggi.




Rajah 4.7: Tepak sirih (kiri) dan sirih junjung (kanan)
(Sumber: *Google Images*)

Penjelasan tentang bentuk pertumbuhan pokok serai secara serumpun dan fungsi daun sirih sebagai simbolik tertentu dalam adat istiadat perkahwinan masyarakat Melayu pada dasarnya menunjukkan keadaan atau kedudukan dua objek ini dalam menggambarkan maksud perpaduan. Nilai-nilai perpaduan seperti kerjasama, keharmonian, keserasian, kebersamaan dan penyatuan ini digabungkan dan disampaikan maksudnya dalam ungkapan peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih.* Dalam peribahasa ini, ungkapan *serumpun bak serai* pada dasarnya mengkomunikasikan ciri-ciri pokok serai yang tumbuh dalam satu rumpun.

Pokok serai memiliki akar serabut mencapah yang besar dan kuat. Setiap batang serai tumbuh dengan rapat dan memiliki rizom yang keras, kuat, tegap dan tahan lasak. Oleh sebab itulah, serai tidak mudah untuk dicabut kerana keadaan akar dan batangnya yang kuat menyokong antara satu sama lain. Apabila hendak mengambil serai, batang serai perlu dipotong dengan pisau pada bahagian pangkalnya. Jika batang serai ditarik daripada akarnya, agak susah untuk serai tercabut kerana cengkaman akar serabutnya yang terlalu

kuat di dalam tanah. Kajian ini berpendapat, ciri-ciri inilah yang cuba dibawa dalam ungkapan *serumpun bak serai* untuk menggambarkan kekuatan yang dimiliki jika setiap individu dalam masyarakat hidup dengan bersatu hati dan saling memberi sokongan serta tidak mudah untuk dikalahkan. Serai yang tumbuh dalam rumpun diumpamakan dengan hubungan yang rapat antara ahli masyarakat. Setiap individu yang saling berinteraksi dan saling memberi sokongan sosial dalam masyarakat akan menguatkan lagi semangat perpaduan. Menurut Cohen dan Wills (1985), sokongan sosial yang kuat antara individu yang hidup dalam masyarakat adalah baik untuk mewujudkan persekitaran yang harmoni dan sejahtera.

Seterusnya, mengapa pula *serumpun bak serai* digandingkan bersama dengan ungkapan *sesusun bak sirih?* Berdasarkan konsep inkuiri yang menjadi asas kepada semantik inkuisitif, pertanyaan yang muncul ialah, "Dalam keadaan apakah kita dapat melihat daun sirih yang tersusun dan untuk tujuan apakah daun sirih disusun?" Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, daun sirih yang tersusun rapi pada dasarnya boleh dilihat pada *'Sirih Junjung'* (Yusoff, 2014). Menurut Hanapi (2019) dan Yusoff (2014), *'Sirih Junjung'* adalah gubahan daun sirih yang disusun dengan rapi dan kemas serta bertingkat yang dibawa sebagai kepala hadiah untuk meminang. Sirih junjung berperanan sebagai kepala adat, iaitu kedudukannya berada di hadapan sekali dalam rombongan meminang diikuti dengan dulang-dulang hantaran yang lain. Amalan membawa sirih junjung untuk majlis pertunangan dalam masyarakat Melayu mempunyai falsafah yang sangat tinggi. *"Sirih Junjung"* dinamakan sebegitu rupa berdasarkan tiga teras utama yang perlu dititikberatkan dalam adat merisik, pertunangan dan perkahwinan dalam masyarakat Melayu, iaitu *"Junjung Adat"*, "*Julang Hasrat"* dan *"Julung Semat"* (Hanapi, 2019).

Antara ketiga-tiga teras ini,teras *"Julung Semat"* dilihat mempunyai perkaitan yang rapat dengan ungkapan peribahasa *sesusun bak sirih*. Menurut Hanapi (2019), sirih junjung perlu dibuat dengan keadaan tertib dan berhalus. Setiap helaian daun sirih dilipat, disusun, diselit rapi dan disemat kemas serta digubah secara bertingkat dan tinggi – "*Julung Semat"*. Hal ini adalah untuk menggambarkan betapa tingginya hajat rombongan meminang kepada tuan rumah agar menerima hasrat pihak lelaki. Falsafah *"Julung Semat"* dalam pembuatan sirih junjung ini perlu diguna pakai dalam apa-apa sahaja keputusan daripada pihak tuan rumah sama ada pinangan diterima atau ditolak. Jika pinangan diterima, maka urusan seterusnya perlu dilakukan serapi mungkin seperti rapinya susunan dan lipatan daun sirih yang disemat pada sirih junjung. Walau bagaimanapun, jika pinangan ditolak, sebab dan alasannya perlu disimpan sahaja dengan kemas, sekemas lipatan dan selitan daun sirih pada sirih junjung agar maruah dan kehormatan kedua-dua belah pihak terjaga (Salleh, 2014; Yusoff, 2014; Hanapi, 2019). Falsafah pada sirih junjung ini pada dasarnya dilihat cuba memotivasikan hal-hal yang berkaitan dengan penjagaan emosi dan kesejahteraan mental dan secara tidak langsung telah menjelaskan asal penciptaan ungkapan peribahasa *sesusun bak sirih* yang mengkomunikasi hal-hal yang berkaitan dengan menjaga keharmonian antara kedua belah pihak secara penuh tersirat.

Oleh itu, dengan penerangan di atas maka terjawablah persoalan mengapa masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggandingkan *serumpun bak serai* dengan *sesusun bak sirih* secara bersama. Jika serumpun serai digambarkan sebagai ikatan perpaduan yang kuat antara ahli masyarakat ataupun simbol kepada 'kekuatan' dalam hubungan bermasyarakat, maka susunan sirih pula ialah simbol kepada perpaduan, penyatuan dan keharmonian melalui susunan daun sirih yang kemas, rapi dan dihias indah pada sirih junjung serta mempunyai falsafahnya sendiri (Yusoff, 2014). Melalui analisis

makna peribahasa ini, kajian ini dapat mengesan bahawa intuisi Melayu pada zaman dahulu telah memberi gambaran menerusi peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* untuk merealisasikan kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu dan harmoni, kerana setiap ahli perlu mengamalkan nilai-nilai penting dalam perpaduan seperti hormat-menghormati, bekerjasama, bertoleransi, kebersamaan, penerimaan, merendah hati dan banyak lagi. Secara keseluruhannya, maklumat perihal ini dapat dikesan dan disimpulkan apabila tahap 2 dan tahap 3 analisis dilakukan terhadap data 2 ini. Analisis tahap 1, menjadi lebih bermakna dan dapat dikukuhkan lagi dengan analisis tahap 2 dan 3 dalam pendekatan semantik inkuisitif yang digabungjalinkan dengan RRS dan TR.

4.5 Analisis makna peribahasa bertemakan 'Pendidikan'

Setelah melakukan semakan dan penelitian terhadap kumpulan data, pengkaji mengenal pasti tujuh peribahasa yang berasosiasi dengan maksud pendidikan menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016). Peribahasa yang dipilih untuk dikelompokkan di bawah tema *Pendidikan* adalah yang mempunyai asosiasi makna dengan maksud pendidikan itu sendiri seperti mendidik, didikan, ilmu, belajar dan pelajaran. Perbincangan hanya akan menfokus kepada analisis dua peribahasa yang telah ditanda dengan latar berwarna kelabu di dalam jadual sebagai contoh. Jadual 4.2 memaparkan senarai peribahasa yang dikategorikan mengikut tema *Pendidikan*.

Jadual 4.2: Data peribahasa bertemakan 'Pendidikan'

Kod Data	Peribahasa	Makna	Asosiasi Makna
PE002-4	Belum tahu dimasin garam, belum tahu dipedas lada	Belum cukup pengalaman/ilmu	Ilmu

PE005-4	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	Sekiranya hendak belajar sesuatu, belajarlah daripada orang yang ahli/pakar dalam bidangnya	Belajar
PE011-4	Lubuk akal tepian ilmu	Orang yang sangat luas ilmu pengetahuan	Ilmu
BI004-4	Bagaimana acuan, begitulah kuihnya	Seseorang anak akan mengikut perangai atau didikan ibu dan bapanya	Didikan / Mendidik
BI015-4 BI009-5	Hanya jauhari mengenal manikam	Orang yang bijak sahaja yang mengetahui keelokan ilmu/ orang yang pandai dan tahu membuat penilaian dengan tepat	Ilmu
BI013-5	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Mendidik anak biarlah sejak mereka dari kecil lagi	Didikan / Mendidik
PE003-5	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Makin banyak ilmu atau makin tinggi kedudukan, makin merendah diri	Ilmu dan kedudukan

4.5.1 Peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis semantik skrip adalah seperti berikut:

Peribahasa:

Hanya jauhari mengenal manikam

Makna Kamus:

'Orang yang bijak sahaja yang mengetahui keelokan ilmu; orang yang pandai tahu membuat penilaian dengan tepat'.

Bil.	Leksikal	Makna Literal
i.	*Hanya*	1. Tidak lebih daripada, cuma, sahaja: 2. Sekiranya (terdapat atau berlaku sesuatu keadaan dan sebagainya yang tertentu sahaja), sekiranya (kalau): 3. Melainkan, kecuali. (*https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hanya)*
ii.	*jauhari*	Tukang (saudagar) permata; 2. Cerdik pandai, ahli. (*https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jauhari)*
iii.	*mengenal*	1. Dapat mengetahui atau mengecamkan rupa seseorang atau sesuatu yang sudah diketahui sebelumnya, mengecam: 2. Kenal atau tahu akan, berhubungan (bergaul, bercakap-cakap) sebagai sahabat dengan, berkenalan dengan. (*https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=mengenal)*
iv.	*manikam*	Batu permata, intan, ratna. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=manikam)*

Makna-makna literal bagi peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam* merujuk kepada makna leksikal setiap komponen seperti yang dihuraikan dalam kamus. Makna ini bersifat harfiah, iaitu menerangkan maksud asas setiap perkataan tanpa mengambil kira dimensi simbolik, konteks budaya, atau nilai kognitif yang lebih mendalam. Sebagai contoh, ‘hanya’ bermaksud tidak lebih daripada, cuma atau sahaja; juga boleh membawa maksud sekiranya sesuatu keadaan tertentu berlaku, ataupun melainkan dan kecuali. Seterusnya, ‘jauhari’ merujuk kepada tukang atau saudagar permata dan turut membawa maksud cerdik pandai atau ahli. Perkataan ‘mengenal’ pula ditakrifkan sebagai dapat mengetahui atau mengecam rupa sesuatu yang sudah diketahui sebelumnya; juga bererti

tahu akan sesuatu atau berhubungan dengan seseorang. Akhir sekali, ‘manikam’ merujuk kepada batu permata atau intan yang bernilai tinggi.

Makna leksikal ini hanya berada pada tahap permukaan dan belum mampu menjelaskan makna kognitif peribahasa tersebut. Oleh itu, analisis perlu diteruskan ke tahap kedua, iaitu analisis semantik resonans (Jalaluddin, 2014). Matlamat utama semantik resonans adalah untuk menganalisis makna peribahasa dalam konteks penggunaannya dalam ujaran atau ayat, dengan mengambil kira data, teori dan kognitif bagi membongkar hubungan simbolik yang lebih kompleks dan bermakna.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis makna peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam* bagi peringkat semantik resonans ditunjukkan dalam contoh ujaran seperti ayat (iii) yang dipetik daripada teks dalam Pangkalan Data Korpus DBP yang membicarakan tentang falsafah tasawuf.

> (iii) Hati kecilnya bagaikan berbisik, betapa kupasan ilmu seumpama itu hanya boleh dimengerti oleh ulama-ulama sufi seperti Abu Yazid Bustami, Al-Hallaj, Imam Gazali, Ibnu Arabi, Jalaluddin Rumi, atau Suhrawardi. Mereka tentunya akan lebih mudah melafazkan penjelasan tentang falsafah tasawuf golongan sufi tersebut. Justeru, merekalah ******jauhari mengenal manikam***** dalam perbahasan ilmu makrifatullah.
>
> (Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Ayat (iii) menunjukkan kemunculan peribahasa *jauhari mengenal manikam* dalam ayat terakhir. Ujaran ini tidak menjelaskan maksud tersirat peribahasa secara langsung, namun makna dapat difahami melalui maklumat tambahan yang terkandung dalam ayat

sebelumnya. Dalam konteks ini, barisan ulama sufi yang disebut seperti Abu Yazid Bustami, Al-Hallaj, Imam Gazali, Ibnu Arabi, Jalaluddin Rumi dan Suhrawardi dirujuk sebagai kelompok yang memiliki ketinggian ilmu, pengalaman rohani dan kepakaran dalam bidang tasawuf. Dengan menggunakan RRS, tokoh-tokoh sufi tersebut dapat dirujuksilangkan dengan peribahasa ‘jauhari’, iaitu orang yang bijaksana atau ahli yang benar-benar memahami sesuatu yang bernilai tinggi. Sementara itu, ilmu makrifatullah yang bersifat mendalam, kompleks dan penuh falsafah dapat dirujuksilangkan dengan ‘manikam’, iaitu batu permata yang bernilai.

Ungkapan tambahan tentang kemampuan para ulama sufi melafazkan penjelasan falsafah tasawuf berperanan sebagai anteseden yang mengukuhkan pemaknaan peribahasa ini. Dalam ujaran tersebut, kedudukan ulama sufi sebagai tokoh berwibawa dan sarat dengan pengalaman memberikan kesan kognitif kepada pembaca, iaitu hanya mereka yang benar-benar arif dan mendalam ilmunya mampu memahami dan menghuraikan kerumitan falsafah tasawuf. Oleh itu, pendengar atau pembaca dapat dengan mudah mengaitkan makna tersirat peribahasa ini, iaitu hanya orang yang bijaksana dan berilmu tinggi dapat menghargai nilai sesuatu ilmu atau perkara yang berharga dengan mendalam.

Namun begitu, makna peribahasa ini tidak harus dihadkan kepada konteks tasawuf semata-mata. Hal ini kerana peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam* bersifat umum dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi kehidupan yang melibatkan penilaian, penghargaan, atau pengiktirafan terhadap sesuatu yang bernilai tinggi, sama ada ilmu, kebijaksanaan, karya seni, mahupun keperibadian. Dalam konteks ayat (iii), penegasan kepada keistimewaan ulama sufi hanyalah salah satu bentuk pengaplikasian.

Penggunaan RRS dalam analisis tahap semantik resonans ini telah membentuk kesan kognitif yang jelas, iaitu pembaca dapat memahami bahawa peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam* menggambarkan kepakaran seseorang ahli dalam menilai sesuatu yang berharga. Walau bagaimanapun, seperti yang dihujahkan oleh Jalaluddin (2014, 2018, 2024), tahap resonans ini belum mampu menjelaskan falsafah dan akal budi yang lebih mendalam. Oleh itu, analisis tahap ketiga, iaitu semantik inkuisitif diperlukan untuk mencungkil falsafah dan akal budi masyarakat Melayu yang terkandung dalam peribahasa ini.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Analisis makna peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam* pada peringkat semantik inkuisitif menuntut pengkaji mempersoalkan hal ini. Kenapakah masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan imej ‘jauhari’ dan ‘manikam’ sebagai perlambangan dalam peribahasa ini? Maksud yang hendak disampaikan ialah hanya orang yang benar-benar berilmu dan berpengalaman dalam bidangnya mampu membuat penilaian yang tepat. Mengikut kerangka semantik inkuisitif, persoalan demi persoalan perlu diketengahkan bagi mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati peribahasa ini.

Dari sudut istilah, seperti yang telah dijelaskan dalam huraian semantik resonans, ‘jauhari’ bermaksud tukang atau saudagar permata, manakala ‘manikam’ merujuk kepada batu permata, intan atau ratna. Persoalan pertama yang timbul ialah mengapa digunakan leksikal ‘jauhari’ dan ‘manikam’, bukannya istilah harfiah seperti ‘tukang permata’ dan ‘batu permata’? Menurut Hassan (2005), terdapat peribahasa Melayu yang terbentuk melalui pengaruh bahasa asing, khususnya bahasa Sanskrit. Antaranya ialah peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam*. Kewujudan kata pinjaman ini dapat dikaitkan dengan

sejarah interaksi awal Tanah Melayu dengan pedagang India sejak abad ke-7 melalui jaringan perdagangan dan pengaruh kerajaan Srivijaya. Hubungan erat ini bukan sahaja melibatkan urusan dagang tetapi juga penyebaran budaya, agama dan bahasa sehingga meninggalkan kesan yang kekal dalam khazanah bahasa Melayu (Jali et al., 2008). Justeru, penggunaan istilah Sanskrit dalam peribahasa ini memperlihatkan kepelbagaian sumber budaya yang telah membentuk falsafah masyarakat Melayu.

Persoalan kedua pula berkait dengan pemilihan bidang pekerjaan ‘jauhari’. Mengapakah kerjaya tukang atau saudagar permata dijadikan imej utama peribahasa ini? Jawapannya dapat dilihat melalui sifat kepakaran bidang tersebut yang menuntut latihan berterusan, tempoh pengalaman yang lama, serta kemahiran yang mendalam untuk menilai mutu batu permata. Tukang permata bukan sahaja berurusan dengan aspek fizikal permata, tetapi juga berhadapan dengan proses penilaian keaslian, kehalusan dan kualiti yang hanya dapat dikuasai selepas berpuluh tahun pengalaman (Sulaini, 2016). Dengan kata lain, pemilihan imej ‘jauhari’ adalah tepat kerana dapat menggambarkan seseorang yang melalui proses pembelajaran yang berpanjangan sebelum mencapai taraf pakar.



Rajah 4.8: Imej ‘jauhari’ sedang meneliti ‘manikam’
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Imej ‘jauhari’ ini memperlihatkan falsafah penting bagi masyarakat Melayu tentang makna kepakaran, iaitu untuk menjadi seorang ahli yang benar-benar arif, masa dan pengalaman adalah faktor penentu. Berbeza dengan pekerjaan lain seperti petani, nelayan atau penternak yang boleh dikuasai dalam jangka masa yang lebih singkat, bidang kepakaran tukang permata menuntut dedikasi yang tinggi dan proses menimba ilmu sepanjang hayat (Sulaini, 2016). Justeru, peribahasa ini turut menonjolkan unsur ‘masa’ sebagai falsafah utama, iaitu semakin lama seseorang menuntut ilmu dan mengasah kemahiran, semakin tinggilah tahap kehalusan penilaiannya.

Melalui analisis semantik inkuisitif, jelaslah bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu memiliki pengamatan yang mendalam bukan sahaja terhadap unsur alam semula jadi, tetapi juga bidang pekerjaan dan struktur sosial pada zamannya. Mereka menggunakan simbol ‘jauhari’ dan ‘manikam’ sebagai gandingan yang tepat untuk menggambarkan kepakaran, kehalusan ilmu, serta nilai eksklusif sesuatu yang tidak mampu difahami oleh sembarangan orang. Penggunaan simbol ini membuktikan falsafah akal budi Melayu yang menekankan peri pentingnya memilih orang yang benar-benar pakar dalam menilai sesuatu perkara.

Oleh itu, analisis tahap semantik inkuisitif telah membuka ruang pemahaman mendalam bahawa peribahasa *hanya jauhari mengenal manikam* bukan sekadar menegaskan kepakaran dalam bidang permata, tetapi melangkaui sempadan literal untuk menyingkap falsafah dan akal budi Melayu bahawa dalam setiap bidang ilmu dan pekerjaan, hanya ahli yang arif dan berpengalaman sahajalah yang mampu membuat penilaian tepat dan bernilai. Kesimpulannya, analisis terhadap peribahasa ini telah menonjolkan kebijaksanaan kolektif nenek moyang kita yang berpandangan jauh serta berpaksikan pada pengalaman, masa dan ketelitian dalam menilai kehidupan. Akhir sekali

dapat dirumuskan, maklumat perihal ini dapat dikesan dan disimpulkan apabila tahap 2 dan tahap 3 analisis dilakukan terhadap data 3 ini. Analisis tahap 1, menjadi lebih bermakna dan dapat dikukuhkan lagi dengan analisis tahap 2 dan 3 dalam pendekatan semantik inkuisitif yang digabungjalinkan dengan RRS dan TR.

4.5.2 Peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik skrip

Analisis semantik skrip adalah seperti yang berikut:

Peribahasa:

Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk

Makna Kamus:

Makin banyak ilmu/makin tinggi pangkat makin merendah diri

Bil.	**Leksikal**	**Makna Literal**
i.	*Bawa*	Mengangkat sesuatu sambil bergerak ke suatu tempat lain, mengangkut, memikul, mendukung, menjunjung; melibatkan, memasukkan (dalam sesuatu perkara). *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bawa)*
ii.	*resmi*	Sifat semula jadi, sifat khas (benda, adat, perangai, tabiat). *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=resmi)*
iii.	*padi*	Sejenis tumbuhan (rumput yang buahnya dijadikan beras), *Oryza sativa*. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=padi)*

iv. *makin* Semakin menjadi lebih, kian bertambah.
(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=makin)

v. *berisi* Mempunyai isi, tidak kosong: tidak kurus, gemuk.
(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=berisi)

vi. *makin* Lihat (iv)

vii. *tunduk* Kepala atau muka condong ke hadapan, lawan mencongak (tengadah); tidak tegak (batang padi dan lain-lain), condong, merunduk.
(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tunduk)

Makna leksikal bagi peribahasa b*awa resmi padi, makin berisi makin tunduk* merujuk kepada definisi asas setiap komponen perkataan berdasarkan kamus. Leksikal *'bawa'* bermaksud mengangkat atau melibatkan sesuatu dalam satu keadaan, manakala *'resmi'* merujuk kepada sifat semula jadi atau ciri khas sesuatu. *'Padi'* pula ialah tumbuhan bijirin *(Oryza sativa)* yang menghasilkan beras, manakala *'makin'* membawa maksud kian bertambah. Seterusnya, perkataan *'berisi'* bermaksud mempunyai isi atau penuh dan *'tunduk'* merujuk kepada keadaan condong ke hadapan, tidak tegak, atau merunduk.

Walaupun makna literal ini memberikan pemahaman terhadap maksud setiap perkataan secara terpisah, makna sebenar peribahasa ini tidak dapat difahami sepenuhnya tanpa mempertimbangkan hubungan antara elemen tersebut. Gabungan perkataan ini mencipta gambaran visual tentang padi yang semakin berat berisi, semakin merunduk ke bawah. Namun, gambaran ini hanyalah interpretasi asas dan belum menjelaskan nilai simbolik atau falsafah yang terkandung di sebalik peribahasa tersebut. Untuk memahami makna peribahasa ini secara kognitif, analisis perlu diteruskan ke tahap semantik resonans

seperti yang dicadangkan oleh Jalaluddin (2014) dalam pendekatan semantik inkuisitif. Semantik resonans digunakan untuk menganalisis makna peribahasa dalam konteks penggunaannya dalam ujaran atau ayat yang melibatkan data, teori dan proses kognitif.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Berikut dikemukakan analisis data bagi peringkat semantik resonans untuk penggunaan peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk* dalam ujaran sebenar menggunakan contoh ayat (iv).

(iv) "Ayahanda tak nak kita besar kepala tetapi mahu kita jadi rendah diri. Biar kita ***jadi seperti resmi padi, makin berisi makin menunduk*** dan jangan lupa diri." Itu antara pesanan yang tersemat kukuh dalam jiwa Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah yang kini menggalas tanggungjawab untuk menjaga negeri ketiga terbesar di Malaysia itu.

(Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Ujaran (iv) di atas telah menggunakan peribahasa *jadi seperti resmi padi, makin berisi makin menunduk* atau ungkapan asalnya *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk* dalam memotivasikan nasihat mendidik yang berkaitan dengan perihal merendah diri. Walau bagaimanapun, penggunaan peribahasa dalam ujaran ini tidak disertakan dengan maksudnya yang tersirat. Konteks ayat ini jelas menunjukkan wujudnya pembuktian linguistik dalam usaha menyampaikan maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur asal melalui penggunaan peribahasa. Kehadiran beberapa premis tambahan yang terdapat dalam ujaran di atas dapat dimanfaatkan oleh pendengar atau

pembaca untuk menginterpretasikan makna peribahasa tersebut walaupun maksud harfiah peribahasa tidak dinyatakan secara langsung.

Melalui pengaplikasian RRS, usaha memproses makna peribahasa ini akan menjadi rendah dan tidak susah untuk ditafsir dengan bantuan beberapa maklumat tambahan yang wujud. Kehadiran frasa *"Ayahanda tak nak kita besar kepada tetapi mahu kita jadi rendah diri"* pada pangkal ayat sebelum peribahasa *"...jadi seperti resmi padi, makin berisi makin menunduk"* pada dasarnya telah memberi gambaran berkaitan maksud peribahasa yang ingin disampaikan. Kesan kognitif yang wujud semakin jelas apabila frasa *"...jangan lupa diri"* turut muncul selepas peribahasa dikemukakan.

Seterusnya, frasa *"...menggalas tanggungjawab untuk menjaga negeri"* yang wujud dalam ayat kedua juga secara eksplisitnya telah mengkomunikasikan maksud peribahasa ini yang berkaitan dengan nasihat berunsur mendidik kepada ahli masyarakat untuk tidak meninggi diri atau bersikap sombong apabila memegang jawatan, kedudukan atau pangkat yang tinggi. Dalam konteks contoh ayat yang diberikan, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah merupakan Pemangku Raja Pahang. Walaupun begitu, baginda sentiasa memegang amanah dan nasihat daripada ayahanda baginda untuk sentiasa merendah diri, jangan besar kepala dan tidak lupa diri. Melalui pembuktian linguistik yang dibantu dengan pendekatan RRS, analisis makna peribahasa pada peringkat semantik resonans yang melibatkan data, teori dan kognitif telah berjaya menjelaskan maksud peribahasa yang ingin disampaikan melalui bantuan premis tambahan walaupun penutur tidak menyatakan makna peribahasa tersebut secara langsung.

Dengan analisis pada tahap 2 ini, meskipun penerapan RRS dan TR dalam analisis tahap semantik resonans dapat membantu pendengar atau pembaca memahami makna tersirat peribahasa dengan mengambil kira aspek data, teori dan kognitif, Jalaluddin (2014,

2018, 2024) berpendapat bahawa analisis pada tahap ini masih belum mampu menyingkap secara mendalam falsafah dan akal budi penutur jati. Justeru, wujud keperluan untuk melaksanakan satu lagi peringkat analisis makna yang lebih menyeluruh, iaitu analisis semantik inkuisitif pada tahap 3, yang berperanan menghubungkan elemen bahasa, budaya dan kognitif secara lebih mendalam serta mencerminkan akal budi Melayu dalam keseluruhan makna peribahasa.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada peringkat ini, analisis dilakukan dengan mempersoalkan kenapa masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala mengambil imej 'padi' untuk menggambarkan maksud *"Makin banyak ilmu atau makin tinggi kedudukan makin merendah diri"*? Justifikasi peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk* dikelompokkan di bawah tema *Pendidikan* dalam kajian ini kerana asosiasi makna yang mempunyai kaitan dengan pencapaian ilmu pengetahuan, iaitu tahap pendidikan dan keilmuan.

Dalam konteks pendidikan, terdapat hierarki yang membezakan tahap penguasaan ilmu seseorang, bermula daripada peringkat asas sehingga peringkat tertinggi. Semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin luas pengetahuan dan pemahamannya terhadap dunia di sekeliling. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan menganalisis makna peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk* di bawah skop tema *Pendidikan* menggunakan perspektif semantik inkuisitif.

Padi atau nama saintifiknya *Oryza sativa* adalah sejenis tanaman dalam keluarga *Gramineae.* Padi merupakan antara sumber pertanian utama di Malaysia. Terdapat dua jenis padi yang diusahakan di negara ini, iaitu padi sawah (padi bendang) dan juga padi huma (padi bukit). Padi telah ditanam secara kekal di Malaysia sejak berabad lamanya,

terutamanya di Sungai Muda, Sungai Merbok (Kedah-Perlis) dan kawasan lembah sungai di Kelantan dan Terengganu. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu mengusahakan tanaman padi secara tradisional tanpa bantuan mesin dan jentera besar. Peralatan-peralatan tradisional digunakan untuk menanam padi dalam petak sawah yang kecil milik keluarga sendiri. Namun, jika keluarga tersebut memiliki sawah yang luas dan besar, tanaman akan diusahakan secara beramai-ramai dengan bantuan ahli keluarga lain ataupun pekerja yang diupah. Peralatan yang digunakan berbeza mengikut peringkat penanaman padi bermula daripada menyemai benih sehinggalah tiba musim menuai. Antara alat yang digunakan dalam proses penanaman padi ialah pembadai, bakul lau, sisir, tenggiling, kayu pengandar, kuku kambing, pisau pengiau dan banyak lagi (Mansor & Kipli, 2014).

Jika diteliti ungkapan peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk*, imej padi yang ditonjolkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu adalah dalam keadaan padi tersebut berada pada fasa akhir atau tempoh pemasakan. Proses pertumbuhan padi terbentuk dalam tiga fasa utama, iaitu vegetatif, reproduktif dan tempoh pemasakan. Tempoh pemasakan berlaku selepas 75 hari selepas benih ditabur dan proses untuk padi masak adalah dalam tempoh 25-35 hari sebelum boleh dituai yang lazimnya berlaku dalam musim kemarau (Kasdan & Nopiah, 2021).

Apabila diperhatikan ciri-ciri yang terdapat pada padi yang sedang dalam proses untuk masak dan matang, akan berlaku satu keadaan apabila malai padi akan mula menunduk sedikit demi sedikit akibat daripada buah padi yang semakin berisi sehinggalah padi tersebut boleh dituai. Hal ini berlaku kerana buah padi yang berisi akan menjadi semakin berat dan membuatkan batang padi tidak mampu lagi untuk menampung berat buah padi dan akhirnya akan membengkok dan menjadikan pokok padi berada dalam posisi menunduk apabila telah matang (Yanti et al., 2014). Hasil daripada pemerhatian

masyarakat Melayu pada zaman dahulu terhadap ciri-ciri tumbuhan padi yang dikaitkan dengan ragam kehidupan manusia di sekeliling mereka telah memotivasikan kepada pembentukan peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk.*



Rajah 4.9: Imej padi masak menunduk
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Proses pertumbuhan tanaman padi yang bermula daripada fasa percambahan benih sehinggalah sampai kepada tempoh pemasakan pada dasarnya mempunyai hubungan rapat dengan sifat manusia dalam proses mengejar kejayaan hidup. Definisi kejayaan bagi seseorang bersifat subjektif. Walau bagaimanapun, untuk berjaya seseorang perlu berusaha dan bermula daripada awal. Seseorang yang ingin mendapat tempat dalam sektor pekerjaaan yang bagus secara asasnya perlu bermula dengan mendapatkan pendidikan dan berjaya dalam pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

Secara umumnya, pekerjaan seseorang ditentukan berdasarkan tahap pendidikan. Kelayakan akademik sangat mempengaruhi dalam menentukan jawatan dan pangkat seseorang tidak kira dalam sektor swasta mahupun kerajaan. Dalam norma masyarakat,

seseorang yang memiliki ilmu yang tinggi, pekerjaan yang bagus, jawatan, kedudukan dan pangkat yang tinggi akan memiliki status sosial yang tinggi dalam kalangan ahli masyarakat. Walaupun memiliki kedudukan dan pangkat yang tinggi, seseorang itu perlu bersifat merendah diri, tidak besar kepala dan tidak sombong agar tidak dibenci orang. Sifat padi yang dibawa dalam ungkapan peribahasa, iaitu semakin berisi buah padi maka semakin pokok padi akan tunduk ke bumi digambarkan sebagai perumpamaan terhadap keadaan manusia yang berada pada fasa kejayaan dalam hidupnya yang perlu sentiasa merendah diri waima setinggi manapun ilmu, kedudukan dan pangkatnya yang dilihat amat bertepatan dengan maksud peribahasa yang ingin disampaikan.

Berdasarkan huraian makna peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk* dalam skop bertemakan *Pendidikan* menggunakan perspektif semantik inkuisitif ini, jelaslah menunjukkan bahawa dengan melibatkan tafsiran akal budi, analisis makna peribahasa ini pada tahap 3 ini telah berjaya menyerlahkan falsafah dan makna sebenar di sebalik pembentukan peribahasa ini. Peribahasa *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk* bukanlah hanya sekadar membawa maksud seseorang perlu sentiasa merendah diri sahaja namun turut menekankan kepentingan seseorang untuk menuntut dan memiliki ilmu bagi mencapai kejayaan dalam kehidupan.

Akhir sekali, pemerhatian terhadap makna peribahasa ini secara jelasnya meletakkan susunan ilmu sebelum kedudukan dan pangkat telah memberi gambaran bahawa dengan pendidikan mampu untuk meningkatkan status sosial seseorang ke tahap yang lebih tinggi seperti kedudukan dan pangkat yang tinggi namun semua kelebihan yang dimiliki perlu dilapisi dengan sifat merendah diri. Bukan itu sahaja, melalui analisis semantik inkuisitif ini juga kajian ini telah berjaya mencungkil ilmu yang merentas kajian bahasa apabila turut menonjolkan ilmu berkaitan dengan proses fisiologi tanaman padi.

Secara keseluruhannya, maklumat yang diperoleh daripada data 4 dapat dikenal pasti dan dirumuskan melalui pelaksanaan analisis tahap 2 dan tahap 3. Analisis pada tahap 1 pula menjadi lebih kukuh dan bermakna apabila disokong oleh dapatan analisis tahap 2 dan 3, selaras dengan pendekatan semantik inkuisitif yang diintegrasikan bersama RRS dan TR.

4.6 Analisis makna peribahasa bertemakan 'Adat dan Warisan'

Setelah melakukan semakan dan penelitian terhadap kumpulan data, pengkaji telah mengenal pasti empat peribahasa yang maknanya dilihat berasosiasi dengan maksud *Adat dan Warisan*. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), 'adat' bermaksud "peraturan yang sudah diamalkan sejak turun-temurun dalam sesuatu masyarakat", manakala 'warisan' pula bermaksud "sesuatu yang diwarisi atau diturun-temurun sebagai peninggalan". Jadual 4.3 memaparkan senarai peribahasa yang dikategorikan mengikut tema ini, manakala dua peribahasa yang dipilih untuk dianalisis ditandakan dengan latar berwarna kelabu.

Jadual 4.3: Data peribahasa bertemakan 'Adat dan Warisan'

Kod Data	Peribahasa	Makna	Asosiasi Makna
SB018-5	Langkah bendul	Adik berkahwin dahulu sebelum kakak	Perkahwinan / Adat
PE016-4 PE014-5	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	Adat yang tidak berubah/sesuatu yang tetap utuh	Adat
PE002-5	Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung	Setiap perbuatan/tempat ada adat dan peraturannya masing-masing	Peraturan / Adat
BI005-4	Bapa borek, anak rintik	Anak mewarisi baka ayahnya	Mewarisi / Warisan

4.6.1 Peribahasa *langkah bendul*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis semantik skrip adalah seperti yang berikut:

Peribahasa:

Langkah bendul

Makna Kamus:

Adik berkahwin dahulu sebelum kakak

Bil.	**Leksikal**	**Makna Literal**
i.	*Langkah*	Gerak kaki ketika berjalan (ke hadapan atau ke belakang). *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=langkah)*
ii.	*bendul*	Balak yang dipasang (memanjang) pada tiang rumah; bendul pintu, balak yang melintang di bawah pintu. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bendul)*

Makna leksikal bagi peribahasa *langkah bendul* merujuk kepada maksud literal setiap perkataan berdasarkan kamus. *'Langkah'* bermaksud gerakan kaki ketika berjalan sama ada ke hadapan atau ke belakang, manakala *'bendul'* merujuk kepada sebatang balak yang dipasang melintang di bawah pintu rumah tradisional Melayu yang berfungsi sebagai ambang atau pelapik pintu. Namun, makna literal ini hanya menjelaskan maksud perkataan secara terpisah tanpa merungkai makna sebenar peribahasa tersebut. Perkaitan antara tindakan *'melangkah'* dengan objek fizikal seperti *'bendul'* tidak memberi gambaran jelas tentang maksud simbolik peribahasa ini yang merujuk kepada situasi adik berkahwin

mendahului kakaknya. Bagi memahami maksud kognitif, peribahasa ini perlu dianalisis melalui semantik resonans. Matlamat utama semantik resonans adalah untuk menganalisis makna peribahasa dalam konteks penggunaannya dalam ujaran atau ayat, melibatkan data, teori dan proses kognitif (Jalaluddin, 2014, 2018, 2024).

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Dalam konteks ini, peribahasa *langkah bendul* merujuk kepada keadaan apabila seorang adik perempuan berkahwin mendahului kakaknya. Peribahasa ini mempunyai implikasi adat yang penting dalam masyarakat Melayu, terutamanya yang melibatkan norma, hak dan penghormatan dalam struktur keluarga. Analisis ini menggunakan pendekatan semantik resonans melalui RRS, iaitu subkonsep di bawah TR untuk memahami makna yang tersirat dan kaitannya dengan konteks adat serta norma budaya menggunakan contoh ujaran yang dipetik daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 seperti yang berikut.

(v) "Jika berlaku ***langkah bendul***, iaitu si gadis itu mempunyai kakak, maka si kakak berhak mendapat hantaran seperti adiknya."

(Sumber: Buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 5)

Secara asasnya, peribahasa *langkah bendul* dalam konteks ayat di atas tidak mempunyai antesedan jelas yang boleh segera difahami oleh pendengar atau pembaca tanpa merujuk premis tambahan. Dalam contoh ujaran yang diberikan, kewujudan frasa *"...si gadis mempunyai kakak,..."* membantu menyediakan maklumat awal, tetapi masih belum cukup untuk memberikan gambaran penuh tentang maksud sebenar peribahasa ini.

Kekaburan ini menuntut usaha tambahan untuk memahami makna peribahasa melalui konteks yang lebih terperinci.

Proses mencari makna peribahasa ini diteruskan dengan meneliti premis tambahan, iaitu dengan merujuk silang frasa *"...si kakak berhak mendapat hantaran seperti adiknya"*. Kehadiran perkataan *'hantaran'* memberikan petunjuk budaya yang berkait langsung dengan adat perkahwinan Melayu. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), *'hantaran'* merujuk kepada hadiah seperti makanan, pakaian, atau wang yang dibawa semasa majlis perkahwinan. Dalam budaya Melayu, pemberian hantaran kepada kakak sebagai pampasan atau tanda hormat adalah satu mekanisme untuk mengekalkan keharmonian dalam keluarga apabila urutan tradisional perkahwinan dilangkaui dalam kalangan adik-beradik.

Melalui RRS, peribahasa ini boleh difahami sebagai situasi apabila adik berkahwin dahulu sebelum kakak yang dilihat melanggar aturan tradisi tetapi dengan menyediakan satu penyelesaian simbolik melalui pemberian hantaran kepada *'si kakak'*. Kewujudan frasa yang berkaitan membantu menurunkan usaha memproses dalam memahami maksud peribahasa. Frasa seperti *"...si kakak berhak mendapat hantaran..."* menyediakan konteks yang cukup jelas untuk membantu pendengar atau pembaca menginterpretasi makna peribahasa ini dengan berkesan.

Analisis ini menunjukkan bahawa penggunaan peribahasa *langkah bendul* tidak hanya sekadar menggambarkan adik yang berkahwin dahulu sebelum kakak, tetapi juga menonjolkan nilai adat Melayu yang menekankan penghormatan kepada orang yang lebih tua dalam struktur keluarga selepas ibu bapa. Dalam budaya Melayu, konsep ini penting untuk memastikan keharmonian keluarga tidak terjejas walaupun peraturan adat tidak

dapat dipenuhi sepenuhnya. Frasa *"...si kakak berhak mendapat hantaran seperti adiknya."* dalam ujaran di atas menegaskan keadilan sosial yang diterapkan dalam keluarga melalui mekanisme adat, selari dengan tema peribahasa ini yang dikategorikan di bawah tema *Adat dan Warisan*.

Merujuk kepada TR, usaha memproses peribahasa ini menjadi rendah apabila maklumat tambahan yang berkaitan dengan maksud sebenar peribahasa dapat dikesan dengan baik dalam ujaran. Dengan kehadiran premis tambahan, pembaca atau pendengar dapat memahami maksud tersirat peribahasa ini dengan lebih jelas tanpa perlu mencari petunjuk di luar konteks. Makna literal dan makna kiasan peribahasa ini, iaitu *'bendul yang dilangkaui'* digambarkan sebagai lambang urutan tradisi yang dilihat selari dengan makna sosial dan budaya yang disampaikan dalam konteks ayat.

Oleh itu, melalui RRS makna peribahasa *langkah bendul* dalam konteks ujaran ini dapat difahami sebagai situasi adik berkahwin dahulu sebelum kakak tetapi disertai juga penjelasan tentang penyelesaian adat seperti pemberian hantaran kepada *'si kakak'*. Analisis melalui semantik resonans menggunakan RRS menunjukkan bahawa peribahasa ini turut menekankan nilai penghormatan dan keharmonian dalam struktur keluarga Melayu. Kehadiran premis tambahan seperti istilah *'hantaran'* dalam ujaran telah membantu menurunkan usaha memproses dan mempermudah pembaca atau pendengar memahami maksud peribahasa. Analisis ini juga membuktikan bahawa peribahasa Melayu bukanlah hanya sekadar penghias bahasa dan ungkapan kosong semata-mata, tetapi sarat dengan nilai dan norma yang perlu dipatuhi.

Walaupun pengaplikasian RRS di peringkat semantik resonans dapat membantu pendengar atau pembaca untuk memahami makna tersirat peribahasa dengan mengambil

kira penggunaan data, teori dan kognitif, menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024), analisis tahap 2 ini belum mampu untuk mencungkil falsafah dan akal budi penutur jatinya. Oleh hal demikian, terdapat satu lagi peringkat analisis makna diperlukan yang mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu, iaitu analisis pada tahap 3, iaitu analisis semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Analisis pada tahap ketiga dilakukan dengan mempersoalkan kewujudan imej atau objek yang dipilih dalam peribahasa tersebut. Dalam kajian ini, persoalan kenapa dan mengapakah masyarakat Melayu menggunakan objek *'bendul'* untuk peribahasa *langkah bendul* yang membawa maksud *"adik berkahwin dahulu sebelum kakak"*? Bersesuaian dengan tema peribahasa ini, iaitu *Adat dan Warisan*, peribahasa *langkah bendul* boleh dikaitkan dengan hal-hal yang berkaitan dengan adat perkahwinan dalam masyarakat Melayu namun harus difahami amalan ini bukanlah pantang larang atau satu kesalahan tetapi hanya sebagai perlakuan yang melangkaui aturan tradisi (Hanapi, 2019).



Rajah 4.10: Imej melangkah bendul
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Dalam peribahasa ini, *'bendul'* menjadi imej utama yang perlu diberi tumpuan dan apakah alasan masyarakat Melayu pada zaman dahulu memilih objek ini sebagai kiasan untuk menyampaikan maksudnya? Menurut Zaini dan Jalaluddin (2019), bendul merupakan sebatang kayu lurus yang diletakkan di muka pintu hadapan rumah bagi menghubungkan tangga dan lantai rumah. Aziz et al. (2014) pula menjelaskan rumah kayu pada zaman dahulu mempunyai bendul di pintu hadapan rumah yang berfungsi sebagai pemisah antara bahagian luar dan dalam rumah. Selain itu, bendul juga disebut *'pintu muka penyambut adat'* atau *'batas adat'* bagi menjaga kehormatan tuan rumah (ahli keluarga wanita) semasa ketiadaan ahli keluarga lelaki jika ada tetamu lelaki berkunjung. Tetamu lelaki hanya dibenarkan duduk di bendul sahaja dan kakinya perlu dijuntaikan ke tangga bagi mengelakkan fitnah.



Rajah 4.11: Imej bendul pintu
(Sumber: Koleksi peribadi)

Walau bagaimanpun, leksikal *'bendul'* dalam peribahasa ini pada dasarnya adalah bersifat kiasan dan bukanlah merujuk kepada objek bendul atau sepotong kayu yang dimaksudkan di atas secara nyata. Dengan penerokaan dan analisis yang lebih mendalam, pengkaji mendapati bahawa makna *'bendul'* dalam peribahasa ini melampaui fungsi

fizikalnya dan mempunyai kaitan dengan adat Melayu yang telah diamalkan pada zaman dahulu kala namun semakin dilupakan.

Menurut dapatan yang ditemui dalam kajian Ahmad (1998, 2003), *melangkah bendul* merupakan salah satu adat dan amalan tradisional masyarakat Melayu lama yang diwujudkan untuk menyelesaikan dilema keluarga apabila adik perempuan dilamar terlebih dahulu sebelum kakaknya yang masih belum berkahwin. Adat ini berakar umbi daripada falsafah Melayu yang menitikberatkan tertib dalam kehidupan, sebagaimana tersurat dalam pepatah *bertangga naik, berjanjang turun*. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu lama percaya bahawa setiap perkara perlu dilakukan mengikut urutan yang teratur, termasuklah dalam hal perkahwinan. Situasi adik perempuan menerima lamaran sebelum kakaknya dianggap menyalahi adat kerana bertentangan dengan prinsip keutamaan giliran dalam keluarga. Bagi menjaga keharmonian keluarga dan menghormati susunan tertib ini, adat *melangkah bendul* diperkenalkan sebagai satu amalan simbolik yang penuh makna.

Ahmad (1998, 2003) menjelaskan, upacara *melangkah bendul* ini dilaksanakan dengan penuh adat istiadat pada hari persandingan adik perempuan yang telah berkahwin. Kakak yang masih belum berkahwin akan diberikan perhatian khusus dalam persiapan majlis. Pakaian yang indah dan rapi akan disediakan untuk kakak tersebut sebagai tanda penghormatan, melambangkan kedudukannya sebagai seorang anak dara yang masih belum dilamar. Sebelum majlis persandingan bermula, kakak akan dibawa berdiri di anak tangga pertama rumah, di atas dulang tembaga yang dianggap sebagai tempat simbolik permulaan tertib kehidupan. Kedudukannya di situ bertujuan memperkenalkan kakak kepada khalayak dengan harapan menarik perhatian tetamu yang hadir. Tindakan ini bukan sahaja memberikan peluang kepada kakak tetapi juga menandakan bahawa keluarga masih berusaha untuk mencarikan jodoh yang sesuai buatnya.

Menurut Ahmad (1998, 2003) lagi, salah satu elemen penting dalam adat *melangkah bendul* ialah penglibatan pengantin lelaki, iaitu suami kepada adik perempuan. Pengantin lelaki akan menyiram dan membasuh kaki kakak di dalam dulang tembaga sebagai tanda penghormatan dan kesyukuran. Upacara ini melambangkan penghargaan kepada kakak yang memberikan laluan kepada adiknya untuk mendahului dalam urusan perkahwinan. Sebagai tanda penghormatan tambahan, kakak akan menerima sepersalinan pakaian yang diberikan oleh pengantin lelaki. Pemberian ini bukanlah sebagai pampasan atau ganti rugi, tetapi sebagai tanda terima kasih dan penghargaan. Selepas itu, kakak akan memimpin pengantin lelaki menuju ke pelamin untuk bersanding bersama isterinya, simbolik kepada restu dan doa baik daripada kakak kepada pasangan pengantin. Oleh hal yang demikian, melalui penjelasan ini jelaslah bahawa istilah *'bendul'* yang digunakan dalam peribahasa ini sebenarnya adalah merujuk kepada si kakak yang belum dipinang atau belum berkahwin.

Keseluruhan upacara ini berlangsung dalam suasana penuh simbolik dan biasanya mengambil masa yang singkat, sekitar tiga hingga lima minit. Walaupun tempohnya ringkas, amalan ini membawa makna yang mendalam dalam konteks budaya dan nilai masyarakat Melayu lama. Kehalusan budi masyarakat Melayu terserlah melalui adat ini, yang menyelesaikan konflik keluarga dengan cara sopan, teratur dan harmoni. Menurut Hanapi (2019), dalam masyarakat moden, adat *melangkah bendul* telah melalui banyak perubahan. Pada masa lalu, pemberian simbolik berbentuk sepersalinan pakaian digunakan sebagai tanda hormat, namun kini pemberian tersebut sering digantikan dengan wang tunai. Malah, dalam beberapa keadaan, terdapat penyimpangan daripada adat asal, seperti pemberian habuan kepada abang, yang tidak pernah termasuk dalam amalan asal adat ini.

Abang tidak dianggap sebagai *'bendul'* kerana peranan lelaki dalam adat perkahwinan adalah sebagai pihak yang melamar, bukan pihak yang dilangkaui (Ahmad, 1998, 2003).



Rajah 4.12: Gambaran upacara adat melangkah bendul
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Walaupun adat *melangkah bendul* cara masyarakat Melayu lama ini tidak lagi diamalkan kerana dianggap tidak relevan dalam konteks semasa, amalan ini tetap bernilai sebagai satu warisan budaya yang mencerminkan kebijaksanaan masyarakat Melayu lama dalam menangani isu sosial dan kekeluargaan. Menurut Ahmad (1998, 2003), adat ini bukanlah dibawa daripada ajaran Islam dan bukanlah satu perintah yang wajib tetapi hanyalah adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu lama sebagai mematuhi tradisi. Tradisi ini bertujuan menjaga susunan tertib keluarga dengan memastikan aturan kehidupan yang sistematik dan harmoni dalam masyarakat. Nilai budaya dan simbolik adat

ini harus terus dihargai sebagai cerminan keunikan tradisi dan falsafah kehidupan masyarakat Melayu.

Dengan berdasarkan penjelasan ini, maka jelaslah melalui pendekatan semantik inkuisitif, falsafah dan akal budi di sebalik pembentukan peribahasa *langkah bendul* telah berjaya ditonjolkan. Pemilihan *'bendul'* sebagai kiasan untuk menggambarkan pemerhatian mendalam masyarakat Melayu terhadap kelakuan dalam kehidupan seharian yang diterjemahkan kepada simbol sosial. Selain itu, peribahasa ini turut memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam menguruskan konflik sosial melalui adat. Upacara *melangkah bendul* adalah bukti bahawa masyarakat Melayu lama sangat menitikberatkan keharmonian dalam keluarga, walaupun susunan tradisi dilanggar. Melalui upacara tersebut, simbol kepada nilai penghormatan, keikhlasan dan muafakat dikekalkan menjadikan adat ini sebagai cerminan falsafah budaya yang sangat tinggi dan mempunyai estetikanya tersendiri.

Akhir sekali, dengan melalui analisis menggunakan semantik inkuisitif maka jelaslah bahawa peribahasa *langkah bendul* bukanlah tercipta hanya untuk digunakan sebagai kiasan dan penghias bahasa sahaja tetapi juga ungkapan adat yang mencerminkan falsafah dan ketinggian akal budi masyarakat Melayu dahulu kala. Pemilihan *langkah bendul* sebagai kiasan menunjukkan kehalusan budaya Melayu dalam menyelesaikan isu kekeluargaan melalui perlambangan. Peribahasa ini juga pada dasarnya mencerminkan hubungan rapat antara kajian bahasa dan budaya. Walaupun adat ini telah berubah mengikut zaman, nilai-nilai asas seperti penghormatan dan muafakat masih kekal relevan, menjadikan peribahasa ini sebagai salah satu warisan budaya yang kaya dengan makna dan falsafah. Kesimpulannya, maklumat perihal ini dapat dikesan dan disimpulkan apabila tahap 2 dan tahap 3 analisis dilakukan terhadap data 5 ini. Analisis tahap 1, menjadi lebih

bermakna dan dapat dikukuhkan lagi dengan analisis tahap 2 dan 3 dalam pendekatan semantik inkuisitif yang digabungjalinkan dengan RRS dan TR.

4.6.2 Peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis semantik skrip adalah seperti berikut:

Peribahasa:

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas

Makna Kamus:

Adat yang tidak berubah/sesuatu yang tetap utuh.

Bil.	**Leksikal**	**Makna Literal**
i.	*Tak*	Singkatan bagi tidak *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tak)*
ii.	*lapuk*	Bercendawan kerana buruk atau terlalu lama (kayu dan lain-lain), reput *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=lapuk)*
iii.	*dek*	kerana, oleh *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=dek)*
iv.	*hujan*	air yg turun (menitik dengan banyaknya) yang terpeluwap daripada wap di atmosfera *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hujan)*
v.	*tak*	Lihat (i)

vi. *lekang* pecah atau retak (kerana kena panas seperti tanah dan lain-lain), merekah

(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=lekang)

vii. *dek* Lihat (iii)

viii. *panas* sinar atau cahaya (matahari)

(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=panas)

Makna leksikal peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* merujuk kepada makna permukaan yang diperoleh daripada kamus. Pada peringkat ini, makna yang dikemukakan bersifat literal, seperti *'tak'* ialah singkatan bagi '*tidak'*, yang menandakan penafian. *'Lapuk'* merujuk kepada keadaan reput atau rosak akibat lama terdedah kepada kelembapan, manakala *'dek'* bermaksud kerana atau oleh. *'Hujan'* pula merujuk kepada titisan air yang turun dari atmosfera. Seterusnya, *'lekang'* bermaksud pecah, retak, atau merekah akibat terdedah kepada panas yang berlebihan, manakala *'panas'* merujuk kepada sinar atau cahaya matahari yang menghasilkan haba. Semantik skrip hanya menunjukkan makna tersurat peribahasa dan makna kamus leksikal yang membentuk ungkapan peribahasa tanpa huraian mendalam, terhad kepada definisi permukaan semata-mata. Walau bagaimanapun, menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024), makna permukaan ini tidak mampu menunjukkan perkaitan antara bahasa, kognitif dan akal budi Melayu. Oleh itu, analisis perlu diteruskan ke peringkat semantik resonans untuk menganalisis makna peribahasa dalam konteks penggunaannya dalam ujaran atau ayat, melibatkan data, teori dan proses kognitif.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* merupakan salah satu peribahasa Melayu yang kaya dengan makna dan digunakan secara meluas dalam pelbagai konteks. Keindahan dan kekayaan makna peribahasa ini terletak pada keupayaannya untuk membawa lebih daripada satu maksud, bergantung kepada konteks penggunaannya. Pertama, peribahasa ini sering dikaitkan dengan adat yang tidak berubah, iaitu nilai-nilai tradisi dan budaya yang kekal utuh meskipun berhadapan dengan peredaran zaman. Selain itu, peribahasa ini juga boleh digunakan untuk merujuk kepada sesuatu yang tetap utuh dari aspek material, seperti ketahanan sesuatu bahan yang kukuh dan tidak mudah rosak walaupun terdedah kepada faktor-faktor luaran.

Oleh hal yang demikian, pengkaji akan menghuraikan analisis makna peribahasa ini menggunakan pendekatan semantik resonans dengan meneroka dua ayat yang berbeza konteks: pertama, menurut perspektif adat yang tidak berubah dan kedua, dari sudut pandang sesuatu yang utuh dan kekal lama. Pendekatan ini akan membolehkan kita memahami cara makna peribahasa ini diinterpretasikan secara berbeza tetapi tetap relevan dalam kedua-dua konteks. Berikut ditunjukkan analisis semantik resonans dengan mengambil dua contoh ujaran sebenar daripada Pangkalan Data Korpus DBP.

Analisis konteks maksud 'adat yang tidak berubah'

Peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* dalam konteks ini merujuk kepada prinsip dan sifat keutuhan adat yang tidak berubah walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan perubahan zaman. Pendekatan semantik resonans melalui pengaplikasian RRS digunakan untuk menganalisis cara peribahasa ini menghubungkan maknanya dengan konteks adat dan sistem sosial masyarakat Adat Perpatih. Contoh ayat

(vi) di bawah memaparkan sistem adat yang masih dipegang teguh oleh sesetengah masyarakat Melayu di Malaysia, khususnya dalam kalangan masyarakat Minangkabau yang menetap di Negeri Sembilan, Melaka dan sebahagian kawasan di selatan Malaysia.

> (vi) Peraturan-peraturan yang fundamental sama sekali tidak boleh diubah ***tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan***. Contoh-contoh peraturan ini ialah hidup bersuku, mengira keturunan dari nisab ibu, sistem tanah pusaka. Hal-hal ini terlalu penting kerana ia merupakan asas atau foundation adat itu. Kalau diubah juga, runtuh dan musnahlah adat itu "dicabut mati". Atas sebab inilah masyarakat Adat Perpatih tidak berganjak daripada sistem perwarisan tanah pusaka mereka walaupun berbeza daripada ajaran Islam. Sistem tanah pusaka mewujudkan *territorial unity* yang instrumental dalam mengekalkan masyarakat "muafakat". Mengubahnya akan mengakibatkan *chain reaction* yang akan membunuh adat itu.
>
> (Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Ayat (vi) pada dasarnya mengkomunikasikan adat sebagai asas kehidupan masyarakat Adat Perpatih yang tidak boleh diubah. Frasa seperti *"...hidup bersuku, mengira keturunan dari nisab ibu, sistem tanah pusaka."* adalah sistem peraturan nyata adat yang dimaksudkan. Kemunculan peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* pada permulaan ayat (vi) menegaskan bahawa adat tersebut adalah elemen yang mendefinisikan identiti masyarakat dan tidak boleh diganggu gugat, seperti yang dinyatakan dalam ayat, *"Kalau diubah juga, runtuh dan musnahlah Adat itu 'dicabut mati.'"* Melalui konsep keabadian adat yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih ini, peribahasa tersebut bukan sahaja menggambarkan adat sebagai sesuatu yang kekal utuh

tetapi juga sebagai sesuatu yang menjadi asas kepada kestabilan masyarakat. Ini ditegaskan dengan frasa *"...terlalu penting kerana ia merupakan asas atau foundation Adat itu."*

Berdasarkan RRS, kehadiran leksikal *"territorial unity"* dan *"muafakat"* telah memberikan gambaran alasan adat ini terus dipertahankan dan perlu kekal utuh. Hubungan antara sistem tanah pusaka dengan kestabilan sosial dan perpaduan masyarakat menunjukkan bahawa adat bukan sekadar warisan budaya, tetapi juga mekanisme praktikal yang menyokong struktur masyarakatnya. Dalam konteks ayat ini, kehadiran peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* memberikan isyarat kepada pembaca atau pendengar bahawa adat yang dipegang ini adalah simbol keutuhan sosial yang tidak boleh diubah atau jika tidak dipertahankan, risikonya adalah akan menghancurkan keseluruhan sistem sosial yang telah dibina sekian lama.

'Hujan' dan 'panas' sebagai imej alam yang mengandungi makna kiasan dalam peribahasa ini pada dasarnya melambangkan cabaran dan ujian masa, manakala adat diibaratkan sebagai sesuatu yang tetap bertahan terhadap segala rintangan tersebut. Dalam konteks ayat (vi) juga, masyarakat Adat Perpatih menganggap adat sebagai satu 'kuasa' yang melindungi dan memastikan kelangsungan hidup masyarakat mereka. Frasa *"Mengubahnya akan mengakibatkan chain reaction yang akan membunuh adat itu"* menegaskan kepentingan menjaga dan memelihara adat untuk memastikannya kekal utuh, seiring dengan makna peribahasa ini.

Penggunaan peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* dalam konteks ayat (vi) telah menegaskan bahawa adat bukan sahaja bertahan menghadapi perubahan zaman, tetapi juga menjadi asas kepada identiti dan kestabilan sosial masyarakat. Dengan bantuan RRS, peribahasa ini dihubungkan dengan konsep keutuhan adat sebagai mekanisme penting yang mengekalkan perpaduan dan kestabilan masyarakat. Analisis ini

menunjukkan bahawa peribahasa berfungsi sebagai pengukuh kepada mesej yang ingin disampaikan dalam sesuatu ujaran.

Merujuk kepada TR, usaha memproses makna peribahasa ini adalah rendah kerana konteks yang diberikan sangat jelas. Kewujudan beberapa premis tambahan dalam ayat ini telah memberikan petunjuk kognitif yang jelas kepada pembaca atau pendengar untuk memahami maksud sebenar peribahasa ini dalam konteks ‘adat yang kekal utuh’ melalui penjelasan tentang Adat Perpatih, iaitu adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Minangkabau di negara ini sejak zaman-berzaman.



Rajah 4.13: Masyarakat Minangkabau lama yang mengamalkan Adat Perpatih
(Sumber: *Google Images*)

Analisis konteks maksud ‘sesuatu yang tetap utuh’

Merujuk kepada ayat (vii) di bawah, walaupun ayat ini turut menggunakan peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*, namun konteks penyampaian maksudnya berbeza, iaitu merujuk kepada daya tahan dan keteguhan sesuatu. Dalam konteks ayat (vii), maksud lain peribahasa ini, iaitu *‘sesuatu yang tetap utuh’* adalah dirujuk kepada atap rumbia yang dihasilkan oleh ayah (Pak Ya Rumbia). Analisis ini juga

menggunakan pendekatan semantik resonans melalui penerapan RRS untuk menjelaskan cara peribahasa ini menggambarkan ketahanan daripada ketelitian hasil kerja yang menjadi simbol kepada kualiti dan kepercayaan.

> (vii) Falsafah atap rumbia ayah yang pertama sekali, atap haruslah tahan lama sehingga berbelas-belas tahun, *****tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan*****. Kalau tidak kerana kehalusan dan kekemasan ayah mengatap, mana mungkin nama ayah gah dengan gelaran Pak Ya Rumbia?
>
> (Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Dalam ayat (vii), peribahasa digunakan secara literal tetapi mengandungi makna kiasan yang tersirat untuk menonjolkan ketahanan atap rumbia yang dihasilkan oleh ayah. Frasa *"...tahan lama sehingga berbelas-belas tahun"* adalah bukti fizikal kepada maksud peribahasa ini. Ketahanan ini dihubungkan dengan kemahiran dan kehalusan kerja ayah, seperti yang dinyatakan dalam frasa *"...kehalusan dan kekemasan ayah mengatap..."*. Peribahasa ini digunakan untuk menegaskan bahawa hasil kerja ayah bukan sahaja tahan terhadap ujian cuaca seperti panas dan hujan tetapi juga menjadi simbol kualiti yang tidak mudah ditandingi. Dalam konteks ayat (vii), hujan dan panas melambangkan ujian atau cabaran alam semula jadi, manakala atap rumbia ayah melambangkan sesuatu yang kekal utuh kerana kualiti bahan dan ketelitian hasil kerja, meskipun berdepan dengan cabaran tersebut.

Melalui pengaplikasian RRS, frasa seperti *"Kalau tidak kerana kehalusan dan kekemasan ayah mengatap..."* dan *"...nama ayah gah dengan gelaran Pak Ya Rumbia"* telah memberikan petunjuk bahawa ketahanan atap tersebut adalah hasil kemahiran tinggi yang dimiliki dan diwarisi oleh ayah. Dalam konteks ini, peribahasa tersebut tidak hanya

menggambarkan daya tahan fizikal, tetapi juga simbolik kepada reputasi ayah sebagai pembuat atap yang dipercayai dan dihormati. Kemunculan peribahasa ini pada asasnya berfungsi untuk menekankan bahawa daya tahan atap tersebut bukan hanya bergantung kepada bahan (rumbia), tetapi juga kepada kepakaran ahli dalam bidangnya, iaitu 'ayah'. Hubungan ini menunjukkan bahawa peribahasa tersebut boleh diinterpretasikan sebagai penghargaan kepada individu yang menghasilkan sesuatu dengan kualiti yang tinggi.

Peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* digunakan oleh penutur dalam ujaran ini untuk mencerminkan ketahanan dan kehebatan hasil kerja ayah. Dalam konteks ini, atap rumbia mewakili hasil kerja yang berkualiti tinggi, tahan lama dan tetap utuh walaupun berbelas tahun lamanya. Simbol 'hujan' dan 'panas' dalam ungkapan peribahasa ini melambangkan cabaran semula jadi yang sering dihadapi oleh sesuatu hasil kerja, namun jika hasil kerja tersebut dibuat dengan kepakaran, ketelitian dan menggunakan bahan yang berkualiti tinggi, sesuatu itu pasti akan tetap utuh dan bertahan lama, bertepatan dengan maksud yang ingin disampaikan peribahasa ini.

Dalam TR, usaha memproses peribahasa ini adalah rendah kerana konteks yang diberikan cukup jelas. Makna literal dan makna kiasan peribahasa ini saling menyokong, memudahkan pembaca atau pendengar membuat interpretasi yang tepat. Dengan bantuan RRS, makna peribahasa ini dapat dihubungkan dengan konteks ayat dengan merujuk beberapa premis tambahan yang diberikan. Analisis ini juga menunjukkan bahawa peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* bukan sahaja boleh digunakan untuk menyampaikan makna tentang sesuatu adat yang masih kekal diamalkan sejak berkurun lamanya tetapi boleh juga digunakan untuk menunjukkan keutuhan dan keteguhan sesuatu yang dibuat melalui hasil kerja yang berkualiti tinggi.

Walaupun analisis pada tahap semantik resonans dapat membantu pembaca untuk memahami makna tersirat peribahasa dengan mengambil kira penggunaan data, teori dan kognitif, namun menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024), proses analisis makna pada peringkat semantik resonans masih mempunyai beberapa kelemahan dan tidak sepenuhnya mampu mengungkap falsafah serta akal budi penutur asal. Sehubungan itu, satu lagi peringkat analisis makna diperlukan bagi menghubungkan aspek bahasa, budaya dan kognitif, seterusnya mencerminkan akal budi Melayu secara lebih menyeluruh, iaitu melalui pendekatan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* merupakan ungkapan tradisional Melayu yang mengandungi falsafah mendalam tentang ketahanan dan kekekalan sesuatu nilai, identiti, adat atau warisan dalam menghadapi cabaran dan peredaran zaman. Peribahasa ini pada dasarnya mencerminkan kearifan lokal berkaitan dengan pemerhatian orang Melayu pada zaman dahulu terhadap perubahan yang berlaku kepada sesuatu disebabkan elemen 'tempoh masa' apabila imej 'hujan' dan 'panas' digunakan. Persoalan utama yang timbul dalam menganalisis makna peribahasa ini ialah, apakah sifat atau elemen yang menjadikan sesuatu itu mampu bertahan tanpa berubah walaupun terdedah kepada pelbagai cabaran? dan, bagaimana peribahasa ini dapat mencerminkan pandangan masyarakat Melayu terhadap konsep kemalaran dalam konteks adat yang tidak berubah dan sesuatu yang tetap utuh?

Dari sudut makna literal, ungkapan ini dapat difahami berkaitan sesuatu yang tidak mudah rosak atau berubah meskipun terdedah kepada elemen cuaca seperti hujan dan panas. Namun, harus difahami bahawa peribahasa itu sifatnya metafora dan mengandungi makna kiasan (Jalaluddin, 2014). Oleh itu, peribahasa ini perlu dilihat sebagai suatu simbol

yang melambangkan daya tahan, kekekalan dan kemampuan untuk menyesuaikan diri dalam menghadapi perubahan. Dalam konteks alam Melayu, peribahasa ini sering dikaitkan dengan nilai-nilai budaya, tradisi, atau identiti bangsa yang tetap dipertahankan meskipun diuji oleh perubahan zaman (Hassan, 2016).

Pemilihan istilah ‘lapuk’ dan ‘lekang’ dalam peribahasa ini pada asasnya membawa makna simbolik yang signifikan dengan kehadiran imej ‘hujan’ dan ‘panas’. Secara saintifik, ‘lapuk’ merujuk kepada kerosakan atau pereputan bahan akibat pendedahan berterusan kepada kelembapan, terutamanya kayu yang sering terdedah kepada air. Kelembapan yang berlebihan mewujudkan persekitaran kondusif untuk pertumbuhan mikroorganisma seperti kulat dan bakteria yang menguraikan komponen kayu, menyebabkan kayu kehilangan kekuatan struktur dan keutuhan.

Sebaliknya, istilah ‘lekang’ merujuk kepada keadaan retak atau pemisahan bahan akibat pendedahan kepada suhu tinggi atau kekeringan yang melampau. Panas yang berterusan menyebabkan penurunan kandungan lembapan dalam bahan, seperti kayu, sehingga mengakibatkan pengecutan tidak sekata. Tegangan dalaman yang terhasil boleh menyebabkan retakan atau pemisahan pada permukaan kayu. Kajian menunjukkan bahawa perubahan suhu dengan kepanasan yang melampau boleh mengurangkan sifat mekanikal kayu, menjadikannya lebih mudah retak dan pecah (Darmawan & Purba, 2009; Keong, 2004; Mustafa, 2003).



Rajah 4.14: Gambaran keadaan kayu yang ‘lapuk’(kiri) dan ‘lekang’ (kanan)
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Oleh itu, melalui penjelasan di atas kajian ini berpendapat penggunaan imej alam ‘hujan’ dan ‘panas’ dalam peribahasa ini sebenarnya menggambarkan ujian dan cabaran yang pelbagai sifatnya, baik dari aspek luaran mahupun dalaman. Hujan boleh diibaratkan sebagai simbol cabaran yang berterusan dan bersifat melemahkan, manakala panas menggambarkan tekanan atau cabaran yang boleh merosakkan. Dalam konteks adat, penjelasan ini memberi gambaran jika adat yang tidak dijaga atau dipelihara dengan baik, maka lama-kelamaan boleh hilang dan dilupakan. Namun, kajian ini kajian ini dapat mengesan bahawa peribahasa ini menegaskan bahawa sesuatu yang mampu bertahan dan kekal relevan dengan cabaran serta perubahan zaman akan terus wujud dan diamalkan. Keberlangsungan ini bergantung kepada akar umbinya pada nilai-nilai sejagat yang memberi manfaat kepada pengukuhan identiti bangsa seperti budaya, nilai keadilan, perpaduan dan hormat-menghormati. Menurut Hassan (2016), keupayaan sesuatu adat untuk menyesuaikan diri dengan konteks semasa tanpa mengorbankan matlamat asalnya

menjadi asas kepada kelangsungannya sebagai elemen penting dalam pembentukan identiti budaya sesuatu masyarakat dan bangsa selagi adat tersebut tidak bertentangan dengan hukum syarak dalam agama Islam.

Dalam konteks masyarakat Melayu, adat bukan sekadar amalan tradisi yang diwarisi bergenerasi, tetapi juga menjadi asas pembentukan identiti dan jati diri bangsa Melayu. Adat ini mencerminkan nilai-nilai luhur, norma kehidupan, serta hubungan erat masyarakat Melayu dengan alam, sesama manusia, agama dan kepercayaan kepada Tuhan (Mahali, 2022). Kajian menunjukkan bahawa adat Melayu sering berfungsi sebagai satu mekanisme untuk menyelaraskan hubungan sosial, memastikan keadilan dan mengekalkan keharmonian masyarakat (Salleh, 2014; Yusoff, 2014; Kasdan, 2017). Sebagai contoh, adat merisik dan bertunang dalam masyarakat Melayu yang masih diamalkan sehingga kini merupakan manifestasi tradisi yang *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*. Kedua-dua adat ini melambangkan nilai kesantunan dan keharmonian yang menjadi tunjang kepada identiti budaya Melayu. Menurut Salleh (2014), dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu, penggunaan tepak sirih dianggap sebagai suatu kemestian untuk disediakan dalam adat merisik dan bertunang. Dalam kajian oleh Salleh (2014), Yusoff (2014) dan Kasdan (2017), tepak sirih merupakan simbol utama komunikasi bukan lisan dalam adat merisik dan bertunang. Tepak sirih tidak hanya berfungsi sebagai alat penyampaian niat tetapi juga menjadi simbol penyatuan dan penerimaan. Tepak sirih mempunyai fungsi penting sebagai ‘kepala adat’, apabila ketiadaannya dalam majlis dianggap sebagai kecacatan yang besar (Salleh, 2014). Menurut Yusoff (2014), susunan bahan dalam tepak sirih turut dikaitkan dengan nilai keagamaan, termasuk peringatan tentang lima rukun Islam. Hal ini memperlihatkan bahawa adat ini bukan sahaja berfungsi sebagai tradisi budaya tetapi juga sebagai panduan moral dan keagamaan. Dalam era moden ini, adat merisik dan bertunang

tetap menjadi lambang keunikan budaya Melayu sebelum sampai kepada fasa perkahwinan, meskipun berdepan cabaran arus pemodenan. Adat yang masih diamalkan ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan warisan budaya, sekaligus melambangkan kesediaan masyarakat Melayu untuk menghormati dan mematuhi nilai tradisi yang diwarisi. Oleh itu, adat ini bukan sekadar tradisi, tetapi merupakan simbol identiti budaya yang perlu dilestarikan untuk generasi akan datang. Ungkapan peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* telah memberi gambaran berkaitan keteguhan adat ini yang terus diamalkan dalam masyarakat Melayu dari dahulu sehingga sekarang.

Melalui analisis semantik inkuisitif, peribahasa ini juga memberikan penekanan kepada keperluan usaha untuk mengekalkan kelestarian warisan budaya dan identiti bangsa. Peribahasa ini bukan sekadar mengingatkan kita tentang tanggungjawab menjaga dan memelihara adat sebagai warisan budaya yang berharga, tetapi turut memberi peringatan bahawa 'peribahasa Melayu' juga bersifat *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas*. Hal ini kerana, peribahasa Melayu dilihat masih kekal relevan sepanjang masa dan tidak terjejas oleh perubahan zaman, termasuk dalam era globalisasi (Hassan, 2016; Hussain, 2016; Jalaluddin & Kasdan, 2010). Dalam era dunia tanpa sempadan pada hari ini yang penuh dengan cabaran, adat dan warisan yang mencerminkan budaya dan identiti masyarakat Melayu perlu terus dipelihara. Walau bagaiamanapun, perlu diingatkan bahawa usaha memelihara adat bukan hanya melibatkan pengamalan tradisi tetapi juga dengan memastikan generasi muda memahami falsafah dan kepentingannya kepada kelangsungan bangsa itu sendiri dan akibat yang mungkin berlaku jika diabaikan.

Rumusannya, melalui analisis peribahasa *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* ini, jelaslah bahawa peribahasa ini mengungkapkan makna yang mendalam tentang ketahanan, kelestarian dan kekekalan sesuatu nilai atau warisan. Analisis semantik

inkuisitif terhadap peribahasa ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu merupakan pemerhati yang cekap terhadap unsur-unsur alam apabila berjaya mengaitkan keadaan sekelilingnya dengan realiti kehidupan masyarakat. Seperti hubungan alam semula jadi yang saling memerlukan, manusia juga perlu menjaga dan memulihara warisan budaya agar identiti bangsa tidak hilang ditelan masa. Melalui analisis semantik inkuisitif juga, dapat dibuktikan bahawa peribahasa ini bukan hanyalah sekadar ungkapan biasa, tetapi suatu peringatan tentang kepentingan mempertahankan identiti dan nilai-nilai yang menjadi tunjang masyarakat. Adat Melayu, walaupun menghadapi pelbagai cabaran, tetap kekal sebagai simbol kebijaksanaan dan kebanggaan bangsa. Secara keseluruhannya, penemuan maklumat ini dapat dikenal pasti dan dirumuskan melalui pelaksanaan analisis tahap 2 dan tahap 3 terhadap data 6 ini. Analisis tahap 1 pula menjadi lebih signifikan dan mantap apabila disokong oleh analisis tahap 2 dan 3 dalam rangka pendekatan semantik inkuisitif yang diintegrasikan dengan RRS dan TR.

4.7 Analisis makna peribahasa bertemakan ‘Sumber Alam’

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap peribahasa yang terdapat dalam kumpulan data, pengkaji telah mengenal pasti 74 peribahasa yang mempunyai perkaitan dengan tema ‘Sumber Alam’. Maksud alam secara ringkas menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016) ialah; *1. Dunia, bumi; 2. Segala yang ada di langit dan di bumi*. Jika sebelum ini pengkaji mengkategorikan peribahasa mengikut tema berdasarkan asosiasi makna, namun untuk mengelaskan peribahasa di bawah tema ‘Sumber Alam’, pengkaji mengenal pasti peribahasa berkaitan dengan mengesan kewujudan imej alam dalam ungkapan peribahasa tersebut yang terdapat dalam kumpulan data.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menyenaraikan kesemua peribahasa yang menggunakan sumber alam dalam ungkapan kata-katanya tanpa merujuk perkaitan dari segi maksudnya. Disebabkan itu, peribahasa yang telah dikelompokkan di bawah tema lain sebelum ini akan turut ditemui dalam tema 'Sumber Alam'. Kerana itu, peribahasa yang disenaraikan di bawah tema ini mempunyai bilangan yang paling banyak berbanding tema-tema lain, iaitu sebanyak 41 peratus daripada jumlah keseluruhan data terkumpul. Walau bagaimanapun, sebagai batas kajian ini, pengkaji hanya menyenaraikan lima sahaja peribahasa yang dipilih secara rawak sebagai contoh disebabkan jumlahnya yang terlalu banyak. Pengkaji meletakkan senarai penuh peribahasa yang bertemakan 'Sumber Alam' pada bahagian lampiran. Perbincangan ini akan menumpukan kepada analisis dua peribahasa yang telah ditanda dengan latar berwarna kelabu dalam jadual sebagai contoh. Jadual 4.4 menyenaraikan lima contoh data peribahasa yang telah dikenal pasti mempunyai imej sumber alam dalam ungkapannya.

Jadual 4.4: Data peribahasa bertemakan 'Sumber Alam'

Kod Data	Peribahasa	Makna	Asosiasi Makna
PU001-4	Bagai aur dengan tebing	Satu sama lain bertolong-tolongan	Aur, tebing
BI003-4	Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	Orang yang pendiam jangan disangka pengecut	Air, buaya
BI016-4	Kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	Tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi), maka terjadi sesuatu hal yang demikian	Burung tempua
PU001-5	Bak cendawan tumbuh selepas hujan	Terlalu banyak pada sesuatu masa	Cendawan, hujan
PE004-5	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ke laut sama direnangi	Sepakat, seia sekata	Bukit, laut

4.7.1 Peribahasa *kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis semantik skrip adalah seperti berikut:

Peribahasa:

Kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah

Makna Kamus:

Tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi), maka terjadi sesuatu hal yang demikian.

Bil.	**Leksikal**	**Makna Literal**
i.	*Kalau*	Kata penghubung (kata sendi) untuk menyatakan syarat (sebagaimana yang dihuraikan berikutannya), jika, jikalau. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kalau)*
ii.	*tak*	Singkatan bagi tidak (kata nafi); tiada; bukan. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tak)*
iii.	*berada-ada*	Ada sesuatu yang tersembunyi (seperti sebab, maksud dan lain-lain). *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=berada-ada)*
iv.	*takkan*	Singkatan bagi tidak akan. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=takkan)*
v.	*tempua*	Sejenis burung, cak raya, *Ploceus philippinus infortunatus.* *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tempua)*

vi. *bersarang* Membuat sarang (burung, serangga, binatang kecil dan lain-lain), mempunyai sarang.
(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bersarang)

vii. *rendah* Tidak jauh jaraknya dari bawah, tidak tinggi (lawan tinggi).
(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=rendah)

Makna leksikal bagi peribahasa *kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah* merujuk kepada maksud literal setiap komponen berdasarkan kamus. Leksikal *'kalau'* berfungsi sebagai kata penghubung untuk menyatakan syarat, manakala *'tak'* ialah singkatan bagi *'tidak'* yang membawa maksud penafian. Leksikal *'berada-ada'* pula merujuk kepada kewujudan sesuatu yang tersembunyi seperti sebab atau maksud tertentu. Seterusnya, *'takkan'* ialah singkatan bagi *'tidak akan'*, menunjukkan penafian terhadap kemungkinan sesuatu berlaku. *'Tempua'* pula ialah sejenis burung *(Ploceus philippinus infortunatus)*, *'bersarang'* bermaksud membuat atau mempunyai sarang, manakala *'rendah'* merujuk kepada kedudukan yang tidak tinggi dari permukaan tanah.

Semantik skrip merujuk kepada analisis makna tersurat peribahasa yang hanya berfokus pada makna leksikal seperti yang terdapat dalam kamus, tanpa sebarang penjelasan terperinci atau mendalam. Analisis ini terhad kepada definisi asas yang bersifat permukaan semata-mata. Namun begitu, menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024), makna pada tahap ini tidak berupaya untuk menghubungkan aspek bahasa dengan dimensi kognitif dan akal budi Melayu. Sehubungan itu, analisis perlu dilanjutkan ke peringkat semantik resonans untuk meneliti makna peribahasa berdasarkan konteks penggunaannya dalam ujaran atau ayat, dengan mengambil kira data, teori dan proses kognitif yang lebih menyeluruh.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Berikut ditunjukkan analisis semantik resonans dengan menggunakan ujaran atau ayat yang diperoleh daripada Pangkalan Data Korpus DBP. Peribahasa *kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah* yang digunakan dalam contoh ayat (viii) membawa maksud 'tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi), maka terjadi sesuatu hal yang demikian' tetapi maksud sebenarnya tidaklah dinyatakan secara eksplisit dalam ayat tersebut.

(viii) Abang Izham dan Abang Adnan pergi dulu untuk mencari tempat yang sesuai buat kami. Aku berjalan dengan Kak Hanim. Abang Izham memilih satu sudut yang agak baik buat kami. Kami berempat duduk semeja. Abang Izham menyuruh kami meneliti menu dan membuat pesanan. Dia akan makan sahaja apa yang kami pesan. Hari ini hari kami, jadi kami boleh makan apa sahaja. Aku rasa beruntung juga mendapat abang angkat seorang jurutera ini, tetapi tentu ada sebab mengapa Abang Izham mahu belanja kami ini. *****Kalau tidak ada masakan tempua bersarang rendah*****.

(Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Dalam konteks ayat (viii) yang dipetik di atas, penggunaan peribahasa ini menggambarkan bahawa tindakan '*Abang Izham'* yang ingin membelanja *'Aku'* dan *'Kak Hanim'* makan dikatakan mempunyai maksud lain di sebalik tindakannya itu oleh *'Aku'*. Ayat ini menggambarkan *'Abang Izham'* sebagai seorang jurutera dan abang angkat kepada *'Aku'* telah mengajaknya dan *'Kak Hanim'* makan dan menawarkan untuk membayar bil. Kewujudan frasa *"...meneliti menu dan membuat pesanan."* dalam ayat ini telah memberi gambaran bahawa mereka semua berada di kedai makan atau restoran.

'Aku' dan *'Kak Hanim'* diberitahu bahawa mereka boleh memesan apa-apa sahaja makanan. Perbuatan ini menunjukkan kebaikan *'Abang Izham'* kepada mereka berdua. Walau bagaimanapun, kebaikan *'Abang Izham'* yang dizahirkan itu telah membangkitkan keraguan dalam diri *'Aku'* mengenai motif di sebalik kemurahan hatinya dengan kemunculan frasa *"...tetapi tentu ada sebab..."* diikuti dengan peribahasa *"kalau tidak ada masakan tempua bersarang rendah."* Dalam konteks ayat (viii) ini, *'Aku'* telah membuat tanggapan awal bahawa kebaikan yang ditunjukkan oleh *'Abang Izham'* mungkin mempunyai niat tertentu tetapi tidak dinyatakan secara langsung.

Pembaca atau pendengar yang mempunyai pengalaman ensiklopedia dengan peribahasa ini mungkin dapat membuat andaian bahawa *'Abang Izham'* mempunyai motif tersembunyi atau ada sesuatu yang diharapkan daripada tindakannya membelanja *'Aku'* dan *'Kak Hanim'* makan di restoran dengan kemunculan peribahasa *"...kalau tidak ada masakan tempua bersarang rendah."* Walau bagaimanpun, jika pembaca atau pendengar tidak mempunyai pengetahuan tentang maksud peribahasa ini, kemunculan premis tambahan seperti frasa *"...tetapi tentu ada sebab mengapa Abang Izham mahu belanja kami ini."* boleh dirujuksilangkan dengan peribahasa yang digunakan dalam ayat ini untuk menjelaskan maksud peribahasa ini secara tersirat. Pemilihan peribahasa ini telah membantu dalam menegaskan andaian awal tentang keraguan yang timbul dalam diri *'Aku'* dengan kehadiran imej burung tempua, iaitu sejenis burung yang dikatakan tidak akan bersarang di tempat rendah melainkan ada sebab tertentu (Subramanian et al., 2008).

Rumusannya, peribahasa yang digunakan dalam konteks ayat (viii) tidak susah untuk diproses maknanya. Merujuk kepada TR, usaha memproses makna peribahasa ini boleh dikatakan rendah kerana mempunyai konteks, kesan kognitif dan premis tambahan yang cukup untuk membantu pembaca atau pendengar menginterpretasikan maksud

sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur. Dengan bantuan RRS, hubungan makna peribahasa dengan konteks ayat ini telah memberikan isyarat bahawa setiap tindakan itu ada alasan atau tujuannya, sama ada dengan niat yang baik ataupun tidak baik. Kajian ini berpendapat, peribahasa ini pada dasarnya bukanlah dicipta untuk mencetuskan prasangka buruk, tetapi lebih kepada memberi ingatan kepada kita agar sentiasa berhati-hati dan menilai secara bijak di sebalik tindakan dan layanan baik seseorang kepada kita kerana dibimbangi pelaku mempunyai niat buruk yang tersembunyi.

Meskipun analisis pada peringkat semantik resonans dapat membantu memahami makna tersirat peribahasa dengan mempertimbangkan aspek data, teori dan kognitif, namun menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024), analisis makna pada tahap ini masih mempunyai keterbatasan dan tidak sepenuhnya berjaya mengungkap falsafah serta akal budi penutur jati. Oleh itu, diperlukan satu lagi peringkat analisis makna yang dapat mengintegrasikan unsur bahasa, budaya dan kognitif, sekali gus mencerminkan akal budi Melayu dengan lebih mendalam, iaitu melalui pendekatan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Seterusnya adalah analisis makna peribahasa melalui perspektif semantik inkuisitif. Persoalan yang perlu dikemukakan ialah mengapakah masyarakat Melayu pada zaman dahulu memilih imej burung tempua dalam ungkapan peribahasa ini? dan, kenapakah burung tempua memilih untuk membuat sarangnya di tempat yang rendah? Burung tempua atau nama saintifiknya *Baya weaver* (*Ploceus philippinus*) adalah spesies burung yang cukup terkenal di kawasan Asia Selatan dan Tenggara, termasuk Malaysia (Thiruvenggadam et al., 2022). Burung tempua dikenali kerana kebolehan dan kehebatannya membina sarang yang kompleks dan cantik menggunakan bahan-bahan semula jadi seperti daun-daun palma, rumput, lalang, serat tumbuhan dan ranting-ranting

kecil. Sarang burung tempua kebiasaannya boleh ditemui tergantung di dahan-dahan pokok yang tinggi.

Dari segi biologi, burung tempua memiliki ukuran tubuh yang kecil, iaitu dalam lingkungan 10 cm sahaja. Burung ini memiliki paruh yang kecil dan tumpul sesuai dengan diet pemakanannya yang terdiri daripada biji-bijian. Burung tempua jantan mempunyai bulu yang lebih cerah dan berwarna kuning terang untuk menarik perhatian burung betina sama musim pembiakan. Manakala burung tempua betina dan burung muda mempunyai bulu yang lebih kusam dengan warna coklat kelabu. Warna seperti ini sesuai untuk penyamaran dalam persekitaran semula jadi habitat burung tempua. Walaupun memiliki bentuk tubuh yang kecil, burung tempua memiliki kemampuan untuk terbang jauh dengan jarak hingga 25km/jam. Dari segi habitat pula, burung ini hidup dalam bentuk koloni dan membuat sarang yang saling berdekatan antara satu sama lain dalam satu kawasan atau pada dahan-dahan pokok yang sama (Subramaniam et al., 2008).



Rajah 4.15: Burung tempua jantan (kiri) dan burung tempua betina (kanan)
(Sumber: *Google Images*)

Proses membina sarang oleh burung tempua adalah satu proses yang terperinci dan kompleks. Pada peringkat permulaan, burung tempua jantan akan mencari, memilih dan menentukan tempat sarang diletakkan. Kebiasaanya lokasi dipilih di tempat yang tinggi seperti di hujung ranting atau dahan pokok. Selepas burung tempua jantan menemui lokasi yang sesuai, asas sarang mula dibina dengan menggunakan beberapa jenis daun seperti daun palma, rumput, lalang dan juga ranting-ranting halus yang bersifat jalur-jalur halus melalui teknik menenun. Proses menenun sarang oleh burung tempua adalah satu kerja yang rumit kerana proses ini boleh mengambil masa sehingga 14 ke 18 hari untuk disiapkan sepenuhnya untuk memastikan sarang tersebut dibina dengan struktur yang kukuh dan stabil. Semua proses pembinaan sarang burung tempua ini akan melalui empat peringkat utama untuk disiapkan dengan sempurna, iaitu bermula dengan peringkat ‘wad’, ‘cincin’, ‘helmet’ dan ‘sarang siap’ (Quader, 2006; Subramaniam et al., 2008; Pandian, 2018; Thiruvenggadam et al., 2022).

Peringkat ‘wad’ atau peringkat asas sarang melibatkan proses pemilihan lokasi yang bersesuaian oleh burung tempua jantan. Setelah menentukan lokasi sarang, burung tempua jantan akan mengumpul bahan-bahan halus seperti jaluran daun palma, serat tumbuhan dan bahan-bahan bersumberkan tumbuhan lain yang mudah lentur. Bahan-bahan ini dipilih kerana sifat fleksibelnya untuk saling mengikat dalam proses tenunan dan anyaman serta memiliki ciri-ciri ketahanan yang kuat. Dengan menggunakan paruhnya yang kecil, burung tempua jantan mula menganyam bahan-bahan ini untuk membentuk asas sarang yang dikenali sebagai ‘wad’. Asas ini berbentuk seperti cawan kecil dan menjadi tapak kepada struktur sarang yang seterusnya.

Setelah asas sarang siap, burung tempua jantan akan meneruskan proses menganyam ke peringkat pembentukan rangka utama sarang yang juga dipanggil peringkat


‘cincin’. Burung jantan akan terus menganyam menggunakan daun-daun yang telah dikumpulkan di sekitar asas ‘wad’ untuk membentuk struktur seperti cincin. Cincin ini menjadi rangka sokongan utama untuk bahagian atas sarang yang akan dibina seterusnya. Proses ini memerlukan fokus dan ketelitian yang tinggi kerana setiap helaian jaluran daun perlu ditenun dan disusun dengan baik dan ketat untuk memastikan struktur yang dibina stabil dan kukuh. Pada peringkat ‘cincin’ ini, sarang akan mula berbentuk seperti mangkuk yang berada dalam keadaan terbalik. Bentuk ‘cincin’ yang dibina memisahkan bahagian atas sarang kepada dua bahagian yang sama. Bahagian ini penting untuk membina kawasan mengeram telur oleh burung tempua betina dan perlindungan kepada anak burung apabila menetas.

Seterusnya, setelah selesai pembinaan sarang pada peringkat ‘cincin’, proses pembinaan sarang diteruskan kepada peringkat pembentukan kubah atau dikenali juga dengan nama peringkat ‘helmet’. Peringkat ‘helmet’ adalah tahap bentuk sarang burung mula kelihatan seperti rumah kecil yang tergantung. Burung tempua jantan terus menganyam sarangnya daripada pelbagai jenis daun dari peringkat "cincin" untuk membentuk sebuah kubah. Kubah ini berfungsi sebagai penutup atas sarang, memberikan perlindungan daripada cuaca buruk dan pemangsa. Pada peringkat ini, sarang kelihatan seperti bentuk topi keledar dan disebabkan itulah tahap ini dinamakan sebagai ‘helmet’. Apabila sarang pada peringkat ‘helmet’ telah siap, proses seterusnya ini boleh dikatakan peringkat yang paling penting. Pada peringkat ‘helmet’, burung tempua betina akan mula mengunjungi sarang untuk memeriksa kualitinya. Burung tempua betina akan membuat penilaian terhadap sarang yang telah dibina oleh burung tempua jantan dengan menyentuh dan menarik helaian daun yang telah dianyam untuk memastikan kekuatan dan kestabilan sarang. Jika sarang tersebut tidak memenuhi piawaian si burung betina, sarang tersebut


akan ditinggalkan dan burung tempua jantan perlu memulakan semula proses pembinaan yang lain.

Walau bagaimanapun, jika burung tempua betina menerima sarang yang telah dibuat oleh burung tempua jantan pada peringkat ‘helmet’, proses anyaman akan diteruskan kepada peringkat terakhir, iaitu menyelesaikan pembinaan sarang yang disebut sebagai peringkat ‘sarang lengkap’ dan seterusnya membina pintu masuk. Burung tempua jantan akan membina ruang yang selesa di dalam sarang untuk menempatkan telur-telur. Ruang ini dibina untuk memberikan kehangatan dan perlindungan kepada anak-anak burung tempua yang bakal menetas. Salah satu ciri istimewa yang ada pada sarang burung tempua ialah tiub panjang yang tergantung dari bahagian bawah kubah sarang. Laluan tiub yang panjang dan sempit ini dibina untuk menipu daya pemangsa seperti ular dan menghalangnya masuk ke dalam sarang.


Sarang burung tempua juga mempunyai ciri khas lain seperti pintu rahsia yang hanya boleh dimasuki oleh induk sahaja. Setelah semua bahagian sarang burung tempua disiapkan, burung tempua jantan akan terus menguatkan ikatan pada celahan anyaman dan memastikan bahawa tiada lubang yang boleh mengancam keselamatan anak-anak burung di dalam sarang. Proses keseluruhan dari peringkat ‘wad’ hingga ke peringkat ‘sarang lengkap’ mengambil masa lebih kurang 18 hari (Quader, 2006; Subramaniam et al., 2008; Pandian, 2018; Thiruvenggadam et al., 2022).



Rajah 4.16: (a) Tempua jantan mengumpulkan serat tumbuhan, (b) Tempua jantan mengikat serat tumbuhan sebagai tapak sarang
(Sumber: Pandian, 2022)



Rajah 4.17: (c) Tempua jantan sedang menganyam sarang, (d) Sarang peringkat 'cincin'
(Sumber: Pandian, 2022)



Rajah 4.18: (e) Sarang peringkat 'helmet', (f) Peringkat menyiapkan ruang telur
(Sumber: Pandian, 2022)



Rajah 4.19: (g) Peringkat sarang siap
(Sumber: Pandian, 2022)

Merujuk kembali kepada peribahasa *kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah*, persoalan yang perlu dibincangkan dalam kajian ini ialah; Apakah sebabnya burung tempua membuat sarang di tempat yang rendah? Maksud *'berada-ada'* menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) ialah, *"ada sesuatu yang tersembunyi seperti sebab, maksud dan lain-lain".* Berdasarkan kajian oleh Subramaniam et al. (2008), Pandian (2018), Quader (2006) dan Thiruvenggadam et al. (2022), burung tempua memilih

untuk membina sarang di tempat-tempat yang lebih rendah atas beberapa sebab tertentu yang berkaitan dengan faktor persekitaran dan keselamatan. Terdapat empat sebab utama yang dapat pengkaji rumuskan daripada kajian-kajian lepas berkaitan dengan sebab burung tempua lebih cenderung untuk membina sarang di tempat rendah berbanding di kawasan yang tinggi.

Sebab pertama burung tempua membina sarang di tempat yang rendah adalah untuk perlindungan daripada pemangsa. Kajian oleh Subramaniam et al. (2008) mendapati bahawa burung tempua memilih lokasi sarang yang boleh mengurangkan risiko serangan oleh pemangsa. Sarang di tempat rendah dan tersembunyi seperti di dalam semak atau tumbuhan lebat boleh melindungi mereka daripada pemangsa udara seperti helang dan juga pemangsa darat seperti ular. Sebab yang kedua ialah ketersediaan bahan untuk membina sarang. Menurut Pandian (2018), sebab burung tempua memilih untuk membina sarang di tempat yang rendah adalah kerana kemudahan untuk mendapatkan bahan-bahan membina sarang yang terdapat di kawasan rendah. Lokasi ini biasanya lebih dekat dengan sumber bahan seperti rumput dan daun yang bersesuaian untuk digunakan bagi membina sarang.

Seterusnya sebab yang ketiga adalah kerana burung tempua lebih cenderung untuk memilih lokasi sarang yang terlindung daripada kekuatan tiupan angin monsun. Jika sarang ditempatkan di kawasan yang tinggi, peratus sarang untuk rosak akibat angin kencang adalah sangat tinggi. Oleh sebab itulah, burung tempua membina sarang di pokok-pokok atau tumbuhan yang lebih rendah untuk mengurangkan kesan kerosakan akibat angin (Quader, 2006). Sebab yang keempat burung tempua membina sarang di tempat yang rendah adalah kerana faktor suhu persekitaran yang memberi kesan kepada mikroiklim dalaman sarang. Kawasan yang tinggi akan mendedahkan sarang burung tempua kepada suhu yang terlalu panas atau terlalu sejuk. Kajian oleh Thiruvenggadam et al. (2022)

mendapati bahawa sarang yang dibina di tempat yang lebih rendah sering terletak di kawasan yang mempunyai suhu lebih stabil dan mempunyai kelembapan yang lebih tinggi. Keadaan mikroiklim yang optimum di dalam sarang burung tempua adalah baik untuk perkembangan telur dan anak burung.



Rajah 4.20: Sarang burung tempua di kawasan terlindung dan rendah
(Sumber: *Google Images*)

Daripada huraian tentang faktor-faktor burung tempua membina sarang di tempat yang rendah telah dapat menjelaskan alasan masyarakat Melayu dahulu kala mengambil imej burung tempua dalam ungkapan peribahasa *kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah* untuk menyampaikan maksud *tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi), maka terjadi sesuatu hal yang demikian*. Pengaplikasian semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa secara mendalam telah berjaya menonjolkan falsafah dan akal budi Melayu di sebalik pemilihan imej burung tempua dalam ungkapan peribahasa ini. Merujuk konteks di sebalik maksud tersurat yang cuba disampaikan melalui peribahasa ini, sebab-sebab burung tempua memilih membina sarang di tempat yang rendah telah menunjukkan kepintarannya membuat pertimbangan untuk memastikan

keselamatan sarang dan kelangsungan hidup anak-anaknya. Begitu juga keadaannya dengan ragam manusia yang hidup bermasyarakat.

Dalam konteks kehidupan bermasyarakat, peribahasa ini mengingatkan kita bahawa jika sesuatu perkara berlaku atau jika seseorang berkelakuan dengan cara tertentu, pasti ada sebab yang mendorongnya sama ada dengan niat yang baik atau buruk. Sebagai contoh, jika seseorang tiba-tiba berubah sikap atau mengambil tindakan yang luar daripada kebiasaannya, kita perlu menyedari bahawa pasti terdapat alasan yang menyebabkan perubahan tersebut. Maksud tersirat peribahasa ini adalah untuk memberi peringatan kepada kita agar bersikap lebih bijaksana dan berhati-hati untuk menilai tindakan dan layanan baik yang ditunjukkan oleh orang lain kepada kita kerana tidak semua orang mempunyai niat yang baik. Kebijaksanaan kita dalam menilai dan membuat pertimbangan mungkin boleh menyelamatkan diri daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Rumusannya, melalui huraian tentang sebab burung tempua bersarang rendah telah menjelaskan tingginya pengamatan masyarakat Melayu pada zaman dahulu terhadap alam sekeliling dan ketinggian akal budi Melayu yang dapat menghubungkaitkannya dengan ragam kehidupan masyarakat pada ketika itu. Selain itu, dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa ini, kupasan yang dilakukan ini dilihat tidak terbatas dalam lingkungan kajian bahasa sahaja tetapi juga dalam bidang ornitologi (sesuai dengan pendekatan semantik inkuisitif ini yang bersifat multidisiplin), iaitu kajian tentang ‘burung tempua’ dalam aspek kelakuan, pengelasan dan kawasan tempat tinggalnya. Secara keseluruhannya, maklumat yang diperoleh daripada data 7 dapat dikenal pasti dan dirumuskan melalui pelaksanaan analisis tahap 2 dan tahap 3. Analisis pada tahap 1 pula menjadi lebih kukuh dan bermakna apabila disokong oleh dapatan

analisis tahap 2 dan 3, selaras dengan pendekatan semantik inkuisitif yang diintegrasikan bersama RRS dan TR.

4.7.2 Peribahasa *air yang tenang jangan disangka tiada buaya*

Analisis dilakukan secara bertahap, iaitu Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Analisis semantik skrip adalah seperti berikut:

Peribahasa:

Air yang tenang jangan disangka tiada buaya

Makna Kamus:

Orang yang pendiam jangan disangka pengecut, bodoh, baik, atau tidak berbahaya.

Bil.	**Leksikal**	**Makna Literal**
i.	*Air*	Sebatian dua unsur hidrogen dan oksigen (H2O) yang berada dalam bentuk cecair pada tekanan biasa dan pada suhu bilik. *(https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=air)*
ii.	*yang*	Kata hubung *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=yang)*
iii.	*tenang*	Tidak berkocak, tidak berombak (air, laut), teduh (angin, ribut dan lain-lain); Tidak gelisah (runsing dan lain-lain), tidak kacau atau rusuh (hati, fikiran dan lain-lain), aman dan tenteram (keadaan). *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tenang)*
iv.	*jangan*	Kata larangan yg menyatakan tidak boleh ..., hendaknya tidak,

		usah. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jangan)*
v.	*di-*	Awalan (imbuhan) *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=di)*
vi.	*sangka*	Pendapat yg hanya diagak-agak sahaja, dugaan, kira. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=sangka)*
vii.	*tiada*	Tidak ada. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tiada)*
viii.	*buaya*	sejenis reptilia besar berkulit tebal, berbadan panjang dan hidup di air. *(https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=buaya)*

Makna leksikal peribahasa *air yang tenang jangan disangka tiada buaya* merujuk kepada makna permukaan yang diperoleh daripada kamus. Pada peringkat ini, makna yang dikemukakan bersifat literal, seperti *'air'* merujuk kepada sebatian kimia H_2O dalam bentuk cecair, manakala *'yang'* berfungsi sebagai kata hubung. Leksikal *'tenang'* pula bermaksud tidak berkocak atau berombak, merujuk kepada keadaan yang aman dan tenteram. Seterusnya, leksikal *'jangan'* ialah kata larangan, *'di-'* berfungsi sebagai awalan pasif dan *'sangka'* bermaksud anggapan atau dugaan semata-mata. Leksikal *'tiada'* bermaksud tidak ada, manakala *'buaya'* merujuk kepada sejenis reptilia besar yang hidup di air.

Semantik skrip merujuk kepada analisis makna tersurat peribahasa yang hanya berasaskan makna leksikal seperti yang terdapat dalam kamus, tanpa sebarang penjelasan terperinci. Analisis ini terhad kepada definisi asas yang bersifat permukaan semata-mata.

Namun begitu, menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024), makna pada peringkat ini tidak berupaya untuk menghubungkan aspek bahasa dengan dimensi kognitif dan akal budi Melayu. Oleh itu, analisis perlu diteruskan ke peringkat semantik resonans untuk meneliti makna peribahasa dalam konteks penggunaannya, dengan mengambil kira faktor data, teori dan analisis kognitif yang lebih mendalam.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Analisis makna peribahasa *air yang tenang jangan disangka tiada buaya* pada peringkat semantik resonans menggunakan contoh naratif yang dipetik daripada Pangkalan Data Korpus DBP adalah seperti berikut.

(ix) Peribahasa ada mengatakan *****air yang tenang jangan disangka tiada buaya*****. Itulah yang terjadi pada Nicole Walker yang memang mengidamkan seorang teman lelaki yang menyayanginya lebih dari segalanya. Impiannya menjadi kenyataan apabila dia berkawan dengan David. Pada mulanya dia mendapati David menepati ciri-ciri yang dikehendakinya tetapi lama kelamaan Nicole mendapati David adalah seorang yang ganas dan suka mengongkongnya.

(Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Analisis ini menggunakan pendekatan RRS, iaitu subkonsep dalam TR bagi menghubungkaitkan makna peribahasa *air yang tenang jangan disangka tiada buaya* dengan konteks kognitif penutur dalam bentuk ujaran atau naratif. Peribahasa ini pada dasarnya dapat difahami sebagai sesuatu yang kelihatan tenang atau tidak berbahaya pada sifat luarannya tetapi mungkin menyembunyikan sesuatu yang tidak dijangka pada bahagian dalamannya, termasuk potensi ancaman atau bahaya. Walau bagaimanapun, jika

diperhatikan dalam naratif (ix), maksud tersirat peribahasa ini tidak dinyatakan secara langsung. Dalam hal ini, pengaplikasian RRS diperlukan untuk membantu pembaca atau pendengar memahami maksud sebenar peribahasa yang digunakan dalam naratif ini. Dengan merujuk contoh naratif (ix) yang diberikan, peribahasa ini digunakan untuk menggambarkan situasi Nicole Walker, yang pada awalnya melihat David sebagai lelaki baik yang sempurna untuk dirinya tetapi akhirnya kecewa apabila David menunjukkan perangai dan sifatnya yang sebenar.

Penggunaan peribahasa ini muncul sebagai refleksi terhadap pengalaman Nicole, yang mengidamkan seorang teman lelaki yang baik dan penyayang. Pada awal hubungan, David memperlihatkan sifat yang menepati kehendak Nicole, iaitu seorang lelaki yang penyayang, baik dan selalu memberi perhatian. Frasa *"Impiannya menjadi kenyataan..."* menggambarkan tahap keyakinan Nicole terhadap personaliti David pada peringkat awal hubungan mereka. Walau bagaimanapun, perubahan tingkah laku David yang semakin ganas dan mengongkong Nicole membawa kepada maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur melalui penggunaan peribahasa ini bahawa sesuatu yang kelihatan baik pada permukaan mungkin menyembunyikan bahaya yang tidak dijangka.

Pembaca atau pendengar yang mempunyai pengalaman ensiklopedia dengan keadaan yang dialami oleh Nicole ini mungkin segera memahami maksud yang tersirat, iaitu peringatan untuk tidak mudah mempercayai penampilan luar seseorang tanpa memahami sifat sebenar mereka. Dalam konteks ayat ini, peribahasa tersebut memberikan "petunjuk kognitif" kepada pembaca atau pendengar bahawa David, walaupun pada mulanya kelihatan sebagai pasangan yang ideal, sebenarnya menyembunyikan sifat yang tidak baik. Penggunaan imej *'air yang tenang'* dalam permulaan ungkapan peribahasa ini sebenarnya telah dirujuk kepada tingkah laku David yang tenang dan menarik pada

permulaan hubungannya dengan Nicole. Dengan bantuan RRS, frasa *"...lama-kelamaan Nicole mendapati David adalah seorang yang ganas dan suka mengongkongnya."* telah berfungsi sebagai premis tambahan yang dapat dirujuksilangkan dengan maksud yang ingin disampaikan dalam peribahasa ini melalui penggunaan imej 'buaya' untuk menggambarkan sifat ganas dan dominan. Penggunaan peribahasa ini adalah tepat dalam menggambarkan perubahan tingkah laku David.

Merujuk kepada TR, usaha memproses makna peribahasa ini boleh dianggap rendah kerana kandungan naratif telah memberikan konteks dan kesan kognitif yang cukup untuk pembaca atau pendengar memahami maksud tersiratnya. Dengan bantuan beberapa premis tambahan, peribahasa ini dapat dihubungkan secara langsung dengan naratif tanpa memerlukan interpretasi tambahan yang rumit. Kehadiran frasa seperti *"...lama-kelamaan Nicole mendapati..."* membantu pembaca menyimpulkan bahawa tingkah laku sebenar David adalah berlawanan dengan penampilannya pada awal hubungan, bertepatan dengan makna peribahasa yang ingin disampaikan.

Penggunaan peribahasa *air yang tenang jangan disangka tiada buaya* dalam konteks ayat ini menunjukkan kepentingan untuk sentiasa berhati-hati dalam menilai sesuatu atau seseorang berdasarkan penampilan luaran sahaja. Dengan bantuan RRS, peribahasa ini memberikan isyarat kepada pembaca atau pendengar bahawa perubahan dalam tingkah laku David bukanlah sesuatu yang kebetulan tetapi telah dikaitkan secara simbolik dengan maksud peribahasa ini. Peribahasa ini bukan sahaja mengukuhkan naratif tetapi juga menyampaikan mesej peringatan yang relevan kepada pembaca, iaitu agar tidak mudah tertipu dengan zahir yang menenangkan kerana sesuatu yang tidak dijangka mungkin tersembunyi di sebaliknya seperti maksud sebenar peribahasa ini, iaitu orang

yang pendiam atau baik pada permulaannya jangan disangka sebagai pengecut, bodoh, tidak jahat atau tidak berbahaya.

Walaupun analisis makna pada peringkat semantik resonans mampu membantu memahami makna tersirat peribahasa dengan mengambil kira aspek data, teori dan kognitif, Jalaluddin (2014, 2018, 2024) berpendapat bahawa tahap analisis ini masih mempunyai batasan dan tidak sepenuhnya mampu menyingkap falsafah serta akal budi penutur jati. Justeru, diperlukan satu lagi peringkat analisis yang mampu mengintegrasikan unsur bahasa, budaya dan kognitif secara lebih holistik bagi mencerminkan akal budi Melayu dengan lebih mendalam, iaitu melalui pendekatan semantik inkuisitif.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Pada tahap analisis semantik inkuisitif, persoalan utama yang perlu dikemukakan ialah, mengapa masyarakat Melayu menggunakan imej *'air yang tenang'* dan *'buaya'* untuk memberi amaran tentang sesuatu walaupun pada luarannya kelihatan tidak berbahaya? Pendekatan ini memerlukan penelitian mendalam terhadap imej-imej berbentuk simbolik yang digunakan dalam peribahasa ini, iaitu dengan menghubungkaitnya dengan konteks budaya, kepercayaan masyarakat, falsafah, serta bukti saintifik tentang sifat air dan buaya.

Secara ringkasnya, air dikenali dengan formula kimia H^2O, iaitu gabungan dua atom hidrogen dan satu atom oksigen. Air adalah molekul polar, yang bermaksud sebatian ini mempunyai keupayaan untuk melarutkan pelbagai jenis bahan, menjadikannya sebagai pelarut universal. Sifat air yang unik seperti tegangan permukaan yang tinggi dan kapasiti haba yang besar membolehkannya mengekalkan kestabilan suhu, satu ciri penting bagi kehidupan di bumi (Melani et al., 2022; Renita, 2024). Walau bagaimanapun, kajian ini tidak akan mengulas sifat air dalam konteks molekul atau perspektif sains secara terperinci

tetapi pengkaji akan memfokuskan kepada keadaan air yang digambarkan dalam peribahasa ini, iaitu *‘air yang tenang’*.



Rajah 4.21: Gambaran imej air yang tenang
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Gambaran *'air yang tenang'* merujuk kepada permukaan air yang kelihatan aman, tidak beriak, atau tidak menunjukkan sebarang tanda bahaya. Dalam konteks alam Melayu, keadaan air yang tenang sering kali dikaitkan dengan ciri-ciri ketenangan, kedamaian atau keamanan. Hal ini dapat dibuktikan dengan kewujudan peribahasa yang turut menggunakan imej ‘air’ dalam ungkapannya untuk menggambarkan konotasi tenang dan aman, seperti peribahasa, *‘air dalam terenang’*, *‘air jernih, ikannya jinak’*, *‘air tenang menghanyutkan’ ‘seperti air dalam kolam’* dan *‘seperti air dalam talam’*. Simbol air sering digunakan dalam peribahasa kerana air merupakan elemen alam semula jadi yang paling asas dan dekat dengan kehidupan manusia. Oleh itu, perlambangan air sering ditemui dalam peribahasa Melayu (Ahmad & Rashidin, 2011; Hermandra et al., 2024). Walau bagaimanapun, untuk ungkapan *‘air yang tenang’* dalam peribahasa ini, kajian ini mengesan bahawa masyarakat Melayu dahulu kala pada dasarnya cuba

mengkomunikasikan sesuatu ketenangan tersebut hanya bersifat luaran kerana air yang tenang mungkin menyembunyikan bahaya di bawah permukaannya.

Peribahasa ini menggunakan simbolik *'air yang tenang'* untuk menggambarkan individu atau situasi yang kelihatan tidak berbahaya pada zahirnya, namun sebenarnya menyimpan potensi yang besar untuk mendatangkan kesan yang tidak dijangka. Sifat *'air yang tenang'* ini sering dikaitkan dengan permukaannya yang kelihatan tenang dan damai, tetapi di bawahnya mungkin tersembunyi bahaya seperti kedalaman yang sukar dijangka, batu-batu besar yang boleh mengundang kemudaratan, atau kewujudan haiwan berbahaya yang mengancam keselamatan. Begitu juga dengan individu yang mempunyai sifat pendiam atau kelihatan lemah. Walaupun berperwatakan tenang, namun setiap manusia sebenarnya berpotensi mencetuskan tindakan yang mengejutkan atau mengancam apabila diganggu. Pemilihan imej *'air yang tenang'* oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu ini untuk peribahasa ini pada dasarnya bukan sahaja menggambarkan ketidakterdugaan sifat air tersebut, tetapi turut melambangkan perubahan personaliti manusia yang sukar diramal, menjadikannya simbol yang tepat dan berkesan dalam menyampaikan maksud peribahasa ini.

Analisis ini diteruskan lagi dengan mempersoalkan, mengapa imej *'air yang tenang'* digabungkan dengan imej *'buaya'* dalam ungkapan peribahasa ini? Buaya atau nama saintifiknya *Crocodylus porosus*, merupakan haiwan reptilia yang sering ditemui di perairan cetek, kawasan sungai dan muara di kawasan tropika. Buaya air masin ialah spesies terbesar dalam keluarga *Crocodylidae*, dengan panjang dewasa yang boleh mencecah sehingga 7 meter dan berat melebihi 1 tan. Dari perspektif biologi, buaya mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan habitat air tawar dan air masin, menjadikannya pemangsa yang versatil. Buaya adalah pemangsa puncak dalam

ekosistemnya dengan diet yang terdiri daripada ikan, mamalia dan burung. Buaya boleh bertahan tanpa makanan untuk jangka masa yang panjang selepas memakan mangsanya. Dari segi saintifik, buaya memiliki tekanan gigitan tertinggi dalam kalangan haiwan darat, iaitu kira-kira 3,700 psi *(pound per square inch)*, yang membolehkannya membunuh mangsa dengan pantas dan menghancurkan tulang (Saber & Hassanin, 2014). Sifat penyamaran semula jadi buaya melalui warna kulitnya yang serupa dengan persekitaran air dan lumpur membolehkan haiwan ini bersembunyi dengan cekap. Buaya juga mampu bernafas dengan hanya bahagian hidung dan matanya yang muncul di permukaan air, menjadikannya sangat sukar dikesan oleh mangsa. Strategi ini menonjolkan kelicikan haiwan ini sebagai pemangsa yang sangat digeruni (Douglas et al., 2023; Philip, 2021; Yusri, 2008).



Rajah 4.22: Gambaran imej buaya dalam air yang tenang
(Sumber: Imej dijana oleh pengkaji menggunakan *AI (ChatGPT)* dan digunakan dengan kebenaran rasmi)

Dalam kepercayaan sesetengah masyarakat termasuklah masyarakat Melayu, buaya sering dikaitkan dengan sifat ganas, berbahaya, licik, berunsur mistik dan tidak dapat dipercayai (Douglas et al., 2023; Philip, 2021; Rahmad & Ismail, 2022). Kajian ini mengaitkan hal ini dengan beberapa peribahasa lain yang menggunakan imej buaya untuk menggambarkan sifat tidak baik pada manusia seperti peribahasa *'adakah buaya menolak*

bangkai?', *'seperti buaya bertemu bangkai hanyut'* dan *'buaya darat'*. Kewujudan imej buaya dalam peribahasa-peribahasa ini memperkukuh dakwaan bahawa haiwan reptilia ini sering dianggap sebagai pelaku yang membawa konotasi negatif seperti berbahaya, bersifat dominan, tamak, jahat dan mengongkong. Oleh hal yang demikian, melalui huraian tentang sifat, ciri-ciri dan habitat buaya serta penjelasan berkaitan konotasi negatif yang dibawa imej buaya dalam masyarakat Melayu di atas, maka kajian ini dapat mengesan bahawa terjawablah persoalan alasan masyarakat Melayu pada zaman dahulu memilih imej *'buaya'* untuk digandingkan bersama dengan imej *'air yang tenang'* dalam ungkapan peribahasa ini. Dalam konteks ini, imej *'air yang tenang'* yang mewakili sesuatu yang kelihatan aman atau tidak berbahaya pada awalnya dan imej *'buaya'* sebagai simbol kepada ancaman yang besar dilihat amat tepat untuk menyampaikan maksud '*orang yang pendiam jangan disangka pengecut, bodoh, baik, atau tidak berbahaya'*.

Dari perspektif falsafah Melayu, peribahasa ini sebenarnya adalah peringatan dan nasihat yang menuntut sikap berhati-hati dan bijaksana dalam menilai sesuatu keadaan atau luaran individu. Penampilan luaran pada dasarnya tidak mencerminkan keadaan atau sifat yang sebenar diri seseorang. Oleh itu, peribahasa ini merupakan amaran agar tidak mudah terpedaya dengan penampilan atau keadaan yang kelihatan tenang pada luarannya. Analisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif terhadap peribahasa ini mendedahkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai keupayaan pemerhatian yang tinggi terhadap unsur-unsur alam dan mengaitkannya dengan sifat serta ragam manusia. Ungkapan *'air yang tenang'* dan *'buaya'* tidak hanya mewakili keadaan fizikal atau haiwan semata-mata, tetapi membawa makna yang mendalam tentang sikap dan sifat manusia. Bahaya tersembunyi yang diumpamakan dalam peribahasa ini juga menggambarkan kepentingan kebijaksanaan dalam berinteraksi dengan orang lain atau menilai sesuatau situasi. Hal ini

dapat mengajar nilai kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan, serta mengelakkan daripada terlalu mempercayai keadaan yang kelihatan baik secara luaran.

Oleh itu, dengan analisis peribahasa *air yang tenang jangan disangka tiada buaya* menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, pengkaji telah berjaya mencungkil beberapa nilai dan pengajaran yang penting dalam falsafah Melayu. Melalui imej-imej yang digunakan, peribahasa ini tidak hanya berfungsi sebagai nasihat tetapi juga sebagai refleksi kebijaksanaan dan akal budi masyarakat Melayu terdahulu. Penggunaan unsur alam seperti air dan buaya dalam ungkapan ini menunjukkan betapa akrabnya masyarakat Melayu dengan alam serta kebolehan mereka memanfaatkan unsur-unsur alam untuk menyampaikan mesej yang bermakna. Selain itu, melalui hasil analisis data ini juga, pendekatan semantik inkuisitif telah berjaya menonjolkan ilmu yang merentas kajian bahasa itu sendiri seperti sifat air dalam sebatian kimia dan juga pengetahuan sains tentang habitat, sifat dan biologi buaya. Kesimpulannya, penemuan maklumat dalam data 8 dapat dirumuskan dengan jelas melalui pelaksanaan analisis tahap 2 dan tahap 3. Analisis tahap 1 turut menunjukkan keteguhan yang lebih signifikan apabila dianalisis bersama hasil analisis tahap 2 dan 3, selaras dengan kerangka pendekatan semantik inkuisitif yang digabungkan dengan RRS dan TR.

4.8 Dapatan objektif 3: Rumusan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran bahasa dalam KSSM

Dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga, Persidangan Parlimen Ke-15 Dewan Rakyat bertarikh 26 November 2024, Menteri Pendidikan telah menegaskan bahawa pemansuhan peperiksaan perlu diganti dengan penekanan terhadap pembelajaran yang berasaskan inkuiri, eksplorasi, kontekstual dan pengalaman sebenar. Pendekatan ini

diyakini mampu merangsang kemahiran berfikir aras tinggi serta mengoptimumkan potensi murid (Astro Awani, 2024).

Selaras dengan saranan tersebut, bahagian ini memberi tumpuan untuk merumuskan hubungan antara pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang digariskan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data. Penekanan khusus diberikan kepada objektif 3 kajian ini, iaitu merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu, serta menjawab persoalan kajian 3, iaitu bagaimanakah pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam menganalisis makna peribahasa dapat dikaitkan dengan strategi-strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu?

Fokus perbincangan melibatkan strategi-strategi dan kemahiran pembelajaran yang relevan dengan kerangka semantik inkuisitif, iaitu Pembelajaran Kontekstual (PK), Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (PBI), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Strategi-strategi dan kemahiran pembelajaran ini dijadikan asas perbincangan kerana memiliki kesepadanan dengan prinsip semantik inkuisitif yang menekankan penerokaan makna secara mendalam, menghubungkan pembelajaran bahasa dengan konteks sebenar, serta penghayatan nilai murni, budaya, falsafahd dan akal budi masyarakat Melayu yang terdapat dalam setiap ungkapan peribahasa. Oleh itu, dapatan dalam bahagian ini memperlihatkan peranan pendekatan semantik inkuisitif sebagai panduan dan rujukan kepada guru serta murid dalam pembelajaran peribahasa yang lebih sistematik, berstruktur dan bermakna.

4.8.1 Hubung kait semantik inkuisitif dengan pembelajaran kontekstual

Pembelajaran kontekstual yang berasal daripada falsafah kontruktivisme merujuk kepada pendekatan pembelajaran yang menekankan penglibatan individu dan masyarakat dalam pengalaman bermakna yang berkait rapat dengan kehidupan sebenar atau dalam konteks tertentu (BPK, 2001, 2018; Kadir, 2013). Merujuk KSSM Bahasa Melayu, dalam pembelajaran, pengetahuan dan kemahiran diajar bukan secara terasing tetapi dengan mengaitkannya kepada situasi sebenar yang relevan dan praktikal. Matlamat utama pembelajaran kontekstual adalah untuk membantu murid memahami, menghubungkan dan mengaplikasikan pengetahuan dalam situasi kehidupan sebenar. Pengaplikasian pembelajaran kontekstual di dalam bilik darjah dapat membantu menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik, relevan dan berkesan (Ayob & Mohamad, 2012; Berns & Ericson, 2001; BPK, 2001, 2018).

Dalam konteks kajian semantik inkuisitif, terutamanya pada analisis tahap kedua menggunakan pendekatan semantik resonans, penerapan prinsip pembelajaran kontekstual dapat dilihat dengan jelas. Menurut Jalaluddin (2024), pendekatan ini memberi penekanan terhadap pemahaman makna ujaran berdasarkan konteks sosial, budaya dan kognitif. Pendekatan semantik resonans digunakan untuk memahami makna ujaran sebenar melalui konteks penggunaannya. Semantik resonans melibatkan penafsiran makna berdasarkan data, teori dan proses kognitif penutur. Pendekatan RRS dalam TR menjadi alat utama untuk menunjukkan pembuktian linguistik dengan menjelaskan keupayaan leksikal dan elemen kontekstual berfungsi secara bersama untuk menyampaikan makna yang dihajati oleh penutur asal. Proses ini bukan sahaja melihat kepada makna literal, tetapi juga makna pragmatik dan kontekstual yang relevan dengan pengalaman kognitif pendengar atau pembaca (Jalaluddin et al., 2024). Dengan mengambil contoh data (ii) yang telah dianalisis

sebelum ini, pengkaji akan menjelaskan cara analisis semantik resonans dapat dikaitkan dengan pembelajaran kontekstual.

(ii). Hal ini mempamerkan sikap warganegara Malaysia yang terbuka dan bertoleransi dalam menerima perbezaan budaya yang berlainan seperti kata peribahasa, ***serumpun bak serai, sesusun bak sirih***. Misalnya, tarian ngajat yang ditarikan oleh masyarakat Iban dan tarian sewang yang ditarikan oleh masyarakat orang Asli diterima dan dianggap sebagai budaya yang distingtif oleh masyarakat Malaysia. Warisan ini dapat mendukung persefahaman kaum di samping menarik perhatian pelancong asing untuk melancong di negara kita.

(Sumber: Pusat Rujukan Persuratan Melayu, DBP)

Dalam data (ii), peribahasa *serumpun bak serai*, *sesusun bak sirih* digunakan untuk menggambarkan nilai perpaduan dalam kepelbagaian budaya di Malaysia. Analisis semantik resonans membantu menyingkap makna peribahasa ini dengan menghubungkan leksikal seperti *'sikap terbuka'*, *'bertoleransi'* dan *'mendukung persefahaman'* kepada maksud peribahasa tersebut. Pengaplikasian semantik resonans untuk menganalisis penggunaan peribahasa dalam konteks ujaran sebenar menunjukkan kesepadanan yang signifikan dengan pembelajaran kontekstual. Pembelajaran kontekstual menekankan pentingnya menghubungkan pelajaran di dalam bilik darjah dengan situasi dunia sebenar (Kadir, 2013; Rahman et al., 2023; Sumarni & Rahat, 2007). Dalam analisis tahap kedua semantik resonans, konteks penggunaan ujaran atau peribahasa diambil daripada data korpus, seperti Pangkalan Data Korpus DBP dan juga buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Menurut Wan Ismail (2019), data korpus merujuk kepada

koleksi data bahasa Melayu yang terdiri daripada bahasa lisan dan tulisan, disimpan dalam format bercetak serta digital. Data ini meliputi pelbagai domain kajian, bertujuan membantu penyelidik memperoleh contoh penggunaan bahasa yang autentik berdasarkan situasi kehidupan harian.

Oleh itu, penggunaan data korpus untuk menganalisis konteks peribahasa dapat mencerminkan keadaan sebenar masyarakat, seperti dalam contoh ayat yang menggambarkan perpaduan kaum melalui penerimaan budaya seperti tarian ngajat dan sewang. Pendekatan ini membantu murid mengaitkan peribahasa dengan pengalaman dunia sebenar, menjadikan pembelajaran lebih relevan dan bermakna. Menurut Rahman et al. (2023), dalam pembelajaran kontekstual, pengetahuan teori diajar dengan cara yang boleh diaplikasikan secara praktikal. Begitu juga dengan analisis semantik resonans melalui RRS dalam TR yang menghubungkaitkan teori makna dengan praktik penggunaannya dalam konteks sosial. Contohnya, penggunaan peribahasa *serumpun bak serai*, *sesusun bak sirih* dalam ayat (ii) bukan sahaja dapat dijelaskan maksudnya secara literal dan kognitif, tetapi juga dipraktikkan fungsinya dalam situasi sebenar untuk menunjukkan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum.

Pada dasarnya, kedua-dua pendekatan ini turut menekankan keperluan menyelesaikan masalah untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam. Dalam semantik resonans, persoalan makna peribahasa diselesaikan dengan menggunakan premis tambahan, seperti leksikal *'sikap terbuka'* dan *'mendukung persefahaman'* yang membantu pembaca atau pendengar mentafsir maksud penutur dengan lebih tepat. Proses ini seiring dengan pembelajaran kontekstual, dengan mengajak murid untuk menyelesaikan masalah sebenar melalui penerokaan dan aplikasi pengetahuan (BPK, 2001). Semantik resonans juga menekankan pengalaman kognitif penutur dan pendengar dalam memproses makna

ujaran (Jalaluddin, 2014). Dalam pembelajaran kontekstual, pengalaman bermakna ditekankan untuk membantu murid memahami konsep secara mendalam. Sebagai contoh, peribahasa seperti *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* mencerminkan falsafah budaya Melayu yang menekankan keharmonian dan kerjasama dalam masyarakat. Secara literal, ungkapan *'serumpun bak serai'* merujuk kepada serai yang tumbuh bersama dalam satu rumpun yang melambangkan keakraban dan kesepaduan hubungan antara anggota dalam satu kelompok. Sementara itu, ungkapan *sesusun bak sirih* pula merujuk kepada susunan rapi daun sirih dalam gubahan *"Sirih Junjung"*, iaitu simbol adat yang menggambarkan keserasian, keharmonian dan kerjasama yang digunakan dalam majlis adat istiadat perkahwinan Melayu. Dalam konteks ini, murid yang diajar makna peribahasa melalui pendekatan kontekstual seperti gubahan 'Sirih Junjung' dalam adat istiadat perkahwinan Melayu akan lebih mudah memahami nilai keharmonian yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Hal ini kerana, melalui imej *sesusun bak sirih* murid akan mengenali lebih dekat budaya Melayu berkaitan gubahan *"Sirih Junjung"* yang bukan hanya sekadar perhiasan, tetapi satu simbol yang membawa lambang penghormatan, kesantunan, pengharapan dan hubungan harmoni antara keluarga yang terlibat dalam adat meminang dan pertunangan (Salleh, 2014; Yusoff, 2014).

Dalam konteks KSSM Bahasa Melayu, integrasi pembelajaran kontekstual dengan analisis semantik resonans dapat membantu murid memahami peribahasa secara lebih tersusun dan bermakna. Guru boleh menggunakan data korpus sebagai bahan pengajaran untuk menunjukkan keupayaan peribahasa untuk digunakan dalam konteks sebenar. Murid pula dapat meneroka makna peribahasa melalui analisis kognitif dengan bimbingan guru, seperti pengaplikasian RRS untuk menghubungkan makna literal dan pragmatik peribahasa tersebut dengan pengalaman kehidupan mereka sendiri. Sebagai contoh, dengan

menganalisis makna peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* melalui ayat (ii) dalam konteks perpaduan kaum, murid dapat memahami bukan sahaja makna peribahasa, tetapi juga nilai moral dan sosial yang terkandung di dalamnya. Pendekatan ini menggalakkan murid untuk menghargai kepelbagaian budaya dan memahami bahawa peribahasa juga boleh menjadi alat untuk menyampaikan mesej perpaduan.

Rumusannya, pembelajaran kontekstual dan analisis tahap kedua semantik inkuisitif melalui semantik resonans adalah strategi pembelajaran yang saling melengkapi dalam menjadikan pembelajaran peribahasa menjadi lebih bermakna dan relevan. Dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip semantik resonans, seperti penggunaan RRS dalam TR, ke dalam pembelajaran kontekstual, makna peribahasa dapat ditafsir secara lebih mendalam melalui hubungan antara skrip dan kognitif penutur. Integrasi ini bukan sahaja memperkaya pengalaman pembelajaran, tetapi juga menanamkan nilai-nilai murni dan sosial yang penting dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks KSSM Bahasa Melayu, pendekatan ini boleh menjadi panduan untuk menganalisis serta memahami penggunaan peribahasa dalam konteks ujaran sebenar dengan menghubungkaitkan aspek bahasa dan pemikiran penutur. Pendekatan ini seterusnya mampu memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan relevan dengan kehidupan realiti masyarakat yang dilihat bertepatan dengan konsep pembelajaran kontekstual itu sendiri.

4.8.2 Hubung kait semantik inkuisitif dengan pembelajaran berasaskan inkuiri

Merujuk dokumen KSSM Bahasa Melayu, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (PBI) merupakan satu pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid, iaitu murid menyelidik tentang sesuatu secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan atau penemuan sendiri yang baharu. Dalam konsep PBI, guru bertindak sebagai fasilitator

untuk membimbing penerokaan dan refleksi, manakala fokus utama pendekatan ini adalah pada pengujian hipotesis, pengesahan fakta dan penyusunan rumusan berdasarkan bukti (BPK, 2016, 2018). Pada asasnya, PBI merupakan pendekatan pedagogi yang berakar pada falsafah konstruktivisme, iaitu satu pendekatan pembelajaran yang menekankan peranan murid sebagai agen aktif dalam membina pengetahuan melalui proses penyiasatan, penerokaan dan penemuan (Kamaruddin & Tahir, 2022; Osman et al., 2022; Rakavan & Maat, 2023). Dengan melalui proses ini, PBI memberi ruang kepada murid untuk mengajukan soalan, mencari jawapan secara sistematik dan membina kefahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu konsep atau isu. Pendekatan ini menekankan pembelajaran bermakna yang berteraskan pengalaman langsung murid, berbeza daripada pendekatan tradisional yang sering menumpukan kepada penerimaan maklumat secara pasif.

Merujuk kepada pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Jalaluddin (2014) pula, pendekatan ini menekankan kaedah analisis mendalam terhadap makna peribahasa melalui metode penerokaan dan inkuiri. Pendekatan ini bertumpu pada rangka persoalan *"kenapa, kenapa dan kenapa?"* yang bertujuan mencungkil falsafah serta akal budi Melayu. Dalam konteks pemahaman makna peribahasa secara mendalam dan menyeluruh, semantik inkuisitif berlandaskan prinsip 'semangat ingin tahu' yang berfungsi untuk membangkitkan persoalan kritis sebagai asas penerokaan makna tersirat di sebalik penggunaan simbol dan imej dalam ungkapan peribahasa tersebut (Jalaluddin, 2014, 2024).

Melalui penelitian yang dilakukan pengkaji, konsep pendekatan semantik inkuisitif ini pada asasnya berkongsi ciri-ciri utama yang sepadan dengan pelaksanaan pembelajaran berasaskan inkuiri. Selain ciri utama PBI yang berpusatkan murid, tiga ciri utama yang lain ialah merangsang minat dan sikap ingin tahu, mengemukakan soalan dan membuat

inferens dalam proses mencari maklumat, serta melibatkan proses kognitif, afektif dan psikomotor (BPK, 2016, 2018). Melalui ciri-ciri ini, dapat diperhatikan bahawa asas penting dalam PBI ialah penekanan kepada penyoalan sebagai asas pembelajaran, kerana murid digalakkan untuk bertanya soalan yang mencetuskan proses penyiasatan dan eksplorasi (BKP, 2016; Rakavan & Maat, 2023). Begitu juga dengan konsep pendekatan semantik inkuisitif, soalan yang diajukan berfungsi sebagai pendorong untuk memahami hubungan antara makna dan konteks berdasarkan data dan kognitif untuk menonjolkan budaya, falsafah dan akal budi Melayu dalam pembentukan ungkapan peribahasa (Amran & Nopiah, 2020; Daud & Subet, 2019; 2022; Daud et al., 2021; Jalaluddin, 2014; Murthy & Subet, 2019; 2020; Nopiah et al., 2023).

Seterusnya, pengkaji akan membincangkan pendekatan semantik inkuisitif dan pembelajaran berasaskan inkuiri dikatakan saling berhubung kait dengan menggunakan contoh analisis data peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai*. Analisis mendalam yang dilakukan terhadap makna peribahasa melalui pendekatan semantik inkuisitif bukan sahaja menjelaskan makna tersirat peribahasa tetapi turut menunjukkan konsep PBI dapat diaplikasikan dalam memahami falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan ungkapan peribahasa. Kedua-dua pendekatan ini berkongsi ciri-ciri utama yang menekankan pembelajaran aktif, penyiasatan kritis dan penyoalan sebagai asas pemahaman mendalam. Salah satu ciri utama PBI ialah mencetuskan rasa ingin tahu. Pendekatan semantik inkuisitif turut berfungsi merangsang persoalan seperti, *"Mengapa itik dan tupai dipilih sebagai imej dalam peribahasa ini?"* atau *"Apa sifat khusus haiwan ini yang menjadikannya simbol yang tepat untuk menggambarkan kepakaran?"*. Persoalan-persoalan ini membimbing kepada penerokaan mendalam terhadap sifat biologi dan budaya yang berkait rapat dengan imej tersebut,

seterusnya menjelaskan simbolisme itik sebagai pakar berenang dan tupai sebagai pakar memanjat.

Ciri kedua PBI, iaitu proses penerokaan dan pengumpulan maklumat juga dilihat sepadan dengan kerangka kajian dalam semantik inkuisitif yang menyelidik konteks imej haiwan berdasarkan fakta saintifik dan budaya. Sebagai contoh, hasil analisis mendapati bahawa itik atau nama saintifiknya *Anas Platyrhynchos* ialah sejenis burung akuatik yang dilengkapi kaki berselaput dan bulu kalis air, menjadikannya perenang yang tangkas. Dalam konteks tupai pula, atau nama saintifiknya *Sciuridae*, ketangkasan memanjat dan melompat diperkukuhkan oleh anatomi kakinya yang kuat serta daya penglihatan yang luas. Pengumpulan maklumat tentang kedua-dua haiwan ini mencerminkan proses pengumpulan data dalam fasa penerokaan, kerana murid didorong untuk memahami fakta secara mendalam sebelum merumuskan penemuan.

Seterusnya, ciri ketiga PBI pula adalah mengemukakan soalan kritis dan membuat inferens yang dilihat amat ketara pengaplikasiannya dalam pendekatan semantik inkuisitif. Dalam konteks peribahasa ini, persoalan *"Mengapa itik dan tupai digabungkan dalam satu peribahasa?"* mencetuskan pemahaman bahawa setiap imej mewakili kepakaran unik yang melambangkan kepakaran dalam bidang yang berbeza. Sama seperti murid dalam PBI yang membuat inferens berdasarkan data yang dikumpulkan, semantik inkuisitif mengaitkan makna peribahasa dengan prinsip falsafah dan akal budi Melayu. Akhir sekali, ciri keempat dalam PBI ialah penglibatan aspek kognitif, afektif dan psikomotor dalam proses pembelajaran. Aspek kognitif merujuk kepada proses pemikiran seperti menganalisis, memahami dan menilai maklumat atau konsep. Manakala aspek afektif melibatkan aspek emosi, perasaan, nilai dan sikap individu dalam pembelajaran. Psikomotor pula adalah berkaitan dengan kemahiran fizikal atau tindakan motorik yang

memerlukan koordinasi antara minda dan tubuh badan. Ketiga-tiga aspek ini pada asasnya saling melengkapi dalam proses pembelajaran yang holistik (BPK, 2016). Dalam konteks ini, pendekatan semantik inkuisitif juga memainkan peranan penting dengan bukan sahaja melibatkan proses analitik untuk memahami makna peribahasa, malah turut menyentuh aspek afektif melalui penghargaan terhadap kebijaksanaan masyarakat Melayu pada zaman dahulu kala. Sebagai contoh, pengamatan bahawa masyarakat Melayu terdahulu menggunakan imej haiwan secara teliti untuk mencerminkan falsafah kehidupan jelas menunjukkan elemen penglibatan emosi dan budaya yang menyokong proses pembelajaran secara menyeluruh.

Dalam pelaksanaan PBI, strategi pembelajaran ini turut digabungkan dengan pengaplikasian model 5E, yang merangkumi lima fasa utama, iaitu penglibatan (*engagement*), penerokaan (*explore*), penerangan (*explain*), penghuraian (*elaborate*) dan penilaian (*evaluate*). Model 5E merupakan adaptasi daripada model *Biological Sciences Curricullum Study* (BSCS) *5E Instructional Model* [*New Designs for Elementary School Science and Health* (BSCS, 1989)] (BPK, 2016). Menurut Bybee et al. (2006), model ini berakar daripada idea pedagogi awal abad ke-20 oleh *Johann Herbart*, yang menekankan pentingnya menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan idea baharu. Melalui konsep pembelajaran inkuiri, proses pembelajaran dengan penerapan model 5E dimulakan dengan fasa penglibatan, iaitu murid diperkenalkan kepada konteks atau masalah yang menarik minat mereka dengan tujuan untuk merangsang rasa ingin tahu. Seterusnya, fasa penerokaan melibatkan murid dalam aktiviti penyiasatan yang bertujuan untuk mengumpulkan data dan mencari penyelesaian terhadap masalah yang diberikan. Kemudian, dalam fasa penerangan, murid menganalisis data yang telah dikumpulkan dengan matlamat membina penjelasan berdasarkan penemuan mereka. Pada masa yang

sama, guru memberikan bimbingan dengan cara menghubungkaitkan penemuan tersebut dengan konsep teori yang berkaitan. Selepas itu, fasa penghuraian membolehkan murid mengaplikasikan konsep yang telah dipelajari ke dalam situasi baharu. Akhir sekali, fasa penilaian bertujuan untuk menilai proses dan hasil pembelajaran bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai (BPK, 2016; Kamaruddin & Tahir, 2022).

Hubungan antara penerapan model 5E dengan konsep pendekatan semantik inkuistif yang digunakan untuk analisis peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* berasaskan pembelajaran inkuiri ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5: Penerapan Model 5E dalam analisis semantik inkuitif peribahasa
(Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada BPK, 2016)

Bil.	Model 5E	Penerangan	Analisis semantik inkuisitif peribahasa
1.	Penglibatan (*engagement*)	Guru merangsang minda murid untuk menimbulkan rasa ingin tahu dengan memperkenalkan konteks yang relevan serta mencungkil pengetahuan sedia ada murid bagi menggalakkan pemikiran yang lebih kritis dan bermakna.	Persoalan seperti "Mengapa imej itik dan tupai dipilih?" merangsang rasa ingin tahu.
2.	Penerokaan (*explore*)	Murid membina pemahaman melalui aktiviti *hands-on*, menjalankan penyiasatan, mencari maklumat dan menjana idea baharu untuk mencari jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan.	Penyelidikan tentang sifat itik dan tupai dilakukan dengan pencarian dan pengumpulan fakta tentang sifat biologi haiwan.
3.	Penerangan (*explain*)	Murid membina penerangan dan idea lanjutan dengan membuat refleksi terhadap penyiasatan yang telah dilaksanakan. Guru pula memberikan input untuk menyemak pemahaman	Fakta biologi dan budaya dianalisis untuk menjelaskan simbolisme dalam peribahasa dan memberi penjelasan tentang sifat haiwan ini yang melambangkan kepakaran tertentu.

		konsep murid.	
4.	Penghuraian (*elaborate*)	Murid mengembangkan pemahaman konsep melalui pengakplikasian dalam situasi dan penemuan baharu.	Penemuan diterapkan dalam konteks yang lebih luas, seperti falsafah tuntutan ilmu dalam Islam.
5.	Penilaian (*evaluate*)	Penilaian berlaku di setiap fasa bagi mentaksir perkembangan murid. Menggalakkan murid untuk menilai pemahaman dan kebolehan mereka.	Proses ini dinilai dengan memahami keupayaan imej haiwan ini melambangkan keperluan memilih pakar dalam bidang tertentu.

Merujuk Jadual 4.5, pendekatan semantik inkuisitif juga dilihat menepati prinsip soalan sebagai asas pembelajaran dalam PBI. Seperti konsep dalam PBI yang menggalakkan murid terus bertanya untuk merangsang kemahiran berfikir aras tinggi bagi mencari jawapan, pendekatan semantik inkuisitif juga menggunakan rangka persoalan berulang *("Kenapa, kenapa, kenapa?")* untuk menyelami makna tersirat peribahasa (Jalaluddin, 2014; Kasdan & Nopiah, 2021; Kinanti & Rachman, 2019; Murthy et al., 2019b; 2019c; Sabarudin & Rosly, 2021). Rumusannya, persamaan ciri-ciri ini menunjukkan bahawa strategi pembelajaran berasaskan inkuiri dan pendekatan semantik inkuisitif dapat saling melengkapi. Melalui integrasi elemen penyoalan, konteks dan matlamat untuk membina pemahaman yang mendalam, kedua-dua pendekatan ini dilihat bukan sahaja dapat membantu murid mendapat pengetahuan tetapi juga memupuk pemikiran kritis dan kefahaman bermakna dalam pembelajaran peribahasa.

4.8.3 Hubung kait semantik inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan aspek penting yang ditekankan dalam sistem pendidikan Malaysia, selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pelaksanaan KBAT bertujuan

untuk melahirkan murid yang bukan sahaja mampu mengingati dan memahami maklumat, tetapi juga berupaya mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta idea baharu berdasarkan ilmu yang dipelajari (BPK, 2014). Seiring dengan matlamat tersebut, DSKP bagi mata pelajaran Bahasa Melayu di bawah KSSM telah mengintegrasikan elemen KBAT secara menyeluruh dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut BPK (2014, 2018), kemahiran berfikir aras tinggi bermaksud menggariskan keupayaan murid untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan serta refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan mencipta sesuatu. Konsep ini adalah berpandukan aras pemikiran oleh Taksonomi Bloom yang telah disemak semula oleh Anderson dan Krathwohl (2000), yang membahagikan aras pemikiran kepada enam tahap, iaitu mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Namun, dalam konteks pelaksaan KBAT hanya empat aras tertinggi, iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta, diutamakan bagi menggalakkan murid berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif (BPK, 2014).

Menurut Bujang dan Subet (2021), Jalaluddin (2024), Rafatbakhsh dan Ahmadi (2019) serta Samburskiy (2020), peribahasa merupakan satu bentuk ungkapan bahasa yang bersifat kompleks kerana menggunakan perlambangan dan metafora yang tidak menggambarkan maknanya secara literal. Pemahaman peribahasa memerlukan pelbagai proses kognitif mendalam seperti analisis, sintesis, serta penaakulan kritis untuk mentafsir maksud tersirat yang terkandung dalam ungkapan tersebut. Oleh itu, murid perlu menguasai KBAT bagi membolehkan mereka meneroka lapisan makna tersembunyi serta memahami konteks penggunaan peribahasa dengan lebih baik. Pendekatan semantik inkuisitif menekankan pelbagai kemahiran berfikir seperti membuat analisis kritikal,

menilai makna dalam pelbagai konteks dan membuat tafsiran terhadap pemilihan imej-imej tertentu sebagai unsur perlambangan untuk dikaitkan dengan konteks pemikiran alam Melayu (Bujang & Subet, 2021; Jalaluddin, 2024; Subet & Nasir, 2019). Justeru, pendekatan ini menawarkan satu kaedah sistematik dengan mengaplikasikan KBAT dalam pembelajaran Bahasa Melayu, khususnya dalam memahami makna peribahasa secara mendalam.

Berdasarkan hasil analisis data yang dilakukan sebelum ini, tahap-tahap analisis dalam pendekatan semantik inkuisitif seperti semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif pada asasnya menunjukkan hubungan yang jelas dengan aras pemikiran berperingkat Taksonomi Bloom dalam Anderson dan Krathwohl (2000). Dengan mengambil contoh analisis makna peribahasa *langkah bendul*, pengkaji akan menjelaskan peranan pendekatan semantik inkuisitif dalam merangsang dan mencetuskan kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses pembelajaran peribahasa. Pada tahap pertama, iaitu semantik skrip, makna kamus dan makna literal peribahasa diperkenalkan. Tahap ini bertujuan menyediakan asas pengetahuan yang kukuh sebelum analisis yang lebih mendalam dapat dilakukan. Bagi peribahasa *langkah bendul*, makna kamus peribahasa ini adalah *"adik berkahwin dahulu sebelum kakak"* (*Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*, 2016), manakala makna literal bagi 'langkah' adalah gerakan kaki ke hadapan, manakala 'bendul' merujuk kepada balak yang melintang di bawah pintu rumah (*Kamus Dewan Edisi Keempat,* 2016). Aras mengingat diaplikasikan apabila makna kamus dan makna leksikal dalam ungkapan peribahasa ini dikenal pasti dan dihafal, manakala aras memahami dipraktikkan apabila makna kamus dan makna literal peribahasa ini dapat dihubungkan dengan konteks adat perkahwinan Melayu.

Seterusnya, tahap kedua analisis iaitu semantik resonans yang menuntut pengaplikasian maklumat sedia ada dalam konteks yang lebih luas melalui analisis kognitif. Sebagai contoh, dalam adat Melayu lama, urutan perkahwinan adik-beradik mempunyai kepentingannya tersendiri untuk difahami. Pengetahuan tentang adat perkahwinan Melayu diaplikasikan untuk memahami implikasi sosial yang timbul apabila aturan tersebut dilangkaui. Penggunaan frasa seperti *"...si kakak berhak mendapat hantaran seperti adiknya"* dalam konteks analisis data (v) membantu mengaitkan konsep 'hantaran' dengan elemen adat dan budaya Melayu yang relevan. Dengan itu, bukan sahaja pengetahuan bahasa diaplikasikan tetapi juga maklumat berkaitan adat dan budaya turut ditambah dalam proses pembelajaran. Melalui analisis yang dilakukan ini, pendekatan semantik resonans dilihat turut merangsang kemahiran berfikir apabila premis tambahan dalam ujaran diteliti. Elemen-elemen budaya yang berkaitan dikenal pasti dan dianalisis untuk meneliti peranan frasa tersebut dalam menurunkan kesan kognitif dalam proses memahami makna peribahasa. Perbandingan antara makna literal *langkah bendul* dengan makna tersirat peribahasa dalam konteks adat perkahwinan Melayu dilakukan. Proses ini bukan sahaja merendahkan usaha memproses dalam memahami peribahasa tetapi juga mengasah pemikiran kritikal dalam menilai hubungan antara ungkapan peribahasa yang digunakan dengan maksud yang ingin disampaikan.

Akhir sekali, tahap ketiga analisis iaitu, semantik inkuisitif membawa proses analisis ke aras yang lebih tinggi, di mana pemilihan imej dan simbolisme dalam peribahasa dipersoalkan secara kritikal. Sebagai contoh, andaian-andaian baru tentang alasan penggunaan 'bendul' dalam peribahasa ini boleh dihasilkan dengan mengemukakan persoalan kritikal seperti, *"Kenapa dan mengapakah masyarakat Melayu menggunakan perlakuan langkah bendul untuk peribahasa ini yang membawa maksud adik berkahwin*

dahulu sebelum kakak?" Fasa ini turut merangsang kemahiran menganalisis dan menilai, kerana data tambahan dikaji dan elemen-elemen budaya yang relevan dengan konteks peribahasa tersebut diteliti dengan berhati-hati dan mendalam.

Pada tahap ini, kewajaran pemilihan *langkah bendul* sebagai metafora dalam peribahasa ini dinilai. Dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, imej 'bendul' yang membawa maksud pemisah fizikal di muka pintu digambarkan sebagai simbol sosial dalam struktur keluarga Melayu. Kebijaksanaan masyarakat Melayu lama dalam memilih metafora yang sesuai untuk menyampaikan konsep penghormatan dan muafakat melalui adat perkahwinan dianalisis. Penilaian ini memerlukan maklumat daripada pelbagai sumber seperti kamus, artikel kajian budaya dan teks-teks lama dihubungkaitkan. Dengan menganalisis maklumat daripada pelbagai sumber yang berwibawa dan menilai keabsahan data tersebut, falsafah dan akal budi di sebalik unsur perlambangan yang digunakan dalam peribahasa ini akhirnya dapat dirungkai apabila simbol perlakuan *langkah bendul* dalam peribahasa ini pada dasarnya dapat dihubungkan asal usulnya dengan adat dan tradisi masyarakat Melayu lama (Ahmad, 1998, 2003). Berikut dipaparkan intergrasi pengaplikasian KBAT oleh Anderson dan Krathwohl (2000) yang berlaku dalam peringkat analisis semantik inkuisitif melalui Jadual 4.6.

Jadual 4.6: Integrasi pengaplikasian KBAT dalam analisis semantik inkuisitif

Tahap Semantik Inkusitif	**Keterangan**	**Aplikasi KBAT (Anderson & Krathwohl, 2000)**
Analisis Tahap 1: Semantik Skrip	-Melibatkan data dan analisis makna kamus dan makna literal leksikal dalam ungkapan peribahasa. -Makna permukaan yang diperoleh daripada kamus.	Mengingat dan memahami

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans	-Makna peribahasa dianalisis dengan melibatkan teori, data dan proses kognitif penutur dalam ujaran sebenar, serta meneliti hubungannya dari aspek kebahasaan melalui pembuktian linguistik. -Proses ini melibatkan penerapan RRS, subteori di bawah TR.	Mengaplikasi dan menganalisis
Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif	-Semantik inkuisitif diaplikasikan dengan cara membangkitkan persoalan "kenapa?" dan "mengapa?" imej atau objek tersebut dipilih untuk menyampaikan sesuatu maksud. -Metode ini diaplikasi untuk menggali makna abstrak peribahasa dengan lebih mendalam sehingga menerobos falsafah dan akal budi Melayu di sebalik penciptaan peribahasa. -Membawa kepada penerokaan dan penemuan ilmu baharu.	Menganalisis, menilai dan mencipta

Merujuk Jadual 4.6, analisis makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif membuktikan bahawa proses ini mampu merangsang pelbagai aras KBAT seperti yang digariskan dalam Taksonomi Bloom oleh Anderson dan Krathwohl (2000). Melalui tahap-tahap analisis yang dijalankan, murid bukan sahaja dapat dibimbing untuk mengingati dan memahami makna peribahasa tetapi juga mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta pengetahuan baharu berdasarkan pelbagai konteks. Pendekatan ini menunjukkan bahawa peribahasa Melayu bukan sekadar ungkapan bahasa yang indah tetapi turut menjadi medium yang berkesan untuk mengasah kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Oleh itu, integrasi pendekatan semantik inkuisitif dalam pembelajaran peribahasa dilihat bukan sahaja memperkayakan proses pembelajaran bahasa Melayu tetapi juga membentuk murid yang kritis, kreatif dan berupaya untuk membuat penilaian serta mencipta makna baharu selari dengan matlamat KPM dalam KSSM Bahasa Melayu.

Secara keseluruhannya, sifat peribahasa yang bersifat simbolik dan metafora menjadikan pemahaman peribahasa sebagai satu cabaran intelektual yang memerlukan KBAT. Pendekatan semantik inkuisitif melengkapkan proses ini dengan membimbing murid bertanya soalan kritikal serta mengaitkan perlambangan dalam peribahasa dengan konteks budaya dan falsafah masyarakat Melayu. Analisis peribahasa dalam kajian ini membuktikan bahawa pendekatan semantik inkuisitif yang mengintegrasikan KBAT mampu merangsang pemikiran kritis, analitis dan kreatif, di samping dapat membantu murid untuk memahami makna tersurat dan tersirat peribahasa secara berperingkat dengan lebih tersusun dan berstruktur.

4.8.4 Hubung kait semantik inkuisitif dengan elemen merentas kurikulum

Menurut BPK (2018), EMK merupakan komponen penting yang perlu ada dalam proses pembelajaran yang bertujuan memperkaya ilmu pengetahuan murid dengan elemen-elemen nilai tambah selain yang ditetapkan dalam kurikulum Bahasa Melayu. EMK pada asasnya berfungsi sebagai unsur tambah yang bersifat holistik bagi membentuk sahsiah, pemikiran kritis dan keterampilan murid melalui integrasi pelbagai elemen dalam PdP Bahasa Melayu (Wan Ismail, 2021; Zainuddin et al., 2018). Penerapan EMK bukan sahaja berfokus kepada aspek akademik, tetapi juga melibatkan pembinaan sahsiah, nilai murni, serta pemikiran yang melangkaui sempadan ilmu bahasa itu sendiri. Hal ini adalah penting untuk memastikan murid dapat mencapai keseimbangan dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Awang & Shaid, 2024; Wan Ismail, 2021; Zainuddin et al., 2018).

Terdapat sembilan elemen EMK yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu selain daripada pembelajaran bahasa namun tidak terbatas kepada ruang lingkup ilmu ini

sahaja, iaitu nilai murni, patriotisme, sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kelestarian alam, kreativiti dan inovasi, keusahawanan, pendidikan kewangan, serta keselamatan jalan raya. Setiap elemen ini boleh dipilih untuk diterapkan dalam pembelajaran bahasa yang bertujuan untuk membina keupayaan murid dalam pelbagai aspek kehidupan, menjadikan mereka lebih bersedia menghadapi cabaran dunia sebenar dan mampu mengaplikasikan ilmu yang diperoleh di dalam bilik darjah untuk dibawa dalam konteks kehidupan harian (BPK, 2018).

Dalam konteks pembelajaran peribahasa, penerapan unsur-unsur EMK dilihat sangat relevan terutamanya apabila analisis makna peribahasa dilakukan dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut dapatan kajian oleh Subet dan Nasir (2019), Daud et al. (2021), Sabaruddin dan Rosly (2021) serta Kasdan dan Nopiah (2021), pendekatan semantik inkuisitif menonjolkan analisis makna yang bersifat mendalam dan kontekstual dengan mengambil kira pelbagai aspek ilmu yang merentas bidang kajian bahasa itu sendiri seperti sosial, budaya, sains, agama, sejarah, alam sekitar dan banyak lagi. Menurut Jalaluddin (2014, 2018, 2024) pula, pendekatan semantik inkuisitif menegaskan bahawa makna sesuatu ungkapan bahasa seperti peribahasa tidak boleh hanya difahami secara literal, sebaliknya memerlukan analisis yang lebih mendalam terhadap latar belakang budaya dan ilmu yang membentuknya. Oleh itu, pendekatan ini membawa PdP Bahasa Melayu ke arah pembelajaran yang lebih bersifat multidisiplin dan holistik, selari dengan matlamat EMK yang bertujuan memperkaya pengalaman pembelajaran murid melalui integrasi pelbagai disiplin ilmu.

Dengan mengambil dapatan analisis peribahasa *bagai aur dengan tebing* sebagai contoh, pendekatan semantik inkuisitif telah berjaya menonjolkan elemen pembelajaran

yang merentas disiplin dan kurikulum kerana peribahasa ini tidak hanya terhad kepada makna literal tetapi turut mengandungi pelbagai elemen pembelajaran ilmu, seperti botani, ekologi, geografi dan sosiologi. Dalam konteks botani, analisis peribahasa ini melibatkan kajian tentang tumbuhan aur yang tergolong dalam keluarga *Poaceae*. Aur merupakan sejenis tumbuhan tebing sungai yang tumbuh secara berkelompok dengan akar serabut yang panjang dan kuat. Ciri-ciri fizikal yang ada pada aur telah membantu mengukuhkan dan menguatkan keadaan tebing sungai yang berstruktur longgar dan lembap. Melalui penerangan ini, murid dapat mempelajari ciri-ciri morfologi tumbuhan aur serta kepentingannya dalam ekosistem sungai. Tebing pula merujuk kepada cerun sungai yang berfungsi sebagai penghalang semula jadi terhadap hakisan (Arora & Kumar, 2024; Azliza et al., 2012; Hubble et al., 2010). Dalam analisis ini, murid bukan sahaja didedahkan kepada ilmu botani tetapi juga kepada aspek geografi yang menerangkan bentuk muka bumi seperti tebing sungai dan proses geomorfologi yang berkaitan dengan hakisan serta kestabilan tebing.

Selain itu, pendekatan ini turut menonjolkan elemen ekologi yang berkait rapat dengan hubungan simbiotik antara aur dan tebing. Aur membantu menahan tanah daripada runtuh dengan sistem akarnya yang menjalar jauh ke dalam tanah, manakala tebing menyediakan habitat yang sesuai untuk pertumbuhan aur (Hubble et al., 2010; Arora & Kumar, 2024). Analisis ini memberikan peluang kepada murid untuk memahami konsep kebergantungan dalam ekosistem, iaitu cara elemen-elemen alam saling menyokong untuk mencapai keseimbangan ekologi. Kajian ini juga menekankan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar, khususnya dalam memelihara kawasan tumbuhan tebing sungai yang terdedah kepada hakisan akibat arus sungai yang deras.

Dari sudut sosiologi pula, peribahasa ini membawa mesej penting tentang hubungan sosial yang harmoni. Hubungan antara aur dan tebing dalam peribahasa ini dijadikan simbol kepada hubungan manusia yang saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain. Pendekatan semantik inkuisitif berupaya untuk membantu murid memahami bahawa perpaduan dan kerjasama dalam masyarakat adalah asas kepada kesejahteraan sosial. Dalam konteks kehidupan bermasyarakat, hubungan simbiotik ini boleh diterjemahkan kepada hubungan antara individu dalam komuniti, kerana setiap ahli masyarakat memainkan peranan penting dalam menyokong satu sama lain untuk menghadapi cabaran kehidupan. Oleh itu, analisis ini bukan sahaja relevan dalam subjek bahasa tetapi turut memberi impak dalam pembelajaran sosiologi dan pendidikan moral.

Selain itu, pembelajaran peribahasa turut dimasukkan dalam buku teks Bahasa Melayu pada dasarnya adalah sebagai salah satu usaha KPM untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan murid (Awang & Shaid, 2024; KPM, 2018a). Mengambil peribahasa *bagai aur dengan tebing* sebagai contoh, hasil analisis semantik inkuisitif telah menonjolkan nilai-nilai murni seperti kerjasama, hemah tinggi dan semangat kemasyarakatan dalam peribahasa ini. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara, selaras dengan FPK (BPK, 2018). Melalui pembelajaran peribahasa, murid bukan sahaja memahami maksud tersurat, tetapi juga didorong untuk meneliti maksud tersirat dengan lebih mendalam, seterusnya menghayati nilai yang terkandung bagi memperkukuhkan jati diri mereka sebagai anggota masyarakat yang berbudaya dan berakhlak mulia (Awang & Shaid, 2024; KPM, 2018a).

Dengan mengambil kira aspek-aspek yang telah dibincangkan, jelaslah bahawa analisis makna peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif terhadap peribahasa *bagai aur dengan tebing* mampu menonjolkan elemen pembelajaran yang merentas disiplin, kurikulum dan pemupukan nilai-nilai murni. Analisis ini tidak hanya dapat membantu memperkaya pemahaman murid tentang makna peribahasa tetapi turut mendedahkan pelbagai disiplin ilmu yang berkait rapat dengan peribahasa tersebut. Pendekatan ini juga menggalakkan pembelajaran kontekstual yang menghubungkan bahasa dengan dunia nyata serta mengukuhkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Oleh itu, penggunaan pendekatan semantik inkuisitif dalam analisis peribahasa dilihat bukan sahaja memperkaya proses pembelajaran tetapi juga mampu melahirkan murid yang berfikiran kritis, kreatif dan peka terhadap hubungan antara manusia dan alam sekitar melalui pemupukan nilai-nilai murni. Sebagai sokongan kepada perbincangan ini, rumusan penerapan EMK dalam analisis semantik inkuisitif dipaparkan dalam Jadual 4.7 seperti yang berikut.

Jadual 4.7: Rumusan elemen EMK dalam analisis semantik inkuisitif peribahasa

Bil.	Peribahasa	Unsur EMK dalam analisis peribahasa	Nilai murni
1.	Bagai aur dengan tebing	- Botani – Mengkaji tumbuhan aur (*Poaceae*) yang tergolong dalam vegetasi riparian, ciri-ciri fizikalnya seperti batang berongga dan daun panjang, serta peranannya dalam menstabilkan tanah tebing. - Ekologi – Meneliti hubungan simbiotik antara aur dan tebing serta peranannya dalam mengurangkan hakisan tanah dan memperbaiki	- Kerjasama – Menggambarkan kepentingan saling membantu dan menyokong dalam masyarakat. - Hemah tinggi – Menyeru kepada sikap saling memahami dan menghormati peranan

		ekosistem sungai. - Geografi – Mengkaji bentuk fizikal tebing sebagai cerun sungai dan kesannya terhadap kestabilan tebing serta kelangsungan tumbuhan tebing seperti aur. - Sosiologi – Mengaitkan konsep saling membantu dalam hubungan sosial dengan hubungan simbiotik antara aur dan tebing yang saling melengkapi.	setiap individu dalam komuniti. - Semangat kemasyarakatan – Menekankan pentingnya perpaduan dalam komuniti untuk mencapai keharmonian sosial.
2.	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	- Botani – Mengkaji tumbuhan serai (*Cymbopogon citratus*) dan sirih (*Piper betle Linn*), termasuk ciri-ciri fizikal, habitat, serta manfaat kedua-duanya dalam perubatan dan adat masyarakat Melayu. - Ekologi – Meneliti proses serai tumbuh dalam rumpun yang rapat dan kuat serta hubungannya dengan tanah yang subur dan berstruktur baik. - Sosiologi – Mengaitkan dengan hubungan sosial dalam masyarakat yang saling bekerjasama dan menyokong antara satu sama lain. - Antropologi budaya – Mengkaji peranan sirih dalam adat istiadat Melayu seperti majlis merisik dan pertunangan, Sirih Junjung menjadi lambang kepada keharmonian dan perpaduan.	- Kerjasama – Menunjukkan pentingnya kerjasama antara ahli masyarakat untuk menguatkan perpaduan. - Hormat-menghormati – Mengingatkan supaya saling menghormati antara satu sama lain untuk menjaga keharmonian masyarakat. - Semangat kemasyarakatan – Menekankan pentingnya perpaduan dan semangat kebersamaan dalam masyarakat.

3.	Hanya jauhari mengenal manikam	-Bahasa dan Sejarah – Mengkaji penggunaan istilah pinjaman Sanskrit (jauhari, manikam) yang dipengaruhi oleh interaksi perdagangan dan budaya antara Tanah Melayu dengan India sejak abad ke-7, sekali gus menunjukkan jejak peradaban dalam bahasa Melayu. -Sosiologi dan Antropologi – Meneliti peranan tukang/saudagar permata dalam struktur sosial masyarakat Melayu terdahulu, yang mencerminkan kepakaran khusus yang diiktiraf masyarakat. -Ekonomi dan Pekerjaan Tradisional – Menyingkap nilai kepakaran dalam bidang dagangan permata yang menuntut latihan, pengalaman, serta proses pembelajaran sepanjang hayat. -Falsafah dan Pendidikan – Mengaitkan imej 'jauhari' dengan konsep kepakaran, masa dan ketelitian sebagai asas dalam penilaian yang tepat, sesuai dengan falsafah akal budi Melayu.	-Berdikari – Kepakaran datang daripada usaha berterusan individu. Kerajinan – Bidang ini menuntut latihan dan pengalaman yang konsisten. -Rasional – Penilaian yang tepat memerlukan pertimbangan logik dan bijaksana.
4.	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	- Botani – Mengkaji proses fisiologi tanaman padi (*Oryza sativa*) dari fasa percambahan hingga tempoh pemasakan yang menyebabkan batang padi menunduk apabila buah padi semakin berisi.	- Hemah tinggi – Mendorong sikap rendah diri walaupun memiliki kedudukan yang tinggi. - Kerajinan –

		- Pertanian – Meneliti sejarah penanaman padi secara tradisional di Malaysia, termasuk penggunaan peralatan tradisional dalam proses penanaman dan menuai padi. - Sosiologi – Mengaitkan tahap pencapaian ilmu dan status sosial seseorang dalam masyarakat dengan keperluan bersikap rendah diri walaupun memiliki kedudukan yang tinggi. - Pendidikan – Menghubungkan hierarki pendidikan dengan maksud peribahasa yang menekankan pentingnya menuntut ilmu sebagai asas kejayaan hidup.	Menggambarkan usaha gigih dalam menuntut ilmu dan mengejar kejayaan. - Kesedaran – Mengingatkan kita tentang pentingnya memiliki sikap rendah diri dan tidak sombong walaupun berjaya.
5.	Langkah bendul	- Antropologi budaya – Mengkaji adat perkahwinan Melayu lama, khususnya adat ‘melangkah bendul’. - Sosiologi – Meneliti peranan adat dalam menjaga susunan tertib keluarga serta keharmonian sosial. - Sejarah sosial – Mengaitkan asal-usul peribahasa ini dengan adat tradisional yang diamalkan dalam masyarakat Melayu dahulu. - Seni bina tradisional – Mengkaji reka bentuk rumah tradisional Melayu yang mempunyai bendul di pintu utama.	- Hormat-menghormati – Menghormati susunan dan tertib keluarga. - Kejujuran – Keikhlasan si kakak menerima hakikat adiknya berkahwin dahulu. - Hemah tinggi – Menuntut kesopanan dan kesantunan dalam berurusan dengan ahli keluarga.
6.	Tak lapuk dek hujan, tak lekang	- Antropologi budaya – Mengkaji adat dan nilai tradisional Melayu	- Ketahanan – Menunjukkan daya

	dek panas	yang kekal dipertahankan meskipun melalui perubahan zaman. - Sosiologi – Mengaitkan peranan adat sebagai mekanisme sosial dalam mengekalkan keharmonian masyarakat. - Sejarah sosial – Meneliti perkembangan adat dan tradisi Melayu dari zaman dahulu hingga ke hari ini. - Fizik dan sains material – Mengaitkan sifat fizikal bahan seperti kayu yang boleh lapuk akibat hujan atau lekang akibat panas dengan makna metafora/kiasan dalam peribahasa ini.	tahan adat, tradisi dan identiti bangsa walaupun berdepan cabaran. - Kesedaran – Mengingatkan generasi muda tentang pentingnya menjaga warisan budaya. - Semangat kemasyarakatan – Menunjukkan pentingnya perpaduan dalam masyarakat untuk mengekalkan adat dan tradisi.
7.	Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	- Sains kimia – Kajian tentang sifat fizikal dan kimia air seperti tegangan permukaan serta kapasiti haba yang tinggi, yang menyumbang kepada kestabilan suhu dan keadaan tenang permukaan air. - Biologi – Mengkaji ciri-ciri biologi buaya seperti keupayaan penyamaran, tekanan gigitan tertinggi dan keupayaan bertahan tanpa makanan dalam jangka masa panjang. - Ekologi – Meneliti habitat semula jadi buaya di kawasan tropika dan muara sungai serta hubungannya dengan persekitaran air tenang.	- Kesedaran – Mengingatkan kita agar sentiasa sedar terhadap bahaya tersembunyi dalam kehidupan. - Rasional – Menekankan kepentingan membuat keputusan secara bijaksana dengan tidak menilai sesuatu hanya berdasarkan luaran. - Hemah tinggi – Menuntut sikap berwaspada dan bijak

		- Antropologi budaya – Mengkaji simbolisme buaya dalam kepercayaan masyarakat Melayu yang dikaitkan dengan sifat licik, ganas dan bahaya tersembunyi.	dalam menilai keadaan atau orang di sekeliling.
8.	Kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	- Ornitologi – Kajian tentang spesies burung tempua (*Ploceus philippinus*) meliputi tingkah laku, habitat, pembinaan sarang dan pemilihan lokasi sarang berdasarkan faktor persekitaran. - Ekologi – Mengkaji faktor persekitaran seperti suhu, kelembapan dan risiko pemangsa yang mempengaruhi keputusan burung tempua dalam membina sarang. - Biologi – Meneliti ciri-ciri fizikal burung tempua seperti saiz tubuh, warna bulu, serta proses pemilihan pasangan dan pembinaan sarang. - Fizik – Mengaitkan kesan angin monsun terhadap kestabilan sarang burung tempua, yang mempengaruhi pemilihan lokasi sarang di tempat rendah.	- Kesedaran – Mengingatkan kita untuk sentiasa sedar bahawa setiap tindakan atau kejadian pasti mempunyai sebab tertentu. - Rasional – Mendorong sikap berfikir secara rasional dan bijak sebelum membuat penilaian terhadap tindakan atau perubahan sikap seseorang. - Keberanian – Menggalakkan keberanian dalam menghadapi situasi yang tidak biasa dengan membuat pertimbangan bijak.

Secara keseluruhannya, pendekatan semantik inkuisitif memainkan peranan penting dalam menjadikan PdP Bahasa Melayu lebih bermakna melalui analisis peribahasa yang merentas pelbagai bidang ilmu. Dengan mengaitkan pembelajaran bahasa dengan pelbagai

disiplin ilmu, pendekatan ini membolehkan murid memahami peribahasa secara menyeluruh dan kontekstual, sekali gus memenuhi objektif KSSM Bahasa Melayu. Pengaplikasian EMK dalam pendekatan semantik inkuisitif menjadikan pembelajaran bahasa lebih holistik, multidisiplin dan relevan dengan kehidupan sebenar. Oleh itu, pendekatan ini bukan sahaja memperkaya PdP Bahasa Melayu tetapi juga berupaya melahirkan murid yang berpengetahuan luas, serta mampu berfikir secara kritis.

4.9 Rumusan bab

Bab 4 membentangkan hasil analisis terhadap kumpulan peribahasa yang diperoleh daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Data peribahasa ini dikelaskan mengikut empat tema utama, iaitu *Perpaduan, Pendidikan, Adat dan Warisan*, serta *Sumber Alam*. Analisis secara berstruktur, menyeluruh dan mendalam dilakukan terhadap lapan peribahasa terpilih. Setiap data melalui tiga tahap analisis, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif, bagi mengungkap makna kamus dan literal, makna kognitif melalui konteks penggunaan peribahasa dalam ujaran, serta falsafah dan akal budi yang terkandung di sebalik peribahasa tersebut. Pendekatan RRS dalam TR dan semantik inkuisitif yang diaplikasikan dalam analisis ini membuktikan bahawa peribahasa Melayu bukan sekadar ungkapan biasa yang menghimpunkan makna abstrak dan konkrit, tetapi turut mengandungi falsafah mendalam hasil kebijaksanaan dan kepekaan masyarakat Melayu terdahulu terhadap alam sekeliling mereka. Pemilihan imej tertentu dalam peribahasa seperti *serumpun bak serai, sesusun bak sirih*, *hanya jauhari mengenal manikam* dan *bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk,* bukan hanya berfungsi sebagai penghias bahasa tetapi mencerminkan perlambangan tertentu yang terbentuk oleh kebijaksanaan pemikiran masyarakat Melayu terdahulu. Setiap imej dan objek yang digunakan membawa makna

simbolik yang diolah secara kreatif oleh penutur asal peribahasa, menjadikannya bukan hanya sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai perantara dalam penyampaian nilai dan akal budi.

Perbincangan dalam bab ini turut menghubungkaitkan hasil analisis dengan strategi dan komponen pembelajaran dalam KSSM Bahasa Melayu, khususnya strategi Pembelajaran Kontekstual, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (PBI), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan juga Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Dengan analisis ini, maka jelaslah bahawa melalui pendekatan semantik inkuisitif, makna peribahasa dapat diteroka secara lebih mendalam dengan mempersoalkan makna tersirat, menganalisis makna simbol dan perlambangan, serta mencungkil falsafah dan akal budi yang terkandung dalam peribahasa melalui pelbagai strategi dan komponen pembelajaran serta kemahiran. Oleh itu, pendekatan ini tidak hanya memungkinkan pemahaman peribahasa yang lebih berstruktur, menyeluruh dan mendalam, tetapi juga menyemai pemikiran kritis, memupuk nilai dan meningkatkan penghayatan serta penghargaan terhadap budaya dalam pembelajaran bahasa.

BAB 5

RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan kajian yang memfokus kepada proses mengenal pasti pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah menganalisis makna dan memperkenalkannya sebagai pendekatan untuk pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah atas dengan menggunakan sumber daripada bahan pendidikan formal. Perbincangan dalam analisis kajian dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian pertama berfokus kepada dapatan melalui pemerhatian secara keseluruhan data peribahasa yang terkandung dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Pada bahagian kedua, data peribahasa dalam KSSM Bahasa Melayu dianalisis dengan mendalam menggunakan pendekatan semantik inkuisitif secara berstruktur melalui tiga tahap analisis makna. Seterusnya, bahagian ketiga pula memfokus kepada perbincangan dapatan kajian yang menjelaskan hubung kait pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data.

Bab ini bertujuan untuk mensintesiskan dapatan utama kajian serta memberikan kesimpulan terhadap keseluruhan penyelidikan yang telah dijalankan. Perbincangan dalam bab ini disusun secara teratur mengikut beberapa bahagian utama. Bahagian pertama akan mengetengahkan ringkasan dapatan kajian, diikuti dengan bahagian kedua yang menumpukan kepada sumbangan kajian serta kepentingannya terhadap bidang berkaitan.

Bahagian terakhir pula akan mengemukakan cadangan untuk penyelidikan lanjut bagi memperkaya kajian dalam bidang semantik inkuisitif dan pembelajaran peribahasa. Selain itu, bab ini juga bertujuan untuk menilai sejauh mana objektif kajian telah dicapai berdasarkan dapatan yang diperoleh. Penilaian ini penting bagi memastikan setiap objektif yang ditetapkan pada awal kajian dapat dirumuskan dengan tepat dan memberikan gambaran yang jelas tentang pendekatan semantik inkuisitif yang dapat dimanfaatkan sebagai kaedah alternatif yang berpotensi digunakan untuk pembelajaran peribahasa melalui analisis makna secara berstruktur dan sistematik.

5.2 Rumusan dapatan kajian

Kajian ini dilakukan pada dasarnya untuk mencapai ketiga-tiga objektif utama kajian yang telah digariskan dalam Bab 1 sebelum ini, iaitu (i) Meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema tertentu, (ii) Menganalisis makna peribahasa terpilih dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, serta (iii) Merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data. Secara umumnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif berupaya untuk menganalisis makna peribahasa secara lebih berstruktur, sistematik, mendalam dan menyeluruh dengan mengintegrasikan tiga tahap analisis, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Kajian ini juga berjaya menghubungkaitkan analisis peribahasa dengan pelbagai strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM, seperti pembelajaran kontekstual, pembelajaran berasaskan inkuiri, kemahiran berfikir aras tinggi, serta elemen merentas kurikulum.

Selain memberikan gambaran yang jelas tentang variasi peribahasa dan hubungan makna dengan imej atau objek yang digunakan sebagai unsur perlambangan dalam peribahasa, kajian ini turut berjaya menonjolkan falsafah dan akal budi yang tersirat di sebalik pembentukan ungkapan sesebuah peribahasa Melayu. Hasil analisis menunjukkan bahawa ungkapan peribahasa tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk berkomunikasi tetapi turut mengandungi nilai-nilai moral, sosial dan budaya masyarakat Melayu yang sarat dengan kepelbagaian ilmu pengetahuan yang merentas disiplin. Dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis makna peribahasa daripada sumber pembelajaran formal, dapatan ini dapat digunakan sebagai panduan oleh guru untuk merangka kaedah pengajaran peribahasa yang lebih berstruktur dan kontekstual, seterusnya membantu murid mempelajari peribahasa dengan lebih bermakna.

Sebagai contoh, peribahasa *langkah bendul* yang merujuk kepada situasi seorang adik perempuan berkahwin mendahului kakaknya menonjolkan nilai adat dan penghormatan dalam keluarga Melayu. Melalui pendekatan semantik inkuisitif, makna peribahasa ini diperjelaskan dengan meneliti imej *'bendul'* sebagai simbol aturan tradisi yang dilangkaui. Dalam konteks budaya, peribahasa ini membawa mesej tentang kepentingan menjaga keharmonian keluarga walaupun susunan adat tidak dipatuhi. Guru boleh menggunakan contoh ini untuk membantu murid memahami peribahasa secara lebih kontekstual dengan mengaitkannya kepada nilai-nilai budaya Melayu yang relevan. Oleh itu, hasil kajian ini membuktikan bahawa peribahasa Melayu bukan sekadar ungkapan indah tetapi juga cerminan falsafah hidup masyarakatnya. Dengan penerapan pendekatan semantik inkuisitif, pengajaran peribahasa dapat diperkaya melalui analisis yang lebih mendalam, seterusnya memberikan makna yang lebih bermakna kepada murid.

Melalui sorotan kajian yang dilakukan, didapati bahawa terdapat kelompangan dalam kajian terdahulu yang perlu diisi, terutamanya dalam aspek analisis peribahasa secara lebih holistik yang melangkaui batas linguistik semata-mata untuk tujuan pembelajaran peribahasa secara formal. Kajian-kajian terdahulu telah menyifatkan peribahasa sebagai ungkapan metafora yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi untuk mentafsir dan memahami maknanya yang sebenar. Antara punca utama kelemahan dalam menginterpretasi peribahasa adalah disebabkan ketiadaan pendekatan pembelajaran yang berstruktur serta kekurangan bahan yang relevan untuk menganalisis makna peribahasa secara berkesan. Oleh hal yang demikian, kajian ini membawa inovasi dengan memperkenalkan pendekatan semantik inkuisitif untuk menganalisis peribahasa yang terkandung dalam buku teks KSSM berdasarkan kepelbagaian tema dan variasi peribahasa. Pendekatan ini bukan sahaja menumpukan kepada makna harfiah dan kontekstual peribahasa, tetapi turut mengupas makna falsafah yang mencerminkan akal budi dan nilai-nilai penting dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu kala. Kajian ini turut relevan dalam konteks pendidikan semasa kerana mengaitkan analisis peribahasa dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu, termasuklah pembelajaran kontekstual, pembelajaran berasaskan inkuiri dan penerapan elemen merentas kurikulum serta kemahiran berfikir aras tinggi. Dengan mengisi kelompangan ini, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bermakna kepada pemahaman peribahasa dalam konteks budaya Melayu serta memperkaya variasi kajian semantik inkuisitif yang sedia ada.

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif berupaya mengenal pasti makna peribahasa secara lebih mendalam dan berstruktur. Pendekatan ini membolehkan pengkaji bukan sahaja mengenal pasti makna literal

peribahasa, tetapi juga memahami makna kontekstual dan falsafah yang tersirat. Melalui analisis tiga tahap ini, dapatan kajian berjaya menunjukkan bahawa peribahasa bukan sekadar ungkapan biasa, tetapi merupakan manifestasi budaya, nilai dan falsafah masyarakat Melayu. Oleh itu, pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan dalam kajian ini berpotensi untuk dijadikan sebagai kaedah alternatif dalam pembelajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah.

Seterusnya, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif sesuai digabungkan dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu, seperti pembelajaran kontekstual, pembelajaran berasaskan inkuiri, kemahiran berfikir aras tinggi dan elemen merentas kurikulum. Dalam konteks KSSM Bahasa Melayu, dapatan ini memberikan implikasi penting terhadap kaedah pengajaran peribahasa, kerana pendekatan semantik inkuisitif dapat membantu guru menyusun aktiviti pembelajaran yang lebih berstruktur dan bermakna. Pendekatan ini juga selaras dengan konsep pembelajaran berdasarkan pengalaman, yang menekankan kaitan antara isi pelajaran dengan kehidupan sebenar murid, serta elemen merentas kurikulum yang bertujuan memperkaya pengalaman pembelajaran melalui penerapan nilai-nilai murni dan pengetahuan pelbagai disiplin. Rajah 5.1 memaparkan gambaran keseluruhan hasil dapatan kajian ini.



Rajah 5.1: Gambaran hasil dapatan keseluruhan kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan untuk menganalisis makna peribahasa memainkan peranan penting dalam merangsang serta membentuk pemikiran kritis dan logik murid. Dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, murid dapat didorong untuk mengemukakan persoalan, membuat inferens dan mengaitkan makna peribahasa dengan situasi kehidupan sebenar. Ini selaras dengan matlamat KSSM yang menekankan pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Melalui analisis mendalam terhadap makna literal, kontekstual, serta falsafah dan akal budi peribahasa, murid bukan sahaja dapat memahami maksud peribahasa secara lebih menyeluruh, tetapi juga dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian.

5.3 Penilaian objektif kajian

Seterusnya, bahagian ini bertujuan untuk menilai pencapaian objektif kajian berdasarkan dapatan yang diperoleh. Berdasarkan rumusan dapatan kajian, pengkaji telah menjelaskan secara ringkas mengenai pencapaian setiap objektif kajian melalui penerapan pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah utama dalam menganalisis makna peribahasa yang terkandung dalam KSSM Bahasa Melayu. Justeru, penilaian terhadap pencapaian objektif ini akan dihuraikan dengan lebih terperinci dengan merujuk kepada ketepatan pendekatan dan kaedah kajian yang telah dipilih serta kesesuaian aplikasinya dalam konteks kajian.

5.3.1 Objektif 1: Meneliti peribahasa yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema tertentu

Hasil daripada penelitian dan semakan yang dijalankan, pengkaji berjaya mengenal pasti sebanyak 180 peribahasa yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang terbahagi kepada empat kategori utama, iaitu simpulan bahasa sebanyak 43%, bidalan 27%, pepatah 21% dan perumpamaan 9%. Pengkategorian peribahasa dilakukan dengan merujuk kamus peribahasa oleh Rahman (2022) dan Hamzah dan Hassan (2011b). Daripada keseluruhan peribahasa yang dikumpulkan, 91 peribahasa diperoleh daripada buku teks Tingkatan 4 manakala selebihnya, iaitu 89 peribahasa diperoleh daripada buku teks Tingkatan 5. Peribahasa-peribahasa ini kemudiannya dikelaskan kepada empat tema utama, iaitu *Perpaduan, Pendidikan, Adat dan Warisan*, serta *Sumber Alam*. Penentuan tema peribahasa dilakukan dengan mengadaptasi senarai tema di bawah Pendekatan Tematik daripada dokumen KSSM Bahasa Melayu. Pengkaji mendapati tema-tema ini selari dengan kandungan pembelajaran dalam buku teks. Sebagai

contoh, tema ‘Pendidikan untuk Semua’ dalam buku teks Tingkatan 5 bertepatan dengan tema *Pendidikan* dalam Pendekatan Tematik. Oleh itu, tema-tema ini dipilih berdasarkan kepentingannya dalam pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan ini, jelaslah bahawa objektif pertama kajian ini telah dapat dicapai dengan kajian ini berjaya mengenal pasti peribahasa Melayu yang terdapat dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 berdasarkan kategori dan tema yang ditetapkan.

5.3.2 Objektif 2: Menganalisis makna peribahasa terpilih dalam buku teks KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 menggunakan pendekatan semantik inkuisitif

Berdasarkan objektif kedua kajian ini, pengkaji telah menganalisis peribahasa yang telah dikelaskan mengikut tema menggunakan pendekatan semantik inkuisitif melalui tiga tahap analisis. Tahap pertama ialah semantik skrip, yang merujuk kepada analisis makna kamus dan makna literal pada peringkat permukaan, tanpa melibatkan sebarang interpretasi mendalam. Tahap kedua pula dikenali sebagai semantik resonans, yang merangkumi penggunaan data, penerapan teori dan proses pemikiran kognitif untuk menghubungkan makna dengan konteks yang lebih luas. Akhir sekali, tahap ketiga ialah semantik inkuisitif, yang memberikan tumpuan kepada aspek falsafah dan nilai akal budi, dengan menekankan kefahaman yang lebih mendalam serta refleksi terhadap makna peribahasa dalam kerangka budaya dan pemikiran masyarakat. Sebagai contoh, untuk analisis tahap pertama iaitu semantik skrip, peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* ditafsirkan secara literal sebagai keadaan pokok serai yang tumbuh rapat dalam satu rumpun serta daun sirih yang disusun rapi. Makna kamus bagi peribahasa ini ialah *‘Seia sekata; sehina semalu’*, yang menggambarkan hubungan yang akrab dan harmoni antara individu dalam masyarakat.

Tahap kedua ialah semantik resonans, yang melibatkan analisis makna dengan mengambil kira data korpus, teori semantik, serta proses kognitif. Dalam konteks ini, peribahasa *serumpun bak serai*, *sesusun bak sirih* digunakan untuk menggambarkan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Berdasarkan data korpus, wujud perkaitan antara makna peribahasa ini dengan nilai-nilai perpaduan seperti toleransi, kerjasama dan persefahaman. Proses kognitif ini dibantu oleh konteks ayat serta leksikal-leksikal yang merujuk kepada elemen perpaduan, menjadikan peribahasa lebih mudah difahami oleh pendengar atau pembaca.

Tahap ketiga ialah semantik inkuisitif, yang bertujuan mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan peribahasa. Pada peringkat ini, pengkaji mengemukakan persoalan mengapa imej tumbuhan seperti serai dan sirih dipilih sebagai simbol perpaduan. Hasil analisis menunjukkan bahawa pokok serai melambangkan kekuatan melalui pertumbuhan rapat dalam satu rumpun, manakala daun sirih yang disusun rapi pada gubahan sirih junjung melambangkan keharmonian dan kehalusan budi dalam menjaga hubungan sosial. Peribahasa ini pada dasarnya ingin menyampaikan mesej bahawa perpaduan dan keharmonian hanya dapat dicapai apabila setiap ahli masyarakat saling bekerjasama, menghormati dan menjaga hubungan sesama mereka. Oleh yang demikian, melalui contoh analisis peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih* ini dan tujuh peribahasa lain yang juga telah dianalisis menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam Bab 4, maka dapatlah dirumuskan bahawa objektif kedua kajian ini juga telah berjaya dicapai apabila pengkaji berjaya menonjolkan falsafah dan akal budi di sebalik pembentukan ungkapan peribahasa tersebut.

5.3.3 Objektif 3: Merumuskan hubung kait pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data

Objektif ketiga kajian ini bertujuan merumuskan hubung kait antara pendekatan semantik inkuisitif dengan strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu berdasarkan hasil analisis data. Hasil perbincangan dalam Bab 4 menunjukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif berupaya menyediakan panduan yang berstruktur untuk pembelajaran peribahasa secara lebih mendalam dan bermakna, dengan mengintegrasikan strategi Pembelajaran Kontekstual (PK), Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (PBI), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), serta Elemen Merentas Kurikulum (EMK). Pendekatan ini menekankan penerapan pengetahuan dalam situasi dunia sebenar, selaras dengan prinsip PK yang bertujuan membantu murid mengaitkan teori dengan pengalaman praktikal. Contohnya, melalui analisis peribahasa *serumpun bak serai, sesusun bak sirih,* murid diajar memahami konsep perpaduan dengan mengaitkannya kepada realiti sosial masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Selain itu, pendekatan semantik resonans dalam semantik inkuisitif menggalakkan murid untuk memahami makna peribahasa bukan hanya pada tahap literal tetapi juga melalui konteks sosial dan budaya. Proses ini selari dengan prinsip PBI yang berpusatkan murid dan menekankan penerokaan serta analisis kritikal. Analisis terhadap peribahasa *hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai* menunjukkan bahawa pendekatan ini berupaya mendorong murid mengemukakan soalan kritis serta mendapatkan jawapan melalui penerokaan sifat biologi kedua-dua haiwan tersebut. Melalui proses ini, murid bukan sahaja memahami makna peribahasa tetapi turut

mengembangkan kemahiran inkuiri yang penting dalam pembelajaran berasaskan penemuan baharu.

Pendekatan semantik inkuisitif juga memainkan peranan penting dalam merangsang KBAT, kerana murid didorong untuk mengingat, memahami, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta idea baharu berdasarkan pengetahuan yang diperoleh. Sebagai contoh, dalam analisis peribahasa *langkah bendul*, murid bukan sahaja memahami makna literal tetapi turut menilai implikasi sosial dan budaya di sebalik penggunaan peribahasa tersebut. Proses ini melibatkan tahap pemikiran yang tinggi, selaras dengan aras pemikiran Taksonomi Bloom yang disemak oleh Anderson dan Krathwohl (2000). Selain itu, elemen EMK diterapkan dengan berkesan dalam analisis peribahasa menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Contohnya, analisis peribahasa *bagai aur dengan tebing* melibatkan elemen botani, ekologi, geografi dan sosiologi, yang memperkaya pemahaman murid terhadap konsep perpaduan dan kelestarian alam.

Pendekatan semantik inkuisitif membuktikan bahawa analisis makna peribahasa boleh merentas pelbagai disiplin ilmu, menjadikan pembelajaran bahasa lebih bermakna dan relevan dengan kehidupan sebenar. Melalui integrasi strategi PK, PBI, KBAT dan EMK, pendekatan ini tidak hanya memperkayakan proses pembelajaran tetapi juga membentuk murid yang berfikiran kritis, kreatif dan berpengetahuan luas. Oleh itu, objektif ketiga kajian ini berjaya dicapai dengan menunjukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif dapat dijadikan panduan komprehensif dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa, selaras dengan keperluan KSSM Bahasa Melayu.

5.4 Sumbangan dan implikasi kajian

Walaupun kajian ini tidak bersifat menyeluruh kerana tidak melibatkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, tetapi kajian ini tetap membawa sumbangan penting sebagai kajian analisis awal terhadap pendekatan semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa untuk peringkat sekolah menengah. Kajian ini memperkenalkan asas yang kukuh untuk memperkembangkan pendekatan semantik inkuisitif dalam konteks pendidikan dengan menggunakan bahan pendidikan formal. Sumbangan kajian ini merangkumi bidang pendidikan, linguistik dan pemeliharaan budaya bangsa. Dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, kajian ini bukan sahaja memperkaya khazanah ilmu tetapi juga memperkenalkan dimensi baharu dalam proses pembelajaran peribahasa.

5.4.1 Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa

Kajian ini menyumbang kepada inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran peribahasa dengan menyediakan panduan analisis makna peribahasa secara sistematik, berstruktur, menyeluruh dan mendalam. Pendekatan semantik inkuisitif yang digunakan dalam kajian ini dapat membantu guru dan murid menganalisis makna peribahasa berdasarkan tiga tahap analisis utama, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Setiap tahap ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih terperinci terhadap konteks penggunaan peribahasa serta maksud tersirat yang terkandung dalam setiap ungkapan peribahasa. Selain itu, pendekatan ini membawa dimensi baharu dalam proses pembelajaran peribahasa dengan menekankan analisis kritikal dan reflektif terhadap makna serta konteks budaya peribahasa. Hal ini sejajar dengan pelaksanaan strategi-strategi pembelajaran dalam KSSM Bahasa Melayu. Pendekatan ini bukan sahaja dapat

membantu meningkatkan tahap pemikiran aras tinggi dan abstrak murid tetapi juga menggalakkan mereka meneroka pelbagai perspektif dalam memahami sesuatu peribahasa.

5.4.2 Kajian semantik inkuisitif yang merentas disiplin

Kajian ini memperluas penggunaan pendekatan semantik inkuisitif ke dalam bidang pendidikan, sekali gus merentas sempadan tradisional kajian bahasa. Sebelum ini, kajian-kajian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif lebih tertumpu kepada analisis makna bahasa kiasan untuk mengkaji fenomena lakuan bahasa sahaja. Namun, melalui kajian ini, pendekatan tersebut telah diintegrasikan dengan bidang pendidikan melalui penyediaan bahan pembelajaran formal. Kajian ini juga bersifat multidisiplin kerana berjaya menghubungkan maklumat linguistik dengan pelbagai bidang ilmu seperti sains, ekologi, geografi, zoologi, sejarah, adat, budaya dan agama. Sebagai contoh, analisis peribahasa *bagai aur dengan tebing* merangkumi aspek ekologi yang menjelaskan hubungan saling bergantung antara aur dan tebing, yang seterusnya melambangkan nilai kerjasama dan bantu-membantu dalam masyarakat Melayu. Pendekatan ini membolehkan murid memahami peribahasa bukan hanya dari aspek bahasa tetapi juga dari perspektif ilmu lain yang relevan.

5.4.3 Memperluas kajian semantik inkuisitif dengan variasi peribahasa dan domain

Kajian ini turut menyumbang kepada perluasan kajian semantik inkuisitif dengan menganalisis peribahasa yang meliputi pelbagai tema dan domain. Variasi tema peribahasa yang dianalisis dalam kajian ini seperti tema *Pendidikan, Perpaduan, Adat dan Warisan,* serta *Sumber Alam* membolehkan pelbagai nilai dan pengajaran diangkat serta diterokai. Setiap tema peribahasa yang dikaji memberikan nilai-nilai tertentu yang berbeza, yang

dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Pendekatan ini juga membuka peluang kepada penerokaan ilmu baharu dalam kajian linguistik dan budaya. Dengan menganalisis peribahasa daripada pelbagai tema, kajian ini menunjukkan bahawa ungkapan-ungkapan tradisional berfungsi sebagai sumber rujukan yang penting untuk memahami pemikiran dan falsafah masyarakat Melayu secara mendalam.

5.4.4 Menyerlahkan kehebatan akal budi Melayu melalui analisis peribahasa

Kajian ini menyerlahkan kehebatan pemikiran Melayu pada zaman dahulu yang diterjemahkan melalui penciptaan peribahasa. Setiap peribahasa yang dianalisis menunjukkan kebijaksanaan masyarakat Melayu dahulu menggunakan bahasa sebagai medium untuk menyampaikan nilai, falsafah dan akal budi yang tinggi. Sebagai contoh, peribahasa *kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah* mencerminkan pemikiran logik tinggi masyarakat Melayu yang membuat pemerhatian terhadap alam sekitar dan menggunakan pemerhatian tersebut sebagai asas untuk mencipta peribahasa. Kajian ini menunjukkan bahawa di sebalik setiap ungkapan peribahasa terdapat nilai-nilai moral dan falsafah yang tersirat, yang membuktikan ketinggian akal budi Melayu.

5.4.5 Mengangkat martabat peribahasa sebagai warisan bangsa

Kajian ini juga berperanan dalam mengangkat martabat peribahasa sebagai warisan bangsa yang berharga. Peribahasa merupakan seni dalam berbahasa yang menggambarkan kehalusan budi dan ketajaman fikiran masyarakat Melayu. Melalui kajian ini, keagungan peribahasa sebagai salah satu warisan budaya bangsa telah diserlahkan kembali, seterusnya memperkukuh usaha untuk memelihara dan memartabatkan peribahasa dalam kalangan generasi muda. Dengan memberikan panduan analisis yang berstruktur dan komprehensif, kajian ini dapat membantu guru memperkenalkan peribahasa melalui medium pengajaran

yang menarik dan bermakna. Usaha ini bukan sahaja memelihara warisan budaya tetapi juga memastikan kesinambungan penggunaan peribahasa dalam kehidupan masyarakat pada hari ini.

5.4.6 Sumbangan kepada pihak yang berkepentingan

Kajian ini turut memberikan sumbangan yang signifikan kepada pelbagai pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, guru, murid dan masyarakat dalam usaha memperkukuh pengajaran dan pemeliharaan peribahasa sebagai warisan budaya bangsa. Bagi pembuat dasar, kajian ini dapat berfungsi sebagai asas rujukan dalam merangka dasar pendidikan yang lebih komprehensif, khususnya berkaitan pengajaran peribahasa dalam kurikulum. Pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan dalam kajian ini sejajar dengan keperluan pengajaran berasaskan pembelajaran kontekstual, pembelajaran berasaskan inkuiri, kemahiran berfikir arasa tinggi dan elemen merentas kurikulum yang mampu memperkaya pengalaman pembelajaran murid. Bagi guru, kajian ini menyediakan panduan analisis makna peribahasa yang sistematik dan berstruktur melalui tiga tahap analisis utama, iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif. Panduan ini bukan sahaja memudahkan guru dalam merancang pengajaran yang lebih efektif dan menarik, tetapi juga memperkenalkan kaedah inovatif yang menggalakkan murid berfikir secara kritis dan reflektif terhadap makna peribahasa. Murid pula akan memperoleh manfaat daripada pendekatan ini kerana mereka bukan sekadar menghafal peribahasa, tetapi turut didedahkan kepada proses analisis makna yang menghubungkaitkan bahasa dengan pelbagai disiplin ilmu. Selain itu, kajian ini turut memberikan sumbangan kepada masyarakat dengan meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya memelihara peribahasa sebagai khazanah warisan budaya bangsa. Melalui penerapan pendekatan semantik

inkuisitif, peribahasa dapat difahami secara lebih mendalam dan dibudayakan dalam kehidupan seharian sebagai panduan moral serta falsafah hidup. Usaha ini bukan sahaja memastikan kesinambungan penggunaan peribahasa dalam konteks masyarakat pada hari ini, tetapi juga mengukuhkan jati diri nasional dan identiti bangsa.

5.5 Cadangan kajian lanjutan

Pada dasarnya, kajian ini telah membuka banyak potensi untuk diterokai dengan lebih lanjut. Walaupun bersifat analisis awal, kajian ini membuka ruang kepada pelbagai kajian lanjutan yang boleh memperkembang lagi penggunaan pendekatan semantik inkuisitif dalam pelbagai konteks. Cadangan kajian lanjutan ini diusulkan bagi memperluas skop kajian, mengukuhkan hasil dapatan, serta meneroka dimensi baharu dalam bidang pendidikan dan linguistik.

5.5.1 Kajian dengan sumber data berbeza

Kajian ini memfokuskan kepada analisis peribahasa yang diambil daripada buku teks KSSM Bahasa Melayu. Untuk kajian akan datang, pengkaji boleh memperluas skop dengan meneliti sumber peribahasa yang terkandung dalam buku antologi cerpen, puisi dan novel yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah. Peribahasa dalam buku antologi dan novel cenderung digunakan dalam konteks yang lebih luas dan kompleks, yang berpotensi memberikan variasi makna berdasarkan latar cerita dan watak. Kajian ini penting kerana dapat memberikan gambaran yang lebih holistik tentang kegunaan peribahasa dalam pelbagai genre kesusasteraan dan situasi komunikasi. Selain itu, dapatan kajian ini boleh membantu memperkaya bahan pengajaran guru dengan menyediakan konteks baharu yang lebih menarik dan relevan kepada murid. Dengan menganalisis peribahasa dalam antologi dan novel, kajian lanjutan juga berupaya

menunjukkan sejauh mana peribahasa digunakan untuk menyampaikan nilai moral, falsafah kehidupan dan akal budi Melayu dalam karya sastera moden.

5.5.2 Kajian dengan tema atau domain berbeza

Dalam kajian ini, peribahasa dianalisis berdasarkan empat tema utama, iaitu pendidikan, perpaduan, adat dan warisan, serta sumber alam. Kajian akan datang boleh memperluas skop dengan menganalisis peribahasa berdasarkan tema atau domain yang berbeza seperti ekonomi, kepimpinan, psikologi dan hubungan sosial. Setiap tema baharu yang dikaji berpotensi menghasilkan dapatan yang berbeza, sekali gus memperkaya pemahaman tentang makna peribahasa dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Melayu. Sebagai contoh, peribahasa yang berkaitan dengan ekonomi boleh memberikan gambaran tentang cara masyarakat Melayu dahulu memahami konsep kekayaan, perdagangan dan pengurusan sumber. Kajian ini penting kerana dapat memperlihatkan keistimewaan nilai-nilai tradisional yang terkandung dalam peribahasa yang masih relevan dalam konteks kehidupan moden. Dengan memperluas tema kajian, kajian ini juga dapat menyumbang kepada pembangunan bahan pembelajaran yang lebih berfokus dan sesuai dengan keperluan semasa.

5.5.3 Kajian dengan teori atau pendekatan berbeza

Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif berbantukan subkonsep di bawah TR sebagai kerangka utama dalam menganalisis makna peribahasa. Untuk kajian akan datang, pengkaji boleh menggunakan teori atau pendekatan yang berbeza seperti teori hibrid baharu, teori makna leksikal, atau teori semantik kognitif. Pendekatan yang berbeza ini dapat memberikan perspektif alternatif dalam memahami makna peribahasa serta menilai keberkesanan teori-teori tersebut dalam konteks pengajaran dan pembelajaran

bahasa Melayu. Sebagai contoh, teori hibrid baharu yang menggabungkan elemen-elemen daripada pelbagai teori makna boleh digunakan untuk meneroka makna peribahasa secara lebih komprehensif. Teori ini mungkin lebih sesuai untuk menganalisis peribahasa yang mengandungi pelbagai lapisan makna atau yang digunakan dalam konteks metafora kompleks. Dengan menerapkan teori yang berbeza, kajian lanjutan diharapkan dapat memperkaya wacana akademik dalam bidang semantik peribahasa dan memberikan pilihan alternatif kepada pengkaji lain.

5.6 Rumusan bab

Bab 5 ini merumuskan dapatan kajian serta membincangkan implikasi, sumbangan dan cadangan kajian lanjutan. Kajian ini berjaya menujukkan bahawa pendekatan semantik inkuisitif menyediakan kerangka analisis yang sistematik dan berstruktur dalam memahami makna peribahasa secara mendalam. Implikasi kajian menunjukkan potensi pendekatan ini sebagai panduan dalam pengajaran peribahasa di peringkat sekolah menengah, selaras dengan strategi-strategi pembelajaran yang dicadangkan dalam KSSM Bahasa Melayu. Sumbangan kajian meliputi aspek pendidikan, linguistik dan pemeliharaan budaya, dengan menekankan kepentingan penggunaan peribahasa dalam membangunkan daya pemikiran kritis murid serta memartabatkan warisan bangsa. Pendekatan semantik inkuisitif yang diterapkan bukan sahaja memperkaya ilmu dalam bidang linguistik tetapi juga membawa manfaat praktikal kepada bidang pendidikan.

Kajian ini turut memperluas bidang kajian semantik inkuisitif dengan memberikan dimensi baharu dalam analisis peribahasa melalui penghubungannya dengan pelbagai tema dan domain yang relevan dalam kehidupan masyarakat. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan kepada pengajaran dan pembelajaran peribahasa, memperluas bidang kajian semantik inkuisitif, serta mengangkat martabat peribahasa

sebagai warisan bangsa. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting kepada penyelidik, pendidik dan pembuat dasar dalam usaha memperkasakan pengajaran bahasa Melayu. Dengan meneruskan usaha kajian lanjutan yang dicadangkan, pendekatan semantik inkuisitif berpotensi besar untuk terus berkembang sebagai salah satu pendekatan utama dalam pengajaran bahasa dan kesusasteraan Melayu, seterusnya memperkaya khazanah ilmu dan warisan budaya bangsa.

RUJUKAN

Abdol, Z. (2018). *Peribahasa wajib tahu dan faham*. Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ahmad, A., & Rashidin, R. (2011). Terjemahan ‘air’ dalam peribahasa Melayu – Inggeris: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik,* (13), 1-12.

Ahmad, M. A. (1998, April 9). Rencana: Adat melangkah bendul: Cara orang Melayu lama hurai masalah 'andartu'. *Berita Harian,* 5.

Ahmad, M. A. (2003, March 15). Budaya: Nilai adat (Semenda-menyemenda): Tujuan di sebalik upacara langkah bendul. *Berita Harian,* 29.

Ahmad, Z. A. (2002). *Ilmu mengarang Melayu/ Zainal Abidin Ahmad (Za’ba): Pengenalan oleh Asmah Omar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmadi, E. (2004). *Retorik peribahasa Melayu: Analisis skema dan trope*. (Latihan Ilmiah tidak diterbitkan). Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Airasian, P., & Gay, L.R. (2003). *Education research: Competencies for analysis and applications* (7th ed.). Pearson Education.

Akmal, A., & Sutedja, T. R. (2022). *Ensiklopedia sains: Alam haiwan*. Sam Synergy Media Sdn. Bhd.

Al Hadyd, A. (2019, November 8). *Kelebihan dan kekurangan teknologi dalam bidang pendidikan.* Smartsiana. https://www.smartsiana.com/2019/11/

Al-Quran. (1987). *Al-quran al-karim rasm uthmani: Terjemahan dalam bahasa Melayu*. Al-Hidayah House of Qur’an Sdn. Bhd.

Amran, M. N. S., & Nopiah, J. (2020). Peribahasa Melayu berunsurkan burung: Satu analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages,* 1-18.

Anderson, L. W., & Krathwohl, D. R. (Eds.). (2000). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives.* Pearson.

Arora, S., & Kumar, B. (2024). Effect of emergent vegetation on riverbank erosion with sediment mining. *Scientific Reports, 14*(11193), 1-17. https://doi.org/10.1038/s41598-024-61315-9

Astro Awani. (2024, November 26). *Pemansuhan peperiksaan antara langkah mengurangkan tekanan murid*. https://vt.tiktok.com/ZSj4dMNCH/

Awang, A., Ismail, C. Z., Ahmad, W. H. S. W., & Bakar, R. A. (2022). Tahap pengetahuan, persepsi dan sikap pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran peribahasa nilai islam dalam kursus penghayatan etika dan peradaban (CTU554). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 7*(45), 44-55. https://doi:10.55573/jised.074504

Awang, N. H., & Shaid, N. A. N. (2024). Analisis elemen nilai-nilai murni terhadap kandungan peribahasa dalam buku teks bahasa Melayu tahun 4 sekolah jenis kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 14(*2), 153–164.

Ayob, A., & Mohamad, K. (2012). *Kaedah pengajaran bahasa Melayu*. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Aziz, N. F., Jahi, J. M., Arifin, K., & Ujang, A. (2014). Pengaruh adat resam, kepercayaan dan kebudayaan terhadap pembinaan rumah Melayu tradisional. *International Journal of the Malay Word and the Civilisation (IMAN) 2*(2), 105-1011.

Azliza, M., Nazre, M., Roslan, M.K.M., & Shamsul, K. (2012). Characterization of riparian plant community in lowland forest of Peninsular Malaysia. *International Journal of Botany, 8*(4), 181–191.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2001). *Pembelajaran kontekstual: Panduan pelaksanaan di sekolah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Kemahiran berfikir aras tinggi: Aplikasi di sekolah*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Panduan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berasaskan inkuiri.* Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia

Bakar, A. A., Fadzil, N. A. S. N. M., Ibrahim, N. R., Isa, Z. M., Salam, R. A., & Salleh, M. S. M. (2020). Augmented reality mengatasi miskonsepsi pembentukan peribahasa. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences, 19*(1), 26-32. https://doi.org/10.37934/arsbs.19.1.2632.

Bakar, M. A. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berns, R. G., & Erickson, P. M. (2001). Contextual Teaching and Learning: Preparing Students for the New Economy. *The Highlight Zone: Research@ Work*, (5), 1–8.

Bujang, G. R., & Subet, M. F. (2021). Penggabungjalinan pendekatan semantik inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, *12*(2), 55-66. https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.5.2021

Bybee, R. W., Taylor, J. A., Gardner, A., Van Scotter, P., Powell, J. C., Westbrook, A., & Landes, N. (2006). *The BSCS 5E instructional model: Origins, effectiveness, and applications*. BSCS.

Chua, Y. P. (2021). *Kaedah Penyelidikan* (4th ed.). McGraw-Hill Education.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). *Research methods in education* (8th ed.). Routledge.

Cohen, S., & Wills, T. A. (1985). Stress, social support, and the buffering hypothesis. *Psychological Bulletin, 98*(2), 310–357. https://doi.org/10.1037/0033-2909.98.2.310

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Sage Publications.

Daipi, M.N. (2018). *Siri sembang munsyi: Peribahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Darmawan, W., & Purba, I. I. (2009). Daya tahan lapisan finishing eksterior beberapa jenis kayu terhadap pengaruh cuaca. *Jurnal Ilmu dan Teknologi Hasil Hutan 2*(1), 1-8.

Darusalam, G., & Hussin, S. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan* (2nd ed.). Penerbit Universiti Malaya.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, *40*(1), 179–213. https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9

Daud, M. Z. (2019). Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif. [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). "Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik": perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia, 2*(1), 37-62.

Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). Ayam (Gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan, 17*(1), 36-42.

Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies, 10*(2), 24-44. https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021

Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO), 3*(1), 19–28.

Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika, 10*(2), 41–51.

Douglas, R. S. M., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2023). Jelmaan reptilia dalam akal budi masyarakat Iban: Analisis semantik inkuisitif. *Asean People Journal, 6*(2), 1-19.

Fadsy, A., Putra, B. S., & Ratna. (2019). Karakteristik pengeringan serai dapur (Cymbopogon citratus L.) menggunakan traydryer berdasarkan proses blanching yang berbeda. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pertanian 4*(1), 588-597.

Fajarina, M., Hermandra, & Sinaga, M. (2024). Leksem gajah dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Transformatika: Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya, 8*(1), 227–236. https://doi.org/10.31002/transformatika.v8i1.8416

Guo, Y. (2019). Teaching English idioms to Chinese EFL learners: A cognitive linguistic perspective. *English Language Teaching, 12*(5), 145-155. https://doi.org/10.5539/elt.v12n5p145

Hamzah, Z. A. Z, & Hassan, A. F. M. (2011a). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies, 11*(3), 31-51.

Hamzah, Z. A. Z., & Hassan, A. F. M. (2011b). *Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai.* Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Hanapi, H. (2019). Falsafah bendul pada muka pintu dan salah faham pepatah lurus bendul. Dalam F. Atikah (Ed.), *Kitab tamadun Melayu* (pp. 154-156). Patriots Asia Sdn. Bhd.

Hanapiah, N., & Rusli, N. F. M. (2023). Pengaruh pendekatan pengajaran terhadap tumpuan dan minat murid dalam pembelajaran peribahasa. *Jurnal Linguistik dan Pendidikan, 15*(1), 89-103.

Hassan, A. (2005). *Linguistik am*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Hassan, A. F. M. (2016). Warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Jurnal Peradaban 9*(1), 1-10.

Hassan, A., & Mohd, A. (1993). *Tatabahasa pedagogi bahasa Melayu*. Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.

Hassan, H. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan teori relevans. *Jurnal Bahasa 16*(1), 94-119.

Hermandra, Iryani, I. A., Fiska, J. S., & Fajri, M. (2024). Peribahasa melayu bermetafora air: Implikasi terhadap analisis semantik kognitif. *INNOVATIVE: Journal Of Social Science Research 4*(2), 5173-5186

Hong, M. N. T., Rusli, N. F. M., Masa, N. S., & Jobar, N. A. (2021). Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans. *Jurnal Linguistik, 25*(1), 1-20.

Hubble, T.C.T., Docker, B.B., & Rutherfurd, I.D. (2010). The role of riparian trees in maintaining riverbank stability: A review of Australian experience and practice. *Ecological Engineering 36*(3), 292-304.

Husin, K., & Aziz, S. H. A. (2004). *Pedagogi: Asas pendidikan*. Kayazano Enterprise

Hussain, A. (2016). *Kamus istimewa peribahasa Melayu* (2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hussin, D. R. D. A. (2020, December 3-4). *Meningkatkan penguasaan penggunaan peribahasa dalam kalangan murid tingkatan 3 amanah melalui project based learning: Kamus mini 3D* [Paper presentation]. International Conference on Education, Social Sciences & Technology 2020, Sabah.

Ibrahim, M. Y. (2017). *Sembang santai penyelidikan*. Bandar Ilmu.

Ilias, M. F., Ismail, M. F., & Jasmi, K. A. (2013). Faktor dorongan dan halangan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Teknologi Pendidikan, 35*(3), 112-126.

Ismail, N. I. M., & Kunjuraman, V. (2024, Januari 31). *Agenda Pendigitalan Pendidikan: Cabaran Masa Kini.* Berita UKM. https://www.ukm.my/beritaukm/

Jaafar, N. A. N., Maspor, N. F. N., Jurit, N. B. M., & Ibrahim, Z. (2022). Meneroka peribahasa: Aplikasi permainan dan pembelajaran peribahasa melayu sekolah rendah tahun 1 hingga tahun 6. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation (MARI). 3*(2), 120-128. https://doi.org/10.30880/mari2022.03.02.015

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. (2024, 19 Oktober). Serai makan. https://www.forestry.gov.my/images/info-perhutanan/tumbuhan-ubatan/serai.pdf

Jailani, N., Tan, C. S. N., Latih,R., Ismail, A., Muda, Z., Bakar, M. A., Rambely, A. S., Yusof, M., & Yatim, N. M. (2020). Reka bentuk aplikasi multimedia berasaskan kinect untuk pembelajaran peribahasa melayu. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE)*, *12*(2), 152-176.

Jalaluddin, N. H. (1990). *Semantik dan pragmatik dalam teori relevans*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (1992). Ganti nama Melayu Sarawak: Analisis teori linguistik. *Akademika*, *40*(1), 19-38.

Jalaluddin, N. H. (2018). Peribahasa dan akal budi Melayu. Dlm N. H. Jalaluddin & M. Yusof (Eds.), *Kiasan kognitif dan akal budi Melayu.* (pp. 18-49). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H. (2024). Metafora dan akal budi. Dlm N. H. Jalaluddin (Ed.), *Pragmatik: Teori dan praktis.* (pp. 341-364). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H., & Syah, A. H. (2009). Penelitian makna imbuhan pen- dalam bahasa Melayu: Satu kajian rangka rujuk silang. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, *9*(2), 57-72.

Jalaluddin, N. H., Yusof, M., Hassan, H., & Rashidin, R. (2024). Konsep-konsep penting pragmatik daripada pelbagai teori. Dlm N. H. Jalaluddin (Ed.), *Pragmatik: Teori dan praktis.* (pp. 33-99). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jalaluddin, N. H., & Nopiah, J. (2011). Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, *11*(1), 63–82.

Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, *10*(1), 158-172.

Jalaluddin, N. H., & Nopiah, J. (2011). Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, *11*(1), 63–82.

Jali, N. H. M., Redzuan, M., Samah, A. A., Rashid, I. H. M., & Wong, F. K. (2008). *Pengajian Malaysia* (2nd ed.). Prentice Hall.

Johan, A. (2012). Pembelajaran peribahasa dalam kalangan murid sekolah rendah. *Jurnal Perkongsian Profesional Bagi Guru-Guru Permulaan*, *3*(1), 62–78.

Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej perlambangan 'tangan' dalam simpulan bahasa melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, *4*(1), 108-131.

Kadir, A. (2013). Konsep pembelajaran kontekstual di sekolah. *Dinamika Ilmu 13*(3), 17-38.

Kamus dewan edisi keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus linguistik. (1997). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasdan, J., & Nopiah, J. (2021) Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *9*(1), 59-72.

Kasdan, J. (2017). Sirih sebagai unsur gastronomi dan refleksi akal budi Melayu: Kajian teks. *Jurnal Filologi Melayu*, (24), 123-139

Kasdan, J., & Nopiah, J. (2021) Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, *9*(1), 59-72.

Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., & Ismail, W. N. W. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, *4*(1), 31-42.

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2018). *Jenis warisan*. http://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594:jenis-warisan&catid=65:dokumen&lang=en

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018a). *Manual kesedaran sivik dan amalan nilai murni dalam kalangan murid sekolah rendah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018b). *Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (Buku Teks)*. https://www.moe.gov.my/buku-teks.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019a). *Bahasa Melayu Tingkatan 4*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019b). *Surat Pekeliling Iktisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 6 Tahun 2019.* https://www.moe.gov.my/search?s=pekeliling

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Bahasa Melayu Tingkatan 5*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In C. Travis (Pynt.) (Ed), *Meaning and interpretation* (pp. 135-154). Basil Blackwell.

Keong, C. F. (2004). *Kajian mengenalpasti kecacatan pada anggota struktur bangunan kayu sediada.* [Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.

Kinanti, K. P., & Rachman, A. K. (2019). Padi bagi masyarakat Indonesia: Kajian semantik inkuisitif pada peribahasa Indonesia. *Jurnal Kajian Bahasa dan Sastra Indonesia* (*Basastra), 8*(1), 29-43.

Lebar, O. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode* (2nd ed.). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris

Leman, M. R. (2017, August 1). Pendekatan wasatiy dalam menuntut ilmu. *Pergas*. https://blog.pergas.org.sg/wasat/pendekatan-wasatiy-dalam-menuntut-ilmu/

Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif* (3rd ed.). Universiti Putra Malaysia Press.

Lim, G. F. C., Abdul Jalil, N., Awang Hidup, D. S., & Omar, M. (2024). Pengintegrasian teknologi dalam pendidikan: Cabaran guru. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics, 8*(1), 53-54.

Mahali, S. N. (2022). Pelestarian nilai budaya beracuankan kearifan tradisi. Dalam H. S. M.Yakin, R. Derak & A. H. B. Asis (Eds.), *Pengajian liberal dan kelangsungannya dalam landskap pendidikan negara* (pp. 200–216). Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Mahamod, Z. (2024). *Penulisan akademik: Teori dan amalan* (2nd ed.). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mamat@Mustaffa, M., Hashim, N., & Hussain, M. E. (2020). Manifestasi perpaduan dalam era Malaysia baharu melalui kumpulan pantun warisan. *Jurnal Melayu, 19*(1), 75–87.

Mansor, M., & Kipli, M. (2014). *Merekayasa kearifan tempatan*: *Alam dan manusia.* Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Mansor, N. A. W., & Jalaluddin, N. H. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Journal Pertanika Mahawangsa, 2*(1), 1-16.

Mansor, N. A. W., & Jalaluddin, N. H. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi, 32*(1), 189–206.

Mansor, W. M. N. H.W. (2024, November 9) *Kekurangan fasiliti di sekolah ganggu PdP*. Sinar Harian. https://www.sinarharian.com.my/article/695552

McEnery, T., & Wilson, A. (2001). *Corpus linguistics: An introduction* (2nd ed.). Edinburgh University Press.

Melani, A., Atikah, Robiah, & Khasanah, N. (2022). Kajian pengaruh variasi pelarut, kecepatan pengadukan dan waktu pada proses ekstraksi kalium dari abu kulit buah semangka (Citrullus lanatus). *Distilasi*, *7*(2), 29-36.

Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass Publication.

Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (3rd ed.). Sage Publications.

Mohamed, H., Judi, H. M., Noor, S. F. M., & Yusof, Z. M. (2012). Jurang digital dan pendidikan di luar bandar: Tahap literasi teknologi maklumat dan komunikasi pelajar. *Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia, 1*(2), 1-13.

Muhi, A. P. A. (2024, 31 Oktober). *Memerihalkan metafora dalam peribahasa Melayu*. eMajalah, Jendela Dewan Bahasa dan Pustaka. https://dewanbahasa.jendeladbp.my

Murthy, T., & Subet, M. F. (2020). Gajah (யானை) dalam peribahasa tamil: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal (APJ), 3*(2), 134-146. https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.2.190

Murthy, T., & Subet, M. F. (2019). Imej Katak (தவளை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi- disciplinary Research Journal (MIRJO), 4*(1), 31-41.

Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora) 3*(2), 117–129.

Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH), 7*(2), 70–88.

Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019c). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika 11*(1), 73–80.

Musanif, A. M., Hamzah, Z. A. Z., Yaakob, N. A., & Su, N. C. (2011). Pengetahuan makna peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Linguistik*, *13*(1), 1-16.

Mustafa, M. T. (2003). *Sifat-sifat asas dan kualiti kayu sentang (Azadirachta excelsa) pada umur yang berbeza.* [Disertasi sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Sains Malaysia.

Nasir, M. R. M. (2019). Semantik inkuisitif dan penggabungjalinannya dengan pendidikan melalui kaedah pengajaran peribahasa melayu. [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak.

Nasir, M. R. M., & Subet, M. F. (2018). Inovasi pengajaran dan pembelajaran peribahasa melayu menggunakan semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-disciplinary Research Journal (MIRJO), 3*(3), 30-42.

Nopiah, J., & Anuar, F. J. (2023). Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa, 23*(1), 1–32.

Nopiah, J., Addli, M. A., & Osman, M. (2023). Cerminan kuasa melalui peribahasa Melayu yang berobjekkan 'gajah' dan 'harimau': Analisis semantik inkuisitif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya, 2*, 241–266.

Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Malaysian Journal of Communication 34*(1), 185-201.

Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 10*(1), 66-88.

Omar, A. (2015). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pandian, M. (2022). Nest colonies of Baya Weaver Ploceus philippinus (Linnaeus, 1766) on overhead power transmission cables in the agricultural landscape of Cuddalore and Villupuram districts (Tamil Nadu) and Puducherry, India. *Journal of Threatened Taxa, 14*(3), 20721–20732.

Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods* (2nd ed.). Sage Publications.

Perpustakaan Negara Malaysia. (2001). *Sirih Pinang Warisan Budaya Melayu*. http://www.pnm.my/sirihpinang

Philip, Z. (2021, 4 Februari). Buaya: Antara mitos dan kebaikannya. *Bernama*. https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1928277

Quader, S. (2006). What makes a good nest? Benefits of nest choice to Female baya weavers (ploceus philippinus). *The Auk (American Ornithological Society) 123*(2), 475-486. https://doi.org/10.1093/auk/123.2.475

Rafatbakhsh, E., & Ahmadi, A. (2019). A thematic corpus-based study of idioms in the corpus of contemporary American English. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education, 4*(11), 1-21.

Rahmad, M. R., & Ismail, I. (2022, 17 Jun). Memasyarakatkan buaya di Malaysia. *Bernama*. https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2091870

Rahman, M. T. A. (2022). *Kamus peribahasa*. Penerbit Ehsan (M) Sdn. Bhd.

Rahman, S. N. S. A., Abdullah, A. H., & Ibrahim, N. H. (2023). Pembangunan strategi pembelajaran kontekstual berbantukan geogebra untuk meningkatkan kemahiran

berfikir aras tinggi (KBAT) murid sekolah menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(2), 1-28. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2115

Ramlan, H. (2021a, n,d.) Itik: Spesies, ciri-ciri, penternakan dan ekonomi. *Root of science*. https://rootofscience.com/blog/2021/biologi/itik-spesies-ciri-ciri-penternakan-dan-ekonomi/

Ramlan, H. (2021b, n,d.) Tupai: Spesies, ciri-ciri dan kelakuan. *Root of science*. https://rootofscience.com/blog/2021/biologi/tupai-spesies-ciri-ciri-dan-kelakuan/

Ramli, Z., Jamaluddin, N., & Lambri, A. (2024). *Penyelidikan itu mudah!: Panduan penyelidikan bahasa dalam pendidikan*. Penerbit Univerisiti Pendidikan Sultan Idris.

Renita. (2024, 25 Februari). Pengertian air adalah : Menurut para ahli, unsur, jenis, sifat-sifat kimia dan fisika beserta pemanfaatan air. *Referen Siswa*. https://www.referensisiswa.my.id/2021/04/pengertian-air-adalah-menurut-para-ahli.html?

Sabarudin, A. N. M., & Rosly, N. J. (2021) Unsur bunga dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages, 4*(2), 188-207.

Saber, A. S., & Hassanin, A. (2014). Some morphological studies on the jaw joint of the Australian saltwater crocodile (*Crocodylus porosus*). *Journal of Veterinary Anatomy*, *7*(1), 55-74.

Saidin, N. F., Bukhari, N. A. M., & Wong, S. Y. (2023). Penggunaan teknologi multimedia terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. *Journal of Issue In Education 1*(46), 44-57.

Saimon, A., & Md. Rashid, M. A. (2022). Konsep kepimpinan dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, *12*(1), 6–17. https://doi.org/10.15282/ijleal.v12i1.6839

Salleh, N. (2014). Tepak sirih: Komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu. *Malaysian Journal of Communication*, (30), 177-190.

Samathayakul, A., & Thamaduangsri, S. (2022). Uses of learning media for improving the use of proverbs in communication of students with vision disabilities. *Journal of Educational Issues, 8*(1), 345-355. https://doi.org/10.5296/jei.v8i1.19672

Samburskiy, D. (2020). The effect of a dual coding technique on idiom interpretation in ESL/EFL learners. *International Journal of Instruction*, *13*(3), 187–206. https://doi.org/10.29333/iji.2020.13313a

Sanmugam, S., & Lambri, A. (2021). Penggunaan bahan multimodal dalam pengajaran peribahasa bagi meningkatkan minat murid. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 11*(2), 45-58.

Saprilline, Mardiana, D., & Simpun. (2023). Model terpadu buku cerita rakyat, ungkapan dan peribahasa berbahasa Dayak Ngaju-Indonesia untuk sekolah dasar. *Enggang: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni dan Budaya, 3*(2), 1-13.

Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.

Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publisher.

Subet, M. F., & Nasir, M. R. M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction (MJLI), 16*(2), 227-253.

Subet, M.F. (2019). Pengajaran-pembelajaran gaya bahasa: Aplikasi teori relevans. Dlm Ja'afar, S., Subet , M. F., & Pawi, A. A. A. (Eds). *Bahasa, budaya dan pendidikan* (hlm. 9-24). Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Subramaniam, A., Ali, A. T. M. S., & Nagarajan, R. (2008). Studies on nest construction and nest microclimate of the Baya weaver, Ploceus philippinus (Linn.). *Journal of Environmental Biology*, *29*(3), 393-396.

Suhaila, S., Hermandra, H., & Permatasari, S. (2024). Leksem lidah dalam peribahasa Melayu: Kajian semantik inkuisitif. *Transformatika: Jurnal Bahasa, Sastra dan Pengajarannya, 8*(1), 70–81. https://doi.org/10.31002/transformatika.v8i1.8417.

Sulaini, N. F. (2016, Februari 20). 30 tahun timba ilmu ukir batu permata. *Berita Harian*. https://www.bharian.com.my/node/126171

Sumarni, R., & Sahat, A. A. (2007). *Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kontekstual Dan Keberkesanan Strategi Hibrid C-C Di Sekolah Menengah Teknik.* Smart Teaching & Learning: Re-engineering ID, Utilization and Innovation of Technology, 2 .

Susilowati, M., & Syukur, C. (2022). Karakterisasi Beberapa Aksesi Serai Wangi (Cymbopogon nardus L.) Asal Cianjur. *Jurnal Vegetalika 11*(4), 305-314.

Talib, O. (2016). *Tulis tesis cepat*. MPWS Rich Publication.

Thiruvenggadam, T., Mohd. Top, M., Nulit, R., & Puan, C. L. (2022). Influence of Climatic Factors and Nest Tree Characteristics on the Nest Structures of the Baya Weaver (Ploceus philippinus) in Peninsular Malaysia. *Journal Animals, 12* (815), 1-13. https://doi.org/10.3390/ani12070815

Wahab, A. B., Ahmad, A., & Arif, S. A. M. (2015). *Pembangunan aplikasi m-pembelajaran peribahasa Melayu menggunakan model ASSURE*. [Kertas kerja

dibentangkan]. Symposium of International Language and Knowledge, Walailak University.

Wan Ismail, W. M. (2021). *Kajian persepsi penerapan elemen merentas kurikulum kreativiti di dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi* [Tesis sarjana yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Pahang.

Wan Ismail, W. N. (2016). *Haiwan dalam peribahasa Melayu: Analisis semiotik* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Malaysia.

Wan Ismail, W. N. (2019). Penggunaan data korpus DBP dalam penyelidikan bahasa Melayu. Dlm N. S. Karim, N. Jamaludin & A. Sarudin (Eds.), *Data korpus dalam kajian linguistik*. (pp. 44-68). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yanti, F., Hariyono, K., & Sadiman, I. (2014). Aplikasi konsorsium bakteri terhadap pertumbuhan dan hasil pada beberapa varietas padi. *Berkala Ilmiah Pertanian (BIP). 1(1), 1-5.*

Yusoff, W. F. W. (2014, Oktober 12-13). *Nilai dan simbolisme sirih dalam budaya serta perubatan tradisional masyarakat Melayu dan India*. [Conference session]. 4th International Conference on Local Knowledge 2014, Sarawak, Malaysia.

Yusri, N. L. (2008). *Kajian populasi buaya air masin (Crocodylus porosus) di Sungai Serudong, Sabah*. [Disertasi yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaysia Sabah

Zaini, M. F., & Jalaluddin, N. F. (2019). Struktur seni bina Melayu "tangga" dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, 12*(1), 1-26.

Zainuddin, G., Masrop, N. A. M., Manaf, M. F. A., & Shahrir, M. S. (2018, August 7). *Penerapan elemen merentas kurikulum (EMK) dalam buku teks Bahasa Arab*

sekolah rendah tahun enam [Kertas kerja dibentangkan]. 5th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2018), Putrajaya.

LAMPIRAN

Apendiks A: Penerbitan

1) Nasir, M. R. M., & Subet, M. F. (2023). Malay proverbs in inquisitive semantics approach lens: The case of Malaysian textbooks. *Indonesian Journal of Applied Linguistics, 13*(2), 317-332.
2) Nasir, M. R. M., & Subet, M. F. (2024). Sorotan literatur bersistematik: Semantik inkuisitif sebagai kaedah pembelajaran peribahasa Melayu sekolah menengah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education, 39*(1), 171–190.
3) Nasir, M. R. M., & Subet, M. F. (2024). Pembelajaran Peribahasa Menurut Perspektif KSSM Bahasa Melayu: Analisis Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif. PENDETA, 15(1), 81–93.
4) Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2024). Pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif dalam pembelajaran peribahasa Melayu: Analisis terhadap buku teks sekolah menengah. *Jurnal Bahasa, 24*(2), 217–242.
5) Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2023, October 24-25). *Pendekatan semantik inkuisitif dalam pembelajaran peribahasa menurut perspektif KSSM Bahasa Melayu* [Paper presentation]. Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu (RENTAS 2023), Hotel EDC, Universiti Utara Malaysia.
6) Mohd Ridzuan Md Nasir, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2023,August 4-6). *Analisis makna peribahasa Melayu-Thai dalam konteks 'mendidik' melalui perspektif semantik inkuisitif* [Paper presentation] Kolokium Antarabangsa Peradaban Wilayah Timur Laut 2023, Universiti Fatoni.

Apendiks B: 1. Senarai peribahasa dalam buku teks mengikut muka surat

Bil.	Peribahasa Buku Teks Tingkatan 4	Muka Surat	Bil.	Peribahasa Buku Teks Tingkatan 5	Muka Surat
1.	Ada gula adalah semut	157	1.	Ada ubi ada batas, ada budi ada balas	51
2.	Adat pulau limburan pasang	121	2.	Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung	161
3.	Air tangan	166, 257	3.	Air tangan	157
4.	Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	90	4.	Alah membeli menang memakai	214
5.	Ambil berat	195, 231	5.	Anak buah	144, 145, 160, 167
6.	Anak buah	98, 112, 224, 225	6.	Bak cendawan tumbuh selepas hujan	198
7.	Bagai aur dengan tebing	2, 111	7.	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	188
8.	Bagai telur di hujung tanduk	99	8.	Belahan jiwa	245
9.	Bagaimana acuan begitulah kuihnya	82	9.	Belanja hangus	161, 230
10.	Bapa borek, anak rintik	82	10.	Belukar sudah menjadi rimba	9
11.	Belayar sambil memapan, memapan sambil belayar	7, 254	11.	Bermain mata	248
12.	Belum tahu di masin garam	12	12.	Cerdik seperti kancil	60
13.	Bertulang besi, berurat dawai	50, 257	13.	Buah tangan	210
14.	Besar kayu besar dahannya, besar periuk besarlah keraknya	157	14.	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ke laut sama direnangi	168, 221
15.	Biar putih tulang, jangan putih mata	2	15.	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	42
16.	Buah fikiran	137	16.	Bumi mana yang tidak kena hujan	107
17.	Buah hati	113	17.	Bunga bangsa	173
18.	Bunga bangsa	3	18.	Campur tangan	44
19.	Cegah sebelum parah	201	19.	Berbelah bahagi	38
20.	Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun	10	20.	Daripada segenggam jadi segantang, sekepal jadi segunung	205
21.	Cermat masa banyak, jimat	157	21.	Di mana air bertakung, di	205

	masa sedikit			situ ikan berkampung	
22.	Condong diumpil, lemah dianduh	157	22.	Dicabut layu, diubah mati	160
23.	Dalam tangan	113	23.	Disuruh pergi, dipanggil datang, bekerja kerana perintah, berhenti kerana tegah	160
24.	Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	10	24.	Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	46, 205
25.	Diam seribu bahasa	3	25.	Durian runtuh	113, 228
26.	Harga diri	133	26.	Genggam bara api biar sampai jadi arang	60
27.	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	8	27.	Gulung tikar	120
28.	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	150	28.	Halus bak telur dikupas	50
29.	Hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri, lebih baik di negara sendiri	77, 84	29.	Harga diri	173
30.	Hujan halau mentua	74	30.	Hemat pangkal kaya, rajin pangkal pandai	60
31.	Indah khabar daripada rupa	77	31.	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua	144
32.	Mata telinga	212, 259	32.	Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung	188
33.	Jalan tengah	132	33.	Mata telinga	144
34.	Jauh berjalan luas pemandangan	84, 134	34.	Jangan sudah terperosok, baru hendak membaiki lantai	8
35.	Jauhari juga yang mengenal manikam	77	35.	Jauhari juga yang mengenal manikam	170
36.	Jejak langkah	113	36.	Jong pecah yu kenyang	173
37.	Kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	90	37.	Kecil hati	67
38.	Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai	3, 74	38.	Ketam menyuruhkan anaknya berjalan betul	221
39.	Kalau tidak kerana angin tidak akan pokok bergoyang	90	39.	Kolar biru	65
40.	Ke mana perginya layang-layang, talinya ada pada kita	150	40.	Kurang ajar	209
41.	Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa	74	41.	Kolar putih	65

42.	Kecil-kecil cili padi	74	42.	Langkah bendul	161
43.	Kembang hidung	74	43.	Makan angin	4, 134, 223
44.	Seperti kera mendapat bunga	82	44.	Makan gaji	65, 134
45.	Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang	82	45.	Malang tidak berbau	17, 221
46.	Lubuk akal tepian ilmu	174	46.	Melebarkan sayap	33
47.	Makan gaji	133	47.	Melentur buluh biarlah dan rebungnya	189
48.	Malang tidak berbau	220	48.	Melukakan hati	220
49.	Mata air	112	49.	Membanting tulang	217
50.	Melebarkan sayap	51	50.	Membawa diri	107
51.	Mematikan langkah	98	51.	Memerah otak	217
52.	Membuang muka	141	52.	Mencari jalan	93
53.	Membuka mata	5, 180, 240	53.	Mencari makan	137
54.	Mencari jalan	213, 243	54.	Darah daging	212
55.	Menggoncang dunia	10, 11	55.	Menebalkan muka	33
56.	Menghiris hati	232	56.	Yang bertakuk yang ditebang, yang bergaris yang dipahat	145
57.	Zaman Tuk Nadur berkajang kain	21	57.	Menggores hati	136
58.	Mulut manis	121	58.	Mengundurkan diri	107
59.	Naik minyak	93	59.	Umpama irama dan lagu	106, 164
60.	Orang besar	20, 105, 142	60.	Merendah diri	188
61.	Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi	252	61.	Nafas baru	94
62.	Orang mengantuk disorongkan bantal	12	62.	Nasi sudah menjadi bubur	189
63.	Panas baran	198	63.	Orang besar	68, 221
64.	Pangkal jalan	124	64.	Orang dalam	210
65.	Patah sayap bertongkat paruh	176	65.	Orang lama	157
66.	Pendek akal	88	66.	Orang memberi kita merasa	51
67.	Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang	37	67.	Orang yang berasal	68
68.	Pisang tidak akan berbuah dua kali	106	68.	Penyu itu bertelur beribu-ribu, seorang pun tidak tahu, ayam bertelur sebiji, pecah khabar sekampung	188

69.	Pokok pangkal	155	69.	Pilih kasih	220
70.	Putus asa	153, 232	70.	Putih macam kapas	50
71.	Sakit hati	20, 134, 135	71.	Putus asa	93. 120
72.	Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	121	72.	Rajin seperti semut	60
73.	Sambil menyelam minum air	83, 99	73.	Rendah gunung tinggi harapan	107
74.	Sekelip mata	160, 207	74.	Ringan tulang	67
75.	Sekerat jalan	10	75.	Sakit hati	209
76.	Sepandai-pandai tupai melompat sekali akan gawal juga	88	76.	Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	144
77.	Seperti bertih digoreng	104	77.	Sedap mulut	99
78.	Seperti itik mendapat air	90	78.	Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung	145
79.	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	121	79.	Sediakan payung sebelum hujan	106
80.	Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan	106	80.	Senduk besar tak mengenyang	205
81.	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	111	81.	Sekelip mata	78, 136
82.	Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata	82	82.	Zaman beralih musim bertukar	198
83.	Takkan lari gunung dikejar, hilang kabut tampaklah dia	75	83.	Senyum sumbing	50
84.	Tanah air	117	84.	Seperti anak ayam kehilangan ibu	221
85.	Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa	199	85.	Tak kenal maka tak cinta	50
86.	Titik hitam	106	86.	Tak ada gading yang tak retak	107
87.	Titik peluh	68	87.	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	20, 154, 160
88.	Tulang belakang	137	88.	Tebu pada awak, peria pada teman	180
89.	Turun padang	223, 244	89.	Tepuk dada tanya selera	117
90.	Untung sabut timbul, untung	49			

	batu tenggelam				
91.	Yang baik buat teladan, yang buruk buat sempadan	106, 107			

2. Senarai peribahasa mengikut kod unik dan kategori

Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4			
Simpulan Bahasa			
Kod Data	**Peribahasa**	**Kategori**	**Sumber**
SB001-4	Air tangan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB002-4	Ambil berat	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB003-4	Anak buah	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB004-4	Buah fikiran	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB005-4	Buah hati	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB006-4	Bunga bangsa	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB007-4	Dalam tangan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB008-4	Harga diri	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB009-4	Jalan tengah	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB010-4	Jejak langkah	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB011-4	Kembang hidung	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB012-4	Makan gaji	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB013-4	Mata air	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB014-4	Melebarkan sayap	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB015-4	Mematikan langkah	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB016-4	Membuang muka	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB017-4	Membuka mata	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB018-4	Mencari jalan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB019-4	Menggoncang dunia	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB020-4	Menghiris hati	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB021-4	Mulut manis	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB022-4	Naik minyak	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB023-4	Orang besar	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB024-4	Panas baran	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB025-4	Pangkal jalan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB026-4	Pendek akal	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB027-4	Pokok pangkal	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB028-4	Putus asa	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB029-4	Sakit hati	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB030-4	Sekelip mata	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB031-4	Sekerat jalan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB032-4	Tanah air	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB033-4	Titik hitam	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4

SB034-4	Titik peluh	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB035-4	Tulang belakang	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
SB036-4	Turun padang	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 4
Perumpamaan			
PU001-4	Bagai aur dengan tebing	Perumpamaan	Tingkatan 4
PU002-4	Bagai telur di hujung tanduk	Perumpamaan	Tingkatan 4
PU003-4	Diam seribu bahasa	Perumpamaan	Tingkatan 4
PU004-4	Seperti bertih digoreng	Perumpamaan	Tingkatan 4
PU005-4	Seperti itik mendapat air	Perumpamaan	Tingkatan 4
PU006-4	Seperti kera mendapat bunga	Perumpamaan	Tingkatan 4
PU007-4	Serumpun bak serai, sesusun bak sirih	Perumpamaan	Tingkatan 4
Pepatah			
PE001-4	Belayar sambil memapan, memapan sambil belayar	Pepatah	Tingkatan 4
PE002-4	Belum tahu di masin garam, belum tahu di pedas lada	Pepatah	Tingkatan 4
PE003-4	Cermat masa banyak, jimat masa sedikit	Pepatah	Tingkatan 4
PE004-4	Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	Pepatah	Tingkatan 4
PE005-4	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	Pepatah	Tingkatan 4
PE006-4	Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	Pepatah	Tingkatan 4
PE007-4	Hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri, lebih baik di negara sendiri	Pepatah	Tingkatan 4
PE008-4	Jauh berjalan luas pemandangan	Pepatah	Tingkatan 4
PE009-4	Kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa	Pepatah	Tingkatan 4
PE010-4	Lain hulu lain parang, lain dahulu lain sekarang	Pepatah	Tingkatan 4
PE011-4	Lubuk akal, tepian ilmu	Pepatah	Tingkatan 4
PE012-4	Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi	Pepatah	Tingkatan 4
PE013-4	Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang	Pepatah	Tingkatan 4
PE014-4	Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	Pepatah	Tingkatan 4
PE015-4	Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan	Pepatah	Tingkatan 4
PE016-4	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	Pepatah	Tingkatan 4
PE017-4	Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata	Pepatah	Tingkatan 4

PE018-4	Takkan lari gunung dikejar, hilang kabut tampaklah dia	Pepatah	Tingkatan 4
PE019-4	Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa	Pepatah	Tingkatan 4
PE020-4	Untung sabut timbul, untung batu tenggelam	Pepatah	Tingkatan 4
PE021-4	Yang baik buat teladan, yang buruk buat sempadan	Pepatah	Tingkatan 4
Bidalan			
BI001-4	Ada gula adalah semut	Bidalan	Tingkatan 4
BI002-4	Adat pulau limburan pasang	Bidalan	Tingkatan 4
BI003-4	Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	Bidalan	Tingkatan 4
BI004-4	Bagaimana acuan begitulah kuihnya	Bidalan	Tingkatan 4
BI005-4	Bapa borek, anak rintik	Bidalan	Tingkatan 4
BI006-4	Bertulang besi berurat dawai	Bidalan	Tingkatan 4
BI007-4	Besar kayu besar dahannya, besar periuk besarlah keraknya	Bidalan	Tingkatan 4
BI008-4	Biar putih tulang, jangan putih mata	Bidalan	Tingkatan 4
BI009-4	Cegah sebelum parah	Bidalan	Tingkatan 4
BI010-4	Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun	Bidalan	Tingkatan 4
BI011-4	Condong diumpil, lemah dianduh	Bidalan	Tingkatan 4
BI012-4	Hujan halau mentua	Bidalan	Tingkatan 4
BI013-4	Indah khabar daripada rupa	Bidalan	Tingkatan 4
BI014-4	Jadi mata telinga	Bidalan	Tingkatan 4
BI015-4	Hanya jauhari mengenal manikam	Bidalan	Tingkatan 4
BI016-4	Kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	Bidalan	Tingkatan 4
BI017-4	Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai	Bidalan	Tingkatan 4
BI018-4	Kalau tidak kerana angin tidak akan pokok bergoyang	Bidalan	Tingkatan 4
BI019-4	Ke mana perginya layang-layang, talinya ada pada kita	Bidalan	Tingkatan 4
BI020-4	Kecil-kecil cili padi	Bidalan	Tingkatan 4
BI021-4	Malang tidak berbau	Bidalan	Tingkatan 4
BI022-4	Orang mengantuk disorongkan bantal	Bidalan	Tingkatan 4
BI023-4	Patah sayap bertongkat paruh	Bidalan	Tingkatan 4
BI024-4	Pisang tidak akan berbuah dua kali	Bidalan	Tingkatan 4
BI025-4	Sambil menyelam minum air	Bidalan	Tingkatan 4
BI026-4	Sepandai-pandai tupai melompat sekali akan gawal juga	Bidalan	Tingkatan 4
BI027-4	Zaman Tuk Nadur berkajang kain	Bidalan	Tingkatan 4
Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5			
Simpulan Bahasa			

Kod	Peribahasa	Kategori	Sumber
SB001-5	Air tangan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB002-5	Anak buah	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB003-5	Belahan jiwa	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB004-5	Belanja hangus	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB005-5	Berbelah bahagi	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB006-5	Bermain mata	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB007-5	Buah tangan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB008-5	Bunga bangsa	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB009-5	Campur tangan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB010-5	Darah daging	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB011-5	Durian runtuh	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB012-5	Gulung tikar	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB013-5	Harga diri	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB014-5	Kecil hati	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB015-5	Kolar biru	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB016-5	Kolar putih	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB017-5	Kurang ajar	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB018-5	Langkah bendul	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB019-5	Makan angin	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB020-5	Makan gaji	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB021-5	Melebarkan sayap	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB022-5	Melukakan hati	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB023-5	Membanting tulang	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB024-5	Membawa diri	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB025-5	Memerah otak	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB026-5	Mencari jalan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB027-5	Mencari makan	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB028-5	Menebalkan muka	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB029-5	Menggores hati	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB030-5	Mengundurkan diri	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB031-5	Merendah diri	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB032-5	Nafas baru	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB033-5	Orang besar	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB034-5	Orang dalam	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB035-5	Orang lama	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB036-5	Pilih kasih	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB037-5	Putus asa	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB038-5	Ringan tulang	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB039-5	Sakit hati	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB040-5	Sedap mulut	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB041-5	Sekelip mata	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5
SB042-5	Senyum sumbing	Simpulan_Bahasa	Tingkatan 5

Perumpamaan			
PU001-5	Bak cendawan tumbuh selepas hujan	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU002-5	Cerdik seperti kancil	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU003-5	Halus bak telur dikupas	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU004-5	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU005-5	Putih macam kapas	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU006-5	Rajin seperti semut	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU007-5	Seperti anak ayam kehilangan ibu	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU008-5	Umpama irama dan lagu	Perumpamaan	Tingkatan 5
PU009-5	Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung	Perumpamaan	Tingkatan 5
Pepatah			
PE001-5	Ada ubi ada batas, ada budi ada balas	Pepatah	Tingkatan 5
PE002-5	Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung	Pepatah	Tingkatan 5
PE003-5	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Pepatah	Tingkatan 5
PE004-5	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ke laut sama direnangi	Pepatah	Tingkatan 5
PE005-5	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	Pepatah	Tingkatan 5
PE006-5	Di mana air bertakung, di situ ikan berkampung	Pepatah	Tingkatan 5
PE007-5	Dicabut layu, diubah mati	Pepatah	Tingkatan 5
PE008-5	Disuruh pergi, dipanggil datang, bekerja kerana perintah, berhenti kerana tegah	Pepatah	Tingkatan 5
PE009-5	Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	Pepatah	Tingkatan 5
PE010-5	Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung	Pepatah	Tingkatan 5
PE011-5	Penyu itu bertelur beribu-ribu, seorang pun tidak tahu, ayam bertelur sebiji, pecah khabar sekampung	Pepatah	Tingkatan 5
PE012-5	Rendah gunung, tinggi harapan	Pepatah	Tingkatan 5
PE013-5	Sakit sama mengaduh, luka sama menyiuk	Pepatah	Tingkatan 5
PE014-5	Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas	Pepatah	Tingkatan 5
PE015-5	Tebu pada awak, peria pada teman	Pepatah	Tingkatan 5
PE016-5	Yang bertakuk yang ditebang, yang bergaris yang dipahat	Pepatah	Tingkatan 5
Bidalan			
BI001-5	Alah membeli menang memakai	Bidalan	Tingkatan 5
BI002-5	Belukar sudah menjadi rimba	Bidalan	Tingkatan 5

BI003-5	Bumi mana yang tidak kena hujan	Bidalan	Tingkatan 5
BI004-5	Daripada segenggam jadi segantang, sekepal jadi segunung	Bidalan	Tingkatan 5
BI005-5	Genggam bara api biar sampai jadi arang	Bidalan	Tingkatan 5
BI006-5	Hemat pangkal kaya, rajin pangkal pandai	Bidalan	Tingkatan 5
BI007-5	Jadi mata telinga	Bidalan	Tingkatan 5
BI008-5	Jangan sudah terperosok, baru hendak membaiki lantai	Bidalan	Tingkatan 5
BI009-5	Hanya jauhari mengenal manikam	Bidalan	Tingkatan 5
BI010-5	Jong pecah yu kenyang	Bidalan	Tingkatan 5
BI011-5	Ketam menyuruhkan anaknya berjalan betul	Bidalan	Tingkatan 5
BI012-5	Malang tidak berbau	Bidalan	Tingkatan 5
BI013-5	Melentur buluh biarlah dan rebungnya	Bidalan	Tingkatan 5
BI014-5	Nasi sudah menjadi bubur	Bidalan	Tingkatan 5
BI015-5	Orang memberi kita merasa	Bidalan	Tingkatan 5
BI016-5	Orang yang berasal	Bidalan	Tingkatan 5
BI017-5	Sediakan payung sebelum hujan	Bidalan	Tingkatan 5
BI018-5	Senduk besar tak mengenyang	Bidalan	Tingkatan 5
BI019-5	Tak ada gading yang tak retak	Bidalan	Tingkatan 5
BI020-5	Tak kenal maka tak cinta	Bidalan	Tingkatan 5
BI021-5	Tepuk dada tanya selera	Bidalan	Tingkatan 5
BI022-5	Zaman beralih musim bertukar	Bidalan	Tingkatan 5

3. Senarai penuh peribahasa di bawah tema ‘Sumber Alam’

Peribahasa		**Maksud Kamus**	**Imej Alam**
1.	Kalau tak berada-ada, takkan tempua bersarang rendah	Tentu ada sebabnya (ada sesuatu yang tersembunyi), maka terjadi sesuatu hal yang demikian	Burung tempua
2.	Adat pulau limburan pasang	Adat hidup hendaklah saling bantu membantu; yang kaya membantu yang lemah, yang pandai membantu yang bodoh, yang berkuasa membantu yang lemah	Pulau
3.	Air yang tenang jangan disangka tiada buaya	Orang yang pendiam jangan disangka pengecut	Air, buaya
4.	Bagai aur dengan tebing	Satu sama lain	Aur, tebing

		bertolong-tolongan	
5.	Hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	Jika hendak belajar sesuatu, belajarlah daripada orang yang pakar dalam bidang tersebut	Itik, tupai
6.	Hujan emas di negara orang, hujan batu di negara sendiri	Walaupun mewah dan makmur negara orang, negara sendiri juga yang lebih baik	Hujan, emas, batu
7.	Hujan halau mertua	Hujan sebentar sahaja	Hujan
8.	Hanya jauhari mengenal manikam	Orang yang bijak sahaja yang mengetahui keelokan ilmu	Manikam (Batu permata)
9.	Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun	Belum dewasa sudah hendak melawan orang tua; belum ada pengalaman	Cekur, jerangau
10.	Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah ditepi pantai	Jikalau takut akan susah, jangan membuat sesuatu pekerjaan	Ombak, pantai
11.	Kalau tidak kerana angin tidak akan pokok bergoyang	Kalau terjadi sesuatu hal pasti ada sebab-sebabnya	Angin, pokok
12.	Kecil-kecil cili padi	Berani walaupun kecil	Cili padi
13.	Kera dapat bunga	Mendapat atau diberikan sesuatu kepada seseorang yang tidak tahu memanfaatkannya	Kera, bunga
14.	Mata air	Kekasih	Mata air
15.	Belum tahu di masin garam	Belum ada pengalaman	Garam
16.	Pisang tidak akan berbuah dua kali	Sekali tertipu atau kerugian, tentu akan berjaga-jaga pada masa akan datang	Pisang
17.	Pokok pangkal	Hal-hal atau sebab terpenting	Pokok
18.	Sepandai-pandai tupai melompat, sekali akan gawal juga	Sepandai-pandai orang, sekali akan salah juga perbuatannya	Tupai
19.	Seperti itik mendapat air	Orang yang selalu beria hati kerana mendapat benda yang disukainya	Itik, air
20.	Serumpun bak serai, sesusun baik sirih	Seia sekata, sehina semalu	Serai, sirih
21.	Tak lapuk dek hujan, tak lekang	Kekal dan tidak	Hujan, cuaca panas


	dek panas	dipinda-pinda (adat dan sebagainya)	
22.	Ada gula adalah semut	Di tempat yang banyak keuntungan dan rezeki, di situlah banyak orang berkumpul	Gula, semut
23.	Takkan lari gunung dikejar, hilang kabut tampaklah dia	Tidak perlu tergopoh-gapah mengerjakan sesuatu yang sudah tentu	Gunung, kabut
24.	Tanah air	Negeri tempat seseorang dilahirkan	Tanah, air
25.	Untung sabut timbul, untung batu tenggelam	Untung-untungan dalam melakukan sesuatu pekerjaan yang berbahaya dan sebagainya, tidak ada orang yang dapat menghindari nasibnya	Sabut (Kelapa), batu
26.	Ada ubi ada batas, ada budi ada balas	Buat baik dibalas baik, berbuat jahat dibalas jahat	Ubi
27.	Bak cendawan tumbuh selepas hujan	Terlalu banyak pada sesuatu masa	Cendawan, hujan
28.	Bawa resmi padi, makin berisi makin tunduk	Makin banyak ilmu atau makin tinggi pangkat, makin merendah diri	Padi
29.	Belukar sudah menjadi rimba	Kesalahan yang tidak dapat diperbaiki lagi	Belukar, rimba
30.	Bijak (cerdik) seperti kancil	Sangat bijak	Kancil
31.	Bukit sama didaki, lurah sama dituruni, ke laut sama direnangi	Sepakat, seia sekata	Bukit, laut
32.	Bumi mana yang tidak kena hujan?	Tiap-tiap orang adakalanya berbuat salah	Bumi, hujan
33.	Bunga bangsa	Pemuda yang menjadi harapan bangsa	Bunga
34.	Di mana air bertakung, di situ ikan berkampung	Di tempat yang banyak keuntungan dan rezeki, di situlah banyak orang berkumpul	Air, ikan
35.	Durian runtuh	Mendapat keuntungan dengan tidak disangka-sangka	Durian
36.	Jangan ikut resmi ayam, bertelur sebiji riuh sekampung	Menghebohkan / membesarkan sesuatu perkara yang tidak	Ayam

		seberapa	
37.	Ketam menyuruh anaknya berjalan betul	Orang yang memberi nasihat, tetapi dia sendiri tidak melakukan sebagai yang dinasihatkan itu	Ketam
38.	Makan angin	Bersiar-siar	Angin
39.	Masa itu emas	Masa sangat berharga	Emas
40.	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Mendidik anak biarlah sejak mereka dari kecil lagi	Buluh, rebung
41.	Penyu itu bertelur beribu-ribu seorang pun tidak tahu, ayam bertelur sebiji pecah khabar sekampung	Keuntungan yang diperoleh orang kaya sedikit pun tidak menjadi sebutan orang, tetapi keuntungan yang diperoleh orang miskin walau sedikit pun dicakapkan orang	Penyu, ayam
42.	Putih macam kapas	Sangat putih	Kapas
43.	Rajin seperti semut	Sangat rajin	Semut
44.	Rendah gunung, tinggi harapan	Harapan yang sangat besar	Gunung
45.	Umpama sirih, menjalar dulu kemudian melilit, barulah memanjat ke pucuk junjung	Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya	Sirih
46.	Sediakan payung sebelum hujan	Hendaklah bersiap sedia sebelum terjadi sesuatu yang kurang baik	Hujan
47.	Seperti anak ayam kehilangan ibu	Berpecah-pecah kerana hilang tempat tumpuan / pengharapan	Ayam
48.	Tebu pada awak, peria pada teman	Disukai oleh seseorang, dibenci oleh orang lain	Tebu, peria
49.	Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua	Orang yang semuafakat itu sama hidup sama mati dan tidak berubah setianya	Telur
50.	Besar kayu besarlah dahannya, besar periuk besarlah keraknya	Apabila banyak penghasilan, besar pula perbelanjaannya	Kayu, dahan
51.	Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat	Kata sepakat tercapai dengan mesyuarat	Air
52.	Jong pecah, yu kenyang	Jika ada kerusuhan tentu ada orang yang mendapat keuntungan; kerugian bagi seseorang, keuntungan	Ikan yu

		bagi orang lain	
53.	Sambil menyelam, minum air	Sekali melakukan perkerjaan, dua tiga maksud tercapai	Air
54.	Zaman beralih musim bertukar	Segala sesuatu (peraturan, hukum dsb.) hendaklah disesuaikan dengan keadaan zaman	Musim
55.	Buah tangan	Barang yang dibawa dari perjalanan; oleh-oleh	Buah
56.	Tak ada gading yang tak retak	Tidak ada sesuatu yang betul-betul sempurna	Gading (Gajah)
57.	Patah sayap bertongkat paruh	Tidak putus harapan, terus berikhtiar	Sayap, paruh (*Aves*)
58.	Bagai telur di hujung tanduk	Kedudukan yang tidak selamat atau terancam	Telur, tanduk
59.	Tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata	Orang mengatakan tentang sesuatu perkara itu tentulah ada sebabnya	Tumbuh melata (tumbuhan menjalar seperti kacang atau labu)
60.	Buah hati	Orang yang dikasihi, kekasih	Buah
61.	Air tangan	Hasil kerja yang lazimnya dikaitkan dengan hasil masakan	Air
62.	Anak buah	Anak saudara, orang di bawah jagaan / tanggungjawab seseorang	Buah
63.	Menggoncang dunia	Sesuatu berita yang memeranjatkan, mengejutkan	Dunia
64.	Naik minyak	Menjadi marah, meradang	Minyak
65.	Buah fikiran	Pendapat	Buah
66.	Bertulang besi, berurat dawai	Orang yang tabah serta keras hati	Besi
67.	Melebarkan sayap	Meluaskan pengaruh, usaha dan lain-lain ke daerah atau lapangan lain	Sayap (*Aves*)
68.	Orang haus diberi air, orang lapar diberi nasi	Memperoleh apa yang diinginginya	Air, nasi
69.	Seperti bertih digoreng	Bunyi tembakan yang berlarutan	Bertih (Padi yg digoreng tidak berminyak sehingga berasnya

			mengembang dan merekah berdetus)
70.	Turun padang	Pergi sendiri (biasanya pemimpin) ke sesuatu tempat untuk meninjau keadaan, masalah dan sebagainya	Padang (Tanah lapang)
71.	Adat sepanjang jalan, cupak sepanjang betung	Segala perbuatan ada adat dan peraturannya masing-masing	Betung (Buluh besar)
72.	Genggam bara api, biar sampai jadi arang	Membuat sesuatu pekerjaan yang susah, hendaklah sabar sehingga mencapai kerjayaannya	Api
73.	Halus bak telur dikupas	Kulit yang sangat halus, licin	Telur
74.	Meludah ke langit, muka juga yang basah	Melawan atau membantahi orang yang berkuasa, akhirnya diri sendiri juga yang susah	Langit

Apendiks C: Kebenaran rasmi menggunakan imej janaan *AI (ChatGPT)*



Re: Request for Written Permission to Use DALL·E-Generated Images in a Published Book

From: Marcus from OpenAI (support@openai.com)

To: wan_rabbani@yahoo.com.my

Date: Tuesday, 17 December 2024 at 08:46 am MYT

Hi there,

This is OpenAI support.

Thank you for reaching out and sharing details about your fascinating project! We understand your request for formal written permission to use images generated through DALL·E in your forthcoming book published by Dewan Bahasa dan Pustaka. We are here to assist you.

Image Use and Copyright Clarification

The images generated using DALL·E are subject to OpenAI's Content Policy and Terms of Use. As per these terms, users hold the rights to use and reproduce images they create with the platform, including for commercial purposes, provided they comply with OpenAI's policies.

All the images were created by you as a subscriber to ChatGPT Plus are yours to use for your project or purpose as long as it complies to our Content Policy. OpenAI grants you the rights to reproduce and use these images in your publication, again provided usage aligns with our policies.

Should you have further questions, feel free to reach out. We appreciate your commitment to sharing cultural knowledge through this innovative approach, and we're glad to be of help.

Best,
Marcus
OpenAI Support

OpenAI